

HUBUNGAN DI ANTARA FAKTOR KEAGAMAAN DENGAN  
PENGAMBILAN MAKANAN HALAL DALAM  
KALANGAN GELANDANGAN  
DI KUALA LUMPUR

MUHAMMAD AMMAR HARITH BIN IDRIS

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2020

**HUBUNGAN DI ANTARA FAKTOR KEAGAMAAN  
DENGAN PENGAMBILAN MAKANAN HALAL  
DALAM KALANGAN GELANDANGAN  
DI KUALA LUMPUR**

**MUHAMMAD AMMAR HARITH BIN IDRIS**

**DISERTASIINI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2020**

UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MUHAMMAD AMMAR HARITH BIN IDRIS

No. Pendaftaran/Matrik: IMA170010

Nama Ijazah: SARJANA

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

HUBUNGAN DI ANTARA FAKTOR KEAGAMAAN DENGAN PENGAMBILAN MAKANAN HALAL DALAM KALANGAN GELANDANGAN DI KUALA LUMPUR

Bidang Penyelidikan: FIQH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam **hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”)** yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 5 Mac 2020

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 5 Mac 2020

Nama:

Jawatan:

## **HUBUNGAN DI ANTARA FAKTOR KEAGAMAAN DENGAN PENGAMBILAN MAKANAN HALAL DALAM KALANGAN GELANDANGAN DI KUALA LUMPUR**

### **ABSTRAK**

Golongan gelandangan merupakan satu kelompok komuniti marginal yang terdapat di bandar-bandar besar, misalnya di Kuala Lumpur. Kewujudan golongan ini adalah disebabkan pelbagai faktor penarik dan penolak, antaranya adalah kemiskinan bandar, konflik keluarga, gangguan mental, kelemahan peribadi, penyalahgunaan dadah dan gejala sosial. Bertitik tolak daripada pelbagai faktor tersebut, mereka mengambil keputusan untuk tinggal di jalan tanpa punya komitmen diri, tempat tinggal yang tetap dan sesuai serta sumber makanan yang mencukupi lagi halalan tayyiban. Bagi mengatasi permasalahan ini, pelbagai bentuk bantuan telah diberikan kepada gelandangan sama ada oleh agensi kerajaan ataupun pertubuhan bukan kerajaan, misalnya penyediaan penginapan transit, bantuan makanan, rawatan kesihatan secara percuma dan sebagainya. Namun begitu, bantuan makanan yang bersifat terbuka ini menimbulkan isu berkaitan pengambilan makanan halal bagi gelandangan yang beragama Islam sama ada pada waktu makan tengahari ataupun malam. Selain itu, pelbagai latar belakang pihak-pihak yang menghulurkan bantuan makanan dilihat wujudnya unsur ketidakjelasan terhadap aspek halalan tayyiban pada sumber makanan tersebut. Tambahan pula, situasi gelandangan yang bergantung kepada bantuan menyebabkan mereka menerima segala jenis makanan yang diagihkan walaupun tidak jelas status halalan tayyiban. Sehubungan itu, kajian ini menfokuskan terhadap hubungan antara tahap religiositi (*ibadah mahdah*-solat dan puasa) golongan gelandangan dengan bentuk pengambilan makanan harian mereka. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji mengaplikasikan pendekatan perpustakaan yang berasaskan metode dokumentasi dan lapangan yang berasaskan metode temubual. Data kualitatif yang dikumpulkan dianalisis kandungannya secara tematik dan deskriptif. Hasil kajian mendapati bentuk pengambilan makanan antara gelandangan berbeza antara satu sama lain. Secara umumnya, bagi gelandangan yang mempunyai tahap religiositi yang tinggi, mereka lebih berhati-hati ketika mengambil bantuan makanan, sebaliknya bagi yang tidak mengamalkan ibadat solat dan puasa (wajib) dengan sempurna, mereka akan mengambil makanan tanpa pertimbangan aspek halalan tayyiban.

Katakunci: makanan, haram, syubhat, ibadah, kelompok marginal

## **RELATIONSHIP BETWEEN RELIGIOSITY AND HALAL FOOD CONSUMPTION AMONG HOMELESS IN KUALA LUMPUR**

### **ABSTRACT**

Homeless people are the groups of marginalised communities found in big cities, such as in Kuala Lumpur. The existence of these groups is due to various push and pull factors, among them, urban poverty, family conflicts, mental disorder, personal deficiencies, drug abuse and other social issues. Due to various factors, they make non-committal decisions to dwell in the streets where there is no consistent and suitable living space and food supplies are not adequate and lack *halalan tayyiban*. To address this problem, various forms of assistance have been provided by government agencies or non-governmental organisations to the homeless, such as provision of transit accommodation, food assistance, free health care and others. However, this type of open source food assistance has given rise to issues related to the consumption of halal food for the homeless Muslims, be it at lunch hour or at dinner time. Besides, the various backgrounds of the parties providing food assistance contribute to elements of ambiguity in *halalan tayyiban* of food sources. Furthermore, the situation of the homeless who rely only on assistance resulted in them receiving all kinds of distributed food inclusive of food where the *halalan tayyiban* status is not clear. Accordingly, this study focuses on the relationship between the levels of religiosity (worship of prayer and fasting) of the homeless and their daily food intake. To achieve this objective, the researcher applied a library-based approach of documentation and field-based interview methods. The qualitative data collected is analysed thematically and descriptively. The study found that the forms of food intake between the homeless differ from one to the other. Generally, those who have a higher degree of religiosity are more careful when receiving food assistance, but those who do not practise praying and (compulsory) fasting, they accept food with disregard for *halalan tayyiban*.

Keywords: food, forbidden, uncertainty, worship, marginalised groups

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد،  
Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khususnya kepada penyelia  
iaitu Ybhg. Dr. Mohd Anuar bin Ramli kerana sentiasa memberikan bimbingan, motivasi,  
nasihat dan muhasabah sepanjang kajian ini. Hanya Allah SWT yang boleh membalas  
segala jasa ustaz. Tidak lupa juga kepada Dr. Mohammaddin bin Abdul Niri, selaku  
penyelia kedua yang memberikan bimbingan terhadap metodologi kajian, berkongsi idea  
serta menitipkan pesanan sebagai bekalan menuju masa hadapan.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan pensyarah yang dihormati  
lagi dikasih iaitu Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Dr. Luqman Hj Abdullah, Prof. Madya  
Dr. Abdul Karim, Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi, Prof. Madya Datin Dr. Noor  
Naemah, Prof. Madya Dr. Raihanah, Prof. Madya Dr. Sa'adan, Dr. Rushdi, Dr. Ridzwan,  
Dr. Ameen, Dr. Nor Fahimah, Dr. Shahidra, Dr. Bahiyah, Dr. Muhammad Ikhlas, Dr.  
Syed Jeffri dan Dr. Norhidayah di atas setiap jasa kalian dalam menyampaikan ilmu,  
tarbiyah serta nasihat sepanjang tempoh pengajian kami di sini.

Sekalung penghargaan buat kedua ayahanda serta bonda yang dicintai, Idris bin  
Ibrahim dan Aduni binti Ambar@Ahmad, kerana sentiasa mendoakan anakanda supaya  
sentiasa dikurniakan kemudahan, kelapangan dan kejayaan dalam menuntut ilmu. Doa  
anakanda tidak putus-putus untuk kebaikan buat kalian berdua. Sesungguhnya keredhaan  
Allah itu terletak pada keredhaan kalian berdua. Tidak lupa juga buat sahabat  
seperjuangan, Khairul Hafiz, Cikgu Sham, Ustaz Abdul Mun'eem. Semoga Allah SWT  
mengurniakan kebaikan kepada mereka yang mengenali diri ini. Amin.

**Muhammad Ammar Harith Bin Idris**

**04 Mac 2020**

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK .....</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN .....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN .....</b>	<b>xi</b>
<b>GLOSARI .....</b>	<b>xii</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI .....</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 PENGENALAN.....	1
1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN .....	2
1.3 PERSOALAN KAJIAN.....	11
1.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	11
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN .....	11
1.6 SKOP KAJIAN .....	12
1.7 SOROTAN LITERATUR .....	13
Rajah 1.1 Hubungan di antara religiositi dengan pengambilan makanan halal .....	23
1.8 METODOLOGI KAJIAN.....	24
1.8.1 Metode Pengumpulan Data .....	24
1.8.2     Metode Analisis Data.....	28
1.9 SISTEMATIKA PENULISAN.....	32

<b>BAB 2 : KONSEP KEAGAMAAN (<i>RELIGIOSITY</i>) DAN HUBUNGAN DENGAN PENGAMBILAN MAKANAN .....</b>	<b>34</b>
2.1 PENGENALAN .....	34
2.2 KONSEP KEAGAMAAN ( <i>RELIGIOSITY</i> ) .....	34
2.2.1 Definisi Bahasa .....	34
2.2.2 Istilah .....	38
2.3 SKALA-SKALA KEAGAMAAN .....	46
a) The Centrality of Religiosity Scale .....	47
b) The Duke University Religion Index (DUREL) .....	49
c) The Religious Commitment Inventory—10 .....	51
d) Arabic Religiosity Scale .....	53
d) Rohrbaugh and Jessor Religiosity Scale (RJRS) .....	55
e) The Francis Scale of Attitude .....	56
f) The Dimensions of Religiosity Scale .....	58
g) Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS) .....	59
h) Islamic Doctrinal Orthodoxy and Religious Orientations .....	62
i) Comprehensive Measure of Islamic Religiosity .....	64
j) A Psychological Measure Of Islamic Religiousness .....	66
k) The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI) .....	67
2.4 KEAGAMAAN DAN PENGAMBILAN MAKANAN .....	73
2.5 PENGAMBILAN MAKANAN HALAL .....	76
2.5.1 Konsep Halal .....	76
2.5.2 Prinsip Halal .....	80

2.6 KESIMPULAN .....	90
<b>BAB 3 : LATAR BELAKANG GELANDANGAN DAN FAKTOR KETERLIBATAN .....</b>	<b>92</b>
3.1 PENGENALAN.....	92
3.2 KONSEP GELANDANGAN .....	92
3.2.1 Pengertian Bahasa .....	92
3.2.2 Pengertian Istilah.....	95
3.3 CIRI-CIRI GELANDANGAN .....	119
a)     Gender .....	119
b)     Kaum .....	121
c)     Umur .....	123
d)     Pendidikan.....	125
e)     Status Kesihatan.....	128
f)     Durasi gelandangan.....	130
g)     Lokasi Gelandangan.....	131
3.5 GELANDANGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR .....	133
3.6 KESIMPULAN .....	143

**BAB 4 : ANALISIS TERHADAP HUBUNGAN DI ANTARA FAKTOR KEAGAMAAN DENGAN PENGAMBILAN MAKANAN HALAL DALAM KALANGAN GELANDANGAN.....** 146

4.1 PENGENALAN.....	146
4.2 ANALISIS .....	146

4.2.2 Faktor Keagamaan Gelandangan .....	147
4.2.3 Pengambilan Makanan Halal .....	164
4.2.4 Hubungan di antara tahap religiositi dengan pola pengambilan makanan halal	179
4.2.5 Perbincangan .....	182
4.3 KESIMPULAN .....	186
<b>BAB 5 : PENUTUP .....</b>	<b>188</b>
5.1 PENGENALAN .....	188
5.2 DAPATAN KAJIAN .....	188
5.3 SARANAN KAJIAN .....	196
5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN .....	198
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>200</b>

## **SENARAI KEPENDEKAN**

APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Dr	Doktor
Prof	Profesor
SAW	Sallallahu' ‘alaihi wassalam
SWT	Subhanahu Wa Ta’ala
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
NGO	Non-governmental Organization
PTGKL	Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur

## GLOSARI

Autopsi	Ubat pembedahan dan pemeriksaan mayat utk menentukan atau mengetahui sebab-sebab kematian.
Fundamental	Bersifat dasar, sangat penting, asas, pokok.
Informan	Orang yang memberi keterangan atau maklumat tentang sesuatu perkara, pemberi maklumat.
Instrumen	Alat, perkakas (muzik, pertukangan, dan lain-lain)
Kognitif	Kecerdasan dan kemampuan yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan bijaksana.
Konstruk	Diambil daripada istilah Barat, <i>construct</i> . Bermaksud satu binaan, atau sebuah gagasan yang mempunyai banyak idea atau elemen di dalamnya.
Mitologi	Kumpulan (cerita) mitos atau kajian tentang mitos.
Ortodoks	Berpegang teguh pada peraturan, pendapat, prinsip, dan sebagainya yang diterima umum seperti dalam agama, kelakuan atau sikap.
Psikiatri	Cabang perubatan yg berkaitan dgn kajian dan rawatan gangguan mental.
Tadayyun	Merupakan istilah bahasa Arab yang bermaksud menjadikan agama sebagai panduan dalam seluruh kegiatan kehidupan.
Tayyiban	Istilah bahasa Arab yang bermaksud baik, suci dan selamat.
Transkrip	Salinan sesuatu bacaan atau teks yang dibuat secara teliti oleh seseorang yang ahli dan berpengalaman dalam bentuknya yang paling baik.
Religiositi	Diambil daripada istilah Barat, <i>religiosity</i> . Merujuk kepada tahap dan komitmen keagamaan individu terhadap agama yang dianuti.
Rukhsah	kelonggaran ketetapan hukum syarak kerana darurat.
Syubhah	Kesamaran kerana tiada hukum yang jelas.

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut:<sup>1</sup>

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	alif	a / ’
ب	ba’	b
ت	ta’	t
ث	tha’	th
ج	jim	j
ح	ha’	h
خ	kha’	kh
د	dal	d
ذ	dhal	dh
ر	ra’	r
ز	zay	z
س	sin	s
ش	shin	sh
ص	sad	s
ض	dad	d
ط	ta’	t
ظ	za’	z
ع	‘ayn	‘
غ	ghayn	gh
ف	fa’	f

<sup>1</sup> Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992); *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, edisi 3, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 45-50.

ق	<i>qaf</i>	q
ك	<i>kaf</i>	k
ل	<i>lam</i>	l
م	<i>mim</i>	m
ن	<i>nun</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>ha'</i>	h
ي	<i>ya'</i>	y
ة	<i>ta' marbutah</i>	h

## ii. Huruf vokal

## **BAB 1 : PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Golongan gelandangan merupakan satu lapisan masyarakat yang terdapat di Malaysia. Kewujudan golongan ini adalah disebabkan pelbagai faktor yang menghimpit dan mendesak antaranya adalah kemiskinan, permasalahan dalam keluarga dan penyalahgunaan dadah. Faktor-faktor tersebut menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk tinggal dan berpeleseran di jalanan tanpa mempunyai tempat tinggal yang tetap dan sesuai. Tambahan pula, kawasan yang didiami oleh mereka kebanyakannya adalah tidak bersih sekaligus mengundang pelbagai penyakit dalam kalangan golongan ini.

Ketiadaan pekerjaan dan pendapatan yang tetap merupakan salah satu sebab yang membawa kepada kesukaran hidup golongan ini. Ia juga menyebabkan mereka mempunyai limitasi dalam mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi bagi menampung keperluan makanan sehari-hari. Perkara ini mendorong mereka untuk menerima segala jenis bantuan termasuk bungkusan makanan yang diagihkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarelawan. Sebagai sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk Melayu yang beragama Islam, pastinya aspek halal sesuatu makanan tersebut perlu diambil kira bagi memastikan ia adalah selaras dengan tuntutan syarak.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji dan menyelidik pemilihan makanan halal dalam kalangan gelandangan di Kuala Lumpur dengan melihat kepada aspek keagamaan (*religiosity*).

## **1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN**

Bandaraya Kuala Lumpur merupakan sebuah kota kosmopolitan yang sedang membangun. Bagi mencapai visi “Wawasan 2020” Kuala Lumpur sebagai ‘Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia’, banyak kegiatan pembangunan dan perindustrian sedang giat dijalankan<sup>2</sup>. Projek-projek mega seperti Koridor Raya Multimedia (MSC), Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan projek *Greater KL* akan menambahkan lagi kepesatan Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan utama negara<sup>3</sup>. Namun, di sebalik pembangunan itu pasti akan wujud pihak-pihak yang dipinggirkan serta menjadi mangsa atas dasar ekonomi negara yang ingin mencapai kemajuan di peringkat tertinggi.

Golongan yang berpendapatan rendah khususnya pasti akan terkesan akibat peningkatan secara mendadak nilai harta tanah serta kos-kos perumahan. Ini dapat dilihat menerusi harga rumah teres di kawasan luar bandar yang mencecah sekitar RM 200,000 sehingga RM 400,000<sup>4</sup>. Beberapa usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan seperti menyediakan perumahan kos murah, namun disebabkan populasi masyarakat yang sentiasa bertambah di kawasan bandar utama seperti Kuala Lumpur, maka masalah ini masih tidak dapat dibendung<sup>5</sup>. Natijahnya, wujud golongan gelandangan iaitu mereka yang terpaksa berada di jalanan untuk memenuhi tuntutan kehidupan mereka<sup>6</sup>.

---

<sup>2</sup> Hamzah Jusoh, Habibah Ahmad, and Noor Alyani Nor Azazi. "Ideopolis di wilayah Bandaraya Kuala Lumpur: Ke arah memperkasakan daya saing hub pendidikan di peringkat global (Ideopolis in the City-region of Kuala Lumpur: Empowering an educational hub for global competitiveness)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 7, no. 1 (2017): 31-32.

<sup>3</sup> Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Muhammad Hazim Abdul Ghani, and Zainun Abidin Baharum. "Kuala Lumpur dan cabaran baru pembangunan berterusan (Kuala Lumpur and the new challenges of continuous development)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10, no. 6 (2017), 75-81.

<sup>4</sup> Dzul Ashrai Abu Bakar and Hamzah Jusoh. "Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan (Community Wellbeing in the Sustainable Affordable Housing Scope)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 13, no. 2 (2017): 99

<sup>5</sup> Norhasliya Mohd Daud, Norazman Mohamad Nor, Umi Nadiah Nor Ali, Mohammed Alias Yusuf, and Vikneswaran Munikanan. "Affordable Housing System: A Review on Issue of Housing Affordability." *The Social Sciences* 12, no. 7 (2017): 1284

<sup>6</sup> Dick Urban Vestbro . "Impacts of Urbanisation in Low-Income Countries." In *The Second International Conference on Advancec in Engingeering and Technology* (2011)

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bermula pada tahun 2009, seramai 1,934 orang dikenal pasti sebagai gelandangan (orang papa/pengemis), 2010 seramai 1,434 orang, 2011 seramai 1446 orang, 2012 seramai 1,223 orang, 2013 seramai 1048 orang, 2014 seramai 1469 orang, 2015 seramai 1,527 orang, dan 2016 meningkat kepada 2278 orang. Jumlah ini dilihat semakin bertambah terutamanya di bandar-bandar besar dalam negara seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Jadual 1: Jumlah Orang Papa (pengemis/gelandangan yang ditangkap) dari tahun 2009-2016

Tahun	Kuala Lumpur	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah
2009	193	1,687	247	1,934
2010	314	1,181	253	1,434
2011	437	1140	306	1446
2012	239	937	286	1,223
2013	210	854	194	1048
2014	424	1088	381	1469
2015	215	1115	412	1,527
2016	348	1610	668	2278

(Sumber: JKM, 2017)

Dalam kajian profil yang dilakukan JKM pada tahun 2012 ke atas 1,378 orang, faktor utama gelandangan adalah ketiadaan pekerjaan yang menunjukkan jumlahnya sebanyak 646 orang atau 46.6%. Faktor kedua pula adalah disebabkan oleh kemiskinan dan berpendapatan rendah sejumlah 245 orang yang membawa kepada 17.7%. Di bandaraya Kuala Lumpur, kebanyakan gelandangan yang dijumpai ialah mereka yang berumur 30-60 tahun, sementara selain daripada usia tersebut mencatatkan bilangan yang

paling sedikit<sup>7</sup>. Ini disokong oleh kajian daripada Mohamad et al.<sup>8</sup>, mendapati kebanyakan gelandangan yang berada di pusat perlindungan adalah terdiri daripada mereka yang berumur 30-50 tahun dan ke atas. Di bandaraya Kuala Lumpur, majoriti mereka berbangsa Melayu dengan jumlah 53%, manakala Cina sebanyak 23% dan India sebanyak 18%.

Gelandangan merupakan sebahagian daripada kumpulan miskin bandar<sup>9</sup> iaitu mereka yang tidak berkemampuan untuk mengakses sumber daya yang berada di sekitarnya sehingga mengalami kekurangan dalam memenuhi keperluan hidup<sup>10</sup>. Menurut Hasan, gelandangan di Malaysia merupakan salah satu kelompok masyarakat yang menepati konsep kemiskinan dari sudut sosio-ekonomi<sup>11</sup>. Oleh itu, dapat difahami bahawa gelandangan merupakan mereka yang mengalami kemiskinan dan kesukaran untuk memenuhi keperluan hidup. Antara bentuk kesukaran yang dialami oleh mereka adalah untuk mendapatkan sumber makanan yang mencukupi, seimbang dan berkhasiat<sup>12</sup>. Bagi gelandangan yang berusia, kesukaran akses kepada makanan menyebabkan mereka ditimpa pelbagai penyakit seperti anaemia, imunisasi dan otot yang lemah, fungsi otak yang berkurangan serta kadar kesembuhan penyakit yang perlahan<sup>13</sup>. Tambahan pula, kajian autopsi ke atas jasad gelandangan yang sudah meninggal, mendapati bahawa golongan ini mengalami masalah nutrisi yang sangat teruk disebabkan pengambilan

---

<sup>7</sup> Sharifah Mariam Alhabshi and Alifatul Kamilah Abdul Manan, "Homelessness in Kuala Lumpur:A Case of Agenda Denial"*International Journal of Social Science Tomorrow* Vol. 1 No.2(2012): 4.

<sup>8</sup> Mohd Suhaimi Mohamad, et al. "Hubungan di antara Kesihatan Mental dengan Minat Kerjaya dalam kalangan Gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia." *Akademika* 86, no. 1 (2016): 16.

<sup>9</sup> Damsar & Indrayani. *Pengantar Sosiologi Perkotaan*. (Jakarta: Kencana, 2017)

<sup>10</sup> B. Rustanto. *Menangani Kemiskinan*. (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2015)

<sup>11</sup> Norzuraida Hasan, "Potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia sebagai satu bentuk jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin/Norzuraida Hasan." PhD diss., (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012), 66.

<sup>12</sup> Nicolas Herault and David C. Ribar. "Food insecurity and homelessness in the Journeys Home survey." *Journal of Housing Economics* 37 (2017): 62.

<sup>13</sup> Nancy Lutwak and Curt Dill. "Homeless and Older Veterans May Be at Risk for Malnutrition and Food Insecurity." *Population Health Management* (2017): 419.

makanan yang murah dan tidak berkhasiat<sup>14</sup>. Dengan ini, ia mengukuhkan lagi bahawa gelandangan mengalami kesulitan untuk mendapatkan sumber makanan yang mencukupi.

Dari aspek komposisi kaum, statistik pada tahun 2016 telah menunjukkan bahawa majoriti masyarakat di dalam negara ini adalah terdiri daripada etnik Melayu<sup>15</sup>. Berdasarkan perlembagaan Malaysia, definisi Melayu merujuk kepada seorang yang beragama Islam, bercakap bahasa Melayu dan menjalani adat kehidupan Melayu<sup>16</sup>. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan ke atas masyarakat Melayu yang beragama Islam untuk beramal dengan segala yang terkandung dalam syariat Islam. Antaranya adalah tuntutan untuk mendapatkan sumber makanan yang halal dan tayyiban serta menjauhi perkara-perkara yang haram<sup>17</sup>. Halal merujuk kepada sesuatu yang harus dan boleh diterima dari sudut hukum Islam<sup>18</sup>. Istilah tayyiban pula dapat diertikan sebagai bersih, suci, tidak membahayakan persekitaran, manusia dan hidupan yang lain<sup>19</sup>. Makanan yang halal dan tayyiban bermaksud makanan yang harus dari sudut syarak serta memberikan manfaat kepada pengguna. Bagi gelandangan yang beragama Islam, mereka juga tidak terlepas daripada tuntutan untuk mendapatkan sumber makanan yang halal.

Namun demikian, kewujudan pelbagai pertubuhan kebajikan yang berteraskan kemanusiaan pada hari ini dilihat menimbulkan masalah dari aspek penjagaan dan pemantauan terhadap makanan halal khususnya dalam bentuk bantuan makanan yang

---

<sup>14</sup> Miodrag Radunović, Nemanja Radojević, et al. "Clinical and autopsy findings of the homeless." (2017): 6.

<sup>15</sup> "statistik etnik melayu 2017", laman sesawang Department of Statistics Malaysia, dicapai 3 Disember 2017, <https://www.dosm.gov.my/>

<sup>16</sup> Nazri Muslim and Ahmad Hidayat Buang. "Islam dalam perlembagaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia." *Jurnal Kemanusiaan* 10, no. 2 (2017): 122.

<sup>17</sup> Nor Ardyanti Ahmad, T. N. Abaidah and M. H. A. Yahya. "A study on halal food awareness among Muslim customers in Klang Valley." In *The 4th International Conference on Business and Economic Research (4th icber 2013)*: 1074.

<sup>18</sup> Ramli Awang, Roslan Abdul-Rahim, et al. "Halal epistemology from a global perspective." *Social Sciences (Pakistan)* 9, no. 6 (2014): 375.

<sup>19</sup> Mohammad Taghi Malboobi and Mohammad Ali Malboobi. "Halal concept and products derived from modern biotechnology." In *International workshop for Islamic scholars on agribiotechnology: Shariah compliance* (2012): 22.

diberikan. Hal ini demikian kerana, kesemua mereka mempunyai perbezaan latar belakang, ideologi serta agama. Di Malaysia, salah satu bentuk sumbangan yang dihulurkan adalah menerusi program pengagihan makanan seperti Dapur Jalanan<sup>20</sup>. Kebanyakan pertubuhan NGO yang menjalankan aktiviti ini adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang agama dan ideologi. Antaranya adalah seperti Pertiwi (Islam), Carl's Kitchen (Roman Katolik), Kuala Lumpur Urban Fellowship (KLUF ; Kristian Protestan) dan Kechara (Buddha)<sup>21</sup>. Di Kuala Lumpur, antara institusi agama yang terlibat adalah seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)<sup>22</sup> dan Archdiocesan Office for Human Development<sup>23</sup>.

Pada masa yang sama, kewujudan pelbagai pertubuhan kebajikan ini dilihat menimbulkan masalah dari aspek penjagaan dan pemantauan terhadap kualiti makanan halal. Hal ini demikian kerana, setiap pertubuhan mempunyai latar belakang, ideologi serta agama yang berbeza. Justeru, timbul keraguan terhadap soal penekanan halal dalam memberikan bantuan. Perkara ini telah dijelaskan sendiri oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, dalam salah satu kenyataan di media. Menurut beliau, terdapat segelintir pihak penganjur yang tidak prihatin, telah memberikan bantuan makanan yang tidak halal kepada gelandangan yang beragama Islam<sup>24</sup>. Lebih memburukkan keadaan, terdapat makluman daripada gelandangan sendiri yang mengakui bahawa sebahagian daripada mereka turun mengambil makanan yang

---

<sup>20</sup> Rafiza binti Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long, and Zaizul Ab Rahman. "Keperluan Gelandangan terhadap Sistem Sokongan Agama Homeless Requirements Of Religious Support System."84

<sup>21</sup> Yeoh Seng-Guan."The World Class City, the homeless and soup kitchens in Kuala Lumpur." *Current Sociology* (2017).

<sup>22</sup> Maiwp, “maiwp bantu gelandangan”, laman sesawang MAIWP, dicapai 21 Januari 2018, <http://www.maiwp.gov.my/>

<sup>23</sup> Reyna Rusenko, “The Anjung Singgah Strategy: Simultaneous Inclusion and Exclusion of Homelessness in Malaysia’s Policy Agenda”, Paper presented at the American Sociological Association Conference (August 2013): 6.

<sup>24</sup> “makanan gelandangan”, laman sesawang The Malay Mail Online, dicapai 25 Disember 2017, <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/gelandangan-malas-jika-makan-pakai-percuma-setiap-hari-kata-menteri#4HSZp6Ke0A2gHUR8.97>

disediakan oleh pihak gereja. Bahkan terdapat beberapa gereja di sekitar bandaraya Kuala Lumpur yang menganjurkan bantuan makanan dan menerima kunjungan gelandangan yang beragama Islam<sup>25</sup>. Perkara ini mengundang persoalan kepada sejauh mana tahap keagamaan gelandangan mempengaruhi tingkah laku mereka sebagai seorang yang beragama Islam.

Sebagai umat Islam, adalah menjadi kewajipan ke atas setiap individu untuk memastikan makanan yang diambil berasaskan sumber yang halal dan tayyibah. Disebabkan kewajipan mencari sumber yang halal merupakan sebahagian daripada tuntutan dalam agama Islam, maka ia juga dapat dikaitkan dengan faktor keagamaan (religiositi)<sup>26</sup>. Oleh itu, permasalahan yang timbul adalah berkenaan dengan tahap religiositi gelandangan sewaktu membuat pilihan atau mengambil sesuatu bantuan makanan.

Religiositi mempunyai tafsiran yang pelbagai menurut para pengkaji. Hackney dan Sanders berpendapat ia adalah sebuah objek yang mengandungi pelbagai aspek di dalamnya seperti pemikiran, emosi, motivasi dan tingkah laku<sup>27</sup>. Sementara Mokhlis pula menjelaskan religiositi sebagai konsep yang kompleks, mengandungi pelbagai fenomena kemanusiaan seperti tingkah laku, keperibadian, kepercayaan, perasaan serta pengalaman<sup>28</sup>. Dari definisi ini, ia menunjukkan terdapat hubungan di antara aspek kepercayaan atau keagamaan dengan keperibadian diri manusia. Dalam maksud yang

---

<sup>25</sup> “gelandangan gereja”, laman sesawang malaysiadateline, dicapai 25 Disember 2017, <https://malaysiadateline.com/orang-melayu-kita-ramai-makan-di-gereja-adu-gelandangan-kuala-lumpur/>

<sup>26</sup> Ibrahim, Mohd Azizi, Wan Nazjmi Mohamed Fisol, and Yusuf Haji-Othman. "Customer Intention on Islamic Home Financing Products: An Application of Theory of Planned Behavior (TPB)." *Mediterranean Journal of Social Sciences* 8, no. 2 (2017): 81.

<sup>27</sup> Charles H. Hackney and Glenn S. Sanders. "Religiosity and mental health: A meta-analysis of recent studies." *Journal for the scientific study of religion* 42, no. 1 (2003): 45.

<sup>28</sup> Safiek Mokhlis, "Relevancy and measurement of religiosity in consumer behavior research." *International Business Research* 2, no. 3 (2009): 75-77.

lain, religiositi berperanan dalam mewujudkan keinginan yang kemudiannya membawa kepada tingkah laku individu tersebut.

Antaranya adalah dalam menentukan pemilihan atau pengambilan pengguna terhadap sesuatu produk. Beberapa faktor lain seperti nilai atau budaya setempat<sup>29</sup>, umur, status perkahwinan dan Pendidikan turut mempengaruhi<sup>30</sup>. Antara teori yang menyokong idea ini seperti Teori Tindakan Beralasan (Theory of Reasoned Action, TRA) dan Teori Tingkah Laku Yang Dirancang (Theory of Planned Behavior, TPB)<sup>31</sup>. Kedua-dua teori ini menjelaskan bahawa perbuatan individu adalah berasaskan kepada keinginan/kehendak (*intention*) serta faktor-faktor lain yang menjadi pendorong<sup>32</sup>. Dalam maksud yang lain, sikap individu untuk mendapatkan sumber makanan yang halal dan tayyiban adalah menggambarkan keinginan sebenar mereka<sup>33</sup>. Disebabkan kewajipan mencari sumber yang halal merupakan sebahagian daripada tuntutan dalam agama Islam, maka ia juga dapat dikaitkan dengan faktor keagamaan atau religiositi<sup>34</sup>.

Dari aspek halal, religiositi turut berperanan dalam menentukan tindakan pengguna untuk mengambilnya<sup>35</sup>. Terdapat hubungan di antara religiositi individu dengan pengambilan makanan halal. Hal ini demikian kerana, tahap komitmen yang tinggi terhadap agama Islam, telah membentuk tingkah laku individu untuk memilih

---

<sup>29</sup> Abdul Razak Kamaruddin and Kamarulzaman Kamaruddin. "Malay culture and consumer decision-making styles: an investigation on religious and ethnic dimensions." *Jurnal Kemanusiaan* 7, no. 2 (2017): 37-39.

<sup>30</sup> Catherine Bachleda, Nicolas Hamelin, Oumaima Benachour, "Does religiosity impact Moroccan Muslim women's clothing choice?", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 5 Issue: 2, (2014): 210-226.

<sup>31</sup> Thomas J.Madden, Pamela Scholder Ellen, and Icek Ajzen. "A comparison of the theory of planned behavior and the theory of reasoned action." *Personality and social psychology Bulletin* 18, no. 1 (1992): 3-5.

<sup>32</sup> Daniel E.Montano and Danuta Kasprzyk. "Theory of reasoned action, theory of planned behavior, and the integrated behavioral model." *Health behavior: Theory, research and practice* ( (2015): 68.

<sup>33</sup> Syed Shah Alam and Nazura Mohamed Sayuti. "Applying the Theory of Planned Behavior (TPB) in halal food purchasing." *International Journal of Commerce and Management* 21, no. 1 (2011): 11.

<sup>34</sup> Ibrahim, Mohd Azizi, Wan Nazjmi Mohamed Fisol, and Yusuf Haji-Othman. "Customer Intention on Islamic Home Financing Products: An Application of Theory of Planned Behavior (TPB)." *Mediterranean Journal of Social Sciences* 8, no. 2 (2017): 81.

<sup>35</sup> Z. Zakaria, MD Abdul Majid, Z. Ahmad, et al. "Influence Of Halal Certification On Customers'purchase Intention." *Journal of Fundamental and Applied Sciences* 9, no. 5S (2017): 783.

produk yang halal sebagai keutamaan<sup>36</sup>. Namun begitu, ia juga bukanlah disebabkan kepercayaan individu terhadap agama semata-mata. Beberapa faktor penguat yang lain seperti penjenamaan logo, pengaruh keluarga dan masyarakat turut mempengaruhi<sup>37</sup>. Walau bagaimanapun, beberapa faktor sampingan tersebut turut berkait dengan asas yang utama iaitu religiositi. Ringkasnya, religiositi mempunyai perhubungan dengan pengambilan produk yang berteraskan halal<sup>38</sup>. Oleh itu, pengambilan makanan halal adalah berkait dengan tahap religiositi individu tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa skala yang telah dibangunkan untuk mengukur tahap religiositi individu. Antaranya adalah seperti Glock-Stark Dimensions of Religiosity Scale (Glock & Stark, 1965), teori intrinsik-ekstrinsik menerusi Religious Orientation Scale (Allport & Ross, 1967), Quest Scale (Batson & Schoenrade, 1991), Religious Fundamentalism Scale (Altemeyer & Hurnsberger, 1992). Sementara skala yang bercirikan Islam pula adalah seperti Muslim Attitudes toward Religion Scale (Wilde & Joseph, 1997), Attitudes Toward Islam Scale (Sahin & Francis, 2002), Five Dimensions of Muslim Religiosity Scale (El-Menouar, 2014) dan Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (Olufadi, 2016).

Oleh kerana, sebahagian skala yang bercirikan Islam itu menggunakan kerangka dan skala daripada Kristian-Barat, maka terdapat sebilangan pengkaji yang berusaha untuk membangunkan skala yang menggunakan kerangka agama Islam. Antaranya, Khraim yang melihat dari sudut praktis sebagai individu Muslim yang selari dengan syariat Islam. Beliau mencadangkan agar pengukuran dibuat berdasarkan penglibatan

<sup>36</sup> Aiedah Abdul Khalek, Sharifah Hayaati Syed Ismail, and Hairunnisa Mohamad Ibrahim. "A Study On The Factors Influencing Young Muslims'behavioral Intention In Consuming Halal Food In Malaysia." *Jurnal Syariah* 23, no. 1 (2017): 79-102.

<sup>37</sup> Hayat M. Awan, Ahmad Nabeel Siddiquei, Zeeshan Haider, "Factors affecting Halal purchase intention – evidence from Pakistan's Halal food sector", *Management Research Review*, Vol. 38 Issue: 6 (2015): 655.

<sup>38</sup> Syed Shah Alam, Rohani Mohd, Badrul Hisham, "Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 2 Issue: 1 (2011): 93.

dalam pendidikan agama, kesedaran terhadap isu semasa dan sensitiviti produk<sup>39</sup>. Sementara Olufadi pula mencadangkan agar religiositi diukur berdasarkan komitmen secara harian. Jelas beliau, ibadah di dalam Islam adalah berbeza dengan agama yang lain. Misalnya, kewajipan menunaikan solat fardhu lima waktu secara harian. Selain itu, beliau juga melihat kepada respon individu terhadap perbuatan-perbuatan yang berdosa, yang digalakkan dan pelaksanaan tanggungjawab dalam agama<sup>40</sup>. Ini menyebabkan religiositi lebih tepat diukur secara harian. Nuradli et al., mengembangkan konsep sebelumnya dengan mencadangkan agar religiositi individu Muslim diukur menerusi kepercayaan dan komitmen dalam agama<sup>41</sup>.

Skala-skala tersebut walaupun mempunyai perbezaan dari sudut kepelbagaiannya dimensi, namun mempunyai titik persamaan iaitu pada dimensi praktis. Item-item yang terbit daripada dimensi praktis adalah melibatkan ibadah-ibadah utama yang termasuk dalam rukun Islam iaitu solat, puasa, zakat dan haji. Kesemua ibadah ini adalah wajib dilakukan oleh semua orang yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian terhadap ibadah zakat dan haji. Hal ini demikian kerana, kedua-dua ibadah ini memerlukan kelayakan dari sudut harta dan kemampuan. Justeru, ibadah yang tidak memerlukan kemampuan dari segi kewangan ialah solat fardhu lima waktu dan berpuasa di bulan Ramadan. Kedua-dua ibadah ini adalah ibadah yang asas (*mahdah*) dan wajib dilakukan oleh semua individu Muslim tanpa mengira latar belakang. Hal ini adalah sesuai dengan golongan yang ditimpa kesusahan dan kemiskinan seperti gelandangan. Justeru, ia menimbulkan persoalan adakah kedua-dua ibadah ini

<sup>39</sup> Hamza Khraim, "Measuring Religiosity in Consumer Research From an Islamic Perspective", *Journal of Economic and Administrative Sciences*, Vol. 26 Issue: 1 (2010): 65-66.

<sup>40</sup> Yunusa Olufadi, "Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS): A new instrument for Muslim religiosity research and practice." *Psychology of Religion and Spirituality* 9, no. 2 (2017): 165.

<sup>41</sup> Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Shumaila Yousafzai, and Hanifah Abdul Hamid. "Religiosity scale development." *Journal of Islamic Marketing* 10, no. 1 (2019): 227-248.

Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti hubungan di antara tahap religiositi gelandangan dengan pengambilan makanan halal mereka. Dalam maksud yang lain, ia adalah untuk mengetahui adakah kepatuhan gelandangan terhadap kewajipan ibadah solat fardhu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan mempengaruhi pola pengambilan makanan halal mereka dalam kehidupan sehari-hari mereka.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa persoalan yang boleh dibangkitkan terhadap kajian serta penyelidikan berkaitan pemakanan halal dalam kalangan gelandangan ini. Antara persoalan utamanya adalah :-

1. Apakah konsep religiositi dan hubungannya dengan pengambilan makanan halal?
2. Apakah latar belakang gelandangan dan faktor keterlibatan?
3. Bagaimanakah hubungan di antara tahap religiositi gelandangan dengan pemilihan makanan halal oleh mereka?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat beberapa objektif atau tujuan penyelidikan yang telah diteliti oleh pengkaji. Antaranya adalah :-

1. Menjelaskan konsep religiositi dan hubungannya terhadap pengambilan makanan.
2. Mengenalpasti latar belakang golongan gelandangan dan faktor keterlibatan mereka dalam aktiviti gelandangan.
3. Menganalisis hubungan di antara faktor keagamaan dengan pengambilan makanan halal oleh gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Sesebuah kajian atau penyelidikan yang dijalankan pastinya mempunyai kepentingan yang dapat membantu pelbagai pihak. Semoga kajian yang dilakukan oleh pengkaji mampu memberikan sedikit sumbangan dari aspek fiqh serta aktiviti-aktiviti sosial serta

kemasyarakatan yang terlibat dalam membantu golongan gelandangan ini. Terdapat beberapa signifikan atau kepentingan kajian yang terhasil daripada penyelidikan ini. Antaranya adalah :-

1. Menambah perbincangan satu bidang ilmu yang baharu kepada aspek fiqh iaitu fiqh gelandangan. Hal ini disebabkan oleh golongan gelandangan ini merupakan satu kumpulan yang mempunyai perihal kehidupan mereka tersendiri serta mempunyai perbezaan dengan lapisan masyarakat yang lain dalam sesetengah perkara. Keunikan ini mewujudkan wacana fiqh gelandangan.
2. Garis panduan kepada golongan gelandangan dalam memilih serta menekankan aspek halal sesuatu makanan yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu khususnya daripada pertubuhan-pertubuhan bukan Islam.
3. Membantu institusi-institusi atau pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti kemanusiaan untuk mengurus permasalahan-permasalahan fiqh yang berlaku dalam kalangan gelandangan ini agar ianya selari dengan tuntutan syarak.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Skop dan limitasi kajian adalah penting bagi mengelakkan berlakunya perbincangan di luar ruang lingkup kajian yang sepatutnya. Ianya juga bertujuan membantu pengkaji lebih fokus dan tertumpu pada sesuatu permasalahan yang hendak dikaji. Disebabkan perbincangan berkenaan golongan gelandangan ini adalah luas dan terbuka, maka pengkaji ingin menumpukan beberapa aspek dalam kajian yang akan dijalankan.

Antaranya adalah :-

1. Kajian ini hanya akan membincangkan golongan gelandangan tanpa melibatkan sisi lapisan atau golongan masyarakat yang lain.
2. Kajian ini hanya akan tertumpu kepada pemilihan makanan halal oleh gelandangan.

3. Kajian ini hanya akan dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

## 1.7 SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur merupakan salah satu aspek yang penting dalam melakukan penyelidikan. Ia penting bagi membuktikan bahawa kajian yang akan dijalankan mempunyai asas dan berpandukan kajian-kajian sebelumnya. Selain itu, melalui sorotan literatur juga, para pengkaji dapat mengenal pasti kelompangan yang ditinggalkan daripada kajian lepas. Sehubungan itu, kajian yang bakal dilakukan adalah bertujuan mengisi kekosongan tersebut dan menyumbang kepada dapatan atau ilmu yang baharu.

Dalam kajian berkaitan faktor keagamaan, istilah *religiosity* (religiositi) banyak digunakan bagi membincangkan perkara yang menyentuh komitmen terhadap agama. Menurut Holdcroft, religiositi adalah ukuran pengetahuan agama, iman, fundamentalisme, kepercayaan, kesolehan, ortodoks, keagamaan, kesucian, ketaatan individu dan sejauh mana mereka menggunakan agama untuk kepentingan mereka sendiri<sup>42</sup>. Kebanyakan kajian lepas telah membangunkan skala religiositi mengikut bidang masing-masing. Ia bertujuan mengukur sejauh mana penghayatan agama individu dan kesannya dalam urusan kehidupan. Namun pengukuran tersebut banyak mengadopsi kerangka agama dalam dimensi religiositi dan spiritualiti dari perspektif Barat. Antara skala yang pernah dihasilkan adalah seperti Religious Orientation Scale (ROS) yang dibangunkan oleh Allport dan Ross<sup>43</sup>, Quest Scale yang dibangunkan oleh Batson<sup>44</sup>,

---

<sup>42</sup> Barbara B. Holdcroft, "What is religiosity." *Catholic Education: A Journal of inquiry and practice* 10, no. 1 (2006).

<sup>43</sup> Gordon W. Allport and J. Michael Ross. "Personal religious orientation and prejudice." *Journal of personality and social psychology* 5, no. 4 (1967): 432.; Mohammad Rahim Kamaluddin, et al. "Validity and Psychometric Properties of Malay Translated Religious Orientation Scale-Revised among Malaysian Adult Samples (Kesahan dan Sifat-Sifat Psikometrik Skala Orientasi Keagamaan-Semakan yang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dalam Kalangan Sampel Dewasa Malaysia)." *Akademika* 87, no. 2 (2017): 134-144.

<sup>44</sup> C. Daniel Batson and Patricia A. Schoenrade. "Measuring religion as quest: 1) Validity concerns." *Journal for the scientific study of Religion* (1991): 416-429.

Glock-Stark Dimensions of Religiosity Scale<sup>45</sup>. Manakala skala-skala yang berteraskan agama Kristian pula seperti Francis Scale Attitude Toward Christianity<sup>46</sup>, Sementara itu, terdapat juga skala-skala yang bersifat inter-agama iaitu skala yang boleh diaplikasikan ke atas responden berlainan agama seperti Religious Fundamentalism Scale oleh Altemeyer dan Hunsberger<sup>47</sup>, Centrality of Religiosity Scale (CRS) oleh Huber dan Huber.

Kekurangan skala yang berteraskan agama Islam ini kemudiannya telah mendorong penyelidik-penyelidik Muslim untuk membangunkan konsep dan item faktor keagamaan atau religiositi yang berasaskan kefahaman dalam agama Islam. Kajian-kajian lepas seperti Krauss, et al.<sup>48</sup>, Olufadi<sup>49</sup>, Ul- Haq, et al.<sup>50</sup>, Nuradli, et al.<sup>51</sup> telah membangunkan skala religiositi dengan menjadikan dimensi kepercayaan dan amalan untuk mengukur penghayatan keagamaan individu Muslim. Manakala Khraim mengukur religiositi menggunakan tiga dimensi, iaitu menuntut ilmu agama, isu semasa Islam dan sensitiviti produk<sup>52</sup>.

---

<sup>45</sup> Yingying Sun and Yue Zhang. "Who Is Happier in China? Exploring Determinant Factors Using Religion as a Moderator." *International journal of environmental research and public health* 16, no. 22 (2019): 4308.

<sup>46</sup> Leslie J. Francis, et al. "The internal consistency reliability and construct validity of the Francis Scale of Attitude toward Christianity (adult) among undergraduate students in the UK, USA, Australia and Canada." *Personality and Individual Differences* 19, no. 6 (1995): 949-953. ; Leslie J. Francis, et al. "The internal consistency reliability and construct validity of the Francis Scale of Attitude toward Christianity among 8-to 11-year-old students in Wales." *Mental Health, Religion & Culture* 20, no. 9 (2017): 922-929.

<sup>47</sup> Bob Altemeyer and Bruce Hunsberger. "A revised religious fundamentalism scale: The short and sweet of it." *The International Journal for the Psychology of Religion* 14, no. 1 (2004): 47-54 ; Johannes Beller and Christoph Kröger. "Is religious fundamentalism a dimensional or a categorical phenomenon? A taxometric analysis in two samples of youth from Egypt and Saudi Arabia." *Psychology of Religion and Spirituality* 9, no. 2 (2017): 158.

<sup>48</sup> Steven Eric Krauss, et al. "Adaptation of a Muslim religiosity scale for use with four different faith communities in Malaysia." *Review of religious research* (2007): 147-164.

<sup>49</sup> Yunusa Olufadi, "Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS): A new instrument for Muslim religiosity research and practice." *Psychology of Religion and Spirituality* 9, no. 2 (2017): 165.

<sup>50</sup> Shoaib Ul-Haq, et al. "Scale of religiosity for Muslims: an exploratory study." *Journal of Islamic Marketing* (2019): 1-24.

<sup>51</sup> Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, et al. "Religiosity scale development." *Journal of Islamic Marketing* (2019): 227-247.

<sup>52</sup> Hamza Khraim, "Measuring Religiosity in Consumer Research From an Islamic Perspective", *Journal of Economic and Administrative Sciences*, Vol. 26 Issue: 1 (2010): 65-66.

Kebanyakan kajian religiositi yang lepas dilakukan secara kuantitatif iaitu menerusi pemberian set soal selidik kepada responden kajian. Kesemua item yang telah disahkan akan diserahkan kepada responden yang mempunyai latar belakang yang sesuai untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi responden yang mempunyai demografi yang berbeza khususnya kelompok marginal seperti gelandangan, penggunaan borang soal selidik dilihat kurang sesuai berdasarkan faktor aras pemikiran mereka yang sedikit rendah dan persekitaran kehidupan mereka yang berbeza. Oleh itu, faktor keagamaan atau religiositi gelandangan dalam kajian ini akan dikenal pasti menerusi kaedah-kaedah yang terkandung dalam metode kualitatif seperti temu bual.

Sementara itu, terdapat kajian-kajian lepas yang telah membincangkan hubungan di antara gelandangan dan religiositi. Secara umumnya, kebanyakan kajian banyak melihat kepada pengaruh faktor keagamaan terhadap aspek kesihatan mental gelandangan. Antaranya mengenal pasti bagaimana kehadiran gelandangan ke rumah ibadat dapat mengurangkan simptom penyakit-penyakit mental pada diri mereka<sup>53</sup>, religiositi berupaya mengasingkan minda mereka daripada pemikiran bunuh diri, penyalahgunaan dadah<sup>54</sup> dan ketagihan alkohol<sup>55</sup>, mengurangkan kadar keterlibatan mereka dalam aktiviti jenayah<sup>56</sup>, peranan religiositi dalam meningkatkan daya ketahanan diri mereka untuk mendepani cabaran hidup sebagai gelandangan<sup>57</sup> dan impak terhadap personaliti diri serta jaringan sosial mereka bersama masyarakat umum<sup>58</sup>. Berdasarkan

---

<sup>53</sup> Kevin M. Fitzpatrick, "Circumstances, religiosity/spirituality, resources, and mental health outcomes among homeless adults in northwest Arkansas." *Psychology of Religion and Spirituality* 10, no. 2 (2018): 195.

<sup>54</sup> Ines Testoni, et al. "Addiction and religiosity in facing suicide: A qualitative study on meaning of life and death among homeless people." *Mental illness* 10, no. 1 (2018): 16-24.

<sup>55</sup> Dennis C. Wendt, et al. "Religious And Spiritual Practices Among Homeless Urban American Indians And Alaska Natives With Severe Alcohol Problems." *American Indian and Alaska native mental health research (Online)* 24, no. 3 (2017): 39.

<sup>56</sup> Kimberly A. Tyler, et al. "The effect of victimization, mental health, and protective factors on crime and illicit drug use among homeless young adults." *Violence and victims* 29, no. 2 (2014): 348-362.

<sup>57</sup> Kwaku Oppong Asante. "Factors that Promote Resilience in Homeless Children and Adolescents in Ghana: A Qualitative Study." *Behavioral Sciences* 9, no. 6 (2019): 64.

<sup>58</sup> Rachel M. Schmitz and Brandi Woodell. "Complex Processes of Religion and Spirituality Among Midwestern LGBTQ Homeless Young Adults." *Sexuality & Culture* 22, no. 3 (2018): 980-999.

kajian-kajian lepas yang telah disebut di atas, pengkaji mendapati masih terdapat kekurangan literatur yang mengkaji berkenaan pengaruh faktor keagamaan terhadap pengambilan makanan oleh gelandangan. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti hubungan di antara faktor keagamaan terhadap pengambilan makanan halal gelandangan di Kuala Lumpur.

Di samping itu, kajian-kajian lepas turut membincangkan gelandangan dan pengambilan makanan mereka. Pengkaji mendapati bahawa isu utama yang menjadi perhatian adalah masalah ketiadaan sekuriti dalam pengambilan makanan (*food insecurity*) gelandangan<sup>59</sup>. Kesukaran-kesukaran yang berlaku seperti kekurangan akses untuk mendapatkan makanan<sup>60</sup>, kuantiti makanan yang tidak mencukupi<sup>61</sup>, kualiti makanan yang tidak mencapai standard nutrisi yang sepatutnya<sup>62</sup> kemudiannya telah menjelaskan tahap kesihatan gelandangan dengan penyakit-penyakit seperti malnutrisi<sup>63</sup>, ketagihan alkohol<sup>64</sup>, merokok<sup>65</sup>, tekanan emosi<sup>66</sup> dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kajian-kajian yang membuktikan sebaliknya seperti Braillier, et al. yang menyatakan bahawa pengambilan makanan bukan lagi menjadi keperluan yang mendesak buat gelandangan, tetapi kemudahan pengangkutan awam adalah perkara yang perlu diberikan

---

<sup>59</sup> Milad Parpouchi, et al. "Food insecurity among homeless adults with mental illness." *PLoS One* 11, no. 7 (2016): 1-14.

<sup>60</sup> Elizabeth A. Bowen and Andrew Irish. "'Hello, you're not supposed to be here': homeless emerging adults' experiences negotiating food access." *Public health nutrition* 21, no. 10 (2018): 1943-1951.

<sup>61</sup> Nicolas Herault and David C. Ribar. "Food insecurity and homelessness in the Journeys Home survey." *Journal of Housing Economics* 37 (2017): 52-66.

<sup>62</sup> L. G. Sisson and D. A. Lown. "Soup Kitchens: Homeless Adults and Gaps in Meeting their Nutritional Needs." In *Handbook of Famine, Starvation, and Nutrient Deprivation: From Biology to Policy*, (2019: 409-425).

<sup>63</sup> Azizur Rahman and Md Abdul Hakim. "Malnutrition prevalence and health practices of homeless children: a cross-sectional study in Bangladesh." *Science Journal of Public Health* 4, no. 1-1 (2016): 10-15.

<sup>64</sup> Sharea Ijaz, et al. "Interventions for preventing or treating malnutrition in homeless problem-drinkers: a systematic review." *International journal for equity in health* 17, no. 1 (2018): 8.

<sup>65</sup> Jin E. Kim, et al. "Cigarette smoking among women who are homeless or unstably housed: examining the role of food insecurity." *Journal of Urban Health* 94, no. 4 (2017): 514-524.

<sup>66</sup> Daphne C. Hernandez, et al. "Fruit and vegetable consumption and emotional distress tolerance as potential links between food insecurity and poor physical and mental health among homeless adults." *Preventive medicine reports* 14 (2019): 100824.

perhatian<sup>67</sup>. Begitu juga kajian oleh Yarcusko, et al. yang mendapati bahawa jenis makanan yang diagihkan di pusat transit gelandangan adalah sangat baik apabila ia kaya dengan buah-buahan dan sayuran, malah kurang makanan yang tinggi lemak dan garam<sup>68</sup>. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa kajian tentang gelandangan dan pengambilan makanan lebih memfokuskan terhadap permasalahan sekuriti makanan, impak terhadap tahap kesihatan mereka dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah pengambilan makanan tersebut. Pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kekurangan kajian yang membincangkan hubungan di antara gelandangan dan pengambilan makanan dari sudut keagamaan khususnya yang melibatkan regulasi makanan mengikut agama seperti konsep halal dan haram dalam Islam.

Sementara itu, kajian-kajian lepas turut membincangkan hubungan di antara religiositi dan makanan. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian mempunyai latar belakang dalam bidang kepenggunaan, perdagangan, makanan dan kesihatan. Antara tema yang diberikan perhatian adalah seperti pengaruh religiositi terhadap pengambilan dan pemilihan makanan kalangan pengguna. Kebanyakan kajian lepas menunjukkan religiositi atau faktor keagamaan menjadi faktor yang penting dalam mempengaruhi kehendak<sup>69</sup>, tingkah laku, keputusan<sup>70</sup> dan pembelian<sup>71</sup> pengguna terhadap jenis makanan

---

<sup>67</sup> Sara Brallier, et al. "Rolling forward: addressing needs in the homeless community." *Journal of Social Distress and the Homeless* 28, no. 2 (2019): 186-192.

<sup>68</sup> Emily Yarcusko, Natasha Slesnick, and Irene Hatsu. "Food Sources for Homeless Youth: An Evaluation of Food Availability at a Homeless Youth Drop-In Center." *Journal of nutrition education and behavior* 51, no. 1 (2019): 91-95.

<sup>69</sup> Adil Khan, Mohammad Khalid Azam, and Mohd Yasir Arif. "Does Religiosity Really Matter in Purchase Intention of Halal Certified Packaged Food Products? A Survey of Indian Muslims Consumers." *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 27 (4) (2019): 2383 – 2400.

<sup>70</sup> Nazlida Muhamad, Vai Shiem Leong, and Normalisa Md Isa. "Does the country of origin of a halal logo matter? The case of packaged food purchases." *Review of International Business and Strategy* (2017): 484-500.

<sup>71</sup> Mohsen Akbari, Mohammad Hasan Gholizadeh, and Masoomeh Zomorrodi. "Islamic symbols in food packaging and purchase intention of Muslim consumers." *Journal of Islamic Marketing* (2018): 117-131.

yang selari mengikut kepercayaan dalam agama masing-masing<sup>72</sup> <sup>73</sup>. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Bukhari, et al.<sup>74</sup>, Syukur dan Nimsai<sup>75</sup>, Rose dan Lutfi<sup>76</sup> serta Roslina, et al.<sup>77</sup> membuktikan bahawa faktor komitmen serta penghayatan terhadap agama Islam menyebabkan pengguna Muslim menjadi lebih prihatin untuk mengambil makanan yang diyakini berasal dari sumber yang halal.

Di samping itu, terdapat juga kajian lepas yang menunjukkan hubungan di antara religiositi dan pemilihan jenis makanan yang menyihatkan. Misalnya, Minton, et al. mendapati bahawa tahap religiositi yang tinggi telah mempengaruhi pengguna untuk mengambil makanan yang berorientasikan kesihatan (*diet*) berbanding dengan makanan yang bersifat pemeliharaan alam sekitar (*sustainability*)<sup>78</sup>. Manakala Minton, et al. pula menyatakan sebaliknya apabila pengaruh faktor agama telah mendorong pengguna untuk mempunyai tingkah laku yang bersifat memelihara alam sekitar, antaranya dengan membeli makanan yang organik<sup>79</sup>. Sementara Larson<sup>80</sup> pula mendapati bahawa religiositi dilihat berjaya mempengaruhi pengguna untuk mengambil makanan yang asli, bukannya diubah secara genetik (*non-Genetically Modified/non-GMO*). Berdasarkan kajian-kajian

---

<sup>72</sup> Amir Heiman, Ben Gordon, and David Zilberman. "Food beliefs and food supply chains: The impact of religion and religiosity in Israel." *Food Policy* 83 (2019): 363-369.

<sup>73</sup> Gareth Reginald Terence White, Anthony Samuel, et al. "Religious heterogeneity of food consumers: The impact of global markets upon methods of production." *Journal of Consumer Behaviour* 17, no. 1 (2018): 3-12.

<sup>74</sup> Syed Faheem Hasan Bukhari, Frances M. Woodside, et al. "Is religiosity an important consideration in Muslim consumer behavior." *Journal of Islamic Marketing* (2019): 1288-1307.

<sup>75</sup> Muhammad Syukur and Suthep Nimsai. "Factors influencing the purchase intention of halal packaged food in Thailand." *Int. J Sup. Chain. Mgt Vol* 7, no. 4 (2018): 1-6.

<sup>76</sup> Rose Abdullah and Lutfi Abdul Razak. "The effect of halal foods awareness on purchase decision with religiosity as a moderating variable." *Journal of Islamic Marketing* (2019): 1-14.

<sup>77</sup> Roslina Ali, Mohd Aidil Riduan Awang Kader, et al. "Factors influencing supplier selection process among Muslim food operators: A qualitative study." *Advanced Science Letters* 23, no. 4 (2017): 3057-3060.

<sup>78</sup> Elizabeth A. Minton, Kathryn A. Johnson, and Richie L. Liu. "Religiosity and special food consumption: The explanatory effects of moral priorities." *Journal of Business Research* 95 (2019): 442-454.

<sup>79</sup> Elizabeth A. Minton, Lynn R. Kahle, and Chung-Hyun Kim. "Religion and motives for sustainable behaviors: A cross-cultural comparison and contrast." *Journal of Business Research* 68, no. 9 (2015): 1937-1944.

<sup>80</sup> Ronald B Larson, "Examining consumer attitudes toward genetically modified and organic foods." *British Food Journal* (2018): 999-1014.

lepas, pengkaji telah mengenal pasti bahawa masih kurang kajian yang membincangkan hubungan di antara faktor keagamaan gelandangan gelandangan dan pengaruhnya terhadap pengambilan makanan halal mereka.

Perbincangan kajian-kajian lepas berkenaan gelandangan terbahagi kepada beberapa bidang ilmu. Dari aspek perundangan, perbincangan lebih memfokuskan terhadap akta yang menyentuh perihal gelandangan, antaranya adalah seperti Akta Orang Papa 1977 yang terdapat di Malaysia. Tema utama daripada kajian lepas memfokuskan kritikan terhadap kelemahan utama akta ini iaitu tidak menyatakan istilah gelandangan secara jelas. Dalam akta ini, gelandangan telah ditafsirkan sebagai golongan papa dan secara tidak langsung memberikan implikasi negatif kepada mereka. Wong<sup>81</sup> berpendapat bahawa akta ini telah menafikan gelandangan daripada mendapat hak-hak mereka sebagai salah seorang anggota masyarakat. Sementara Rusenko<sup>82</sup> pula mempersoalkan punca kegagalan akta ini dalam mengatasi masalah gelandangan kerana ia dilaksanakan tanpa meneliti terlebih dahulu permasalahan yang dasar. Walau bagaimanapun, tafsiran gelandangan dalam kajian ini tidak dilakukan berdasarkan akta di atas, sebaliknya melalui penelitian secara menyeluruh mengenai golongan ini.

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian lepas yang membincangkan gelandangan dari sudut kesihatan. Antara tema perbincangan dari sudut kesihatan adalah melibatkan perihal gelandangan yang sinonim dengan masalah kesihatan mental dan fizikal, jenis penyakit yang dialami, faktor-faktor yang menyebabkan mereka ditimpa penyakit dan cadangan penyelesaian terhadap masalah kesihatan mereka. Kajian-kajian lepas menunjukkan gelandangan sering terdedah kepada penyakit-penyakit mental seperti

---

<sup>81</sup> Wong Kay Li. "The Homeless in Malaysia: Issues and Policy Solutions." *N. pl: Npb* (2018): 1-30.

<sup>82</sup> Rayna M. Rusenko and Debbie YM Loh. "Begging, the Destitute Persons Act 1977, and punitive law: An exploratory survey." a seminar on homelessness: nature, causes, implications and solutions, 20th October, 2014.

kemurungan, kegelisahan, *post traumatic stress disorder* (PTSD)<sup>83</sup>, ketagihan alkohol<sup>84</sup>. Konflik keluarga yang pernah dialami, keganasan fizikal, penderaan fizikal dan seksual, kemiskinan, penggunaan bahan dadah, alkohol serta jaringan sosial yang kurang mendorong individu untuk menjadi gelandangan<sup>85</sup> <sup>86</sup> <sup>87</sup>. Pemerkasaan program perumahan seperti *Housing First* yang di Amerika Syarikat<sup>88</sup>, penubuhan pusat rehabilitasi yang menerapkan elemen persahabatan<sup>89</sup>, kekeluargaan dan kemasyarakatan<sup>90</sup>, serta program yang membantu dalam pengurusan stress<sup>91</sup> merupakan antara untuk memulihkan kesihatan mental mereka.

Kajian-kajian lepas juga turut membincangkan perihal hubungan di antara program atau polisi perumahan dan pengaruhnya terhadap kehidupan gelandangan. Kajian lepas menunjukkan bahawa program bantuan perumahan seperti *Housing First*, *Supportive Housing* dan pusat-pusat pemulihan yang menempatkan gelandangan dilihat memberikan kesan yang positif ke atas kesihatan mental dan psikologi gelandangan<sup>92</sup>,

---

<sup>83</sup> Nathaniel A. Dell, et al. "The relationship between PTSD factors and depression in a chronically homeless sample." *Journal of Social Distress and the Homeless* (2019): 1-7.

<sup>84</sup> Alison Duke and Adam Searby. "Mental ill health in homeless women: a review." *Issues in mental health nursing* 40, no. 7 (2019): 605-612. ; Aurelie Tinland, et al. "Victimization and posttraumatic stress disorder in homeless women with mental illness are associated with depression, suicide, and quality of life." *Neuropsychiatric disease and treatment* 14 (2018): 2269.

<sup>85</sup> Adam M. Lippert and Barrett A. Lee. "Stress, coping, and mental health differences among homeless people." *Sociological Inquiry* 85, no. 3 (2015): 343-374.

<sup>86</sup> Seena Fazel, et al. "The health of homeless people in high-income countries: descriptive epidemiology, health consequences, and clinical and policy recommendations." *The Lancet* 384, no. 9953 (2014): 1529-1540.

<sup>87</sup> Stephen W. Hwang and Tom Burns. "Health interventions for people who are homeless." *The Lancet* 384, no. 9953 (2014): 1541-1547.

<sup>88</sup> Marichelle C. Leclair, Félicia Deveaux, et al. "The Impact of Housing First on Criminal Justice Outcomes among Homeless People with Mental Illness: A Systematic Review." *The Canadian Journal of Psychiatry* 64, no. 8 (2019): 525-530.

<sup>89</sup> Patrick W. Corrigan, et al. "Peer navigators to promote engagement of homeless African Americans with serious mental illness in primary care." *Psychiatry research* 255 (2017): 101-103.

<sup>90</sup> Febna Moorkath, et al. "Lives without roots: Institutionalized homeless women with chronic mental illness." *Indian journal of psychological medicine* 40, no. 5 (2018): 476.

<sup>91</sup> Sharon A. Gutman, et al. "Pilot Effectiveness of a Stress Management Program for Sheltered Homeless Adults With Mental Illness: A Two-Group Controlled Study." *Occupational Therapy in Mental Health* 35, no. 1 (2019): 59-71.

<sup>92</sup> Timothy E. Chung, et al., "Housing first for older homeless adults with mental illness: a subgroup analysis of the at home/Chez Soi randomized controlled trial." *International journal of geriatric psychiatry* 33, no. 1 (2018): 85-95. ; Rosanna Scutella and Guy Johnson. "Psychological distress and homeless duration." *Housing Studies* 33, no. 3 (2018): 433-454.

mengurangkan kadar lawatan mereka ke wad kecemasan di hospital<sup>93</sup>, meningkatkan integrasi sosial<sup>94</sup> serta secara tidak langsung berpotensi mengurangkan jumlah populasi mereka<sup>95</sup>.

Perbincangan tentang gelandangan juga turut meliputi aspek ekonomi. Antara perkara yang dibangkitkan adalah seperti faktor-faktor pengangguran, tiada pendapatan yang tetap dan langkah-langkah mengatasinya. Kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan gelandangan adalah disebabkan beberapa faktor seperti masalah mental, masalah psikiatri serta terlalu bergantung kepada bantuan awam<sup>96 97</sup>. Sementara itu, turut dibincangkan juga beberapa langkah mengatasi masalah pengangguran ini seperti pendekatan yang bersifat personal seperti bimbingan, latihan serta polisi awam yang lebih komprehensif<sup>98 99</sup>.

Kajian-kajian lepas juga turut membincangkan gelandangan dari sudut sosial. Menurut Heather et al. gelandangan dianggap sebagai kelompok masyarakat (marginal) yang terpinggir berpunca daripada beberapa faktor seperti terputus hubungan kekeluargaan, perilaku yang negatif dan disisihkan oleh masyarakat<sup>100</sup>. Dari segi taraf

---

<sup>93</sup> Sungwoo Lim, et al. "Impact of a New York City supportive housing program on housing stability and preventable health care among homeless families." *Health services research* 53, no. 5 (2018): 3437-3454.

<sup>94</sup> Taylor Harris, et al. "Los Angeles housing models and neighbourhoods' role in supportive housing residents' social integration." *Housing studies* 34, no. 4 (2019): 609-635.

<sup>95</sup> Kevin Corinth. "The impact of permanent supportive housing on homeless populations." *Journal of Housing Economics* 35 (2017): 69-84. ; Kristen Paquette and Laura A. Pannella Winn. "The role of recovery housing: prioritizing choice in homeless services." *Journal of dual diagnosis* 12, no. 2 (2016): 153-162.

<sup>96</sup> Daniel Poremski, et al. "Employment and income of people who experience mental illness and homelessness in a large Canadian sample." *The Canadian Journal of Psychiatry* 60, no. 9 (2015): 379-385.

<sup>97</sup> Jack Tsai and Robert A. Rosenheck. "Psychosis, lack of job skills, and criminal history: Associations with employment in two samples of homeless men." *Psychiatric Services* 67, no. 6 (2016): 671-675.

<sup>98</sup> Hanno Hoven, et al. "Job coaching and success in gaining and sustaining employment among homeless people." *Research on social work practice* 26, no. 6 (2016): 668-674.

<sup>99</sup> Wee Yu Ghee and Raja Norliana Binti Raja Omar. "Homelessness In Malaysia: Victims Of Circumstance Or By Choice?." *Asian Journal For Poverty Studies (AJPS)* 1, no. 1 (2015).

<sup>100</sup> Heather M. Gray, et al. "Changing social networks among homeless individuals: a prospective evaluation of a job-and life-skills training program." *Community mental health journal* 52, no. 7 (2016): 799-808.

kehidupan, mereka merupakan sebahagian daripada kumpulan miskin bandar yang tidak mampu untuk mengakses sumber daya yang berada di sekitar sehingga mengalami kekurangan dalam memenuhi keperluan hidup<sup>101</sup>. Namun begitu, Panadero et al.<sup>102</sup> menyatakan di sebalik kesusahan yang dihadapi, mereka masih gembira, akur dan selesa dengan gaya kehidupan tersebut.

Dari aspek pemakanan, kajian-kajian lepas mendapati bahawa gelandangan mengalami kesukaran untuk mendapatkan makanan atau *food insecurity*<sup>103</sup>. Natijahnya, mereka turut mengalami masalah malnutrisi<sup>104</sup>. Antara faktornya adalah disebabkan akses kepada makanan yang terhad. Ia berpunca daripada status kediaman yang tidak stabil, masalah kesihatan, sukar untuk mendapatkan makanan yang murah dan percuma serta tinggal di pusat-pusat sosial<sup>105</sup> <sup>106</sup>. Namun, menurut Herault & Cibar, tidak semua gelandangan mengalami kesukaran tersebut kerana situasi yang dihadapi oleh mereka adalah berbeza.

Sementara itu, antara tema kajian-kajian lepas tentang halal adalah seperti kehendak pengguna, pensijilan dan pemasaran. Antara teori yang kerap digunakan dalam kajian-kajian halal dari perspektif pemasaran adalah teori yang mengkaji tingkah laku serta kehendak manusia seperti Theory of Reasoned Action (TRA) dan Theory of

---

<sup>101</sup> Bambang Rustanto. "Menangani Kemiskinan." *Bandung: Prenada Rosda Karya* (2015).

<sup>102</sup> Sonia Panadero, et al. "Happiness on the street: Overall happiness among homeless people in Madrid (Spain)." *American Journal of Orthopsychiatry* 85, no. 4 (2015): 324.

<sup>103</sup> Milad Parpouchi, et al. "Food insecurity among homeless adults with mental illness." *PLoS One* 11, no. 7 (2016).


<sup>104</sup> Azizur Rahman and Md Abdul Hakim. "Malnutrition prevalence and health practices of homeless children: a cross-sectional study in Bangladesh." *Science Journal of Public Health* 4, no. 1-1 (2016): 10-15.

<sup>105</sup> Stephen J. Morewitz, "Runaway and Homeless Youth Interventions." In *Runaway and Homeless Youth*, pp. 209-218. Springer, Cham, 2016.

<sup>106</sup> Judith Martin-Fernandez, et al. "Food Insecurity in Homeless Families in the Paris Region (France): Results from the ENFAMS Survey." *International journal of environmental research and public health* 15, no. 3 (2018): 420.

Perceived Behaviour (TPB)<sup>107 108</sup>. Teori-teori tersebut digunakan bagi mengesan faktor-faktor yang mendorong kepada pengambilan makanan halal. Sebagai contoh, Hasibuan et al., mendapati bahawa jenama sesuatu produk berperanan dalam mempengaruhi pemilihan produk halal Manakala Shahrinaz et al.<sup>109</sup> pula menjelaskan bahawa kepercayaan adalah perkara utama yang mendorong kepada kehendak mendapatkan produk yang halal. Berbeza dengan teori-teori tersebut, dalam kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti hubungan di antara faktor keagamaan terhadap pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan gelandangan, faktor keagamaan dan pengambilan makanan halal, maka dalam kajian ini pengkaji hanya akan mengenal pasti hubungan di antara faktor keagamaan dan pengaruhnya terhadap pola pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan di Kuala Lumpur. Faktor keagamaan dalam kajian ini hanya akan memfokuskan terhadap aspek praktis yang merangkumi dua ibadah asas yang utama dalam Islam iaitu kefarduan solat lima waktu dan puasa di bulan Ramadan.



Rajah 1.1 Hubungan di antara religiositi dengan pengambilan makanan halal

<sup>107</sup> Noor Afzainiza Afendi, et al. "Determinants of halal purchase intention: case in perlis." *International Journal of Business and Social Research* 4, no. 5 (2014): 118-123.

<sup>108</sup> Aiedah Abdul Khalek, et al. "A Study On The Factors Influencing Young Muslims'behavioral Intention In Consuming Halal Food In Malaysia." *Jurnal Syariah* 23, no. 1 (2017): 79-102.

<sup>109</sup> Irwan Shahrinaz, et al. "Do Attitude, Trust and Knowledge have relationship towards Purchase intention of Manufactured Halal Food Product?." In *Proceeding of International Islamic Borneo Conference VIII, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam*. 2015.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah kaedah-kaedah yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini. Bagi memenuhi tuntutan kajian ini, pengkaji akan menggunakan Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data adalah kaedah mengumpul bahan maklumat berhubung penyelidikan dengan berasaskan kepada objektif yang telah ditetapkan. Menurut Bhasah, data terdiri daripada fakta, maklumat atau angka yang membantu penyelidik untuk membuat rumusan tentang subjek kajian<sup>110</sup>. Pengumpulan data mula dilakukan setelah mengenal pasti masalah kajian dan merangka pelan kajian<sup>111</sup>. Antara metode pengumpulan data dalam kajian kualitatif adalah seperti kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Terdapat beberapa bentuk kajian lapangan yang boleh digunakan antaranya adalah kajian etnografi, pemerhatian terhadap subjek kajian, temu bual secara mendalam dan temu bual dalam bentuk perbualan<sup>112</sup>.

Bagi mengenal pasti konsep religiositi dan hubungan terhadap pengambilan makanan halal, pengkaji akan melakukan rujukan terhadap kajian, artikel dan kertas kerja yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Di samping itu, pengkaji juga akan meneliti kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari untuk mengenal pasti teori berkaitan dengan halal dan tayyiban. Sementara data berkenaan dengan gelandangan pula akan diperolehi berdasarkan kepada artikel-artikel jurnal, kertas-kertas kerja, dan statistik

---

<sup>110</sup> Bhasah Abu Bakar, *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2007), 16.

<sup>111</sup> C.R. Kothari, *Research Methodology : Methods and Techniques*, ed.kedua (New Delhi: New Age International Publishers, 2004), 95.

<sup>112</sup> John Kuada, *Research Methodology : A Project Guide for University Students* (Frederiksberg: Samfundslitteratur, 2012), 93.

yang telah dikeluarkan oleh ahli akademik atau pihak berkuasa. Segala data dan maklumat yang diperoleh akan dilampirkan serta dinyatakan di dalam bab kedua, dan ketiga.

a) Kajian kepustakaan

Teknik kajian kepustakaan adalah satu cara mengumpul informasi kajian dengan mengumpul data, rekod dan dokumen bagi memperoleh bukti-bukti kajian. Menurut Zed, kajian pustaka bermaksud memanfaatkan sumber perpustakaan untuk memperoleh data penyelidikan<sup>113</sup>. Bagi memenuhi tujuan tersebut, pengkaji akan mengunjungi beberapa buah perpustakaan bagi mendapatkan bukti-bukti serta data kajian. Antara perpustakaan yang bakal dikunjungi adalah :-

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

b) Kajian lapangan

Teknik kajian lapangan digunakan bagi menampung kelomongan data daripada kajian kepustakaan. Hal ini demikian kerana, kajian ini memerlukan maklumat yang bersifat semasa berkenaan sasaran kajian dan ia juga berbentuk khusus iaitu tertumpu di kawasan bandaraya Kuala Lumpur sahaja.

i. Temu bual

Data daripada kajian lapangan ini akan dikumpul menerusi kaedah temu bual mendalam (*in-depth interview*). Set soalan temu bual akan digunakan bagi mengenal pasti tahap religiositi gelandangan, bentuk pengambilan makanan halal mereka serta hubungan di antara kedua-duanya. Pengkaji memilih bentuk temu bual semi-struktur iaitu soalan yang diberikan tidak dikuti dengan format jawapan tertentu. Kaedah ini memberikan

---

<sup>113</sup> Mestika Zed, *Metode Penelitian Kepustakaan* (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2008), 1.

kebebasan kepada informan untuk menjawabnya dengan penuh keterbukaan dan kejujuran.

Sebelum melakukan temu bual bersama informan, beberapa prosedur berikut akan dipatuhi oleh pengkaji :-

- a) mengenal pasti informan yang bersesuaian dan dilihat berkelapangan
- b) memulakan perbualan ringkas
- c) menyatakan tujuan temu bual
- d) memberikan cenderahati kepada informan sebagai tanda penghargaan

Set soalan temu bual akan dibangunkan berdasarkan kepada beberapa petunjuk berikut :-

Bahagian A: Demografi informan

Bahagian B: Aspek religiositi.

Bahagian C : Pengambilan makanan halal

a. Metode temu bual secara langsung

Metode temu bual secara langsung melibatkan pertemuan dan perbualan di antara kedua-dua belah pihak secara berhadapan. Dalam kajian ini, pengkaji menemu bual seramai 8 orang gelandangan dewasa lelaki dan perempuan yang berada di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Pengkaji memilih gelandangan yang dewasa sebagai informan kerana mengambil kira faktor usia mereka yang lebih matang. Ia penting bagi memastikan mereka mampu memahami serta menjawab soalan yang akan dilontarkan. Selain itu, usia dewasa juga menggambarkan pengalaman hidup mereka yang lebih luas sebagai seorang gelandangan. Justeru, setiap jawapan yang bakal diberikan juga bermanfaat dalam mencapai objektif kajian ini. Pengkaji menggunakan temu bual berbentuk semi-struktur

ketika berkomunikasi kerana sifatnya yang lebih fleksibel akan memberikan keselesaan kepada informan untuk memberikan jawapan.

Antara pendekatan yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data adalah dengan menyantuni golongan gelandangan. Sebelum melakukan temu bual, proses mengenal pasti informan akan dilakukan terlebih dahulu bagi mengetahui sama ada mereka berkelapangan dan terbuka untuk meluangkan masa ataupun tidak. Hal ini kerana, terdapat segelintir gelandangan yang berasa kurang selesa untuk ditemu bual atau didekati oleh orang awam. Oleh itu, antara kaedah yang digunakan adalah dengan mengucapkan salam dan bertanya terlebih dahulu kepada mereka sama ada selesa untuk ditemu bual ataupun tidak.

Selain itu, pengkaji juga melakukan lawatan ke lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan gelandangan untuk berkumpul. Antaranya adalah Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur yang terletak di Lorong Medan Tuanku, Anjung Singgah yang terletak di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur, sekitar kaki lima di Jalan Chow Kit dan NGO Buku Jalanan Chow Kit. Kesemua kawasan tersebut dipilih kerana ia merupakan pusat sosial bagi kelompok miskin bandar di Kuala Lumpur khususnya gelandangan. Pelbagai aktiviti kebajikan seperti pengagihan bantuan makanan, pakaian, kebersihan diri dan rawatan kesihatan secara percuma dijalankan di lokasi-lokasi berkenaan. Ia telah menarik minat gelandangan untuk berkunjung ke sana. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa lokasi-lokasi tersebut lebih terbuka, selamat dan sesuai untuk melakukan proses temu bual bersama mereka. Maklumat dan hasil daripada temu bual akan direkodkan secara audio dan dicatatkan dalam bentuk transkrip.

Antara informan yang terlibat adalah :-

#### **Jadual 1.1 Latar belakang informan**

<b>Bil.</b>	<b>Kod informan</b>	<b>Umur</b>	<b>Jantina</b>	<b>Asal</b>	<b>Lokasi</b>
1.	Inf01	64	Wanita	Jeram, Selangor	Lorong Medan Tuanku
2.	Inf02	53	Wanita	Sabak Bernam, Selangor	Jalan Hang Lekiu
3.	Inf03	35	Lelaki	Bahau, Negeri Sembilan	Buku Jalanan Chow Kit
4.	Inf04	65	Lelaki	Melaka	Jalan TAR, Chow Kit
5.	Inf05	32	Wanita	Sabah	Jalan TAR, Chow Kit
6.	Inf06	34	Wanita	Negeri Sembilan	Jalan TAR, Chow Kit
7.	Inf07	63	Lelaki	Batu Pahat, Johor	Jalan TAR, Chow Kit
8.	Inf08	50	Lelaki	Hulu Selangor, Selangor	Lorong Medan Tuanku

### 1.8.2 Metode Analisis Data

Dari sudut analisis data, kajian ini akan mengaplikasikan sepenuhnya metode analisis kualitatif. Pada masa yang sama turut menggunakan analisis induktif dan deduktif bagi tujuan untuk memenuhi keperluan dalam objektif pertama dan kedua.

#### 1. Analisis Kandungan

Antara teknik yang akan digunakan adalah analisis kandungan. Teknik ini bertujuan untuk membantu pengkaji meneliti dengan lebih objektif dan sistematik terhadap kandungan daripada bahan bertulis<sup>114</sup>. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teknik ini terhadap data-data kepustakaan seperti buku, artikel jurnal dan kertas kerja untuk memenuhi objektif kajian. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan teknik ini terhadap transkrip temu bual bersama informan. Justeru, teknik ini akan digunakan pada bab 2, 3 dan 4 kajian.

---

<sup>114</sup> Sulaiman Masri, *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: eseи, proposal, tesis.* (Utusan Publications, 2005), 21-22.

## **2. Analisis Tematik**

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan menggunakan teknik analisis tematik terhadap data yang diperoleh. Teknik ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti bentuk keseragaman di antara data serta membantu dalam mengeluarkan tema yang menonjolkan identiti subjek kajian<sup>115</sup>. Ia juga boleh difahami sebagai proses pencarian tema daripada yang telah dikumpulkan<sup>116</sup>. Dalam kajian ini, teknik analisis ini akan digunakan pada transkrip yang telah diperoleh daripada temu bual bersama dengan informan yang terdiri daripada gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Teknik akan diaplikasikan di dalam bab 4 kajian.

### **1.8.3 Populasi Dan Saiz Sampel (Responden)**

Dalam menetapkan responden terhadap kajian ini, ia melibatkan kajian terhadap gelandangan Melayu Muslim di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Informan adalah dipilih secara rawak dalam peringkat umur dewasa dan terbuka kepada gender.

### **1.8.4 Kesahan Dan Kebolehpercayaan**

Dalam membuat kesahan instrumen kajian, perkara yang diambil kira ialah berkenaan kesahan kandungan, kesahan muka dan kesahan konstruk. Kesahan mampu menilai konsep sebenar dalam hipotesis, mampu mengukur sesuatu instrumen serta kajian yang dilakukan lebih tepat mengikut situasi yang sebenar.

Bagi memenuhi tuntutan kajian, pengkaji telah menyusun protokol temu bual bagi memastikan proses temu bual dilakukan secara teratur.

---

<sup>115</sup> Kay Price, "A Guide to Qualitative Field Research." *Qualitative Research Journal* 6, no. 2 (2007): 209-211.

<sup>116</sup> Michael Quin Patton, *Qualitative Research & Evaluation Methods* (United States of America : Sage Publication, 2015).

## **PROTOKOL TEMU BUAL**

<b>Kategori</b>	<b>Soalan dan Senarai Semak Penyelidik Dalam Skop Kategori</b>
<b>Latar belakang</b>	<b>Sebagai permulaan, bolehkah saya ingin bertanya serba sedikit berkenaan latar belakang tuan / puan ?</b>
	<b>Senarai Semak Penyelidik:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Nama</li><li>• Umur</li><li>• Tarikh Lahir</li><li>• Status</li><li>• Pendidikan</li></ul>
<b>Konsep solat</b>	<b>Bolehkah saya bertanya kepada tuan / puan beberapa perkara berkaitan solat?</b>
	<b>Soalan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Apakah yang tuan / puan faham tentang solat ?</li><li>• Apakah hukum menunaikan solat ?</li><li>• Berapakah jumlah solat yang tuan / puan telah tunaikan pada hari ini?</li><li>• Senarai Semak Penyelidik:</li><li>• Kefahaman tentang solat</li><li>• Definisi</li><li>• Tujuan</li><li>• Rukun solat</li><li>• Syarat-syarat sah solat</li><li>• Perkara-perkara yang membatalkan solat</li><li>• Solat-solat sunat</li><li>• Solat sunat hari Raya</li><li>• Hukum solat fardhu lima waktu</li><li>• Wajib</li><li>• Kehadiran ke masjid/surau</li><li>• Bilangan solat yang dilakukan</li><li>• Qadha'</li></ul>
<b>Konsep Puasa</b>	<b>Bolehkah saya bertanya kepada tuan / puan beberapa perkara berkaitan puasa ?</b>
	<b>Soalan:</b> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Apakah yang tuan / puan faham tentang puasa ?</li><li>2. Apakah hukum berpuasa di bulan Ramadan ?</li><li>3. Adakah tuan / puan berpuasa di bulan Ramadan ?</li></ol> <ul style="list-style-type: none"><li>• Senarai Semak Penyelidik<ul style="list-style-type: none"><li>○ Kefahaman tentang puasa</li><li>○ Definisi</li><li>○ Tujuan</li></ul></li></ul>

- Rukun
- Syarat Sah
- Perkara-perkara yang membatalkan
- Puasa sunat
- Hukum puasa di bulan Ramadan
- Wajib
- Qadha'
- Fidyah
- Puasa bulan Ramadan
- Jumlah hari
- Sahur dan berbuka
- Solat sunat Tarawih

---

<b>Pengambilan Makanan Halal</b>	<b>Bolehkah saya bertanya kepada tuan / puan beberapa soalan berkaitan pemakanan ?</b>
----------------------------------	--

---

**Soalan:**

1. Bagaimanakah cara tuan/puan mendapatkan makanan pada hari ini ?
2. Berapakah bilangan bantuan makanan yang diperolehi oleh tuan/puan pada hari ini ?
3. Apakah sebab tuan/puan mengambil sesuatu makanan ?
4. Apakah yang tuan/puan faham berkaitan dengan halal dan haram ?
5. Adakah tuan/puan boleh membezakan di antara makanan yang halal dengan yang haram ?
6. Apakah hukum mengambil makanan yang halal ?
7. Adakah tuan/puan memeriksa logo Halal terlebih dahulu sebelum mengambil sesuatu makanan ?
8. Adakah tuan/puan memeriksa terlebih dahulu kandungan makanan yang ingin diambil ?
9. Adakah tuan/puan mengambil makanan yang disediakan oleh pihak non – Muslim ?

**Senarai Semak Penyelidik**

1. Cara mendapatkan makanan
  - Bantuan
  - Beli
2. Bilangan bantuan yang diperoleh
3. Sebab mengambil makanan
  - Lapar
  - Terdesak
  - Sedap
  - Berkhasiat
4. Kefahaman tentang halal dan haram
  - Definisi
  - Sumber pengetahuan
5. Perbezaan
  - Kategori makanan
  - Kaedah membezakan
6. Hukum mengambil Halal
  - Wajib
  - Harus

- Darurat
- 7. Logo Halal
  - Semak
  - Tidak semak
  - Bentuk logo
  - Tujuan
  - Makanan yang dibungkus
- 8. *Non-Muslim*
  - Ambil
  - Tidak ambil

## 1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Pengkaji membahagikan penulisan ini kepada lima bab. Bab pertama menjelaskan persoalan utama berkenaan kajian seperti permasalahan kajian, persoalan, objektif, skop, sorotan literatur dan metodologi kajian. Antara isi penting di dalam bab ini adalah latar belakang masalah kajian. Bahagian ini akan menzahirkan permasalahan yang wujud di mana ia menjadi sebab untuk dilakukan penyelidikan ke atasnya. Persoalan kajian menjelaskan beberapa persoalan yang timbul berkenaan permasalahan kajian untuk dijadikan sebagai panduan bagi melakukan kajian ini. Objektif kajian pula menjawab kembali persoalan tersebut dan peranannya yang lain adalah sebagai asas kepada penulisan yang akan dilakukan.

Kepentingan kajian turut dimuatkan sebagai menunjukkan bahawa penyelidikan yang dijalankan bersifat relevan, signifikan dan dapat memberikan sumbangan dalam bidang ilmu yang dikaji. Batasan atau skop kajian pula berfungsi untuk memberikan fokus dan had terhadap permasalahan yang dikaji. Manakala sorotan literatur adalah ulasan terhadap kajian atau artikel lepas yang telah dilakukan oleh sarjana sebelumnya dalam bidang kajian tersebut. Ia berperanan menzahirkan kelompongan yang terdapat pada kajian sebelumnya serta mewujudkan perbezaan di antara kajian yang bakal dilakukan oleh penulis dengan kajian-kajian lain. Metodologi kajian adalah kaedah yang dilakukan oleh penulis dalam melakukan penulisan ini.

Bab kedua menjelaskan berkenaan konsep religiositi. Pada awalnya, pengkaji akan menerangkan konsep religiositi secara umum. Teori-teori yang telah dihasilkan daripada kajian-kajian lepas akan dijelaskan untuk memahami definisi terhadap istilah tersebut. Perbincangan juga akan melibatkan perbahasan berkaitan dengan dimensi-dimensi yang digunakan dalam skala-skala religiositi yang telah dihasilkan. Kemudian, pengkaji juga akan membincangkan religiositi menurut perspektif Islam serta menjelaskan perbezaannya dengan teori daripada Barat-Kristian.

Pada bab ketiga kajian ini akan membincangkan berkenaan latar belakang gelandangan secara umum. Perbincangan akan tertumpu kepada definisi gelandangan dan tafsirannya dari pelbagai bidang kajian. Dalam bab ini juga, pengkaji akan memuatkan perbincangan berkaitan latar belakang gelandangan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu, turut dibincangkan adalah berkenaan faktor-faktor yang mendorong kepada kewujudan gelandangan secara umum dan khusus.

Seterusnya, pada bab keempat, pengkaji akan melakukan analisis bagi mengenal pasti hubungan di antara tahap religiositi dengan pola pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan di Kuala Lumpur. Proses analisis akan dilakukan dengan menggunakan kaedah tematik berdasarkan kepada transkrip temu bual di antara pengkaji dengan beberapa orang informan.

Bab kelima merupakan bahagian terakhir dalam penulisan ini. pengkaji akan menjelaskan dapatan daripada penyelidikan yang telah dilakukan. Kemudian, pengkaji akan memberikan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu dalam membantu menyelesaikan permasalahan kajian ini. Pengkaji juga memberikan beberapa cadangan kajian lanjutan sebagai rujukan dan nilai tambah daripada kajian ini.

## **BAB 2 : KONSEP KEAGAMAAN (*RELIGIOSITY*) DAN HUBUNGAN DENGAN PENGAMBILAN MAKANAN**

### **2.1 PENGENALAN**

Pada bahagian permulaan bab ini, pengkaji akan membincangkan berkaitan konsep faktor keagamaan. Dalam menghuraikan konsep, pengkaji akan membawa perbincangan berkenaan istilah, definisi dan huraiannya dari sudut bahasa. Seterusnya, pengkaji akan mendatangkan kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang konsep dan teori keagamaan yang sedia ada dan terkini. Pengkaji juga akan melakukan ulasan terhadap beberapa skala keagamaan Barat dan Islam yang lepas. Ini adalah bertujuan untuk mengetahui dimensi serta item-item keagamaan yang dibangunkan serta menjadi asas kepada kajian yang bakal dijalankan.

Pada bahagian berikutnya, pengkaji akan membincangkan hubungan di antara faktor keagamaan dengan pengambilan makanan. Ia adalah untuk mengenal pasti pengaruh agama terhadap pengambilan makanan dalam kehidupan manusia secara umum. Dalam bab ini juga, pengkaji akan menjelaskan konsep halal menurut Islam dengan membawa beberapa pandangan daripada sarjana Fiqh sama ada yang klasik ataupun terkemudian.

### **2.2 KONSEP KEAGAMAAN (*RELIGIOSITY*)**

#### **2.2.1 Definisi Bahasa**

Dalam melakukan kajian tentang keagamaan, *religiosity* merupakan istilah yang telah banyak digunakan dalam kajian-kajian lepas. Religiositi (*religiosity*) berasal daripada perkataan Perancis, *religiosité* dan Latin, *religiositas*<sup>117</sup>. Dari segi bahasa, ia bermaksud

---

<sup>117</sup> "religiosity, n.". laman sesawang OED Online Oxford University Press, diakses pada 9 Oktober 2019, <http://www.oed.com/view/Entry/161954?redirectedFrom=religiosity>

perasaan yang bersifat keagamaan dan kepercayaan<sup>118</sup>. Istilah religiositi ini juga mempunyai hubungan dengan istilah *religion*. Dalam *Encyclopedia of Religion*, istilah *religion* merujuk kepada konsep ketuhanan yang mengandungi kombinasi kepercayaan dan amalan serta melibatkan unsur-unsur wahyu<sup>119</sup>. Ia adalah suatu perkara yang berbeza dengan kepercayaan dan amalan yang menjadi kebiasaan bagi masyarakat di sekeliling<sup>120</sup>.

Dari sudut sosiologi, Voas menyimpulkan bahawa definisi *religion* dapat diuraikan menerusi dua pendekatan iaitu *substantive* dan *functional*<sup>121</sup>. Pendekatan *substantive* dilakukan dengan melihat maksud istilah *religion* itu sendiri. Menerusi pendekatan ini, *religion* digambarkan sebagai sebuah badan yang merangkumi kepercayaan (*belief*), amali (*practice*), atau sebuah institusi yang berasaskan Tuhan (*God*) serta alam ghaib. Manakala bagi pendekatan *functional* pula, Voas menyatakan bahawa ia adalah cenderung pada menghuraikan peranan atau fungsi agama sebagai sebuah elemen penyatuan masyarakat.

Istilah *religion* juga mempunyai hubungan dengan istilah *spirituality*. Menurut Bullis, *religion* ialah manifestasi luaran terhadap kepercayaan spiritual<sup>122</sup>. Dalam maksud yang lain, ia ditonjolkan dalam bentuk perbuatan secara zahir yang merangkumi aspek kepercayaan, kod etika dan praktis ibadah<sup>123</sup>. Manakala *spirituality* pula bersifat peribadi iaitu merujuk kepada perhubungan yang berlaku secara internal di antara individu dengan kuasa yang lebih besar iaitu Tuhan (*Higher Power/God*)<sup>124</sup>. Begitu juga dengan hubungan di antara *religiosity* dengan *spirituality*. Menurut Ball, et al., *religiosity* ialah

---

<sup>118</sup> Ibid.

<sup>119</sup> Mircea Eliade, *The Encyclopedia of Religion*, vol. 12 (New York : MacMillan Publishing Company, 1987), 282-292.

<sup>120</sup> Ibid.

<sup>121</sup> David Voas, "Religious involvement over the life course: problems of measurement and classification." *Longitudinal and Life Course Studies* 6, no. 2 (2015): 212-227.

<sup>122</sup> Nancy R. Williams and Elizabeth Lindsey. "Spirituality and religion in the lives of runaway and homeless youth: Coping with adversity." *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thought* 24, no. 4 (2006): 19-38.

<sup>123</sup> M. Vincentia Joseph. "Religion and social work practice." *Social Casework* 69, no. 7 (1988): 443-452.

<sup>124</sup> Ronald K. Bullis. *Spirituality in social work practice*. (Washington:Taylor & Francis, 2013), 1-20.

pemerhatian bentuk-bentuk luaran dalam tradisi sesebuah agama<sup>125</sup>. Tambahnya, ini adalah berbeza dengan *spirituality* yang bersifat dalaman, iaitu kesempurnaan hubungan yang melibatkan individu dengan perkara-perkara ghaib (*non-material*). Ini menunjukkan bahawa terdapat pengasingan bentuk ibadah di antara kedua-dua istilah tersebut.

Perbincangan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa cara pandang (*worldview*) Barat terhadap agama adalah berbeza dengan cara pandang Islam. Dalam Islam, maksud agama adalah berasaskan kepada takrifan *al-Dīn* iaitu penyerahan keseluruhan diri kepada Allah SWT<sup>126</sup>. Penyerahan tersebut adalah dengan cara melaksanakan segala yang diperintahkan serta meninggalkan perkara yang dilarang. Dengan ini, tiada perbezaan nilai luaran ataupun dalaman dalam konsep agama Islam.

Secara umumnya, religiositi mempunyai tafsiran yang pelbagai daripada pengkaji yang berbeza. Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat perbezaan di antara tafsiran para pengkaji yang lepas dan yang terkemudian. Para pengkaji yang lepas telah berusaha memberikan tafsiran istilah religiositi dengan menghuraikannya dari aspek dimensi<sup>127</sup>. Sebagai contoh, Fukuyama menyatakan religiositi sebagai gabungan daripada empat dimensi iaitu kognitif, praktis (*cultic*), kepercayaan (*creedal*) dan penyerahan (*devotional*)<sup>128</sup>; Lenski menyifatkan religiositi sebagai komponen yang mengandungi empat dimensi seperti perhubungan (*associational*), kemasyarakatan (*communal*), kepercayaan (*doctrinal*) dan ketaatan (*devotional*)<sup>129</sup>; Glock dan Stark mengembangkan tafsiran religiositi kepada lima dimensi iaitu pengalaman (*experiential*), praktis

<sup>125</sup> Dwayne Ball, Ronald Hampton, et al. "The development of spirituality and its effect on consumer behavior." In *American Marketing Association. Conference Proceedings*, vol. 12, American Marketing Association, (2001): 3.

<sup>126</sup> Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam: saham agama dan asas akhlak*. (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1977), 3-15.

<sup>127</sup> Ahmed M. Abdel-Khalek and Mustafa Tekke. "The Association between Religiosity, Well-Being, and Mental Health among College Students from Malaysia." *Revista Mexicana de Psicología* 36, no. 1 (2019): 5-16.

<sup>128</sup> Yoshio Fukuyama, "The major dimensions of church membership." *Review of Religious Research* 2, no. 4 (1961): 154-161.

<sup>129</sup> G. Lenski *The religious factor: A sociologist's inquiry* (New York: Doubleday, 1963).

(*ritualistic*), kepercayaan (*ideological*), pengetahuan (*intellectual*) dan penghayatan (*consequential*)<sup>130</sup>; Allport dan Ross berusaha untuk meringankan tafsiran religiositi apabila mengecilkan skop dimensi menjadi dua bahagian iaitu *intrinsic* dan *extrinsic*<sup>131</sup>. Ini jelas menunjukkan bahawa kajian-kajian terdahulu mentafsirkan religiositi dari aspek dimensi.

Manakala pengkaji-pengkaji terkemudian telah berusaha untuk menghasilkan tafsiran religiositi yang lebih ringkas dan komprehensif. Antaranya adalah dengan melihat kepada kombinasi di antara aspek kepercayaan dan praktis. Sebagai contoh, Koenig, et al. menyatakan bahawa religiositi merangkumi aspek kepercayaan dan praktis<sup>132</sup>. Begitu juga Zazli, et al. yang mentafsirkan religiositi sebagai komponen kepercayaan (*intrinsic*) dan praktis (*extrinsic*)<sup>133</sup>. Pandangan mereka adalah selaras dengan teori yang pernah dihasilkan oleh Allport dan Ross sebelum itu. Mereka telah memperincikan tafsiran *intrinsic* serta *extrinsic* sebagai kepercayaan dan praktis. Terdapat juga kajian lepas yang lain melihat religiositi dari aspek pengukuran iaitu berdasarkan komitmen dan intensiti. Misalnya, Mukhtar dan Butt<sup>134</sup> berpendapat bahawa religiositi merujuk kepada intensiti kepercayaan individu terhadap agama yang dianuti olehnya. Pandangan ini juga disokong oleh Mathur, et al. yang menjelaskan religiositi sebagai lambang kepada komitmen individu yang terzahir kesan daripada kepercayaan terhadap agama<sup>135</sup>. Sementara itu, Al Abdulrazak dan Gbadamosi menyimpulkan religiositi sebagai sebuah konstruk yang kompleks. Ia mengandungi beberapa elemen

<sup>130</sup> Charles Young Glock and Rodney Stark. *Religion and society in tension* (Chicago: Rand McNally, 1965).

<sup>131</sup> Gordon W. Allport and J. Michael Ross. "Personal religious orientation and prejudice." *Journal of personality and social psychology* 5, no. 4 (1967): 432.

<sup>132</sup> Harold Koenig, Harold George Koenig, et al. *Handbook of religion and health*. (New York: Oxford University Publication, 2012).

<sup>133</sup> Z. L. Wiske, B. Muniapan, and V. Rosinaite. "Religiosity and sustainable practices in." (2019).

<sup>134</sup> Arshia Mukhtar and Muhammad Mohsin Butt. "Intention to choose Halal products: the role of religiosity." *Journal of Islamic Marketing* 3, no. 2 (2012): 108-120.

<sup>135</sup> Anil Mathur, Benny Barak, et al. "Social religiosity: concept and measurement across divergent cultures." *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics* 27, no. 5 (2015): 717-734.

dalam agama seperti kepercayaan, pengetahuan, tingkah laku, nilai, praktis dan pengalaman yang mana kesemuanya mempengaruhi aktiviti dan kehidupan sehari-hari individu tersebut<sup>136</sup>.

Ringkasnya, terdapat pelbagai tafsiran yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas dalam memberikan definisi kepada religiositi. Kepelbagaiannya tersebut adalah terhasil daripada perbezaan perspektif dan bidang kajian. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa istilah religiositi juga mempunyai definisi tersendiri dari perspektif Islam.

### 2.2.2 Istilah

Religiositi merupakan perbincangan yang luas berkaitan dengan keagamaan individu atau kumpulan. Perbincangan adalah merangkumi konsep, dimensi dan ukuran yang digunakan. Dari segi ukuran, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa religiositi diukur dengan menggunakan sama ada satu dimensi (*unidimensional*) ataupun pelbagai dimensi (*multi-dimensional*). Menurut Bergan, pada awalnya, religiositi individu diukur dengan melihat dari satu dimensi sahaja iaitu frekuensi kehadiran mereka ke gereja (rumah ibadat)<sup>137</sup>. Walau bagaimanapun, menurut beliau lagi penilaian berdasarkan kehadiran ke gereja semata-mata adalah tidak tepat dan membawa kepada kesimpulan yang salah. Hal ini demikian kerana, ia menimbulkan kemungkinan lain seperti kehadiran ke gereja barangkali disebabkan untuk mengelakkan diri mereka daripada rasa terasing, untuk menggembirakan hati orang lain atau sebagai salah satu cara untuk bersosial. Justeru, kehadiran mereka ke rumah ibadat bukanlah disebabkan oleh penghayatan mereka kepada

---

<sup>136</sup> R. M. Al Abdulrazak & A. Gbadamosi, Trust, religiosity, and relationship marketing: a conceptual overview of consumer brand loyalty. *Society and Business Review*, 12(3), (2017): 320-339.

<sup>137</sup> Anne Bergan and Jasmin Tahmeseb McConatha. "Religiosity and life satisfaction." *Activities, Adaptation & Aging* 24, no. 3 (2001): 23-34.

agama yang dianuti. Ini menimbulkan kesukaran dalam menilai individu tersebut sama ada benar-benar berpegang dengan agamanya ataupun tidak.

Perkara ini menyebabkan pengkaji-pengkaji yang lain berusaha mengukur religiositi dengan melihat dari pelbagai dimensi. Bermula pada tahun 1960, kebanyakan pengkaji telah berusaha untuk memperbaharui semula konsep religiositi dan menghasilkan ukuran multi-dimensi seperti Putney & Middleton<sup>138</sup>, Glock & Stark Faulkner & DeJong<sup>139</sup>, King & Hunt<sup>140</sup>, DeJong, Faulkner & Warland<sup>141</sup> dan Cornwall, et al.<sup>142</sup>. Penghasilan skala-skala multi-dimensi ini menyumbang kepada pembangunan bidang psikologi untuk mengukur religiositi individu dari aspek akhlak (*attitude*), kepercayaan (*belief*) dan nilai (*value*)<sup>143</sup>. Menurut Khraim, beliau menyimpulkan bahawa kebanyakan kajian berkenaan ukuran religiositi adalah dilakukan berasaskan tiga dimensi utama. Antaranya adalah *intrinsic* iaitu agama sebagai kemuncak kehidupan, *extrinsic* iaitu agama sebagai penghubung dalam kehidupan dan *quest* iaitu agama sebagai usaha pencarian makna kehidupan<sup>144</sup>.

Namun begitu, terdapat juga kajian-kajian lepas yang menegaskan bahawa religiositi mampu diukur dengan hanya menggunakan satu dimensi sahaja. Antaranya ialah Clayton<sup>145</sup> dan Voas<sup>146</sup> yang berpendapat bahawa walaupun wujud dimensi yang

---

<sup>138</sup> Snell Putney and Russell Middleton. "Dimensions and correlates of religious ideologies." *Social Forces* 39, no. 4 (1961): 285-290.

<sup>139</sup> Joseph E. Faulkner and Gordon F. De Jong. "Religiosity in 5-D: An empirical analysis." *Social forces* 45, no. 2 (1966): 246-254.

<sup>140</sup> Morton B. King and Richard A. Hunt. "Measuring the religious variable: Replication." *Journal for the Scientific Study of Religion* (1972): 240-251.

<sup>141</sup> Gordon F. De Jong, Joseph E. Faulkner, and Rex H. Warland. "Dimensions of religiosity reconsidered; Evidence from a cross-cultural study." *Social Forces* 54, no. 4 (1976): 866-889.

<sup>142</sup> Marie Cornwall, Stan L. Albrecht, et al. "The dimensions of religiosity: A conceptual model with an empirical test." *Review of Religious Research*(1986): 226-244.

<sup>143</sup> Peter C. Hill and Ralph W. Hood, eds. *Measures of religiosity*. (Birmingham, AL: Religious Education Press, 1999), 1-54.

<sup>144</sup> Hamza Khraim, "Measuring religiosity in consumer research from an Islamic perspective." *Journal of Economic and Administrative Sciences* 26, no. 1 (2010): 52-78.

<sup>145</sup> Richard R. Clayton, "5-D or 1?." *Journal for the Scientific Study of Religion* (1971): 37-40.

<sup>146</sup> David Voas, "The rise and fall of fuzzy fidelity in Europe." *European Sociological Review* 25, no. 2 (2008): 155-168.

pelbagai untuk mengukur religiositi, namun hakikatnya kesemua itu adalah menjurus kepada satu titik yang utama iaitu dimensi kepercayaan (*belief*). Ini menunjukkan bahawa terdapat pandangan yang mengatakan bahawa religiositi boleh diukur menggunakan hanya satu dimensi. Secara umumnya, dapat dinyatakan bahawa religiositi merupakan sebuah konsep yang abstrak dan mempunyai kesukaran untuk mendapatkan ukuran yang tepat. Oleh itu, terdapat pelbagai kaedah yang dibangunkan oleh para pengkaji dalam melakukan penilaian terhadapnya.

Dari sudut konsep, religiositi mempunyai kefahaman yang berbeza melalui perspektif para pengkaji. Menurut Holdcroft, terdapat dua sebab yang menjadikan kajian tentang religiositi itu sukar<sup>147</sup>. Pertama, kesukaran itu timbul dari sudut memahami istilah religiositi itu sendiri. Ia berpunca daripada asal usul istilah tersebut yang sukar untuk diterjemahkan dan digambarkan secara literal<sup>148</sup>. Kebiasaananya, terjemahan kepada istilah religiositi merujuk kepada istilah-istilah seperti agama (*faith*), kepercayaan (*belief*), penyerahan (*devotion*) dan ortodoks.

Selain itu, kepelbagaiannya bidang kajian religiositi juga menyebabkan konsep religiositi itu sukar difahami secara jelas. Hal ini demikian kerana, konsep religiositi yang dibawa oleh para pengkaji adalah berasaskan kepada kerangka teori kajian yang dilakukan bagi memenuhi objektif kajian tersebut. Misalnya, pengkaji bagi bidang psikologi akan melihat religiositi dari perspektif keikhlasan, penyerahan dan kemuliaan individu. Manakala pengkaji bagi bidang sosiologi pula melihat religiositi individu dari sudut kehadiran mereka ke pusat ibadat, partisipasi mereka dalam aktiviti keagamaan, pengetahuan tentang agama serta praktis agama dalam kehidupan. Perkara ini dipersetujui oleh Mokhlis yang berpendapat bahawa religiositi adalah sebuah konsep yang fleksibel

---

<sup>147</sup> Barbara B. Holdcroft, "What is religiosity." *Catholic Education: A Journal of inquiry and practice* 10, no. 1 (2006): 89-103.

<sup>148</sup> Ibid.

dan berbeza berdasarkan perspektif kajian<sup>149</sup>. Tambah beliau, kesukaran mendapatkan definisi religiositi ini adalah disebabkan ia tertakluk di bawah istilah *religion* yang tidak dapat ditafsirkan secara umum dan fleksibel mengikut latar belakang kajian.

Menurut Diana, et al., secara umumnya, perbahasan berkaitan religiositi adalah bertitik tolak daripada kefahaman para pengkaji melalui dua sudut yang berbeza<sup>150</sup>. Pertama, ia dapat dilihat menerusi kadar penglibatan mereka terhadap aktiviti keagamaan manakala yang kedua pula adalah tahap penghayatan mereka terhadap agama dengan melibatkan unsur ketuhanan dalam seluruh aspek kehidupan mereka. Dengan itu, kepelbagaiannya dan perbezaan kajian berkaitan religiositi adalah berpunca daripada dua sudut tersebut.

Dalam menjelaskan konsep religiositi, terdapat beberapa teori yang telah dihasilkan oleh para pengkaji dalam bidang ini. Antaranya adalah teori *Intrinsic* dan *Extrinsic* yang dicadangkan oleh Allport dan Ross<sup>151</sup>. Mereka mencadangkan bahawa religiositi individu adalah dibuktikan menerusi dua nilai utama tersebut<sup>152</sup>. *Intrinsic* merujuk kepada individu yang berusaha mencari matlamat utama dalam kehidupan menerusi agama serta beramal dengannya dalam kehidupan sehari-hari<sup>153</sup>. Menerusi teori ini, agama dijadikan kemuncak kepada segala tindakan yang dilakukan.

Manakala *Extrinsic* pula merujuk kepada individu yang menggunakan agama bagi memastikan kelangsungan dalam kehidupan mereka<sup>154</sup>. Ini bermaksud mereka

---

<sup>149</sup> Safiek Mokhlis, "Relevancy and measurement of religiosity in consumer behavior research." *International Business Research* 2, no. 3 (2009): 75-84.

<sup>150</sup> Nor Diana Mohd Mahudin, N. M. Noor, et al. "Religiosity among muslims: A scale development and validation study." *Makara Hubs-Asia* 20, no. 2 (2016): 109-121.

<sup>151</sup> Gordon W. Allport and J. Michael Ross."Personal religious orientation and prejudice." *Journal of personality and social psychology* 5, no. 4 (1967): 432-443.

<sup>152</sup> Ralph W. Hood Jr, "Religious orientation and the report of religious experience." *Journal for the scientific study of religion* (1970): 285-291.

<sup>153</sup> Gordon W. Allport and J. Michael Ross."Personal religious orientation and prejudice." *Journal of personality and social psychology* 5, no. 4 (1967): 432-443.

<sup>154</sup> Ibid.

menjadikan agama sebagai perantara bagi memenuhi keperluan diri sendiri seperti mendapatkan jaminan perlindungan dan status sosial yang bersih. Nilai ini telah membawa kepada sifat prejudis kerana ia seolah-olah menunjukkan tiada penghayatan dalam beragama. Kelompangan ini kemudiannya cuba diisi oleh Batson et al. yang berpendapat bahawa religiositi adalah lebih tepat jika dilihat juga menerusi aspek tingkah laku dalam kehidupan (*behaviour*)<sup>155</sup>. Mereka mencadangkan bahawa religiositi diukur menerusi orientasi *Quest Religiosity* yang merujuk kepada usaha dan sifat ingin tahu oleh individu. Sifat ini menggambarkan kesungguhan individu dalam mencari kebenaran terhadap agama yang dianutti.

Kesinambungan daripada teori-teori tersebut kemudiannya telah membawa kepada kefahaman religiositi sebagai bentuk komitmen individu. Delener berpendapat bahawa religiositi ialah tahap komitmen individu terhadap kelompok agama yang dianutti oleh mereka<sup>156</sup>. Menurut Mattis dan Jagers, komitmen tersebut dizahirkan dalam bentuk kepercayaan, doktrin dan praktis<sup>157</sup>. Ini adalah selaras dengan takrifan agama (*religion*) yang ditafsirkan oleh mereka sebagai sebuah sistem yang melibatkan kombinasi kepercayaan, mitologi dan ritual yang bersandarkan kepada Tuhan (*God*). McAndrew dan Voas telah membahagikan religiositi kepada dua bahagian iaitu *religious affiliation* dan *religious commitment*<sup>158</sup>. *Religious affiliation* berperanan sebagai identiti individu berdasarkan agama atau etnik. Misalnya, individu itu dikenali sebagai mereka yang beragama Islam, Kristian dan lain-lain. Manakala *religious commitment* pula adalah berkait dengan keperibadian, tingkah laku dan nilai-nilai murni. Mereka menyatakan

---

<sup>155</sup> Charles Daniel Batson, Patricia Schoenrade, and W. Larry Ventis. *Religion and the individual: A social-psychological perspective*. (Oxford University Press, 1993).

<sup>156</sup> Nejdet Delener, "The effects of religious factors on perceived risk in durable goods purchase decisions." *Journal of Consumer Marketing* 7, no. 3 (1990): 27-38.

<sup>157</sup> Jacqueline S. Mattis and Robert J. Jagers. "A relational framework for the study of religiosity and spirituality in the lives of African Americans." *Journal of Community Psychology* 29, no. 5 (2001): 519-539.

<sup>158</sup> Siobhan McAndrew and David Voas. "Measuring religiosity using surveys." *Survey Question Bank: Topic Overview* 4, no. 2 (2011): 1-15.

bahawa religiositi merupakan komitmen individu yang dibuktikan menerusi pengamalan dalam kehidupan sehari-hari.

Di samping itu, perbincangan berkaitan skala-skala religiositi ini telah membawa pengkaji untuk mengenal pasti perbezaan kerangka yang digunakan. Disebabkan kajian religiositi ini adalah melibatkan agama, maka adalah mustahil untuk menggunakan skala yang sama ke atas individu yang berlainan agama. Sebagai contoh, skala religiositi yang berasaskan Barat adalah tidak sesuai untuk digunakan ke atas individu Muslim kerana terdapat perbezaan yang ketara dari aspek kepercayaan dan ibadah. Justeru, sebuah skala yang memfokuskan kepada individu Muslim perlu dibangunkan. Menurut Krauss, et al., kebanyakan teori dan skala berkaitan religiositi adalah berdasarkan latar masyarakat Judeo-Kristian di Barat yang lebih cenderung kepada agama Kristian<sup>159</sup>. Perkara ini menimbulkan keraguan dan persoalan berkenaan keupayaan teori serta skala agama Kristian untuk diaplikasikan ke atas agama yang lain seperti Islam.

Dari perspektif Islam, kefahaman terhadap istilah religiositi dan agama adalah berbeza dengan Barat. Tafsiran bagi istilah “*religion*” tidak dapat menggambarkan maksud agama yang sebenar menurut Islam. Menurut Syed Naquib al-Attas, memahami makna Islam sebagai sebuah agama mestilah dilakukan menerusi takrifan *al-Dīn*<sup>160</sup>. Konsep asas di dalam Islam ialah penyerahan seorang hamba kepada Allah SWT secara keseluruhan hidupnya. Penyerahan ini adalah selaras dengan matlamat akhir *al-Dīn* iaitu pengembalian insan kepada keadaan asal mereka sebelum dizahirkan di dunia<sup>161</sup>. Jelas beliau, pada asalnya telah berlaku perjanjian di antara Allah dengan manusia<sup>162</sup> iaitu

<sup>159</sup> Steven Eric Krauss, A. Hj Hamzah, et al. "The Muslim Religiosity-Personality Measurement Inventory (MRPI)'s Religiosity Measurement Model: Towards Filling the Gaps in Religiosity Research on Muslims." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 13, no. 2 (2005): 131-145.

<sup>160</sup> Muhammad Naguib Al-Attas, *Islam: faham agama dan asas akhlak*. (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1977), 1-20.

<sup>161</sup> Muhammad Naguib Al-Attas and Muhammad Zainiy Uthman. *Ma'na kebahagiaan dan pengalamannya dalam Islam*. (Kuala Lumpur: ISTAC, 2002), 9-11.

<sup>162</sup> Perjanjian ini boleh dilihat menerusi dalil al-Quran menerusi Surah Al-A'raf, ayat 72 :

pengakuan Allah sebagai Tuhan yang berhak disembah serta kewajipan menunaikan ibadah kepadaNYA. Dalam Islam, tiada pengasingan (sekular) di antara kehidupan dunia dengan unsur wahyu atau ketuhanan<sup>163</sup>. Ini bermaksud bahawa pengakuan keimanan kepada Allah SWT adalah dizahirkan dalam bentuk praktis, ibadah dan amal salih. Individu yang mempunyai hubungan yang baik dengan TuhanYa ialah individu yang melaksana serta menuruti segala perintah dan larangan yang telah ditetapkan.

Dari perspektif Islam, Rafiza et al.<sup>164</sup> dan Zakaria Stapa<sup>165</sup> menyatakan bahawa religiositi adalah kegiatan yang menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai *al-Dīn* iaitu cara hidup. Ia merangkumi beberapa aspek seperti aqidah, ibadah dan akhlak. Kegiatan ini adalah selari dengan salah satu konsep di dalam Islam iaitu *al-Tadayyun*. Ia merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada kalimah *al-Dīn*. Konsep *al-Tadayyun* boleh difahami sebagai penghayatan individu Muslim terhadap ajaran Islam dan ia dibuktikan menerusi pelaksanaan serta pengamalan dalam kehidupan seharian mereka<sup>166</sup>. Tambah Rafiza, konsep *al-Tadayyun* bukanlah semata-mata dilihat dari sudut zahir menerusi ritual dalam hal ehwal ibadah, bahkan merangkumi segala dimensi yang wujud dalam Islam sama ada secara zahir ataupun batin. Dengan itu, istilah religiositi adalah menepati konsep *al-Dīn* atau *al-Tadayyun* di dalam Islam itu sendiri.

Dalam meneliti huraiyan religiositi dalam Islam, pengkaji juga mendapati bahawa konsep *al-Dīn* mempunyai hubungan dengan komitmen individu. Ia dapat dilihat

---

"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi".

<sup>163</sup> Ian Richard Netton, *Encyclopedia of Islamic civilization and religion*. (New York: Routledge, 2013).

<sup>164</sup> Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, AS Long, Zaizul Abdul Rahman, "Perbandingan Religiositi Menurut Perspektif Islam dan Barat" (2017): 161-166.

<sup>165</sup> Zakaria Stapa. "Akhlak Islam dan Gaya Hidup Muslim Semasa: Analisis Konsep dan Agenda Bertindak." *Jurnal Yadim*. (2002): 51-65.

<sup>166</sup> Zulkiple Abd Ghani and Nor Salimah Binti Abu Mansor. "Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali." *Unpublished article*. Universiti Teknologi Malaysia (2006): 1-19.

menerusi usaha dan kegiatan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup. Usaha tersebut memerlukan elemen komitmen, kesungguhan dan konsisten dalam pelaksanaan. Al-Goaib (2003) menjelaskan bahawa komitmen dapat dizahirkan menerusi pemeliharaan terhadap perkara-perkara fundamental seperti aqidah dan amalan ibadah yang wajib<sup>167</sup>. Tambahnya, tujuan utama komitmen tersebut adalah untuk memelihara hak Allah dan manusia, melaksanakan segala perintah Allah, menjauhi perbuatan mungkar serta lambang ibadah kepada Allah.

Bagi mengukur keagamaan individu Muslim, terdapat beberapa usaha daripada pengkaji Muslim untuk membangunkan skala yang bercirikan Islam serta bebas daripada pengaruh agama Kristian. Skala tersebut terbahagi kepada dua iaitu sama ada satu dimensi sahaja (*unidimensional*) ataupun pelbagai dimensi (*multidimensional*). Antara skala Muslim yang bersifat multi-dimensi adalah seperti skala yang dibangunkan oleh Taai<sup>168</sup>. Taai menggunakan dimensi kepercayaan dan praktis untuk mengukur keagamaan Islam. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan dalam skala yang dihasilkan olehnya. Antaranya adalah tiada perbezaan di antara amalan yang sunat dan wajib bagi dimensi praktis. Sebagai contoh, dalam ruangan skala praktis, Taai menggabungkan aspek yang wajib seperti solat dan puasa bersama dengan aspek yang mempunyai pilihan seperti menuntut ilmu dengan amalan solat sunat. Ini adalah dilihat kurang tepat dalam menentukan religiositi individu tersebut. Ibadah seperti solat lima waktu dan puasa di bulan Ramadan merupakan ketetapan yang wajib ke atas semua umat Islam. Manakala ibadah yang bersifat sunat pula adalah pilihan dan tidak sampai kepada tahap wajib. Justeru, individu yang meninggalkannya atas sebab-sebab lain yang mendesak tidak boleh disimpulkan sebagai kurang tahap agamanya. Khraim<sup>169</sup> mengukur religiositi dari

---

<sup>167</sup> S. Al-Goaib, "Religiosity and social conformity of university students: An analytical study applied at King Saoud University." *Arts Journal of King Saoud University* 16, no. 1 (2003): 51-99.

<sup>168</sup> N. M. Taai, "*Religious Behavior Scale*." (Kuwait: Arrobyaan Publishing, 1985).

<sup>169</sup> Hamza Khraim, "Measuring religiosity in consumer research from an Islamic perspective." *Journal of Economic and Administrative Sciences* 26, no. 1 (2010): 52-78.

dimensi praktis dengan menggunakan tiga konstruk, iaitu menuntut ilmu agama, isu semasa Islam dan sensitiviti produk. Al-Belaikhi mengukur religiositi individu Muslim dengan melihat kepada tiga komponen iaitu kepercayaan, praktis dan akhlak<sup>170</sup>.

Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat religiositi hanya dari aspek praktis atau ibadah yang dilakukan oleh informan. Ibadah-ibadah asas (*mahdah*) atau Fardu ‘Ain seperti solat lima waktu dan puasa di bulan Ramadan merupakan ibadah yang wajib dilakukan oleh kesemua individu Muslim tanpa mengira latar belakang. Menurut Sharifah Hayati, pengukuran penghayatan agama individu (*tadayyun*) atau religiositi ini dapat dilakukan dengan melihat kepada aspek amalan<sup>171</sup>. Tambahan pula, Jamiah, et al. menegaskan bahawa amalan individu itu menjadi bukti kepada keimanan mereka<sup>172</sup>. Ini menunjukkan bahawa aspek praktis secara tidak langsung menzahirkan aspek kepercayaan dalam agama. Jelas beliau, pengukuran religiositi juga hanya boleh dinilai dari sudut amalan yang zahir sahaja. Ibadah solat dan puasa merupakan ibadah yang bersifat zahir iaitu dalam bentuk perbuatan. Pelaksanaan solat fardhu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan adalah sebahagian daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan. Ia juga menjadi bukti keimanan seseorang itu kepada Allah SWT.

### 2.3 SKALA-SKALA KEAGAMAAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan melakukan semakan dan komentar terhadap skala-skala religiositi yang pernah dihasilkan melalui kajian-kajian lepas. Skala-skala tersebut dibahagikan kepada dua iaitu yang dihasilkan oleh pengkaji Barat-Kristian dan skala yang dihasilkan oleh pengkaji Muslim. Pengkaji mengumpulkan kedua-dua jenis skala

<sup>170</sup> Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, et al. "Perbandingan Religiositi Menurut Perspektif Islam dan Barat" (2017): 161-166.

<sup>171</sup> Sharifah Hayaati Syed Ismail, "Mengurus Antara Keluarga dan Kerjaya Organisasi: Analisis Melalui Pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasid dan al-Wasatiyyah (Managing between Family and Organisational Career: Analysis through al-Tadayyun, al-Maqasid and al-Wasatiyyah Approaches)." *Akademika* 87, no. 3 (2017): 197-210.

<sup>172</sup> Jamiah Hj Manap, Azimi Hamzah, et al. "Prinsip Pengukuran Religiositi Dan Personaliti Muslim." *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia* 1, no. 1 (2013): 36-43.

ini untuk melihat perbezaan konsep di antara kedua-duanya. Selain itu, ruangan ini juga adalah bertujuan untuk mengenal pasti item-item yang selari dengan konsep religiositi bagi dimuatkan dalam instrumen temu bual kajian ini.

a) **The Centrality of Religiosity Scale<sup>173</sup>**

The Centrality of Religiosity Scale (CRS) telah dibangunkan oleh Stefan Huber yang merupakan pengkaji dalam bidang Teologi. Religiositi di dalam CRS menerusi tahap kepentingan agama dalam kehidupan individu. Kepentingan tersebut dijelaskan melalui bilangan serta penghayatan ke atas amalan-amalan yang ditetapkan dalam agama<sup>174</sup>. Skala ini telah digunakan ke atas beberapa bidang pengajian yang bertujuan mengukur religiositi seperti sosiologi, psikologi dan pengajian agama<sup>175 176 177</sup>.

Dari sudut dimensi, skala ini menjadikan teori 5 Dimensi Religiositi (*5-Dimension of Religiosity*) yang dibangunkan oleh Glock sebagai kerangka asas. Antara dimensi tersebut adalah seperti intelektual, ideologi, praktis umum, praktis persendirian dan penghayatan. Bagi dimensi intelektual, indikator yang digunakan adalah kekerapan (frekuensi) individu tersebut berfikir tentang isu-isu agama. Ia adalah bertujuan melihat tahap pengetahuan agama yang berperanan menentukan sejauh mana tahap kepentingan agama dalam kehidupan mereka. Contoh itemnya adalah ; “*How often do you think about religious issues?*”. Manakala bagi dimensi ideologi, indikator yang digunakan adalah

---

<sup>173</sup> Stefan Huber and Odilo W. Huber. "The centrality of religiosity scale (CRS)." *Religions* 3, no. 3 (2012): 710-724.

<sup>174</sup> L. Gaiswinkler and H. F. Unterrainer. "The relationship between yoga involvement, mindfulness and psychological well-being." *Complementary therapies in medicine* 26 (2016): 123-127.

<sup>175</sup> Christian Zwingmann, Constantin Klein and Büsing, Arndt. "Measuring Religiosity/Spirituality: Theoretical Differentiations and Categorization of Instruments." *Religions* 2 (2011), no. 3: 345-357.

<sup>176</sup> Dariusz Krok, "Religiousness and social support as predictive factors for mental health outcomes." *Archives of Psychiatry and Psychotherapy* 4, no. 16 (2014): 65-76.

<sup>177</sup> Anja Terkamo-Moisio, Tarja Kvist, et al. "Nurses' attitudes towards euthanasia in conflict with professional ethical guidelines." *Nursing ethics* 24, no. 1 (2017): 70-86.

dengan melihat kepada unsur kepercayaan/tauhid (*belief*) oleh responden. Contoh itemnya adalah ; “*To what extend do you believe that God or something divine exists?*”.

Selain itu, dalam mengukur religiositi responden, CRS juga menggunakan dimensi praktis umum (*public practice*) sebagai indikator. Ia bermaksud religiositi responden diukur berdasarkan kepada perlakuan mereka sebagai ahli dalam sesebuah masyarakat iaitu kekerapan menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan dalam agama mereka. Antaranya adalah seperti kehadiran ke gereja pada setiap hari Ahad dan solat Jumaat di masjid pada setiap hari Jumaat. Contoh bagi indikator ini ialah; “*How often do you take part in religious services?*”.

Seterusnya, CRS juga mengukur religiositi menerusi praktis persendirian (*private practice*). Dimensi ini melihat kepada tanggungjawab individu dalam melaksanakan tuntutan agama mereka. Antara bentuk praktis persendirian adalah seperti menunaikan solat lima waktu bagi yang beragama Islam dan amalan meditasi bagi agama yang lain. Contoh bagi indikator ini ialah; “*How often do you pray?*” dan “*How often do you meditate?*”.

Dimensi kelima yang terdapat di dalam CRS ialah dimensi penghayatan (*religious experience*). Indikator yang digunakan adalah dengan melihat kepada perasaan responden berkenaan peranan Tuhan dalam kehidupan mereka. Contoh itemnya adalah ; “*How often do you experience situations which you have feeling that God intervenes in your life?*” dan “*How often do you experience situations in which you have feeling that you are in one with all?*”.

Berdasarkan dimensi-dimensi tersebut, dapat disimpulkan bahawa religiositi responden di dalam CRS diukur dengan melihat kepada jumlah kekerapan (frekuensi) responden. Frekuensi objektif ialah indikator terhadap terhadap aktiviti keagamaan yang menjadi tuntutan dan sering dilakukan oleh responden. Contohnya, kadar kekerapan

menunaikan solat dan kehadiran ke gereja. Manakala frekuensi subjektif pula merujuk kepada indikator yang dilakukan terhadap aktiviti keagamaan yang bukan bersifat kerap seperti pengetahuan terhadap isu-isu dalam agama. Ukuran religiositi individu dapat dinilai menerusi kekerapan amalan yang dilakukan serta penghayatan terhadapnya.

**b) The Duke University Religion Index (DUREL)<sup>178</sup>**

The Duke University Religion Index (DUREL) telah dibangunkan oleh Harold A. Koenig dan Arndt Büssing yang berlatarkan bidang Teologi, Spiritualiti dan Kesihatan<sup>179</sup>. DUREL ialah skala yang dibangunkan untuk mengukur kepercayaan dan penglibatan individu dalam beragama<sup>180</sup>. Dari sudut dimensi, skala ini terhasil daripada gabungan beberapa dimensi religiositi yang dirujuk daripada National Institute of Health serta Dean Hoge's 10-item Intrinsic Religiosity Scale<sup>181</sup>. DUREL menekankan dua aspek utama dalam mengukur religiositi responden iaitu dengan melihat kepada kekerapan (frekuensi) penglibatan responden dalam aktiviti keagamaan dan nilai-nilai religiositi yang bersifat intrinsik (IR).

Antara dimensi religiositi yang terkandung di dalam skala ini adalah seperti aktiviti keagamaan secara fungsional (ORA), aktiviti keagamaan secara persendirian (NORA) dan komitmen terhadap agama (IR)<sup>182</sup>. ORA merujuk kepada aktiviti keagamaan yang dilakukan secara terbuka atau sosial seperti kehadiran ke gereja atau program-program keagamaan yang dianjurkan. Manakala NORA pula ialah praktis keagamaan secara persendirian seperti menunaikan solat, berdoa, meditasi, membaca al-Quran dan

---

<sup>178</sup> Harold G. Koenig and Arndt Büsing. "The Duke University Religion Index (DUREL): a five-item measure for use in epidemiological studies." *Religions* 1, no. 1 (2010): 78-85.

<sup>179</sup> Ibid.

<sup>180</sup> Mary B. Short, Thomas E. Kasper, and Chad T. Wetterneck. "The relationship between religiosity and internet pornography use." *Journal of Religion and Health* 54, no. 2 (2015): 571-583.

<sup>181</sup> Harold G. Koenig and Arndt Büsing. "The Duke University Religion Index (DUREL): a five-item measure for use in epidemiological studies." *Religions* 1, no. 1 (2010): 78-85.

<sup>182</sup> Lucchetti, Giancarlo, Alessandra Lamas Granero Lucchetti, et al. "Validation of the duke religion index: DUREL (Portuguese version)." *Journal of religion and health* 51, no. 2 (2012): 579-586.

membaca *Bible*. Sementara itu, religiositi yang bersifat intrinsik (IR) pula ialah penghayatan serta kefahaman individu dalam beragama. Contohnya, penghayatan hidup dengan mempunyai Tuhan dan pembawaan agama dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, terdapat tiga subskala yang terhasil daripada DUREL iaitu ORA, NORA dan IR<sup>183</sup>.

Skala ini kemudiannya dibentuk dengan 5 soalan/item yang berasaskan dimensi-dimensi tersebut. Dua item yang pertama daripada DUREL, iaitu ORA dan NORA merupakan item yang memberikan tumpuan terhadap penglibatan responden dalam aktiviti keagamaan secara sosial dan persendirian<sup>184</sup>. Selain itu, terdapat 3 item yang diambil daripada Dean Hoge's 10-item Intrinsic Religiosity Scale untuk menghasilkan DUREL<sup>185</sup>. Item-item tersebut dipilih berdasarkan beberapa kriteria seperti berkaitan dengan unsur religiositi yang intrinsik (IR), saling berkait dengan skor keseluruhan skala dan juga hubungannya dengan kesan dari sudut kesihatan. Antara contoh item yang digunakan adalah seperti;

1. How often do you attend church or other religious meetings?
2. How often do you spend time in private religious activities, such as prayer, meditation or Bible study
3. In my life, I experience the presence of the Divine (i.e God)
4. My religious beliefs are what really lie behind my whole approach to life
5. I try hard to carry my religion over into all other dealings in life

Kesimpulannya, DUREL merupakan skala religiositi yang bersifat ringkas tetapi padat dalam mengkaji hubungan di antara religiositi dengan kesihatan. Ia merupakan salah satu daripada kajian secara epidemiologi iaitu pengajian berkenaan hubungan di antara kesihatan dan penyakit dalam populasi tertentu<sup>186</sup>. Terdapat tiga dimensi/subskala

---

<sup>183</sup> Eric A. Storch, Jonathan W. Roberti, et al. "The duke religion index: A psychometric investigation." *Pastoral Psychology* 53, no. 2 (2004): 175-181.

<sup>184</sup> Sina Hafizi, Amir Hossein Memari, et al. "The Duke University Religion Index (DUREL): validation and reliability of the Farsi version." *Psychological Reports* 112, no. 1 (2013): 151-159.

<sup>185</sup> Ibid.

<sup>186</sup> Harold G. Koenig and Arndt Büsing. "The Duke University Religion Index (DUREL): a five-item measure for use in epidemiological studies." *Religions* 1, no. 1 (2010): 78-85.

yang digunakan dalam DUREL iaitu penglibatan dalam aktiviti keagamaan secara terbuka (ORA), penglibatan secara individu (NORA) dan nilai-nilai intrinsik dalam religiositi (IR). Kelebihan skala ini adalah bersifat ringkas dengan hanya mengemukakan lima soalan religiositi sahaja kepada responden<sup>187</sup>. Sifat skala DUREL yang ringkas ini boleh diaplikasikan ke atas kumpulan responden yang tergolong dalam kategori aras rendah. Hal ini demikian kerana, item-item yang dihasilkan adalah bersifat persoalan secara langsung dan mudah untuk difahami serta dijawab oleh umum.

c) **The Religious Commitment Inventory—10<sup>188</sup>**

Religious Commitment Inventory – 10 (RCI-10) ialah skala religiositi yang dibangunkan oleh Everett L.Worthington et al.. Konsep religiositi yang dibangunkan oleh mereka adalah berasaskan kepada tahap komitmen individu yang diukur menerusi aspek kepercayaan, nilai dan praktis agama dalam kehidupan seharian<sup>189</sup>. RCI-10 menggunakan beberapa dimensi bagi mengukur komitmen responden terhadap agama. Antaranya adalah aspek kognitif dan tingkah laku (*behavioural*)<sup>190</sup>. Dimensi kognitif bertujuan menilai religiositi dari sudut kepercayaan atau pengalaman dalam beragama oleh individu tersebut<sup>191</sup>. Sementara dimensi tingkah laku pula adalah dari aspek perbuatan di mana ia merujuk kepada kadar penglibatan individu dalam aktiviti keagamaan<sup>192</sup>. Dari sudut item, RCI-10 mengandungi 10 item bagi mengukur religiositi dan komitmen responden terhadapnya. Kesemua item tersebut adalah dihasilkan berdasarkan kepada dimensi

---

<sup>187</sup> Ibid.

<sup>188</sup> Everett L. Worthington Jr, Nathaniel G. Wade, et al. "The Religious Commitment Inventory--10: Development, refinement, and validation of a brief scale for research and counseling." *Journal of Counseling Psychology* 50, no. 1 (2003): 84-96.

<sup>189</sup> Jesse Owen, Terrence A. Jordan, et al. "Therapists' multicultural orientation: Client perceptions of cultural humility, spiritual/religious commitment, and therapy outcomes." *Journal of Psychology and Theology* 42, no. 1 (2014): 91-98.

<sup>190</sup> Jamie L. Lopez, Shelley A. Riggs, et al. "Religious commitment, adult attachment, and marital adjustment in newly married couples." *Journal of Family Psychology* 25, no. 2 (2011): 301-309.

<sup>191</sup> Safiek Mokhlis, "Relevancy and measurement of religiosity in consumer behavior research." *International Business Research* 2, no. 3 (2009): 75-84.

<sup>192</sup> Ibid.

religiositi yang ditetapkan. Antara contoh item yang terdapat di dalam RCI-10 adalah seperti<sup>193</sup> :-

1. I often read books and magazines about my faith
2. I make financial contributions to my religious organizations
3. I spend time trying to grow in understanding of my faith
4. Religion is especially important to me because it answers many questions about the meaning of life
5. My religious beliefs lie behind my whole approach to life
6. I enjoy spending time with others of my religious affiliation
7. Religious beliefs influence all my dealings in life
8. It is important to me to spend periods of time in private religious thought and reflection
9. I enjoy working in the activities of my religious organization
10. I keep well informed about my local religious group and have some influences in its decisions

Sebanyak 3 item daripada RCI-10 (no.5,9,10) adalah diambil daripada skala-skala religiositi sebelumnya iaitu daripada Hoge dan King & Hunt<sup>194</sup>. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan bagi mengukur kesemua item tersebut. Kaedah-kaedah tersebut adalah berbeza mengikut item yang disediakan. Bagi menilai kekerapan penglibatan responden dalam aktiviti keagamaan, skala yang bercirikan frekuensi digunakan iaitu *0 = none, 1 = one a year, 2 = a few times a year, 3 = one a month, 4 = one a week, dan 5 = more than one a week*. Selain itu, bagi mengenal pasti komitmen beragama dan tahap intensiti spiritual responden, skala Likert 5-point telah digunakan dengan susunan bermula daripada *0 = not at all* sehingga *4 = totally* ataupun *1 = not at all* sehingga *5 = totally*.

Kesimpulannya, RCI-10 merupakan skala yang dibangunkan bertujuan mengkaji hubungan di antara religiositi dengan spiritualiti<sup>195</sup>. Komitmen yang dizahirkan seperti

---

<sup>193</sup> Joshua A. Hicks and Laura A. King. "Religious commitment and positive mood as information about meaning in life." *Journal of Research in Personality* 42, no. 1 (2008): 43-57.

<sup>194</sup> Everett L. Worthington Jr, Nathaniel G. Wade, et.al, "The Religious Commitment Inventory--10: Development, refinement, and validation of a brief scale for research and counseling." *Journal of Counseling Psychology* 50, no. 1 (2003): 84-96.

<sup>195</sup> Everett L. Worthington Jr, Joshua N. Hook, Don E. Davis, and Michael A. McDaniel. "Religion and spirituality." *Journal of Clinical Psychology* 67, no. 2 (2011): 204-214.

penglibatan dalam sebarang aktiviti keagamaan merupakan refleksi kepada kepercayaan, kesedaran dan penghayatan individu terhadap agama. Dengan ini, dapat dinyatakan bahawa salah satu kaedah mengukur religiositi individu adalah dengan mengetahui tahap komitmen mereka terhadap agama.

**d) Arabic Religiosity Scale<sup>196</sup>**

Arabic Religiosity Scale (ARS) merupakan skala religiositi yang lebih bersesuaian dan spesifik untuk digunakan di rantau Arab. Ia dibangunkan oleh Dary R. Khalaf yang mempunyai latar belakang Psikiatri dalam bidang kesihatan<sup>197</sup>. Tujuan ARS dibangunkan adalah bertujuan mengkaji hubungan di antara religiositi dan kesannya terhadap kesihatan individu. Konsep religiositi dalam ARS merujuk kepada sebuah sistem kepercayaan dan praktis yang bersifat formal, doktrin, mengandungi perlembagaan yang mendekatkan diri kepada perkara-perkara wahyu serta masyarakat sekeliling.

Terdapat beberapa faktor yang medorong kepada pembangunan ARS. Antaranya adalah disebabkan oleh kelemahan skala-skala sebelumnya yang bersifat tidak mesra responden dan berat sebelah seperti hanya sesuai dilakukan ke atas golongan yang terlibat secara aktif dalam aktiviti keagamaan. Di samping itu, kebanyakan skala sebelumnya juga adalah lebih cenderung kepada sesuatu kelompok seperti Anglo-Saxon, kelompok yang boleh berbahasa Inggeris serta populasi yang terdapat di USA dan Eropah. Perkara ini membangkitkan persoalan tentang keperluan membina skala religiositi yang lebih bersifat setempat dan bersesuaian dengan demografi serta latar masyarakat.

Dari sudut dimensi religiositi, terdapat beberapa dimensi yang dijadikan sebagai asas kepada item-item yang akan dihasilkan dalam ARS. Antaranya adalah dengan melihat

---

<sup>196</sup> Dany R. Khalaf, Sani AA Hlais, et. al, "Developing and testing an original Arabic religiosity scale." *Middle East Current Psychiatry* 21, no. 2 (2014): 127-138.

<sup>197</sup> Ibid.

kepada aspek tingkah laku (*behavioural religiosity*) iaitu dengan melihat kepada penglibatan individu dalam sebarang aktiviti keagamaan secara umum ataupun persendirian. Contohnya, penyertaan individu dalam menunaikan solat secara berjemaah di masjid. Selain itu, dimensi perasaan atau penghayatan (*cognitive/affective*) juga dijadikan asas kepada pembinaan item. Sebagai contoh, soalan berkaitan tahap kepentingan agama dalam kehidupan responden. Seterusnya, ARS juga menggunakan dimensi keyakinan terhadap agama (*belief*). Soalan berkenaan peranan agama dan Tuhan dalam kehidupan responden telah dijadikan indikator kepada religiositi responden.

Dari sudut item, ARS membahagikan keseluruhan item kepada dua bahagian utama iaitu religiositi (*religiosity questions*) dan umum (*general questions*). Ia adalah selaras dengan objektif skala ini yang bertujuan mengukur dua bidang utama iaitu religiositi dan kesihatan. Terdapat 5 item yang terkandung di bawah religiositi, antaranya adalah :-

1. Do you participate in Liturg/collective prayers at the Mosque or collective religious activities such as prayers or readings the Bible or the Quran?
2. Do you have individual religious activities?
3. What is the importance of religious beliefs in the full curriculum of your life?
4. Does your faith in God help you in difficult times?
5. How do you evaluate degree of your faith?

Kesimpulannya, ARS merupakan skala yang melibatkan hubungan di antara religiositi dengan kesihatan. Individu yang mempunyai tahap religiositi yang tinggi merupakan individu yang mempunyai tahap kesihatan yang baik. ARS juga ialah skala religiositi yang bersifat mesra budaya dan pengguna. Hal ini demikian kerana, skala ini dibangunkan secara khusus untuk digunakan di rantau Arab. Beberapa aspek seperti perbezaan sudut pandang agama oleh masyarakat di Arab dan juga penggunaan istilah-istilah yang sesuai dengan latar tempat Arab telah dijadikan asas untuk dimuatkan ke dalam skala ini. Oleh itu, skala ini boleh dijadikan sebagai model kepada pembangunan

skala-skala religiositi yang lain dengan mengambil kira perbezaan latar belakang lokasi-lokasi kajian dijalankan.

**d) Rohrbaugh and Jessor Religiosity Scale (RJRS)<sup>198</sup>**

Skala RJRS memberikan definisi religiositi sebagai tingkah laku individu yang terhasil kombinasi aspek kognitif dan praktis dalam kehidupan sehari-hari. Dari aspek kognitif, religiositi individu adalah dipengaruhi oleh pemikiran dan penghayatan mereka terhadap unsur-unsur wahyu serta ketuhanan. Sementara dari aspek praktis, religiositi individu dapat dilihat menerusi gaya kehidupan sehari-hari, gaya sekular dan juga penglibatan mereka dalam sebarang ritual keagamaan.

Dari sudut dimensi, RJRS telah menggunakan beberapa dimensi seperti penglibatan dalam aktiviti keagamaan (ritual), penghayatan atau kepentingan agama dalam kehidupan (*consequential*), bentuk pemikiran terhadap agama (*ideological*) dan peranan agama dalam kehidupan (*experiential*). Sebanyak 8 item telah dibina berdasarkan kepada dimensi-dimensi berikut. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyertakan sampel item yang boleh dijadikan sebagai rujukan bagi kajian-kajian berkaitan religiositi yang lain.

Selain itu, RJRS juga mencadangkan bahawa religiositi perlu mempunyai dimensi yang pelbagai selain daripada perkara-perkara yang bersifat fundamental. Ia juga perlu melihat kepada beberapa aspek yang lain seperti penglibatan dalam ritual keagamaan dan penghayatan terhadap peranan agama dalam kehidupan. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa asas kepada ukuran religiositi adalah bertitik tolak daripada kepercayaan terhadap perkara-perkara yang menjadi asas atau fundamental dalam agama.

---

<sup>198</sup> Lionel J.Nicholas and Kevin Durrheim."Validity of the Rohrbaugh and Jessor religiosity scale." *Perceptual and motor skills* 83, no. 1 (1996): 89-90.

Kepercayaan yang kukuh terhadap perkara tersebut akan mempengaruhi keseluruhan peribadi individu tersebut.

Kesimpulannya, RJRS merupakan skala religiositi yang dibangunkan bagi mengukur religiositi individu dengan melihat kepada aspek fundamental dalam agama sebagai faktor yang utama. Selain itu, beberapa aspek yang lain seperti perbuatan dan penghayatan turut diambil kira. Skala ini sesuai digunakan bagi kajian ke atas beberapa kelompok yang berbeza ideologi pemikiran tauhid atau ketuhanan di bawah satu agama. Dari sudut aplikasi, pengkaji berpandangan konsep religiositi RJRS kurang sesuai digunakan ke atas masyarakat Muslim kerana majoriti perbezaan yang wujud dalam kalangan mereka adalah berkaitan perkara-perkara cabang iaitu fiqh.

Dari aspek tauhid, majoriti Muslim berpegang kepada konsep fundamental yang sama iaitu berasaskan enam perkara di dalam Rukun Iman. Walaupun terdapat beberapa kelompok yang mempunyai perbezaan ideologi atau tauhid dalam kalangan Muslim, namun ianya adalah bersifat kecil sahaja. Namun begitu, penulis berpandangan bahawa terdapat beberapa perkara di dalam RJRS yang boleh dijadikan sebagai rujukan bagi pembangunan skala religiositi dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti nilai kepercayaan dan praktis agama oleh individu.

#### e) **The Francis Scale of Attitude<sup>199</sup>**

The Francis Scale of Attitude Toward Christianity (FSA) adalah skala yang dibangunkan bagi mengkaji hubungan di antara religiositi dengan keperibadian (*attitude*). Ia juga dibangunkan secara khusus terhadap golongan yang beragama Kristian. Dari sudut dimensi, FSA merupakan skala yang bersifat unidimensional iaitu apabila melihat religiositi menerusi hubungan individu dengan pegangannya terhadap agama. Dari sudut

<sup>199</sup> Leslie J. Francis, John M. Lewis et. al. "The internal consistency reliability and construct validity of the Francis Scale of Attitude toward Christianity (adult) among undergraduate students in the UK, USA, Australia and Canada." *Personality and Individual Differences* 19, no. 6 (1995): 949-953.

item, FSA mengandungi sebanyak 24 item yang melihat kepada peranan serta pengaruh Tuhan (*God*), *Jesus*, *Bible*, sembahyang (doa) dan gereja ke atas responden. Terdapat dua item yang dinilai secara kekerapan iaitu bertujuan mengukur tahap perilaku beragama oleh responden iaitu kadar kehadiran ke gereja dan sembahyang (doa) secara persendirian. Di samping itu, bagi mengukuhkan lagi FSA, terdapat sebahagian item yang menampilkan elemen negatif dalam beragama seperti sukar mempercayai Tuhan (*God*) dan bosan membaca *Bible*.

Antara sebahagian item yang digunakan dalam FSA adalah seperti :-

1. I find it boring to listen to the Bible
2. I know that Jesus helps me
3. Jesus doesn't mean anything to me
4. Saying my prayers help me a lot
5. I think saying prayers does no good
6. The church is very important to me
7. I think church services are boring
8. God means a lot to me
9. I find it hard to believe in God

Kesimpulannya, FSA merupakan skala yang dibangunkan bagi mengukur religiositi individu yang beragama Kristian berdasarkan kepada sikap serta keperibadian mereka dalam beragama. Sebagai contoh, sikap individu yang komited dalam aktiviti keagamaan seperti kehadiran ke gereja, kekerapan sembahyang (doa) dan juga kepercayaan terhadap Tuhan memperlihatkan tahap religiositi yang tinggi oleh mereka. Selain itu, pembentukan item yang bersifat dwi-jawapan juga membantu dalam mengenal pasti objektif skala ini. Ini dapat dilihat apabila terdapat sebahagian item yang bersifat kontradik berbanding kenyataan sebelumnya. Misalnya, kekurangan tahap religiositi individu dapat dinilai menerusi peribadi mereka sekiranya mereka memilih jawapan ‘agree strongly’ kepada item ‘*I find it hard to believe in God*’. Ini menunjukkan nilai keperibadian yang rendah terhadap kepercayaan dalam agama dan ketuhanan, sekaligus membuktikan bahawa individu tersebut memiliki tahap religiositi yang rendah.

Dari sudut aplikasi skala, pengkaji mendapati terdapat beberapa perkara yang terdapat di dalam FSA boleh digunakan dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti kepercayaan terhadap Allah sebagai Tuhan, Nabi Muhammad S.A.W sebagai seorang Rasul, solat dapat memberikan ketenangan dan doa merupakan perkara yang sangat membantu.

Penilaian secara frekuensi juga perlu dilakukan bagi mengenal pasti sikap dan peribadi mereka terhadap agama. Misalnya, boleh diwujudkan item berkenaan kekerapan menunaikan solat secara berjemaah di masjid ataupun kadar menunaikan solat dalam kehidupan seharian. Terdapat beberapa item daripada FSA yang boleh diterapkan dalam kajian religiositi Muslim, namun ia mestilah diubah suai dan dikemas kini selari dengan objektif kajian serta berdasarkan kerangka yang bercirikan Islam.

f) **The Dimensions of Religiosity Scale<sup>200</sup>**

Skala DRS telah dibangunkan oleh DiDuca dan Joseph untuk mengkaji hubungan di antara religiositi dengan kesihatan mental. Kerangka teori religiositi di dalam DRS adalah berdasarkan kepada gaya pemikiran secara *delusional* iaitu melibatkan hubungan di antara kewarasan minda, emosi dan kepercayaan dalam beragama. Ukuran religiositi dilihat menerusi pengaruhnya terhadap gaya pemikiran atau emosi individu. Antara dimensi yang diwujudkan adalah seperti usaha untuk berpegang kepada agama (*preoccupation*), pengakuan keyakinan terhadapnya (*conviction*), agama sebagai petunjuk dalam kehidupan (*guidance*) dan emosi yang terhasil kesan daripada penghayatan terhadap agama (*emotional*).

---

<sup>200</sup> Stephen Joseph and Deborah DiDuca. "The Dimensions of Religiosity Scale: 20-item self-report measure of religious preoccupation, guidance, conviction, and emotional involvement." *Mental Health, Religion and Culture* 10, no. 6 (2007): 603-608.

Sebanyak 20 item telah dibentuk berdasarkan kepada empat dimensi religiositi DRS.

Antaranya adalah seperti :-

1. I feel happy when I think of God
2. I will always believe in God
3. I am sure that Christ exists
4. I pray for guidance
5. My thoughts turn to Jesus every day
6. Prayer lifts my spirits
7. Everything that happen to me reminds me of God
8. I cannot make important decisions without God's help
9. When I'm feeling miserable, thinking about Jesus helps to cheer me up
10. Jesus's life an example to me

Kesimpulannya, DRS merupakan skala yang dibangunkan bagi mengkaji hubungan di antara religiositi dengan tahap kesihatan mental individu menerusi gaya pemikiran serta emosi mereka. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa tahap religiositi individu yang tinggi akan membentuk gaya pemikiran delusional dan emosi yang stabil oleh mereka.

**g) Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS)<sup>201</sup>**

Antara skala religiositi Islam yang lain adalah seperti Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS). MUDRAS dibangunkan bagi menghasilkan sebuah skala yang bersifat ringkas, padat serta mengandungi beberapa item psikometrik bagi mengukur tahap religiositi individu. Ukuran yang dilakukan adalah dengan melihat kepada setiap perbuatan dan keperibadian individu yang berlandaskan ajaran agama Islam. Kesemua perbuatan dan peribadi tersebut dinilai secara harian. Tujuannya adalah untuk menambahkan ketelitian dan mendapatkan keputusan yang lebih tepat.

Faktor utama pembangunan MUDRAS adalah sebagai pembaharuan ke atas kekurangan skala-skala Muslim yang lepas. Antara kelemahan skala yang lepas seperti kewujudan item yang tidak mempunyai jangka masa yang khusus (*not period specific*).

---

<sup>201</sup> Yunusa Olufadi, "Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS): A new instrument for Muslim religiosity research and practice." *Psychology of Religion and Spirituality* 9, no. 2 (2017): 165.

Misalnya, terdapat item yang bertujuan mengukur kekerapan individu pergi ke masjid ( *How often do you go to the masjid?* ). Persoalan timbul apabila tidak dinyatakan secara tepat berkenaan tempoh kehadiran ke masjid tersebut sama ada pada hari tersebut, semalam, minggu lepas, bulan yang lepas ataupun merujuk kepada seluruh kehidupan responden.

Selain itu, antara faktor yang lain adalah berlaku pengulangan item di dalam skala. Sebagai contoh, pengulangan item berkenaan perbuatan-perbuatan yang dilarang dalam agama seperti “*tidak menonton video lucu ketika bersendirian*” dan “*tidak mengintai orang lain*”. Kedua-duanya mempunyai objektif yang sama iaitu menjauhi perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Turut dijelaskan juga empat perkara yang menjadi perbezaan di antara MUDRAS dengan skala sebelumnya. Antaranya adalah lebih fokus terhadap aktiviti sebagai seorang Muslim dalam kehidupan seharian. Seterusnya, setiap item adalah dirujuk daripada dua sumber yang utama sama ada al-Quran ataupun al-Sunnah. Skala ini lebih mesra jantina serta bebas daripada unsur-unsur yang terdapat dalam skala sedia ada.

Dari sudut dimensi religiositi, MUDRAS bersifat multi-dimensi dengan mengukur religiositi individu berdasarkan kepada tiga perkara. Antaranya adalah dengan melihat kepada perbuatan-perbuatan yang berdosa iaitu dosa kecil dan besar. Selain itu, tahap religiositi individu dapat diukur menerusi perbuatan-perbuatan baik yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meliputi perkara-perkara sunnah yang digalakkan oleh Rasulullah SAW. Perbuatan-perbuatan yang menzahirkan ibadah kepada Allah seperti solat dan puasa turut termasuk dalam ruang lingkup religiositi oleh MUDRAS.

Seterusnya, kesemua dimensi tersebut telah dibentuk menjadi 28 jenis item yang mempunyai sumber rujukan daripada al-Quran dan al-Sunnah. Ia adalah selari dengan objektif skala ini yang bertujuan mengukur religiositi individu Muslim menerusi rutin

harian yang mereka jalani sebagai seorang yang beragama Islam. Antara contoh item yang terdapat di dalam MUDRAS adalah seperti :-

1. How many times did you read the Quran today?
2. How many salat did you observe at its right time today?
3. There are Nawafil (optional prayers) strongly recommended and practiced by the Prophet before and after the daily five prayers, how many times do you engage in carrying out this Nawafil today?
4. Kill another person without just cause
5. Cheating in its various forms,
6. Engage in illegal sexual intercourse
7. Gambling
8. Enroaching on others privacies (e.g., their houses, eavesdropping on their private conversations etc.) without permission

Kesimpulannya, MUDRAS merupakan skala religiositi Muslim yang dibangunkan untuk mengukur religiositi individu yang beragama Islam menerusi perbuatan, aktiviti dan ibadah yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Antaranya adalah pelaksanaan perkara-perkara yang wajib seperti solat lima waktu, perkara-perkara sunnah seperti berdoa dan membaca al-Quran dan perbuatan-perbuatan yang digalakkan seperti bersedekah. Ia juga memberikan fokus terhadap pelaksanaan secara harian oleh individu yang beragama Islam. Di samping itu, disertakan juga sikap individu terhadap perbuatan-perbuatan yang dilarang seperti terlibat dalam urusan berkaitan arak, riba, memberi kesaksian palsu dan menipu.

Pengkaji berpandangan bahawa terdapat sebahagian elemen di dalam MUDRAS yang boleh dijadikan rujukan dalam kajian ini. Antaranya adalah pendekatan yang menggunakan kombinasi di antara dua dimensi utama iaitu pelaksanaan terhadap perkara-perkara yang dituntut serta menjauhi perkara-perkara yang dilarang dalam agama Islam. Hal ini demikian kerana, religiositi individu tidak dapat dinilai dengan melihat semata-mata kepada kekerapan mereka untuk melaksanakan perkara-perkara yang menjadi tuntutan, sebaliknya ia perlu melihat kepada sikap mereka dalam menjauhi perkara-perkara yang dilarang. Ini adalah bertepatan dengan konsep Taqwa di dalam Islam iaitu melaksanakan segala perintah Allah serta menjauhi segala larangannya.

## **h) Islamic Doctrinal Orthodoxy and Religious Orientations<sup>202</sup>**

Skala ini adalah berteraskan kepada dua elemen utama iaitu kepercayaan (*orthodoxy*) serta tingkah laku yang terhasil daripada nilai keagamaan (*religious orientation*). Kepercayaan yang dimaksudkan adalah pegangan dan keimanan terhadap rukun Iman serta rukun Islam. Terdapat dua jenis skala yang menjadi asas iaitu Islamic Orthodoxy Scale (IOS) dan Religious Life Inventory-Islamic version (RLI). IOS merupakan skala yang dibangunkan untuk mengukur religiositi individu Muslim berasaskan kepada elemen-elemen wahyu atau doktrin kepercayaan dalam agama Islam.

RLI-Islamic pula ialah skala yang dibangunkan berasaskan kepada skala asal yang dibangunkan oleh Batson. Namun, ia telah diubah suai bagi menepati objektif kajian yang bertujuan mengkaji dari perspektif Islam. Hal ini demikian kerana, pada asalnya skala ini dibangunkan sebagai kajian religiositi ke atas masyarakat Barat yang beragama Kristian. Oleh itu, beberapa istilah beberapa istilah perlu diubah sebagai menepati objektif kajian yang berlatarkan agama Islam. Contohnya, istilah *church* dan *Bible* telah diubah kepada *mosque* dan *Koran*.

Terdapat beberapa teori religiositi yang menjadi asas pembangunan RLI-Islamic. Antaranya ialah teori *religious orientation* yang dipelopori oleh Allport dan Ross<sup>203</sup> serta teori *quest religion* yang dicadangkan oleh Batson<sup>204</sup>. Di samping itu, antara tujuannya yang lain adalah untuk melihat keberkesanan aplikasi ketiga-tiga teori tersebut dalam agama Islam. Manakala dari aspek psikologi, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti

---

<sup>202</sup> Ji Chang-Ho C. and Yodi Ibrahim. "Islamic doctrinal orthodoxy and religious orientations: Scale development and validation." *The international journal for the psychology of religion* 17, no. 3 (2007): 189-208.

<sup>203</sup> Gordon W. Allport and J. Michael Ross. "Personal religious orientation and prejudice." *Journal of personality and social psychology* 5, no. 4 (1967): 432.

<sup>204</sup> Charles Daniel Batson, Patricia Schoenrade, and W. Larry Ventis. *Religion and the individual: A social-psychological perspective* (New York: Oxford University Press, 1993).

keupayaan teori-teori tersebut dengan melihat kepada ciri-ciri psikometrik yang terdapat pada skala.

Tujuan IOS adalah untuk mengukur komitmen individu Muslim dalam beragama berdasarkan doktrin ke atas perkara-perkara tersebut. Manakala RLI pula mengandungi sebanyak 32 item di dalam borang soal selidik tersebut. RLI-Islamic bertujuan mengkaji teori *intrinsic*, *extrinsic* dan *quest* dari perspektif Islam. Ia telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sebanyak 9 item berada di bawah dimensi *intrinsic*, 11 item dibawah *extrinsic* dan 12 item di bawah *quest*. Antara contoh item di dalam set soal selidik adalah seperti :-

#### Doctrinal Orthodoxy

1. I believe that there is no other God but Allah
2. I believe that Mohammad is God's prophet

#### Intrinsic religiosity

1. Religion is especially important to me because it answers many questions about the meaning of life
2. I try to carry my religion over into all my other dealings in life

#### Extrinsic religiosity

1. One reason for my being of a member of a Mosque is that such membership helps to establish a person in the community
2. Although I am religious person, I refuse to let religious considerations influence my everyday affair

#### Quest religiosity

1. I was not very interested in religion until I began to ask questions about the meaning and propose of my life
2. I am constantly questioning my religious beliefs

Kesimpulannya, IOS dan RLI-Islamic merupakan dua buah skala religiositi Muslim yang dibangunkan bagi mengenal pasti bentuk item yang sesuai digunakan bagi mengkaji tahap religiositi Muslim. Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan bahawa skala yang bersifat frekuensi adalah sesuai untuk mengukur tahap religiositi individu menerusi kadar

penglibatan mereka. Selain itu, skala yang menampilkan dimensi kepercayaan atau doktrin berkaitan perkara-perkara fundamental dalam agama dilihat memberikan keputusan yang positif terhadap responden yang beragama Islam. Ini menunjukkan bahawa, dalam mengukur religiositi individu Muslim, perlu diwujudkan item-item yang mengandungi dimensi tersebut.

### i) **Comprehensive Measure of Islamic Religiosity<sup>205</sup>**

Skala CMIR adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara religiositi dan dengan psikologi individu. Dalam kajian ini, pemboleh ubah yang digunakan adalah religiositi, tujuan dalam kehidupan (*presence of meaning in life*) dan kesejahteraan hidup (*subjective wellbeing*). Pada asalnya, CMIR merupakan skala religiositi yang mengandungi 11 item yang berasaskan kepada dua dimensi sahaja iaitu praktis agama (*religious practices*) dan akhlak dalam beragama (*religious altruism*).

Walau bagaimanapun, CMIR telah dikemas kini apabila sebanyak empat dimensi telah dijadikan asas pembangunan item-item di dalamnya. Antara dimensi tersebut ialah kepercayaan dalam agama (*religious belief*). Ia merujuk kepada kepercayaan individu terhadap perkara-perkara fundamental dan bersifat wahyu dalam agama seperti beriman kepada Allah, Hari Kiamat, syurga, neraka dan al-Quran. Selain itu, dimensi praktis (*religious practice*) juga digunakan dalam skala ini. Ia merujuk kepada aspek ibadat dan fiqh dalam agama Islam seperti menunaikan solat, berpuasa, menjauhi larangan meminum arak, berpakaian menutup aurat dan sopan.

Bagi mengukuhkan skala, dimensi akhlak (*religious altruism*) turut menjadi indikator dalam pengukuran. Dimensi ini merujuk kepada hubungan sesama manusia seperti berbuat baik terhadap kedua ibu bapa, adik beradik, jiran tetangga serta saling

---

<sup>205</sup> Habib Tiliouine and Abbes Belgoumidi."An exploratory study of religiosity, meaning in life and subjective wellbeing in Muslim students from Algeria." *Applied Research in Quality of Life* 4, no. 1 (2009): 109-127.

menasihati antara satu sama lain. Sementara dimensi terakhir yang digunakan ialah pembangunan dalam agama (*religious enrichment*). Pembangunan ini bererti sebarang perbuatan yang meningkatkan pengetahuan serta penghayatan dalam agama seperti membaca buku-buku agama, menghadiri ceramah agama, mengikuti program-program agama di radio atau televisyen serta membaca al-Quran.

Dari sudut item, setelah menjalani proses saringan dan pengesahan, CMIR mengandungi sebanyak 60 item di bawah keempat-empat dimensi tersebut. Sebanyak 17 item berada di bawah dimensi kepercayaan, 20 item di bawah dimensi praktis dalam agama, 12 item di bawah dimensi akhlak selaku Muslim dan 11 item di bawah dimensi pembangunan dalam agama. Antara contoh item di dalam CMIR adalah seperti :-

#### Belief

1. I believe in God
2. I fear that all offend God

#### Practice

1. All possessions Halal ((acquire properties in a religiously legal way)
2. I take Alcoholic drinks for fun

#### Altruism

1. Obedient to parents (for religious reasons)
2. ‘Spy’ others

#### Enrichment

1. Read/listen to Koran
2. Seek relief from God when anxious/sad

Kesimpulannya, CMIR merupakan sebuah skala religiositi Muslim yang dibangunkan bagi mengenal pasti hubungan di antara religiositi individu dengan psikologi mereka. Religiositi di dalam CMIR diukur dengan melihat kepada komitmen serta penghayatan individu dalam melaksanakan tuntutan dalam agama Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa individu yang memiliki komitmen atau religiositi yang tinggi merupakan mereka yang mempunyai tujuan hidup yang jelas serta lebih positif dalam menjalani kehidupan mereka.

### j) A Psychological Measure Of Islamic Religiousness<sup>206</sup>

Skala Psychological Measure of Islamic Religiousness (PMIR) telah dibangunkan bagi mengkaji hubungan di antara religiositi dengan psikologi. Religiositi daripada skala ini difahami sebagai suatu yang bersifat relatif. Ia bergantung kepada tahap kesejahteraan psikologi individu tersebut. Mereka yang memiliki tahap religiositi yang baik dinilai melalui catatan markah yang tinggi pada item kesejahteraan psikologi. Manakala individu yang memiliki tahap religiositi yang rendah ialah mereka yang mempunyai catatan yang tinggi pada item-item negatif.

Skala ini mempunyai beberapa sub-skala bagi membina item-item religiositi. Antaranya adalah *Islamic Dimensions*, *Islamic Religious Conversion*, *Islamic Religious Coping*, *Islamic Religious Negative Coping*, *Islamic Religious Struggle*, *Islamic Religious Internalization-Identification*, *Islamic Religious Internalization-Introjection* dan *Islamic Religious Exclusivism*. Bagi sub-skala *Islamic Dimensions*, ia bertujuan mengukur religiositi dari sudut kehidupan sebagai seorang Muslim. Terdapat lima sub-skala yang berada di bawahnya iaitu kepercayaan (*Belief*), amalan (*Practices*), kesyumulan Islam (*Islamic Universality*), etika melaksanakan perbuatan yang digalakkkan (*Ethical Conduct-Do*) dan etika meninggalkan perbuatan yang dilarang (*Ethical Conduct-Don't*). Sebanyak 26 item telah dihasilkan daripada kesemua sub-skala tersebut.

Selain itu, terdapat enam buah item yang dihasilkan di bawah sub-skala *Islamic Religious Conversion*. Sub-skala ini merujuk kepada peranan agama dalam kehidupan individu yang berfungsi untuk mengubah dirinya menjadi seorang yang lebih beragama. Sub-skala *Islamic Positive Religious Coping* pula merujuk kepada keadaan individu yang berusaha mencari makna dan merasakan keselesaan hubungannya dengan Tuhan. Ia juga

---

<sup>206</sup> Hisham Abu Raiya, Kenneth I. Pargament, et.al. "A psychological measure of Islamic religiousness: Development and evidence for reliability and validity." *The International Journal for the Psychology of Religion* 18, no. 4 (2008): 291-315.

melibatkan kepercayaan dan penghayatan terhadap peranan Tuhan dalam kehidupan. Sebanyak 7 buah item dihasilkan daripada sub-skala ini. Di samping itu, terdapat juga sub-skala yang melihat kepada aspek negatif dalam beragama iaitu *Islamic Religious Negative Coping*. Sub-skala ini merujuk kepada keadaan di mana individu itu merasakan bahawa agama seakan kurang membantu dalam kehidupannya. Ia juga bermaksud hubungannya dengan Tuhan adalah pada tahap yang kurang dan sukar menghayati hidup dengan beragama.

Terdapat juga sub-skala yang bertujuan untuk mengenal pasti kedudukan agama dalam kehidupan individu iaitu *Islamic Religious Internalization-Identification*. Ia merujuk kepada proses penyerapan agama ke dalam kehidupan individu apabila nilai-nilai murni yang terdapat dalam agama dizahirkan dalam bentuk akhlak individu tersebut. Sebanyak 5 buah item yang dihasilkan daripada skala ini. Manakala sub-skala *Islamic Religious Internalizatio-Introjection* pula adalah bertujuan mengetahui tingkah laku beragama individu yang didorong oleh emosi.

Selain itu, bagi mengukur keberkesanan PMIR, beberapa teori berkenaan psikologi-kesejahteraan seperti *The General Islamic Well-being, Satisfaction With Life, Positive Relations with Others, Purpose in Life, Physical Health and Alcohol Use* dan *Depressed Mood and Angry Trait* telah diadaptasi ke dalam skala ini. Kesemua teori tersebut berfungsi sebagai sub-skala yang digunakan untuk mengukur aspek kesejahteraan psikologi individu.

#### **k) The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI)<sup>207</sup>**

Skala MRPI dibangunkan untuk memberikan fokus terhadap pembangunan spiritual golongan belia di Malaysia selaras dengan wawasan 2020. Skala ini memberikan

---

<sup>207</sup> Steven Eric Krauss, Azimi Hj Hamzah, et.al, "The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI): Towards understanding differences in the Islamic religiosity among the Malaysian youth." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 13, no. 2 (2005): 173-186.

tumpuan terhadap aspek religiositi Islam dalam kalangan belia yang beragama Islam di Malaysia. Ukuran religiositi dilakukan dengan melihat kepada komitmen mereka terhadap beberapa aspek dalam agama Islam.

Skala MRPI juga merupakan sebuah skala Muslim yang mempunyai teori serta definisi religiositi yang jelas. Secara asasnya konsep religiositi di dalam Islam adalah berbeza dengan agama yang lain. Kebanyakan skala dan literatur religiositi adalah berasaskan kepada kerangka teori Barat dan agama Kristian (Judeo-Kristian). MRPI menjadikan elemen Tauhid sebagai kerangka asasnya. Konsep Tauhid merujuk kepada elemen wahyu (*divine unity*) yang menjadi asas terhadap definisi religiositi. Justeru, dapat difahami bahawa religiositi di dalam MRPI adalah dilakukan dengan melihat kepada komitmen individu terhadap konsep Tauhid di dalam Islam yang melibatkan keimanan serta kepercayaan.

Terdapat dua dimensi utama yang dijadikan teras religiositi dalam pembangunan MRPI iaitu *Islamic Worldview* dan *Religious Personality*. Dimensi *Islamic Worldview* merujuk kepada konsep Tauhid atau aqidah (*belief*) sebagai seorang individu Muslim. Tahap religiositi individu dapat diukur menerusi pengetahuan dan kepercayaan mereka terhadap rukun Iman seperti beriman kepada Allah, Malaikat, Rasul, al-Quran, Hari Kiamat dan pembalasan syurga serta neraka.

Selain itu, MRPI juga menjadikan aspek amalan sebagai salah satu dimensi religiositi menerusi *Religious Personality*. Religiositi individu tidak dapat diukur menerusi aspek kepercayaan semata-mata kerana ia tidak menzahirkan komitmen individu tersebut secara jelas. Dimensi amalan ini berfungsi sebagai manifestasi terhadap aqidah yang dipegang oleh individu Muslim. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ibadah Umum dan Ibadah Khusus. Ibadah Umum (*General Worship*) merujuk kepada ibadah yang wajib dilakukan oleh kesemua umat Islam iaitu melibatkan rukun-rukun

Islam yang lima seperti mengucapkan kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan haji. Manakala Ibadah Khusus (*Special Worship*) pula merujuk kepada aspek ibadah yang bersifat muamalat atau interaksi sebagai seorang Muslim dalam kehidupan sehari-hari. Antaranya adalah dengan melihat kepada hubungan yang berlaku sesama manusia seperti keluarga dan makhluk yang lain seperti haiwan.

Kesimpulannya, MRPI merupakan sebuah skala religiositi Muslim yang dibangunkan bagi mengukur religiositi dengan menggunakan dimensi kepercayaan dan amalan dalam kehidupan. MRPI menjadikan Tauhid sebagai kerangka asas kepada skala dengan menjadikan keimanan kepada Allah sebagai perkara yang utama dan menjadi titik tengah dalam segala perbuatan. Keimanan kepada Allah akan menyebabkan individu itu menjadikan seluruh perbuatan yang dilakukan adalah berorientasikan agama dan keimanan terhadapNYA. Perbuatan ini dapat dijelaskan menerusi amalan ibadah yang dilakukan sama ada bersifat umum mahupun khusus.

Ibadah umum merujuk kepada ibadah-ibadah yang wajib sebagaimana terdapat dalam rukun Islam yang lima. Manakala ibadah yang khusus pula merujuk kepada muamalat atau pergaulan dalam kehidupan seorang Muslim. Contohnya, memelihara hubungan sesama manusia dan makhluk yang lain seperti berbuat baik kepada ahli keluarga, jiran tetangga dan menyayangi haiwan. Kesemua ibadah ini memperlihatkan tahap hubungan di antara individu itu dengan Tuhan-Nya.

Dalam konteks MRPI, individu yang sentiasa melaksana dan memelihara ibadah-ibadah tersebut ialah individu yang mempunyai akhlak yang mulia. Sekiranya didapati individu itu merupakan seorang yang sentiasa memelihara kesemua aspek tersebut, maka ia menunjukkan bahawa mereka merupakan seorang yang sentiasa memelihara hubungan dengan Tuhan-Nya kerana menuruti setiap perintah dan menjauhi segala larangan yang telah ditetapkan. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa konsep religiositi yang dibawa

oleh MRPI adalah melibatkan gabungan di antara elemen Tauhid dengan akhlak. Individu yang mempunyai tahap religiositi yang tinggi ialah individu yang memiliki keimanan yang kukuh serta keperibadian yang mulia.

### **Jadual 2.1 Skala Religiositi**

Bil.	Skala	Tujuan	Dimensi
1.	<b>Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS)</b>	Mengukur religiositi individu Muslim dengan melihat kepada pelaksanaan dalam kehidupan sehari-hari	Perbuatan-perbuatan yang berdosa. Perbuatan-perbuatan baik yang diperintahkan oleh Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Amal ibadah.
2.	<b>Islamic Orthodoxy Scale (IOS)</b>	Mengukur komitmen individu Muslim dalam beragama berdasarkan elemen kepercayaan, doktrin dan wahyu	Doktrin keimanan Rukun iman
3.	<b>Religious Life Inventory – Islamic (RLI-Islamic)</b>	Mengakaji teori Religious Orientation dan Quest Religion dari perspektif Islam	<i>Intrinsic</i> <i>Extrinsic</i> <i>Quest</i>
4.	<b>Comprehensive Measure of Islamic Religiosity (CMIR)</b>	Mengenal pasti hubungan di antara religiositi individu Muslim dengan kesannya terhadap psikologi dalam kehidupan	Kepercayaan ( <i>belief</i> ) Pengamalan ( <i>practice</i> ) Akhlak ( <i>altruism</i> ) Pembangunan ( <i>enrichment</i> )
5.	<b>Psychological Measure of Islamic Religiousness (PMIR)</b>	Mengukur tahap religiositi serta kesannya terhadap psikologi individu Muslim secara fizikal dan mental ( <i>psychological well-being</i> )	<i>Islamic Dimensions</i> <i>Islamic Religious Conversion</i> <i>Islamic Religious Coping</i> <i>Islamic Religious Negative Coping</i> <i>Islamic Religious Struggle</i> <i>Islamic Religious Internalization-Identification</i> <i>Islamic Religious Internalization-Introjection</i> <i>Islamic Religious Exclusivism.</i>
6.	<b>The Muslim Religiosity Personality Inventory (MRPI)</b>	Skala religiositi yang berasaskan konsep Tauhid dalam Islam melihat kepada komitmen individu terhadap konsep Tauhid di dalam Islam	Tauhid dan Aqidah individu ( <i>Islamic Worldview</i> ) Ibadah ( <i>Religious Personality</i> )

Berdasarkan skala-skala dan item yang telah dibincangkan di atas, pengkaji bercadang untuk merujuk beberapa item yang dilihat bersesuaian dengan kajian yang akan dilakukan. Item-item tersebut akan dijadikan sebagai inventori bagi soalan temu bual ke atas informan yang terdiri daripada gelandangan.

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan religiositi sebagai komitmen individu terhadap praktis dalam agama Islam. Komitmen tersebut boleh dilihat menerusi penjagaan terhadap ibadah mahdah iaitu ibadah-ibadah asasi dan menjadi kewajipan ke atas setiap individu Muslim. Justeru, pengkaji akan menilai religiositi gelandangan melalui komitmen mereka terhadap ibadah solat fardhu dan puasa di bulan Ramadan. Jadual di bawah merupakan item-item yang dicadangkan dan disahkan untuk digunakan sebagai inventori temu bual yang akan dijalankan. Ia mengandungi item religiositi dan pengambilan makanan halal.

#### **Jadual 2.2 : Instrumen temu bual kajian**

Kategori	Kategori Soalan	Rujukan
<b>Latar Belakang</b>	1. Sebagai permulaan, bolehkah tuan / puan berkongsi kepada saya. Tuan / puan berasal dari mana? Sudah berapa lama berada di sini? Mengapa memilih untuk berada di sini?	(Wafi & Sharifah, 2017)  (Syafiq & Selvaratnam, 2018)
<b>Konsep Solat</b>	2. Apakah yang tuan / puan faham berkaitan dengan solat ?	
	3. Apakah hukum menunaikan solat ?	
	4. Berapakah jumlah solat yang tuan / puan telah tunaikan pada hari ini?	(Azhar & Ab. Halim, 2005) <sup>208</sup>  MUDRAS (Olufadi, 2016) <sup>209</sup>

<sup>208</sup> Azhar Ahmad and Ab Halim Tamuri. "Penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah." *Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan* (2005): 1-10.

<sup>209</sup> Yunusa Olufadi, "Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS): A new instrument for Muslim religiosity research and practice." *Psychology of Religion and Spirituality* 9, no. 2 (2017): 165.

<b>Konsep Puasa</b>	5. Apakah yang tuan / puan faham berkaitan dengan puasa ?	
	6. Apakah hukum berpuasa di bulan Ramadan ?	
	7. Adakah tuan / puan berpuasa di bulan Ramadan ?	MRS (Albelaikhi,1997)  (Farrag & Hassan, 2015) <sup>210</sup>
<b>Pengambilan Makanan Halal</b>	8. Apakah yang tuan / puan faham berkaitan dengan halal dan haram ?	(Ardyanti, et. al, 2013) <sup>211</sup>
	9. Adakah tuan / puan boleh membezakan di antara makanan yang halal dengan yang haram ?	(Jamal & Nur Shahira, 2009)
	10. Apakah hukum mengambil makanan yang halal ?	(Jamal & Nur Shahira, 2009)
	10. Adakah tuan / puan memilih makanan yang halal ketika mengambil bantuan makanan?	Azura, 2018
	11. Adakah tuan / puan memeriksa logo halal terlebih dahulu sebelum mengambil bantuan makanan	(Zainalabidin, et. al, 2008) <sup>212</sup>  (Jamal & Nur Shahira, 2009) <sup>213</sup>
	12. Adakah tuan / puan memeriksa terlebih dahulu kandungan makanan yang ingin diambil ?	
	13. Adakah tuan / puan mengambil bantuan makanan yang disediakan oleh pihak non-Muslim ?	Azura, 2018

<sup>210</sup> Dalia Abdelrahman Farrag and Mohammed Hassan. "The influence of religiosity on egyptian muslim youths' attitude towards fashion." *Journal of Islamic Marketing* 6, no. 1 (2015): 95-108.

<sup>211</sup> Nor Ardyanti Ahmad,T. N. Abaidah and M. H. A. Yahya. "A study on halal food awareness among Muslim customers in Klang Valley." In *The 4th International Conference on Business and Economic Research (4th icber 2013) Proceeding*, vol. 1074. (2013): 1073-1087.

<sup>212</sup> Zainalabidin Mohamed, Golnaz Rezai, et al. "Halal logo and consumers' confidence: What are the important factors." *Economic and Technology Management Review* 3, no. 1 (2008): 37-45.

<sup>213</sup> Jamal Abdul Nassir Shaari and N. S. Mohd Arifin. "Dimension of halal purchase intention: A preliminary study." (2009): 1-15.

## 2.4 KEAGAMAAN DAN PENGAMBILAN MAKANAN

Makanan merupakan keperluan bagi setiap individu untuk meneruskan kehidupan. Pengambilan dan pemilihan makanan adalah penting kerana ia akan menyumbang kepada kesejahteraan mental, fizikal, emosi, menyuburkan semangat perpaduan serta rasa diperlukan dalam masyarakat<sup>214</sup>. Pengambilan dan pemilihan makanan individu bukan sahaja didorong oleh keperluan fisiologi, persepsi dan kognitif, malah melibatkan faktor kebudayaan serta sosial setempat dalam menentukan pilihan makanan mereka<sup>215</sup>. Menurut Anuar & Aizat, budaya makanan sesebuah masyarakat adalah berkait dengan kepercayaan agama, tradisi, pantang larang adat, geografi dan iklim<sup>216</sup>.

Agama merupakan salah satu faktor yang berperanan dalam menentukan tabiat atau pemilihan makanan individu<sup>217</sup>. Perkara ini dipersetujui oleh Khan<sup>218</sup> dan Pettinger, et al.<sup>219</sup> yang berpandangan bahawa keputusan individu dalam memilih makanan serta tabiat pemakanan dalam kehidupan sehari-hari adalah berpuncak daripada faktor agama yang mempengaruhi tingkah laku mereka. Sabate menjelaskan bahawa secara umumnya, gaya pemakanan dalam setiap agama terbahagi kepada dua bahagian<sup>220</sup>. Pertama, adalah menerusi kaedah berpuasa iaitu menahan diri daripada makanan tertentu ataupun pada tempoh tertentu. Misalnya, dituntut ke atas umat Islam untuk berpuasa selama 30 hari

---

<sup>214</sup> Hazel K. Sterling, "Food in Our Lives" dalam Yearbook of Agriculture "Food" (United States:United States Department of Agriculture, 1959), 1.

<sup>215</sup> Claude Fischler. "Food habits, social change and the nature/culture dilemma." *Information (International Social Science Council)* 19, no. 6 (1980): 937-953.

<sup>216</sup> Mohd Anuar Ramli and Mohammad Aizat Jamaludin. "Budaya Makanan Dan Pemakanan Halal Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam." dlm. Mohd Yakub(@ Zulkifli Mohd Yusoff, Khadher Ahmad & Monika@ Munirah Abd Razzak (eds.), *Penyelidikan Tentang Makanan: Perspektif Nabawi dan Saintifik, Department of al-Quran & al-Hadith APIUM* (2016): 195-206.

<sup>217</sup> Frank A. Pearson, "Food" (New York : A.A. Knopf, 1944), 111.

<sup>218</sup> Mahmood A. Khan and L. R. Hackler. "Evaluation of food selection patterns and preferences." *Critical Reviews In Food Science & Nutrition* 15, no. 2 (1981): 129-153.

<sup>219</sup> Clare Pettinger, Michelle Holdsworth, and Mariette Gerber. "Psycho-social influences on food choice in Southern France and Central England." *Appetite* 42, no. 3 (2004): 307-316.

<sup>220</sup> Joan Sabate, "Religion, diet and research." *British Journal of Nutrition* 92, no. 2 (2004): 199-201.

pada siang hari di bulan Ramadan. Berbeza dengan kaedah berpuasa bagi agama lain seperti Kristian-Ortodoks yang berpuasa dengan tidak mengambil daging, telur dan produk-produk tenusu dalam sesuatu tempoh.

Selain itu, setiap agama juga memiliki gaya pemakanan yang tersendiri. Contohnya, umat Islam adalah dituntut untuk mengambil makanan yang Halal serta menjauhi perkara yang Haram. Sementara bagi agama Yahudi pula, mereka mempunyai regulasi pemakanan tersendiri yang dinamakan sebagai Kosher<sup>221</sup>. Oleh itu, secara asasnya, agama mempunyai kaitan serta mempengaruhi gaya pengambilan makanan individu<sup>222</sup>. Hal ini juga dijelaskan oleh Talha, et al., yang menyatakan bahawa agama mempengaruhi pilihan dan tingkah laku individu yang beragama Islam<sup>223</sup>.

Di samping itu, faktor kebudayaan dan agama tertentu yang dianuti oleh keluarga masing-masing turut mempengaruhi pilihan makanan mereka<sup>224</sup>. Agama juga mempengaruhi pemilihan makanan individu untuk mengambil makanan yang sihat dan seimbang serta menjauhi perbuatan yang mendatangkan mudarat seperti merokok serta pengambilan alkohol<sup>225</sup>. Walau bagaimanapun, faktor agama semata-mata tidak membantu dalam mempengaruhi pengambilan makanan yang bernutrisi dan seimbang dalam kalangan individu<sup>226</sup>. Perkara ini juga dijelaskan lagi oleh Linderman dan Vaananen, dengan menyatakan bahawa hanya sebahagian individu sahaja yang

---

<sup>221</sup> Gerald F. Masoudi, "Kosher food regulation and the religion clauses of the first amendment." *The University of Chicago Law Review* 60, no. 2 (1993): 667-696.

<sup>222</sup> Abdulrahman O. Musaiger, "Socio-cultural and economic factors affecting food consumption patterns in the Arab countries." *Journal of the Royal Society of Health* 113, no. 2 (1993): 68-74.

<sup>223</sup> Muhammad Talha Salam, Nazlida Muhamad, and Vai Shiem Leong. "Measuring religiosity among Muslim consumers: observations and recommendations." *Journal of Islamic Marketing* (2018): 633-652.

<sup>224</sup> Dianne Neumark-Sztainer, Mary Story, et al. "Factors influencing food choices of adolescents: findings from focus-group discussions with adolescents." *Journal of the American dietetic association* 99, no. 8 (1999): 929-937.

<sup>225</sup> Gabriele Gäbler, Deborah Lycett, and René Hefti. "Association between Health Behaviours and Religion in Austrian High School Pupils—A Cross-Sectional Survey." *Religions* 8, no. 10 (2017): 210.

<sup>226</sup> Esther L. Brown, "Factors influencing food choices and intake." *Geriatrics (Basel, Switzerland)* 31, no. 9 (1976): 89-92.

menjadikan agama sebagai motif utama ketika memilih makanan, manakala sebahagian yang lain seperti mereka yang berfahaman Luther atau *vegetarian* lebih mengutamakan kesejahteraan ekologi sebagai motif<sup>227</sup>.

Secara umumnya, kesan pengaruh agama terhadap pengambilan makanan adalah bergantung kepada sejauh mana tahap komitmen individu tersebut dalam mematuhi setiap ketetapan dalam agamanya<sup>228</sup>. Bagi pengguna Muslim, faktor pengambilan produk halal adalah berasaskan kepada ketetapan dalam syariat Islam yang menuntut umatnya supaya mendapatkan sumber yang halal<sup>229</sup>. Menurut Arsil, et al., pengambilan makanan halal dalam kalangan individu Muslim adalah didorong oleh agama dan makanan yang halal dijadikan pilihan utama mengatasi aspek-aspek yang lain dalam kepenggunaan<sup>230</sup>. Perkara ini dipersetujui oleh Sherwani, et al. dengan menyimpulkan bahawa penghayatan terhadap konsep pemakanan halal dalam kehidupan mendorong individu Muslim untuk memilih makanan halal<sup>231</sup>.

Bagi pengguna Muslim, syariat Islam menjadi faktor utama yang menjadi tuntutan kepada mereka untuk mengambil makanan yang halal<sup>232</sup>. Justeru, pola pengambilan makanan halal Muslim adalah dipengaruhi oleh tahap religiositi yang tinggi. Hal ini demikian kerana, tahap religiositi berperanan dalam mempengaruhi tingkah laku

---

<sup>227</sup> Marjaana Lindeman and M. Vääänänen. "Measurement of ethical food choice motives." *Appetite* 34, no. 1 (2000): 55-59.

<sup>228</sup> Poppy Arsil, Yeong Sheng Tey, Mark Brindal, Cun Uei Phua, and Denisa Liana. "Personal values underlying halal food consumption: evidence from Indonesia and Malaysia." *British Food Journal* 120, no. 11 (2018): 2524-2538.

<sup>229</sup> Syed Shah Alam, Rohani Mohd, and Badrul Hisham. "Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?." *Journal of Islamic Marketing* 2, no. 1 (2011): 83-96.

<sup>230</sup> Poppy Arsil, Yeong Sheng Tey, et al. "Personal values underlying halal food consumption: evidence from Indonesia and Malaysia." *British Food Journal* (2018): 2524-2538.

<sup>231</sup> Mehkar Sherwani, Afzaal Ali, et al. "Determinants of muslim consumers' Halal meat consumption: applying and extending the theory of planned behavior." *Journal of Food Products Marketing* (2018): 1-22.

<sup>232</sup> Syed Shah Alam, et al. "Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?." *Journal of Islamic Marketing* 2, no. 1 (2011): 83-96.

pengguna atau individu<sup>233</sup>. Oleh itu, individu Muslim yang mempunyai tahap religiositi yang tinggi, ialah individu yang mengambil dan memastikan bahawa makanan yang diambil berasal daripada sumber yang halal<sup>234</sup>.

## 2.5 PENGAMBILAN MAKANAN HALAL

### 2.5.1 Konsep Halal

Halal merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada kalimah حلال yang bermaksud pembukaan sesuatu perkara dan tiada sebarang keraguan terhadapnya<sup>235</sup>. Dari segi bahasa, sarjana bahasa Arab seperti Ibnu Manzūr<sup>236</sup>, al-Fayyūmī<sup>237</sup> dan al-Fairūzābādī<sup>238</sup> bersepakat bahawa istilah halal bererti sesuatu yang berlawanan dengan hukum haram. Dalam Bahasa Melayu, ia merujuk kepada sesuatu yang dibenarkan dalam undang-undang Islam, tidak ditegah oleh syarak dan diperolehi dengan jalan yang sah<sup>239</sup>. Dari segi istilah, halal ialah sesuatu yang dibenarkan oleh syarak dan tidak dikenakan sebarang hukuman jika melakukannya<sup>240</sup>. Terdapat beberapa pandangan yang dilontarkan oleh sarjana Islam klasik dan kontemporari berkaitan definisi halal.

Antaranya ialah al-Ghazzālī yang melihat halal dari sudut akhlak dan tasawuf<sup>241</sup>. Beliau membahagikan halal kepada dua bahagian iaitu fizikal dan kepemilikan. Dari

---

<sup>233</sup> Théophile Bindeouè Nasse, Alidou Ouédraogo, and Fatou Diop Sall. "Religiosity and consumer behavior in developing countries: An exploratory study on Muslims in the context of Burkina Faso." (2019).

<sup>234</sup> Syed Faheem Hasan Bukhari, Frances M. Woodside, Rumman Hassan, Ayesha Latif Shaikh, Saima Hussain, and Waqas Mazhar. "Is religiosity an important consideration in Muslim consumer behavior: Exploratory study in the context of western imported food in Pakistan." *Journal of Islamic Marketing* (2019).

<sup>235</sup> Ahmad bin Zakariyyā, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah* (t.tp. : Dār al-Fikr, 1979), 2 : 20.

<sup>236</sup> Ibn Manzūr al-Miṣrī, *Lisān al-'Arab* (Kaherah : Dār al-Ma'ārif, t.t), 2 : 974.

<sup>237</sup> Ahmad bin 'Alī al-Fayyūmī, *Al-Miṣbāḥ Al-Munīr*, edisi ke- 2 (Kaherah : Dār al-Ma'ārif, t.t), 1 : 147.

<sup>238</sup> Muhammad bin Ya'qūb al-Fayrūzābādī. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, edisi ke-8 (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2005). 986.

<sup>239</sup> <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=halal>

<sup>240</sup> 'Alī bin Muhammad al-Jurjānī, *Mu'jam al-Ta'rīfāt* (Kaherah : Dār al-Fādīlah, t.t), 82.

<sup>241</sup> Abū Ḥamīd al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirūt : Dār Ibn Ḥazm, 2005), 534-545.

sudut fizikal, ia merujuk kepada makanan atau barang yang terpelihara kandungannya daripada sebarang unsur yang haram seperti arak dan khinzir. Selain itu, halal juga meliputi aspek kepemilikan dengan melihat tatacara pemilikan ke atas sesuatu barang tersebut sama ada dilakukan dengan keizinan, tanpa keizinan, paksaan atau secara pembahagian. Ini menunjukkan bahawa konsep halal yang dimaksudkan oleh al-Ghazzālī merujuk kepada kesucian sesuatu perkara dari aspek fizikal dan kaedah pemilikan terhadapnya.

Sementara itu, al-Qaraḍāwī pula melihat halal dari sudut hukum fiqh. Beliau menyatakan bahawa halal ialah setiap perkara yang memiliki hukum harus, terlepas daripadanya ikatan yang haram serta dibenarkan oleh syarak<sup>242</sup>. Dari aspek makanan, al-Qaraḍāwī menjelaskan bahawa setiap makanan yang halal itu mestilah mempunyai nilai yang bersih dan suci (tayyiban)<sup>243</sup>. Secara umumnya, halal ialah setiap sesuatu yang dibenarkan kepada umat Islam untuk melakukannya dan ianya tidak terbatas kepada soal pemakanan sahaja bahkan meliputi keseluruhan aktiviti dalam kehidupan manusia<sup>244</sup>.

Sayyid Sābiq menjelaskan istilah tayyiban bermaksud memberikan kebaikan dan keselesaan kepada seseorang<sup>245</sup>. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa makanan yang halal dan tayyiban ialah makanan yang terdiri daripada haiwan atau tumbuhan yang suci daripada najis serta perkara yang memabukkan, tidak memabukkan dan tidak terikat dengan mana-mana hak milik orang lain. Dalam maksud yang lain, halal dan toyyiban dalam pemakanan merujuk kepada setiap makanan yang diharuskan pengambilannya oleh syarak, bersih daripada sebarang najis atau kotoran, bermanfaat dari segi kesihatan,

<sup>242</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978), 15.

<sup>243</sup> Ibid., 45-49.

<sup>244</sup> Zawanah Muhammad, et al. "Halal: Antara tuntutan agama dan strategi ekonomi." In *Seminar Pentadbiran Hal-Ehwal Islami Di Malaysia: Cabaran Semasa Dan Perancangan Masa Depan*, (2008): 1-29.

<sup>245</sup> Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah : Dār al-Ḥadīth, 2004), 982-993.

selamat digunakan serta tidak menyebabkan mudarat kepada tubuh badan<sup>246 247 248</sup>.

Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah berkaitan halal. Antaranya adalah seperti :-

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُّوْ مِنْ طَيِّبَتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانُكُلُّوْنَ

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.

(Surah Al-Baqarah : 172)

فَكُلُّوْ مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانُكُلُّوْنَ

Maksudnya : Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.

(Surah Al-Nahl : 114)

يَأَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوْ مِنَ الطَّيِّبَتِ وَأَعْمَلُوا صَلِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya : Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(Surah Al-Mu'minun : 51)

<sup>246</sup> Fadhlur Rahim Azmi, Haslinda Musa, et al. "Adoption factors of halal standards: The Malaysian perspectives." In *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)* (Springer, Singapore, 2018), 315-329.

<sup>247</sup> Amalina Ashraf, Fadilah Abd Rahman, and Noriham Abdullah. "Poultry Feed in Malaysia: An Insight into the Halalan Toyyiban Issues." In *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)* (Springer : Singapore, 2018) 511-531.

<sup>248</sup> Muhamad Afiq Bin Abd Razak, Mohd Anuar Bin Ramli, Muhammad Ikhlas Rosele, and Mohd Farhan Md Ariffin. "Consideration of 'Umūm Al-Balwā Method in Food Contamination from Halalan Toyyiban Perspectivē." In *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)* (Springer, Singapore, 2018), 479-489.

وَمَا لَكُمْ أَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ أَسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ  
عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا أَضْطَرَ رُتْمٌ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لَيُضْلُّونَ بِأَهْوَاهِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ  
رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ

Maksudnya : Dan tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia lah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas.

(Surah Al-An'am : 119)

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمُ الظَّبَابُ وَمَا عَلِمْتُمْ مِنَ الْجُوَارِجِ  
مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكَنَ عَلَيْكُمْ  
وَآذُكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya : Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu); dan bertaqwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah); Sesungguhnya Allah Maha Cepat hitungan hisabNya"

(Surah Al-Maidah : 4)

## 2.5.2 Prinsip Halal

Sementara itu, al-Qaradāwī telah menggariskan beberapa prinsip asas di dalam Islam bagi mengenal pasti sesuatu perkara itu sama ada termasuk dalam kategori halal ataupun haram. Antaranya adalah seperti<sup>249</sup> :-

### 1. Asal hukum bagi sesuatu perkara ialah harus<sup>250</sup>

Prinsip ini bermaksud bahawa setiap sesuatu yang diciptakakan oleh Allah SWT mempunyai hukum halal dan harus pada asalnya. Hukum tersebut berubah menjadi haram apabila terdapat nas lain yang menjelaskan larangan daripada melakukannya. Sekiranya tidak terdapat sebarang nas yang sahih atau tiada petunjuk (dilālah) yang membawa kepada kesimpulan hukumnya sebagai haram, maka ia kembali kepada hukum yang asal iaitu harus.

Prinsip ini juga secara tidak langsung menzahirkan kemurniaan syariat Islam apabila mempunyai hukum halal dan harus yang lebih luas berbanding hukum haram yang lebih sempit dan sedikit. Keluasan hukum halal atau harus ini adalah apabila ianya meliputi aspek adat dan muamalat yang berada dalam persekitaran kehidupan manusia.

### 2. Penentuan halal dan haram ialah hak milik Allah<sup>251</sup>

Prinsip ini menjelaskan bahawa segala yang halal dan haram di dalam syarak adalah ditentukan oleh Allah SWT sahaja. Penentuan ini adalah berdasarkan syariatNYA menerusi dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ini berbeza dengan kesimpulan hukum yang dikeluarkan oleh para fuqaha. Hukum tersebut hanyalah merupakan tafsiran dan ijтиhad hasil kefahaman mereka ke atas dalil-dalil tersebut. Dalam maksud yang lain, para fuqaha berfungsi

<sup>249</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978), 21-40.

<sup>250</sup> Ibid.

<sup>251</sup> Ibid.

sebagai perantara dalam menjelaskan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam syariatNYA. Justeru, kebenaran yang mutlak adalah milik Allah SWT.

### **3. Mengharamkan perkara yang halal dan menghalalkan perkara yang haram adalah menyerupai syirik<sup>252</sup>**

Prinsip ini memberikan pengertian bahawa sebarang usaha mengubah sesuatu hukum daripada halal kepada haram ataupun sebaliknya adalah menyerupai syirik. Hal ini demikian kerana, setiap yang halal dan haram telah ditentukan oleh Allah secara jelas di dalam syariat Islam. Mengubah ketetapan tersebut memperlihatkan sikap melawan terhadap Allah selaku Tuhan sekalian alam. Selain itu, prinsip ini juga bertujuan untuk menghalang manusia daripada mengubah ketetapan Allah sewenang-wenangnya kerana ia akan menyebabkan berlaku mudarat yang lebih besar. Mudarat berlaku apabila perkara yang halal menjadi semakin sedikit ataupun perkara yang haram menjadi semakin banyak. Hal ini mewujudkan keadaan yang tidak seimbang serta memberikan kesusahan kepada manusia untuk menjalani kehidupan seperti biasa.

### **4. Mengharamkan sesuatu yang halal membawa kepada keburukan dan mudarat<sup>253</sup>**

Prinsip ini menghuraikan dengan lebih terperinci tentang prinsip sebelumnya. Ia bermaksud bahawa kuasa menentukan halal dan haram ialah hak milik Allah SWT dan menepati konsep ketuhanan (rububiyyah). Setiap perkara yang telah ditentukan halal dan haram oleh Allah mengandungi maslahah dan manfaat kepada semua hambaNYA. Setiap perkara yang halal mempunyai kebaikan manakala setiap yang haram mengandungi keburukan. Oleh itu, mengharamkan

---

<sup>252</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978), 21-40.

<sup>253</sup> Ibid.

sesuatu perkara yang halal akan membawa kepada kerosakan kerana mengganggu sistem semulajadi yang telah ditetapkan oleh Allah.

#### **5. Halal menafikan keperluan terhadap yang haram<sup>254</sup>**

Prinsip ini bermaksud bahawa setiap perkara yang halal itu memenuhi kekurangan dan kelompongan yang terdapat pada perkara yang haram. Kekurangan tersebut wujud dalam bentuk kemudaratan, kezaliman dan kesusahan. Misalnya, pengharaman zina ditetapkan kerana ia akan membawa kepada kerosakan nasab atau keturunan serta mengundang penyakit kelamin yang berbahaya seperti HIV dan AIDS. Oleh itu, zina digantikan dengan pernikahan sebagai jalan yang halal. Setiap perkara yang haram tersebut telah digantikan oleh Allah dengan perkara-perkara halal.

#### **6. Setiap jalan yang membawa kepada haram ialah haram<sup>255</sup>**

Prinsip ini menghuraikan berkenaan haram apabila menyatakan bahawa sesuatu yang haram itu bukan sahaja terletak pada zatnya, tetapi ia juga meliputi seluruh jalan yang membawa kepada perkara haram tersebut. Prinsip ini bertindak sebagai langkah pencegahan (*sadd al-dharā'i*) ke atas manusia daripada melakukan perkara yang haram. Setiap pintu atau jalan yang menghampiri perkara haram tersebut turut dinyatakan hukumnya sebagai haram.

#### **7. Setiap helah dalam melakukan perkara yang haram ialah haram<sup>256</sup>**

Prinsip ini bererti melakukan helah atau penipuan untuk melakukan perkara yang haram, turut termasuk di bawah perkara-perkara yang haram. Hal ini demikian kerana, helah tersebut dilakukan sebagai kaedah penipuan untuk mengharuskan perkara yang telah ditetapkan sebagai haram dalam bentuk yang tersembunyi.

---

<sup>254</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978), 21-40.

<sup>255</sup> Ibid.

<sup>256</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978), 21-40.

## **8. Niat yang baik tidak dapat menghalalkan perkara yang haram<sup>257</sup>**

Prinsip ini menjelaskan bahawa setiap perkara yang telah ditetapkan hukumnya sebagai haram tidak dapat diubah kepada halal meskipun dilatari dengan niat yang baik. Selain itu, ia juga menunjukkan bahawa setiap matlamat yang ditentukan, tidak dapat menghalalkan cara atau jalan untuk merealisasikan matlamat tersebut. Kaedah pelaksanaannya mestilah berasaskan kepada sumber yang halal dan dibenarkan oleh syarak.

## **9. Menjauhi syubhah akan menjauhi perkara yang haram<sup>258</sup>**

Prinsip ini memberikan tumpuan terhadap perkara-perkara yang termasuk dalam kategori syubhah. Perkara-perkara syubhah ialah setiap yang meragukan dari aspek hukumnya kerana ia berada di pertengahan antara hukum yang halal dengan yang haram. Keraguan tersebut adalah disebabkan beberapa faktor sama ada ianya tidak mengandungi dalil-dalil yang jelas, dalil-dalil yang wujud tidak dapat disesuaikan dengan permasalahan semasa ataupun zat perkara tersebut yang memang diragui<sup>259</sup>.

## **10. Setiap yang haram ialah haram secara keseluruhannya<sup>260</sup>**

Prinsip ini menjelaskan bahawa setiap perkara haram yang telah ditentukan oleh Allah, mempunyai implikasi hukum yang sama secara keseluruhannya. Ini bermaksud tidak terdapat sebarang pengecualian hukum tersebut ke atas kelompok manusia tertentu. Misalnya, pengharaman arak ditujukan ke atas setiap lapisan masyarakat dan tiada keistimewaan dan pengecualian ke atas golongan bangsawan. Begitu juga dengan perkara-perkara yang halal, ia juga terpakai ke

---

<sup>257</sup> Ibid.

<sup>258</sup> Ibid.

<sup>259</sup> Ibid.

<sup>260</sup> Ibid.

atas semua tanpa sebarang perbezaan. Prinsip ini menunjukkan bahawa syariat Islam bersifat adil dan universal ke atas manusia.

### **11. Situasi darurat mengharuskan perkara-perkara yang dilarang<sup>261</sup>**

Prinsip ini memberikan pengkhususan terhadap perkara-perkara yang haram. Ia merujuk kepada situasi mudarat pada keadaan-keadaan tertentu yang melibatkan kebinasaan terhadap perkara-perkara yang asasi (*darūriyy*) dalam kehidupan. Pada situasi ini, prinsip ini berfungsi sebagai solusi kepada darurat yang timbul apabila keharusan dibenarkan bagi mencegah darurat yang sedang berlaku. Misalnya, keharusan mengambil makanan yang haram pada situasi kebuluran dan tiada alternatif makanan halal yang lain. Rukhsah atau keringinan diberikan ke atas individu yang mengalami situasi tersebut. Ia bertujuan memastikan individu tersebut terkeluar daripada situasi darurat yang dialami kerana ia akan membawa kepada mudarat yang lebih besar. Namun demikian, penggunaan hukum rukhsah tersebut dilaksanakan dengan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan sahaja.

Ruang perbahasan berkaitan halal adalah begitu meluas disebabkan konsepnya yang meluas iaitu meliputi seluruh aspek dalam kehidupan manusia. Antara wacana berkaitan halal adalah dari sudut keagamaan, pemakanan, perundangan, kepenggunaan, dan pemasaran. Secara umumnya, kajian berkaitan halal adalah dari sudut kehendak dan pilihan pengguna. Dari sudut keagamaan (*religiositi*), komitmen dalam beragama berperanan dalam membina kepercayaan, pengetahuan dan sikap ke atas penganutnya<sup>262</sup>. Perkara ini menyebabkan pemilihan sesuatu produk itu adalah dipengaruhi oleh gaya kehidupan yang beragama serta faktor kebudayaan setempat<sup>263</sup>. Bagi pengguna Muslim,

---

<sup>261</sup> Yūsuf al-Qarādāwī, *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978), 21-40.

<sup>262</sup> Mahiah Said, Faridah Hassan, et al. "Assessing Consumers' Perception, Knowledge and Religiosity on Malaysia's Halal Food Products." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 130 (2014): 120-128.

<sup>263</sup> Amir Heiman, David Just, et al. "Religion, religiosity, lifestyles and food consumption." *Agriculture Resource Economics* 8, no. 2 (2004): 9-11.

faktor pengambilan produk halal adalah berdasarkan kepada ketetapan dalam syariat Islam yang menuntut umatnya supaya mendapatkan sumber yang halal<sup>264</sup>. Islam juga melarang umatnya daripada mengambil makanan, barang atau ubat-ubatan yang mengandungi unsur-unsur yang haram seperti daging babi dan alkohol<sup>265</sup>.

Dari sudut pemasaran, tumpuan aspek halal adalah dari sudut pengambilan pengguna (*consumer behavior*) ke atasnya. Beberapa teori seperti Theory of Reasoned Action (TRA)<sup>266</sup> dan Theory of Planned Behaviour (TPB)<sup>267</sup> dihasilkan untuk melihat bentuk pemilihan individu. Tingkah laku individu terbentuk melalui tiga faktor iaitu sikap (*attitude*), norma-norma subjektif (*subjective norms*) dan kawalan diri (*perceived behavior*). Selain itu, kaedah pemasaran halal yang dilakukan membantu menarik pilihan pengguna untuk mengambil produk halal<sup>268 269</sup>. Menurut Azmawani, et al., sikap (*attitudes*) pengguna yang positif adalah kesan daripada tahap religiositi yang baik. Ia seterusnya mewujudkan kehendak pengguna Muslim untuk mengambil produk halal (*intention*)<sup>270</sup>.

Manakala Mukhtar<sup>271</sup> dan Elseidi<sup>272</sup> pula berbeza pandangan apabila menegaskan bahawa faktor utama pengambilan produk halal bukanlah kerana sikap individu, tetapi

---

<sup>264</sup> Syed Shah Alam, et al. "Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?." *Journal of Islamic Marketing* 2, no. 1 (2011): 83-96.

<sup>265</sup> Fatmasari Sukesti and Mamdukh Budiman. "The Influence Halal Label and Personal Religiousity On Purchase Decision On Food Products In Indonesia." *International Journal of Business, Economics and Law* 4, no. 1 (2014): 150-153.

<sup>266</sup> Teori Tingkah Laku Bersebab

<sup>267</sup> Teori Tingkah Laku Terancang

<sup>268</sup> Syed Shah Alam and Nazura Mohamed Sayuti. "Applying the Theory of Planned Behavior (TPB) in halal food purchasing." *International journal of Commerce and Management* 21, no. 1 (2011): 8-20.

<sup>269</sup> Suddin Lada, et al. "Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action." *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 2, no. 1 (2009): 66-76.

<sup>270</sup> Azmawani Abd Rahman, et al. "Consumers and Halal cosmetic products: knowledge, religiosity, attitude and intention." *Journal of Islamic Marketing* 6, no. 1 (2015): 148-163.

<sup>271</sup> Arshia Mukhtar and Muhammad Mohsin Butt, "Intention to choose Halal products: the role of religiosity", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 3 Issue: 2, (2012):108-120.

<sup>272</sup> Reham I. Elseidi, "Determinants of halal purchasing intentions: evidences from UK", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 9 Issue: 1, (2018) : 167-190.

berpunca pengaruh norma subjektif atau perspektif masyarakat setempat. Di samping itu, faktor pensijilan halal juga berperanan dalam meluaskan pemasaran produk halal. Sijil halal merujuk kepada sebuah dokumen yang dikeluarkan oleh pihak agama yang berautoriti untuk mengesahkan sesuatu produk itu agar mengikut garis panduan halal dan haram yang telah ditetapkan<sup>273</sup>. Antara badan yang mempunyai autoriti dalam mengeluarkan sijil halal tersebut adalah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Islamic Foods and Nutrition Council of America (IFANCA), Islamic Service of America (ISA), Halal Food Council International (HFCI), Australian Federation of Islamic Council (AFIC) dan Federation of Islamic Association of New Zealand (FIANZ)<sup>274</sup>.

Sementara Azam pula berpendapat bahawa pengambilan produk halal adalah disebabkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan pengguna. Kesedaran tersebut adalah berasaskan kepada kepercayaan yang mendalam dalam terhadap agama, pendedahan, logo serta pensijilan halal<sup>275</sup>. Hal ini disokong oleh Marzuki, et al.<sup>276</sup>, Aziz dan Chok<sup>277</sup>, di mana pensijilan halal bukan sahaja dapat mempengaruhi pengguna bahkan mewujudkan gambaran yang positif ke atas pengusaha-pengusaha produk halal tersebut.

---

<sup>273</sup> Ahmad Hidayat Buang and Zulzaidi Mahmod. "Isu Dan Cabaran Badan Pensijilan Halal Di Malaysia." *Jurnal Syariah* 20, no. 3 (2012) : 271-288.

<sup>274</sup> Ismail Abd Latif,, Zainalabidin Mohamed, et al. "A comparative analysis of global halal certification requirements." *Journal of Food Products Marketing* 20, no. sup1 (2014): 85-101.

<sup>275</sup> Afshan Azam, "An empirical study on non-Muslim's packaged halal food manufacturers: Saudi Arabian consumers' purchase intention", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 7 Issue: 4, (2016) : 441-460.

<sup>276</sup> Sharifah Zannierah Syed Marzuki, Collin Michael Hall, Paul William Ballantine, "Restaurant managers' perspectives on halal certification", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 3 Issue: 1, (2012), 47-58.

<sup>277</sup> Yuhanis Abdul Aziz and Nyen Vui Chok. "The role of Halal awareness, Halal certification, and marketing components in determining Halal purchase intention among non-Muslims in Malaysia: A structural equation modeling approach." *Journal of International Food & Agribusiness Marketing* 25, no. 1 (2013): 1-23.

Namun demikian, masih terdapat pengusaha-pengusaha yang kurang prihatin terhadap aspek pensijilan ini<sup>278</sup>. Perkara ini adalah disebabkan oleh proses mendapatkan sijil tersebut memerlukan tempoh masa yang panjang serta tidak bersifat mesra pengguna<sup>279</sup>. Justeru, sebahagian daripada mereka mula merasakan tiada keperluan yang mendesak untuk mendapatkannya. Sebahagian pengusaha Muslim menganggap tiada kepentingan untuk mendapatkan sijil halal memandangkan status diri mereka sebagai seorang yang beragama Islam sudah mencukupi untuk meyakinkan pengguna. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pengusaha Muslim yang tidak mempunyai kefahaman agama yang baik. Ia menyebabkan mereka tidak mempunyai kefahaman dan kesedaran yang tinggi untuk memastikan produk yang mereka hasilkan adalah berasaskan kepada sumber yang halal.

Ringkasnya, perbahasan berkaitan halal dari sudut pemasaran dilihat melalui konsep pengambilan produk dalam kalangan pengguna yang beragama Islam. Pengambilan tersebut adalah interpretasi kehendak pengguna yang didorong oleh beberapa faktor luaran seperti logo dan pensijilan halal ke atas produk. Dalam konteks kajian ini, antara kelompongan yang boleh diisi adalah dari aspek pengambilan makanan halal dengan memberikan tumpuan terhadap kelompok marginal seperti gelandangan.

Selain itu, antara perbahasan berkaitan halal adalah dari sudut pemakanan. Makanan halal merujuk kepada makanan yang dibenarkan kepada individu Muslim untuk mengambilnya<sup>280</sup>. Kebenaran tersebut adalah berdasarkan dalil-dalil syarak yang terdapat di dalam al-Quran, al-Sunnah atau melalui pentafsiran para fuqaha menerusi Ijmā' dan

---

<sup>278</sup> Sulistyo Prabowo, Azmawani Abd Rahman, Suhaimi Ab Rahman, "Revealing factors hindering halal certification in East Kalimantan Indonesia", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 6 Issue: 2 (2015) : 268-291.

<sup>279</sup> Mohani Abdul, Hashanah Ismail, Haslina Hashim, and Juliana Johari. "SMEs and halal certification." *China-USA Business Review* 8, no. 4 (2009): 22-29.

<sup>280</sup> J. M. Regenstein, M. M., Chaudry, and C. E. Regenstein. "The kosher and halal food laws." *Comprehensive reviews in food science and food safety* 2, no. 3 (2003): 111-127.

al-Qiyās<sup>281</sup>. Menurut Aizat, et al.<sup>282</sup>, setiap masyarakat mempunyai budaya ('urf) pemakanan halal serta penentuan baik (*istiṭābah*) dan buruk (*istikhbath*) mereka yang tersendiri. Dalam erti kata lain, setiap masyarakat mempunyai jenis makanan halal dan tayyiban mereka yang tersendiri. Perbezaan dan kepelbagaiannya wujud disebabkan oleh perbezaan geografi, iklim dan persekitaran yang didiami oleh mereka<sup>283</sup>. Namun, secara umumnya, persamaan terhadap makanan halal adalah berdasarkan segala yang terkandung menerusi dalil-dalil syarak serta selaras dengan prinsip-prinsip halal.

Antara isu yang dibangkitkan berkaitan pemakanan halal adalah dari aspek kesedaran dan pengambilannya oleh pengguna. Beberapa faktor seperti kepercayaan terhadap agama<sup>284</sup>, pendedahan<sup>285</sup> serta pensijilan halal menerusi logo menambah nilai kesedaran untuk kepada pengguna<sup>286</sup>. Menurut Ahmad, et al., pengguna Muslim kebanyakannya mempunyai kesedaran terhadap konsep halal, namun mereka tidak prihatin terhadap penjagaan kualiti makanan dengan beranggapan bahawa semua restoran Muslim di Malaysia mempunyai sijil halal walaupun sebaliknya yang berlaku<sup>287</sup>.

Perkara ini berbeza dengan sikap pihak bukan Islam yang lebih positif<sup>288</sup>, apabila mereka bukan sahaja memiliki kesedaran tentang makanan halal, prinsip-prinsip serta

---

<sup>281</sup> Mian N. Riaz and Muhammad M. Chaudry. *Halal food production* (New York : CRC press, 2003), 1-6.

<sup>282</sup> Mohammad Aizat Bin Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, and Suhaimi Ab Rahman. "Pengambilkiraan al-'Uruf dalam Penetapan Hukum Islam Terhadap Makanan Halal." *International Journal of Social Policy and Society* 10, no. 1 (2014): 1-17.

<sup>283</sup> Ibid.

<sup>284</sup> Faryal Salman and Kamran Siddiqui. "An exploratory study for measuring consumers awareness and perceptions towards halal food in Pakistan." (2011).

<sup>285</sup> Siti Zanariah Yusoff and Nor Azura Adzharuddin. "Factor of Awareness in Searching and Sharing of Halal Food Product among Muslim Families in Malaysia." In *SHS Web of Conferences*, vol. 33, p. 00075. EDP Sciences, (2017): 1-7.

<sup>286</sup> Abdul Raufu Ambali and Ahmad Naqiyuddin Bakar. "Halal food and products in Malaysia: people's awareness and policy implications." *Intellectual Discourse* 21, no. 1 (2013): 7-32.

<sup>287</sup> R. Golnaz, M. Zainalabidin, S. Mad Nasir, and F. C. Eddie Chiew. "Non-Muslims' awareness of Halal principles and related food products in Malaysia." *International Food Research Journal* 17, no. 3 (2010): 667-674.

<sup>288</sup> Rana Muhammad Ayyub, "Exploring perceptions of non-Muslims towards Halal foods in UK", *British Food Journal*, Vol. 117 Issue: 9 (2015): 2328-2343.

kaedah penyembelihan, bahkan meliputi beberapa aspek yang lain seperti penjagaan haiwan dan sekuriti makanan<sup>289</sup>. Dari aspek pengambilan, terdapat beberapa faktor utama yang mendorong pengguna untuk mengambil makanan halal. Antaranya adalah seperti sikap yang positif terhadap makanan halal<sup>290</sup>, pengaruh sosial serta keinginan diri yang begitu tinggi<sup>291</sup>. Manakala, Bonne, et al.<sup>292</sup> berpendangan bahawa faktor-faktor tersebut adalah bersifat relatif iaitu bergantung kepada tahap keperibadian individu Muslim tersebut. Perkara ini berbeza dengan Hamdan, et al. yang berpandangan bahawa pengetahuan terhadap jenis serta kandungan makanan tersebut yang berperanan mendorong kepada pengambilan makanan halal<sup>293</sup>. Ini menunjukkan bahawa terdapat faktor-faktor pendorong yang menyebabkan pengguna mengambil makanan yang halal.

Dari sudut kajian yang akan dijalankan, tumpuan akan diberikan terhadap bentuk pengambilan makanan halal oleh golongan gelandangan Muslim. Ia bertujuan untuk mengenal pasti ukuran yang digunakan oleh mereka ketika mengambil makanan tersebut khususnya menerusi agihan makanan yang diberikan oleh pihak sukarelawan. Hal ini demikian kerana, dasar bantuan yang bersifat terbuka ini mewujudkan kepelbagaiannya latar belakang pihak sukarelawan dalam memberikan bantuan tersebut. Ia juga membangkitkan persoalan berkaitan tahap penekanan makanan halal dalam kalangan sukarelawan.

---

<sup>289</sup> R. Golnaz, M. Zainalabidin, et al. "Non-Muslims' awareness of Halal principles and related food products in Malaysia." *International Food Research Journal* 17, no. 3 (2010): 667-674.

<sup>290</sup> Karijn Bonne, Iris Vermeir, et al. "Determinants of halal meat consumption in France", *British Food Journal*, Vol. 109 Issue: 5 (2007): 367-386.

<sup>291</sup> Aiedah Abdul Khalek and Sharifah Hayaati Syed Ismail. "Why Are We Eating Halal—Using the Theory of Planned Behavior in Predicting Halal Food Consumption among Generation Y in Malaysia." *International Journal of Social Science and Humanity* 5, no. 7 (2015): 608-612.

<sup>292</sup> Karijn Bonne, Iris Vermeir, and Wim Verbeke. "Impact of religion on halal meat consumption decision making in Belgium." *Journal of International Food & Agribusiness Marketing* 21, no. 1 (2008): 5-26.

<sup>293</sup> Haslenna Hamdan, Zuraini Mat Issa, et al. "Purchasing Decisions among Muslim Consumers of Processed Halal Food Products", *Journal of Food Products Marketing*, 19:1, (2013): 54-61.

## 2.6 KESIMPULAN

Pada bab ini, pengkaji telah membincangkan konsep religiositi yang akan digunakan dalam kajian. Religiositi di dalam kajian ini adalah berasaskan kepada teori yang merujuk kepada komitmen individu terhadap agama yang dianuti oleh mereka. Komitmen tersebut dapat digambarkan menerusi dimensi kepercayaan, pengamalan dan nilai dalam agama mereka. Dalam kajian ini, agama yang dimaksudkan ialah Islam. Oleh itu, kajian ini juga sudah pasti menyentuh beberapa teori yang berkaitan dengan religiositi dari perspektif Islam. Religiositi di dalam Islam adalah kegiatan yang menjadikan seluruh ajaran atau syariat Islam sebagai cara hidup (*al-dīn*). Ini adalah bertepatan dengan definisi Islam itu sendiri iaitu penyerahan diri secara total kepada Allah SWT.

Dalam maksud yang lain, individu yang beragama Islam itu mestilah melaksanakan setiap perintah dan larangan Allah kerana ia adalah sebagai lambang penyerahan diri seorang hamba kepada Tuhan Yang Maha Pencipta. Pelaksanaan kepada segala perintah Allah SWT ini adalah dizahirkan dalam bentuk pengamalan dalam kehidupan seharian. Justeru, penilaian yang sesuai dilakukan bagi mengetahui tahap religiositi individu itu adalah dengan melihat kepada komitmen dirinya dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT. Tambahan pula, salah satu prinsip pengukuran religiositi di dalam Islam adalah dengan menilainya dari sudut zahir. Keimanan seseorang itu juga dapat dibuktikan menerusi amalan tersebut. Ini menunjukkan bahawa komitmen yang tinggi individu itu dalam ibadah adalah pembuktian terhadap keimanan yang tinggi dalam diri mereka.

Dalam Islam, bentuk-bentuk ibadah kepada Allah mempunyai tingkatan hukum yang tersendiri seperti wajib, sunat muakkad dan sunat. Ibadah yang bersifat terikat dan tuntutan ke atas setiap Muslim untuk melaksanakannya secara pasti ialah ibadah-ibadah yang mempunyai hukum wajib. Antaranya adalah ibadah yang bersifat *mahdah* seperti solat fardhu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan. Kedua-dua ibadah ini adalah asas

dan wajib dilakukan ke atas semua individu yang beragama Islam tanpa mengira latar belakang. Meninggalkan kedua-dua ibadah ini secara sengaja tanpa sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh syarak, menyebabkan pelakunya termasuk dalam kalangan orang-orang yang berdosa besar di sisi Allah SWT.

Oleh itu, religiositi dalam kajian ini adalah dinilai menerusi komitmen individu Muslim terhadap ibadah-ibadah *mahdah* seperti solat fardhu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan. Dengan itu, tahap religiositi informan yang terdiri dalam kalangan gelandangan Muslim di Kuala Lumpur dapat dikenal pasti menerusi komitmen mereka terhadap solat fardhu dan berpuasa.

## **BAB 3 : LATAR BELAKANG GELANDANGAN DAN FAKTOR KETERLIBATAN**

### **3.1 PENGENALAN**

Bab ketiga akan membincangkan konsep dan latar belakang gelandangan. Pada bahagian awal, pengkaji akan menjelaskan konsep gelandangan berdasarkan kepada definisi dan istilah daripada pelbagai bidang kajian. Turut dimuatkan juga adalah perbincangan berkenaan ciri-ciri gelandangan yang menumpukan kepada beberapa aspek seperti gender, kaum, umur, pendidikan dan tahap kesihatan mereka. Perbincangan pada bahagian awal dalam bab ini dilakukan dengan menjelaskan konsep gelandangan secara umum iaitu gelandangan secara global dan khusus iaitu gelandangan di Malaysia.

Pada penghujung bab, pengkaji akan membincangkan secara khusus berkenaan golongan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Maklumat berkenaan gelandangan diperolehi menerusi kajian-kajian lepas, statistik semasa dan kajian lapangan yang dilakukan. Pengkaji juga akan membincangkan beberapa faktor keterlibatan dalam aktiviti gelandangan yang telah dikenal pasti melalui temu bual dengan beberapa orang informan.

### **3.2 KONSEP GELANDANGAN**

#### **3.2.1 Pengertian Bahasa**

Istilah gelandangan merupakan perkataan di dalam bahasa Melayu yang merujuk kepada satu golongan dalam masyarakat. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat<sup>294</sup>, gelandangan berasal daripada perkataan Indonesia<sup>295</sup> iaitu *ge-lan-dang* atau

---

<sup>294</sup> “Gelandangan”. laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai 24 September 2019, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=gelandangan>

<sup>295</sup> “Gelandangan”. laman sesawang Kamus Besar Bahasa Indonesia, dicapai 24 September 2019, <http://kbbi.web.id/gelandang>

kata kerjanya *bergelandang* yang bermaksud berjalan ke sana sini tidak tentu tujuannya. Menurut Kamus Besar Indonesia, gelandangan bermaksud orang yang tidak tentu tempat kediaman dan pekerjaannya<sup>296</sup>.

Selain itu, antara istilah lain yang dikaitkan dengan gelandangan ini adalah istilah yang berasal dari Indonesia iaitu “*tunawisma*”. Ia terdiri daripada dua patah perkataan iaitu “*tuna*” dan “*wisma*”. Maksud *tuna* ialah kekurangan atau tidak memiliki manakala *wisma* pula bermaksud bangunan yang dijadikan tempat tinggal<sup>297</sup>. Oleh itu, *tunawisma* bermaksud orang yang tidak memiliki rumah atau tempat tinggal. Istilah ini adalah hampir kepada definisi gelandangan. Carian terhadap definisi gelandangan juga telah membawa kepada istilah yang lain seperti “*sampah*”. Dalam bahasa Indonesia, “*sampah*” merujuk kepada keadaan gelandangan yang dianggap hina dan tidak diendahkan di dalam masyarakat<sup>298</sup>. Secara tidak langsung, ia memberi gambaran bahawa perspektif masyarakat Melayu ke atas golongan ini adalah negatif apabila mereka melihat golongan gelandangan ini sebagai sekelompok manusia yang lebih rendah darjah dan kedudukan berbanding mereka.

Ringkasnya, berdasarkan pengertian bahasa Melayu, golongan gelandangan dikhususkan kepada mereka yang tidak mempunyai kediaman atau tempat tinggal yang tetap serta mempunyai ciri-ciri suka merayau tanpa tujuan. Pengertian ini membentuk satu pola pemikiran alam Melayu dalam mengenal pasti golongan yang dimaksudkan sebagai gelandangan.

---

<sup>296</sup> “Gelandangan”, laman sesawang Kamus Besar Bahasa Indonesia, dicapai 24 Sepetember 2019, <http://kbbi.web.id/gelandang>

<sup>297</sup> “Tunawisma”, laman sesawang Kamus Besar Bahasa Indonesia, dicapai 24 Sepetember 2019, <http://kbbi.web.id/tunawisma>

<sup>298</sup> “Sampah”, laman sesawang Kamus Besar Bahasa Indonesia, dicapai 24 Sepetember 2019, <http://kbbi.web.id/sampah>

Sementara di dalam bahasa Inggeris pula, perkataan yang berkaitan dengan gelandangan adalah beberapa istilah seperti *homeless* dan *vagrant*. Dari sudut etimologi<sup>299</sup>, *homeless* atau *homelessness* terdiri daripada dua perkataan iaitu *home* yang bermaksud rumah dan *less* yang membawa maksud tiada. *Homeless* berdasarkan kamus Inggeris bermaksud golongan yang tidak mempunyai tempat tinggal atau rumah yang tetap, tiada tempat perlindungan dan tempat bergantung disebabkan keadaan yang terlalu miskin serta mereka yang tinggal di jalanan. Selain itu, ia juga memberikan pengertian bahawa golongan ini merupakan satu kelas atau peringkat bawahan dalam masyarakat<sup>300</sup>.

Di samping itu, antara istilah lain di dalam bahasa Inggeris yang dikaitkan dengan golongan gelandangan ialah *vagrant*. Ia merujuk kepada golongan yang tidak mempunyai tujuan, tiada pekerjaan dan tempat tinggal yang tetap, dan hidup secara berpindah-randah<sup>301</sup>. Selain itu, ia juga juga melambangkan bahawa golongan ini adalah golongan yang berada dalam kemiskinan<sup>302</sup>. Sedikit pertambahan ciri berkaitan gelandangan apabila perkataan *vagrant* itu memperlihatkan bahawa golongan ini hidup secara nomad iaitu berpindah-randah. Secara logiknya, golongan yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap pasti akan sentiasa berpindah ke tempat yang baharu untuk mencari sumber-sumber perlindungan seperti keselesaan dan bekalan makanan bagi memastikan kelangsungan hidup mereka.

Secara umumnya, definisi gelandangan daripada kedua-kedua jenis bahasa menunjukkan bahawa golongan gelandangan ini adalah merupakan satu golongan yang kurang berkemampuan dari aspek kepemilikan dan pendapatan. Misalnya, pendapatan

---

<sup>299</sup> "homeless, adj. and n.". laman sesawang OED Online. dicapai 24 September 2019, <http://ezproxy.um.edu.my:2060/view/Entry/87896?redirectedFrom=homeless>

<sup>300</sup> "homeless", laman sesawang OED Online, dicapai 24 September 2019, <http://ezproxy.um.edu.my:2060/view/Entry/87896?redirectedFrom=homeless>

<sup>301</sup> "Vagrant", laman sesawang Dictionary.com, dicapai 24 September 2019, <http://www.dictionary.com/browse/vagrant>

<sup>302</sup> "Vagrant", laman sesawang Cambridge Dictionary Online, dicapai 24 September 2019, <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/vagrant>

atau gaji yang kurang menyebabkan mereka tidak mampu untuk memiliki rumah secara tetap sekaligus mendorong mereka untuk memilih alternatif lain yang lebih mudah dan tanpa melibatkan kos yang tinggi. Jelasnya, mereka adalah satu golongan dalam masyarakat yang diselubungi dengan kemiskinan berpunca daripada pelbagai faktor. Secara umumnya, gelandangan dapat difahami sebagai satu kelas atau lapisan bawah dalam struktur masyarakat. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa di dalam kamus bahasa Indonesia menyatakan bahawa perkataan sampah itu dikaitkan dengan keadaan golongan ini. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat golongan ini bukanlah secara asalnya mereka dilahirkan dalam keadaan sedemikian, namun disebabkan beberapa faktor dalaman dan luaran menyebabkan mereka memiliki kekurangan tersebut.

### **3.2.2 Pengertian Istilah**

Bahagian ini akan membincangkan pengertian gelandangan dari sudut istilah. Terdapat beberapa takrifan dan tafsiran istilah gelandangan daripada pelbagai aspek keilmuan.

#### **a) Perundangan**

Pengertian melalui istilah perundangan dapat dilihat menerusi akta-akta yang telah digubal yang melibatkan golongan gelandangan. Ia bergantung sama ada istilah gelandangan itu dinyatakan secara literal ataupun tidak. Berdasarkan undang-undang Malaysia, akta yang terlibat dengan perihal gelandangan ini ialah Akta 183 Akta Orang-Orang Papa 1977<sup>303</sup>. Akta ini digubal bertujuan mengadakan peruntukan untuk melindungi dan memulihkan golongan yang disebut sebagai papa. Ia juga berfungsi untuk mengawal golongan kutu rayau daripada mendatangkan masalah. Akta ini mengandungi sebanyak 16 seksyen secara keseluruhan. Sekyisen kedua melibatkan pengertian dan pentafsiran golongan papa. Berdasarkan seksyen ini, golongan papa ditafsirkan sebagai golongan yang mengemis atau meminta sedekah di kawasan awam sehingga

---

<sup>303</sup> Akta 183 Akta Orang-Orang Papa, 1977, “Akta Orang-Orang Papa 1977.

menimbulkan perasaan kurang senang dan takut oleh masyarakat lain yang berada di kawasan tersebut.

Selain itu, golongan papa dalam akta ini juga ditafsirkan sebagai golongan yang berpeleseran dan merempat di kawasan awam sama ada mereka mengemis ataupun tidak. Mereka juga mempunyai ciri-ciri seperti tidak mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal yang tetap. Pada tafsiran kedua ini telah memperlihatkan persamaan di antara ciri-ciri golongan papa dengan gelandangan. Berdasarkan definisi dari sudut bahasa, gelandangan ialah mereka yang tidak mempunyai pendapatan serta kediaman yang tetap dan selamat. Oleh itu, dari sudut penguatkuasaan undang-undang di Malaysia, pelaksanaan akta terhadap golongan papa adalah terpakai ke atas gelandangan.

Di samping itu, terdapat juga akta-akta di negara lain yang membincangkan perihal gelandangan. Antaranya ialah Mckinney Vento Homeless Assistance Act (MVHAA) iaitu sebuah akta yang khusus membincangkan perihal gelandangan di Amerika Syarikat<sup>304</sup>. Pada asalnya, akta ini dinamakan sebagai Stewart B. Mckinney Vento Homeless Assistance Act yang telah digubal pada tahun 1987<sup>305</sup>. Kemudian pada tahun 2000, akta ini telah disingkatkan namanya kepada Mckinney Vento<sup>306</sup>. Tumpuan utamanya adalah untuk memberikan penekanan terhadap aspek pendidikan kanak-kanak dan remaja yang menjadi gelandangan<sup>307</sup>. Menurut Lynette & Gerald, antara masalah yang menjelaskan pendidikan kanak-kanak gelandangan di sekolah adalah seperti status kependudukan dalam sesuatu wilayah yang tidak dapat dikenal pasti, tiada pengesahan

---

<sup>304</sup> Marjorie Pang Si En. "Falling Through the Cracks: Homeless Students in Rhode Island." (2019).

<sup>305</sup> Patricia F. Julianelle and Maria Foscarinis. "Responding to the school mobility of children and youth experiencing homelessness: The McKinney-Vento Act and beyond." *Journal of Negro Education* (2003): 39-54.

<sup>306</sup> Mickey Losinski, Antonis Katsiyannis, and Joseph B. Ryan. "The McKinney-Vento education for homeless children and youth program: Implications for special educators." *Intervention in School and Clinic* 49, no. 2 (2013): 92-98.

<sup>307</sup> Peter Michael Miller, "An examination of the McKinney-Vento Act and its influence on the homeless education situation." *Educational Policy* 25, no. 3 (2011): 424-450.

ibu bapa atau penjaga, tiada laporan perubatan, tiada pengangkutan ke sekolah<sup>308</sup> dan emosi yang terganggu<sup>309</sup>. Justeru, akta ini melihat penyelesaian kepada isu gelandangan dari aspek pendidikan. Pada tahun 2001, akta ini telah diiktiraf semula sebagai salah satu bahagian dalam akta kanak-kanak iaitu No Child Left Behind Act<sup>310</sup>. Seterusnya, pada tahun 2009, akta ini diiktiraf sebagai salah satu polisi kerajaan dalam menangani isu perumahan gelandangan di Amerika Syarikat iaitu Homeless Emergency Assistance and Rapid Transition to Housing (HEARTH)<sup>311</sup>. Ini menunjukkan bahawa akta MVHAA mengalami proses perkembangan yang baik dalam mengatasi isu gelandangan di negara mereka. Selain itu, akta ini berfungsi sebagai sebuah polisi yang komprehensif dalam memberikan bantuan kepada gelandangan seperti pusat perlindungan, makanan dan rawatan kesihatan<sup>312</sup>.

Pengkaji merujuk kepada akta MVHAA kerana ia telah menjelaskan definisi gelandangan secara terperinci. Secara umumnya, istilah gelandangan yang digunakan di dalam akta ini ialah “*homeless*”, “*homeless individual*” dan “*homeless person*” yang memberi maksud seperti berikut<sup>313</sup> :-

1. Individu atau keluarga yang tidak memiliki kediaman yang tetap dan selesa.
2. Individu atau keluarga yang menjadikan tempat tidur mereka di tempat-tempat awam atau persendirian yang bukan dibina sebagai tempat untuk bermalam.

---

<sup>308</sup> Ausikaitis, Ashley Etzel, Martha Ellen Wynne, Schevita Persaud, Rachel Pitt, Aaron Hosek, Kayse Reker, Carina Turner, Sandy Flores, and Sofia Flores. "Staying in school: The efficacy of the McKinney–Vento Act for homeless youth." *Youth & Society* 47, no. 5 (2015): 707-726.

<sup>309</sup> Mawhinney-Rhoads, Lynnette, and Gerald Stahler. "Educational policy and reform for homeless students: An overview." *Education and Urban Society* 38, no. 3 (2006): 288-306.

<sup>310</sup> Debra M. Jozefowicz-Simbeni, Hernandez and Nathaniel Israel. "Services to homeless students and families: The McKinney-Vento Act and its implications for school social work practice." *Children & Schools* 28, no. 1 (2006): 37-44.

<sup>311</sup> Cunningham, Keith Alan. "A Question of Priorities: A Critical Investigation of the McKinney-Vento Act." *Critical Questions in Education* 5, no. 3 (2014): 218-232.

<sup>312</sup> Ann M. Aviles, "On the Conditions of Fragility: Homeless Education Policy, Accountability, and Researcher Reflections." *Education and Urban Society* 51, no. 3 (2019): 311-331.

<sup>313</sup> "McKinney Vento Act", laman sesawang HUD Exchange, dicapai 29 September 2019, <https://www.hudexchange.info/resources/documents/HomelessAssistanceActAmendedbyHEARTH.pdf>

3. Individu atau keluarga yang menetap di pusat-pusat perlindungan awam atau persendirian yang dibina sebagai pusat transit(seymentara).
4. Individu yang menetap di kawasan yang bukan kebiasaan bagi manusia untuk hidup di kawasan tersebut.
5. Individu atau keluarga yang :-
  - a. akan kehilangan rumah atau tempat tinggal mereka samada milik mereka sendiri atau menyewa rumah orang lain serta bukannya di bawah program bantuan perumahan oleh kerajaan pusat kepada golongan berpendapatan rendah.
  - b. Tiada kediaman lain yang dapat dikenal pasti
  - c. Kekurangan sumber kewangan dan bantuan untuk memiliki rumah lain secara tetap.
6. Belia atau remaja yang hidup berseorangan serta keluarga gelandangan yang mempunyai remaja dan kanak-kanak yang :-
  - a. Tidak menetap dan tinggal di dalam rumah mereka sendiri dalam jangka masa yang panjang
  - b. Dijangka akan terus hidup dalam keadaan sedemikian disebabkan penyakit-penyakit kronik pada mental dan fizikal, sejarah keganasan dan penindasan kanak-kanak atau halangan-halangan untuk mendapatkan pekerjaan.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kedua-dua akta di atas, pengkaji mendapati bahawa akta Mckinney Vento di Amerika Syarikat lebih terperinci dalam memberikan definisi gelandangan. Ia adalah berbeza dengan akta di Malaysia yang lebih umum dan bersifat terbuka. Dalam akta Orang-orang Papa 1977 tidak dinyatakan kategori golongan gelandangan menurut usia ataupun umur. Ini adalah berbeza dengan akta Mckinney Vento yang menjelaskan serta menghuraikan setiap kategori gelandangan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga persamaan yang wujud di antara kedua-dua akta tersebut. Antaranya adalah ciri-ciri gelandangan seperti tidak mempunyai kediaman yang tetap, selesa serta pendapatan yang tidak terjamin. Secara tidak langsung, ia juga telah membentuk suatu pandangan global terhadap golongan ini iaitu mereka yang tinggal dan berpeleseran di jalanan. Perbuatan seperti berpeleseran dan merempat di tempat-tempat awam dizahirkan dalam akta-akta tersebut.

Ringkasnya, pentafsiran istilah gelandangan dari sudut perundangan juga mempunyai persamaan dengan definisi dari sudut bahasa. Namun, ia adalah lebih jelas dan mendalam sebagai memenuhi tatacara perundangan. Oleh itu, dapat difahami bahawa istilah gelandangan melalui perundangan dapat difahami melalui akta-akta berkaitan yang telah digubal.

### b) Sosiologi

Dalam meneliti masalah sosial yang berlaku di sekeliling, terdapat beberapa teori utama yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam bidang sosiologi. Teori-teori tersebut kemudiannya telah membentuk beberapa aliran pemikiran utama dalam kajian sains sosial seperti *functionalist*, *conflict* dan *interactionist*<sup>314</sup>. Aliran *functionalist* dipelopori oleh sarjana Perancis iaitu Emile Durkheim. Aliran ini melihat masyarakat dari perspektif fungsi iaitu sebagai institusi yang berperanan membentuk tingkah laku individu di dalamnya. Dalam maksud yang lain, masyarakat adalah seperti tubuh badan manusia yang mempunyai anggota-anggota serta berfungsi untuk menghidupkan jasad tersebut<sup>315</sup>. Sebagai contoh, kewujudan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti berperanan memberikan ilmu dan kemahiran kepada semua penuntut di dalamnya. Di samping itu, aliran ini juga berpandangan bahawa sesuatu masalah sosial yang berbangkit

---

<sup>314</sup> Anna Leon-Guerrero, *Social problems: Community, policy, and social action*. (California : Sage Publications, 2018), 7-8.

<sup>315</sup> Ken Browne, *An introduction to sociology*. (United Kingdom : Polity, 2005), 9.

adalah berpunca daripada struktur iaitu kegagalan salah satu institusi sosial untuk menjalankan fungsinya dengan baik<sup>316</sup>. Dalam perihal gelandangan, kegagalan institusi keluarga telah menyebabkan individu tidak mempunyai sistem sokongan yang baik. Akhirnya, kegagalan ini membawa kepada berlakunya permasalahan yang lain seperti gejala lari dari rumah<sup>317</sup>. Tambahan pula, masalah-masalah seperti kadar gaji minimum yang terlalu rendah dan projek perumahan rakyat atau mampu milik yang sedikit, berpotensi menyumbang kepada pertambahan populasi gelandangan. Keterbatasan terhadap polisi-polisi berikut menyebabkan golongan yang berpendapatan rendah sukar untuk mendapatkan kediaman yang tetap.

Selain itu, antara teori sosial lain yang terdapat dalam perbincangan sosiologi ialah aliran *conflict*. Teori ini dipelopori oleh, Karl Marx, seorang tokoh falsafah Jerman yang cenderung terhadap faham sosialis<sup>318</sup>. Aliran ini melihat sosial menerusi konflik dan ketegangan yang berlaku di dalamnya. Ia juga dilihat dari sudut keberkesanan sistem ekonomi di sesebuah negara. Menurut aliran ini, sesebuah masyarakat terdiri daripada dua kelas sosial yang berbeza iaitu *proletariat* (pekerja) dan *bourgeoisie* (penguasa). Berbeza dengan aliran *functionalist*, aliran *conflict* berpandangan bahawa masyarakat itu disatukan di atas dasar paksaan<sup>319</sup>.

Konflik berlaku apabila pihak yang lebih berkuasa mendominasi kekayaan dengan mengeksplorasi sumber tenaga kerja. Oleh itu, aliran ini menentang dasar kapitalis yang dilihat menguntungkan sebelah pihak iaitu mereka yang memiliki kekuasaan dalam pemerintahan sesebuah negara. Konflik mula wujud apabila terdapat unsur-unsur penindasan ke atas kelas masyarakat yang lebih rendah. Sebagai contoh,

---

<sup>316</sup> Thomas Main, "How to think about homelessness: Balancing structural and individual causes." *Journal of social distress and the homeless* 7, no. 1 (1998): 41-54.

<sup>317</sup> Nishikant Singh, Priyanka Koiri, and Sudheer Kumar Shukla. "Signposting invisibles: A study of the homeless population in India." *Chinese Sociological Dialogue* 3, no. 3 (2018): 179-196.

<sup>318</sup> Randall Collins, "Conflict & Geopolitical Theory." (2019): 1-8.

<sup>319</sup> George Ritzer, *Introduction to sociology* (California : SAGE publications, 2017), 20-50.

dalam perihal gelandangan, aliran ini melihat bahawa isu sosial yang berlaku ke atas mereka adalah disebabkan hasil kelemahan dasar kapitalis yang digunakan. Meletakkan keutamaan terhadap keuntungan telah menyebabkan berlaku penindasan ke atas golongan pekerja apabila kebijakan mereka diabaikan. Natijahnya, gejala pengangguran dan kehilangan pekerjaan berleluasa sehingga sebahagian masyarakat terpaksa menjalani kehidupan sebagai gelandangan.

Di samping itu, antara teori lain yang berkaitan dengan kemasyarakatan adalah melihat dari perspektif interaksi atau aliran *interactionist*. Aliran ini dipelopori oleh George Herbert Mead. Menurut mereka, masyarakat itu terbentuk melalui komunikasi iaitu interaksi yang berlaku di antara individu. Interaksi tersebut adalah berasaskan kepada simbol-simbol tertentu yang dizahirkan dalam beberapa bentuk. Contohnya, penggunaan bahasa Melayu bagi kaum Melayu atau lambang sesuatu benda seperti bentuk bulan sabit yang sinonim dengan agama Islam. Simbol-simbol ini mempunyai makna yang dapat difahami melalui proses penaakulan individu terhadapnya. Asas interaksi yang dinyatakan melalui teori ini ialah makna yang difahami daripada simbol-simbol tersebut. Dalam perihal gelandangan, teori ini membentuk tanggapan masyarakat umum terhadap gelandangan iaitu sebagai golongan yang tidak mempunyai kediaman yang tetap, berada di kaki lima, berpeleseran dan mengemis di jalanan. Ini bermaksud kefahaman terhadap gelandangan adalah terhasil setelah melihat kepada gaya kehidupan mereka.

### c) Kesihatan

Dalam membincangkan konsep gelandangan, salah satu bidang yang terlibat ialah kesihatan. Menurut Hwang, istilah ‘*homeless*’ yang digunakan dalam kajian-kajian kesihatan adalah merujuk kepada mereka yang tidur di pusat perlindungan dan mereka

yang sememangnya tiada tempat tinggal atau perlindungan<sup>320</sup>. Ketiadaan tempat tinggal ini juga menimbulkan permasalahan terhadap aspek kesihatan mereka. Dari segi kesihatan, gelandangan dilihat sebagai mereka yang mempunyai masalah dari kedua-dua aspek iaitu fizikal dan mental<sup>321</sup>. Perkara ini kemudiannya disimpulkan oleh National Centre for Biotechnology Information (NCBI), yang menyatakan bahawa gelandangan mempunyai tiga jenis hubungan dengan kesihatan<sup>322</sup>. Antaranya adalah kewujudan penyakit yang berperanan mengekalkan keadaan mereka sebagai gelandangan. Selain itu, penyakit mental seperti schizophrenia serta pengambilan bahan terlarang seperti dadah mempengaruhi diri mereka berterusan dalam keadaan tersebut.

Gaya hidup sebagai gelandangan juga telah menyebabkan kesihatan diri mereka terjejas. Menurut Davies & Wood, kehidupan sebagai gelandangan memberikan risiko yang tinggi kepada individu untuk mengalami penyakit-penyakit seperti psikiatri, penggunaan bahan terlarang, masalah kaki dan kulit, serta penyakit-penyakit berjangkit seperti tuberculosis, hepatitis C dan HIV<sup>323</sup>. Ini adalah berpunca daripada gaya kehidupan mereka yang dilihat tidak terurus khususnya mereka yang tidur di jalanan serta mengambil bahan terlarang<sup>324</sup>. Gaya hidup sedemikian menyebabkan mereka tidak dapat menjaga dengan baik aspek kebersihan diri sehingga mendatangkan penyakit-penyakit yang lain<sup>325</sup>.

---

<sup>320</sup> Stephen W. Hwang, "Homelessness and health." *Cmaj* 164, no. 2 (2001): 229-233.

<sup>321</sup> Seenam Fazel, et al. "The health of homeless people in high-income countries: descriptive epidemiology, health consequences, and clinical and policy recommendations." *The Lancet* 384, no. 9953 (2014): 1529-1540.

<sup>322</sup> National Academies of Sciences, Engineering, and Medicine. "Addressing Homelessness in the United States." In *Permanent Supportive Housing: Evaluating the Evidence for Improving Health Outcomes Among People Experiencing Chronic Homelessness*. National Academies Press (US), 2018.

<sup>323</sup> Andrew Davies and Lisa J. Wood. "Homeless health care: meeting the challenges of providing primary care." *Medical Journal of Australia* 209, no. 5 (2018): 230-234.

<sup>324</sup> Jessica Leibler, et al. "Personal Hygiene Practices among Urban Homeless Persons in Boston, MA." *International journal of environmental research and public health* 14, no. 8 (2017): 928.

<sup>325</sup> Tran Duc Anh Ly, et al. "Changing demographics and prevalence of body lice among homeless persons, Marseille, France." *Emerging infectious diseases* 23, no. 11 (2017): 1894.

Di samping itu, pengalaman menjadi gelandangan dalam suatu tempoh yang panjang telah menyebabkan mereka terdedah kepada masalah kesihatan. Misalnya, kebersihan tangan yang tidak dijaga dengan baik telah menyebabkan mereka terdedah kepada jangkitan Hepatitis A (HepA)<sup>326</sup>. Tambahan pula, kehidupan mereka yang tidak mempunyai sumber makanan yang terjamin telah mengundang penyakit-penyakit mental yang lain<sup>327</sup>. Ini menunjukkan bahawa terdapat interaksi di antara gelandangan dengan aspek kesihatan.

Dari aspek psikologi, terdapat juga pandangan yang mengaitkan gelandangan dengan gaya hidup yang kesunyian atau berseorangan<sup>328</sup>. Menurut Ferrari, et al., gelandangan adalah salah satu golongan yang menderita dan terkesan dengan gaya kehidupan secara bersendirian. Dalam maksud yang lain, kekurangan jaringan sosial dan tidak mendapat sokongan masyarakat sekeliling mempengaruhi tahap kesihatan gelandangan. Keadaan sedemikian akan menambahkan lagi kesan buruk terhadap aspek kesihatan mereka. Meskipun pelbagai rawatan telah dilakukan ke atas golongan tersebut, namun ia masih belum mampu untuk mengubah gelandangan kearah kehidupan yang lebih positif<sup>329</sup>.

Sebagai tambahan kepada pandangan di atas, terdapat juga satu kajian yang menyatakan bahawa golongan gelandangan adalah mereka yang mengalami masalah trauma psikologi<sup>330</sup>. Trauma ini adalah disebabkan kesan negatif terhadap pengalaman-pengalaman pahit seperti penderaan seksual, penindasan kanak-kanak dan stigma negatif

---

<sup>326</sup> Mona Doshani, et al. "Recommendations of the Advisory Committee on Immunization Practices for use of hepatitis A vaccine for persons experiencing homelessness." *Morbidity and Mortality Weekly Report* 68, no. 6 (2019): 153.

<sup>327</sup> Patricia O'Campo, et al. "Food security among individuals experiencing homelessness and mental illness in the At Home/Chez Soi Trial." *Public health nutrition* 20, no. 11 (2017): 2023-2033.

<sup>328</sup> Joseph R. Ferrari, et al., "Finding Spiritual Home:A Pilot Study on the Effects of Spirituality Retreat and Loneliness among Urban Homeless Adults", *Psychology* (2015): 211.

<sup>329</sup> Ibid., 211.

<sup>330</sup> Lisa Goodman, et al., "Homeless as Psychological Trauma:Broadening Perspectives", *American Psychologist* (1991): 1220.

masyarakat terhadap mereka. Menurut Goodman, et al., trauma digambarkan sebagai keadaan mangsa di mana mereka sentiasa merasakan bahawa keadaan diri mereka tidak selamat, ketakutan dan tidak mempercayai keadaan sekeliling mereka<sup>331</sup>. Dalam hal gelandangan, secara umumnya mereka berasa kurang selamat apabila masyarakat cuba mendekati mereka. Oleh itu, mereka mengambil langkah untuk terus hidup dengan cara sedemikian.

Ringkasnya, dari sudut kesihatan, gelandangan difahami sebagai satu kumpulan yang mengalami masalah kesihatan fizikal dan mental. Secara fizikalnya, gelandangan dapat dilihat sebagai mereka yang hidup secara bergelandang, sentiasa berada di kawasan yang tidak bersih, terdedah kepada jangkitan dan penjagaan kebersihan diri yang kurang. Perkara ini mengakibatkan mereka mengalami masalah-masalah kesihatan yang kronik seperti HIV, AIDS, tuberculosis, ketagihan alkohol dan penyalahgunaan dadah<sup>332</sup>.

#### d) Perumahan

Antara kajian lain yang membincangkan berkenaan gelandangan adalah dari sudut perumahan (*housing*). Secara umumnya, gelandangan mempunyai kaitan dengan hal ehwal perumahan. Hal ini demikian kerana, golongan ini merupakan mereka yang tidak mempunyai kediaman yang tetap dan stabil sebagaimana masyarakat awam yang lain. Kekurangan ini menyebabkan mereka berada di jalanan. Oleh itu, pelbagai kajian telah dilakukan bagi mengenal pasti permasalahan ini.

Antara badan yang melakukan kajian terhadap gelandangan adalah seperti European Federation of National Organisations (FEANTSA) dan European Typology of Homelessness and Housing Exclusion (ETHOS). Kedua-dua badan ini berperanan untuk

---

<sup>331</sup> Lisa A. Goodman, et al. "Homelessness as psychological trauma: Broadening perspectives." *American Psychologist* 46, no. 11 (1991): 1220.

<sup>332</sup> Karen Brudney and Jay Dobkin "Resurgent Tuberculosis in New York City: Human Immunodeficiency Virus, Homelessness, and the Decline of Tuberculosis Control Programs", *American Review of Respiratory Disease*, Vol. 144, No. 4 (1991): 745.

melakukan pengelasan terhadap kategori gelandangan, meningkatkan kefahaman dan pengukuran ke atas golongan tersebut di sekitar Eropah<sup>333</sup>. Selain itu, terdapat usaha daripada beberapa pengkaji lepas untuk memberikan tafsiran terhadap istilah gelandangan atau *homeless* itu sendiri. Antaranya ialah Daly yang menyatakan gelandangan ialah mereka yang tidur merata di jalanan (*sleeping rough*) dan tinggal di tempat yang tidak selamat<sup>334</sup>. Pandangan ini kemudiannya dikembangkan oleh Edgar , et al. dengan membahagikan gelandangan kepada empat kategori yang luas iaitu tidak berbumbung (*rooflessness*), tidak mempunyai kelulusan (*houselessness*), tempat yang tidak selamat (*insecure housing*) dan tidak selesa (*inadequate housing*)<sup>335</sup>.

Seterusnya, Edgar menjelaskan lagi perbezaan di antara gelandangan dengan masyarakat umum menerusi huraian terhadap istilah “*home*” itu sendiri<sup>336</sup>. Jelasnya, “*home*” mestilah mempunyai tiga perkara asas iaitu wujud ruang untuk ahli keluarga melakukan aktiviti (*physical*), berupaya mengekalkan privasi (*social*) serta mempunyai kelulusan dari aspek perundangan (*legal*). Oleh itu, individu yang tidak mempunyai tiga asas ini adalah digelar sebagai *homeless*. Menurut Geertsema, daripada teori ini dapat difahami bahawa individu yang mempunyai ciri-ciri *rooflessness* dan *houselessness* merupakan mereka yang bergelar *homeless*<sup>337</sup>. Walau bagaimanapun, Pleace et al. berpendapat bahawa definisi gelandangan yang terkini lebih bersifat politik apabila ia

---

<sup>333</sup> Tuba Bircan, Ingrid Schockaert, and Ides Nicaise. "More Than a Roof: A Statistical Profile of Homeless People in Belgium." *European Journal of Homelessness* 12, no. 2 (2018): 35-57.

<sup>334</sup> Eoin O'Sullivan, Deborah Quiggars, et al. *Homelessness Research in Europe*. (Brussels : FEANTSA, 2010): 19-221.

<sup>335</sup> Bill Edgar, et al. "Third review of Statistics on Homelessness in Europe; developing an operational definition of homelessness." (2005).

<sup>336</sup> Nicholas Pleace and Joanne Bretherton. "*Measuring homelessness and housing exclusion in Northern Ireland: A test of the ETHOS typology.*" (Belfast, UK: Northern Ireland Housing Executive, 2013): 1-75.

<sup>337</sup> Volker Busch-Geertsema,"Defining and measuring homelessness." *Homelessness Research in Europe: Festschrift for Bill Edgar and Joe Doherty* (2010): 19-39.

telah dipengaruhi oleh ideologi, budaya dan media<sup>338</sup>. Ia bermaksud pengaruh keadaan sekeliling telah membentuk sendiri makna dan kefahaman terhadap istilah “homeless”.

Ringkasnya, pentafsiran terhadap gelandangan dari aspek perumahan adalah dilihat kepada kepada keadaan mereka yang tidak memiliki kediaman yang sempurna.

#### e) Agama

Dalam ruangan ini, pengkaji akan membincangkan konsep gelandangan menurut perspektif Islam. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, tiada istilah yang khusus menyebutkan berkaitan gelandangan dan keadaannya di dalam syariat Islam. Namun, secara umumnya terdapat persamaan di antara mereka dengan istilah-istilah yang sememangnya sudah wujud di dalam dalil-dalil syarak. Antaranya adalah seperti :-

Firman Allah SWT

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَا مُرُوكُمْ بِالْفَحْشَاءِ وَاللَّهُ يَعِدُكُمْ مَغْفِرَةً مِنْهُ  
وَفَضْلًا وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ ﴿٦٧﴾

Surah al-Baqarah : 268

Terjemahan : Syaitan itu menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan kepapaan (jika kamu bersedekah atau menderma), dan ia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji (bersifat bakhil kedekut); sedang Allah menjanjikan kamu (dengan) keampunan daripadanya serta kelebihan kurniaNya. Dan (ingatlah), Allah Maha Luas limpah rahmatnya, lagi sentiasa Meliputi PengetahuanNya.

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ  
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٨﴾

Surah al-Tawbah : 60

Terjemahan : Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang

<sup>338</sup> Nicholas Pleace, et al. *Homelessness Services in Europe: EOH Comparative Studies on Homelessness*. (Brussels : European Observatory on Homelessness, 2018), 18-23.

mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِلصَّابِلِ وَالْمَحْرُومِ

Surah ad-Dhariyyat : 19

Terjemahan : Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Dalil-dalil di atas menunjukkan bahawa wujudnya golongan yang ditimpakan kesusahan dalam kalangan manusia iaitu golongan yang dihimpit dengan kemiskinan serta kefakiran.

### Fakir dan Miskin

Dari segi bahasa, menurut Ibn Manzūr, الفقراء – الفقير bermaksud yang kontradik

dengan sifat kaya iaitu serba lemah dan kekurangan<sup>339</sup>. Ia juga merujuk kepada keadaan di mana seseorang itu kehilangan sesuatu yang diperlukannya dalam kehidupan<sup>340</sup>.

Manakala المساكين – المساكين bermaksud mereka yang tidak mempunyai sesuatu, tidak mencukupi keperluan bagi dirinya, kekal dalam kefakiran, sedikit pergerakannya dan lemah<sup>341</sup>. Sarjana bahasa berselisih pendapat dalam mentakrifkan kedua-dua perkataan tersebut. Pandangan pertama mengatakan miskin ialah mereka yang tidak mempunyai apa-apa dan keadaan mereka lebih teruk berbanding fakir<sup>342</sup>. Pandangan kedua daripada

<sup>339</sup> Ibn Manzūr al-Miṣrī, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah : Dār al-Ma’ārif, t.t), 5 : 3445.

<sup>340</sup> ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Mu’jam al-Ta’rīfāt* (Kaherah : Dār al-Fādīlah, t.t), 142

<sup>341</sup> Muhammad bin Ya’qūb al-Fayrūzābādī. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, edisi ke-8 (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2005), 1206

<sup>342</sup> Aḥmad bin ‘Alī al-Fayyūmī, *Al-Miṣbāḥ Al-Munīr*, edisi ke- 2 (Kaherah : Dār al-Ma’ārif, t.t), 1 : 283.

al-Asma'i mengatakan miskin lebih baik situasinya berbanding fakir manakala Ibn al-A'rabiy menyimpulkan kedua-duanya mempunyai maksud dan keadaan yang sama.

Natijahnya, fuqaha turut berbeza pandangan dalam menentukan sifat di antara fakir dengan miskin. Dalam mazhab Maliki, terdapat dua pandangan yang mentafsirkan golongan fakir dan miskin. Pandangan pertama menyatakan fakir sebagai mereka yang memiliki harta tetapi tidak mencukupi kadar keperluan asasi, sementara miskin pula ialah mereka yang tidak memiliki harta langsung dan lebih teruk keadaannya berbanding fakir. Pandangan kedua pula menyatakan kedua-duanya adalah sama<sup>343</sup>.

Dalam mazhab Ḥanafī pula, menurut al-Kāsānī, terdapat beberapa pandangan dalam menentukan tafsiran fakir dan miskin<sup>344</sup>. Pandangan pertama daripada al-Ḥasan, menyatakan golongan miskin lebih teruk keadaannya berbanding fakir. Orang fakir menurutnya ialah mereka yang meminta, manakala miskin ialah mereka yang tidak meminta. Pandangan kedua daripada Qatādah, mengatakan golongan fakir lebih teruk berbanding miskin. Fakir menurutnya ialah mereka yang ditimpa kesusahan yang berpanjangan, sementara miskin pula ialah mereka yang ditimpa kesusahan tetapi tidak berpanjangan. Pandangan ketiga memberikan tafsiran fakir sebagai mereka yang memiliki harta mencukupi keperluan asasi, manakala miskin pula ialah mereka yang tidak mempunyai sebarang harta<sup>345</sup>.

Dalam mazhab Shafié, menurut al-Nawāwī, fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta dan tidak mampu menampung diri untuk keperluan asasi<sup>346</sup>. Manakala miskin ialah mereka yang mempunyai harta namun tidak mencukupi keperluan asasi.

---

<sup>343</sup> Muhammad Úlaysh, *Sharḥ Maṇḥ al-Jalīl álā Mukhtaṣar al-‘Allāmah al-Khalīl*. (Beirūt : Dār al-Fikr, 1984), 2 : 83.

<sup>344</sup> ‘Alāū al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ūd al-Ḥanafī al-Kasani, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*. (Beirūt : Dār al-Kutub al-Ílmiyyah, 2003), 2 : 465-467.

<sup>345</sup> Ibid.

<sup>346</sup> Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Dimasyqī al-Nawāwī, *Rauḍah al-Tālibīn*. (Beirūt : Dār Ibn Ḥazm, 2002),

Tambah beliau, tafsiran yang sahih ialah golongan fakir adalah lebih teruk keadaannya berbanding miskin. Manakala dalam mazhab Ḥanbalī, menurut al-Bahūtī, golongan fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta atau tidak mempunyai separuh daripada ukuran keperluan asasi (*ḥad al-kifāyah*)<sup>347</sup>. Miskin pula ialah mereka yang hanya mencapai separuh atau lebih sedikit daripada *ḥad al-kifāyah* tersebut namun belum sempurna sepenuhnya.

Perbezaan yang berlaku di antara fuqaha ini adalah dari aspek kewujudan harta dan pendapatan. Selain itu, ia juga berkenaan status harta yang dimiliki sama ada diukur berasaskan nisab ataupun kemampuan untuk menampung perbelanjaan diri dan keluarga. Menurut al-Qaraḍāwī, beliau berpegang dengan pandangan jumhur bahawa golongan fakir dan miskin merupakan dua kategori asnaf yang berbeza dari segi istilah, namun mempunyai persamaan dari segi status, di mana kedua-duanya adalah golongan yang terdesak dan memerlukan<sup>348</sup>. Ini juga dapat dikaitkan dengan gelandangan, di mana tahap kesukaran yang dialami oleh mereka berbeza-beza, namun berkongsi status yang sama iaitu sebagai golongan marginal yang dihimpit kesempitan dalam hidup dari sudut kewangan dan integrasi sosial.

Ringkasnya, terdapat perbezaan di antara fuqaha dalam menentukan tafsiran asnaf fakir dan miskin. Bagi situasi di Malaysia, pandangan-pandangan dalam mazhab Shāfi’ī diberikan keutamaan untuk diaplikasikan dalam sebarang urusan yang melibatkan pelaksanaan hukum fiqh. Dalam hal pentafsiran asnaf, kedudukan golongan fakir di Malaysia adalah lebih rendah dan memerlukan berbanding golongan miskin.

---

<sup>347</sup> Mansūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūtī, *Sharh Muntahā al-Irādāt*. (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2000), 2 : 307-308.

<sup>348</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1973), 2 : 544-549.

Menurut al-Qaradāwī, keadaan fakir dan miskin yang layak mendapat bantuan zakat dapat ditentukan melalui salah satu daripada tiga kriteria seperti<sup>349</sup>:

1. Mereka yang tidak memiliki harta dan pendapatan langsung.
2. Mereka yang memiliki harta dan pendapatan namun tidak mencukupi untuk menanggung keperluan dirinya dan ahli keluarganya. Tidak mencapai 50% kadar kemampuan perbelanjaan.
3. Mereka yang memiliki harta dan pendapatan serta mencapai kadar 50% kemampuan perbelanjaan ataupun lebih namun masih belum sempurna.

Merujuk kepada kenyataan di atas, umumnya gelandangan memenuhi kriteria untuk menerima zakat di bawah asnaf fakir dan miskin. Di samping itu, berdasarkan pengurusan zakat di Malaysia, beberapa aspek telah dikenal pasti dan dijadikan sebagai indikator untuk menilai tahap keperluan seseorang itu untuk diberikan zakat. Ukuran ini dipanggil sebagai had al-kifayah iaitu kadar minimum bagi keperluan asasi (berbeza mengikut tempat) yang berdasarkan kepada kos sara hidup semasa di tempat tersebut.

Antara aspek tersebut adalah<sup>350</sup>:

1. Perlindungan. Setiap perbelanjaan untuk menyediakan perlindungan seisi rumah seperti sewa rumah, bil air, bil elektrik dan lain-lain yang berkaitan.
2. Makanan. Segala bahan makanan dan minuman yang diperlukan oleh seisi rumah (dalam dan luar rumah).
3. Pakaian. Segala bentuk pakaian yang digunakan oleh seisi rumah seperti pakaian sekolah, kerja dan perkara-perkara lain yang berkaitan.
4. Perubatan. Segala bentuk perubatan yang diambil oleh seisi rumah seperti hospital awam, farmasi dan lain-lain yang berkaitan.
5. Pendidikan. Segala kos pendidikan seisi rumah seperti yuran pengajian, buku dan lain-lain yang berkaitan.
6. Pengangkutan. Segala kos berbayar seisi rumah seperti kos tambang dan lain-lain yang berkaitan.

Berdasarkan kepada penentuan had al-kifayah tersebut, pengkaji berpandangan secara umumnya gelandangan termasuk dalam tafsiran asnaf fakir dan miskin kerana

---

<sup>349</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1973), 2 : 544-549.

<sup>350</sup> “had al-kifayah wilayah persekutuan”, laman sesawang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dicapai 26 September 2018, <http://maiwp.gov.my/i/index.php/en/had-al-kifayah>

mereka tidak mencapai sepenuhnya aspek-aspek tersebut. Secara relatifnya, golongan ini tidak dapat memenuhi had al-kifayah di atas kerana beberapa faktor dalaman serta luaran terutamanya kemiskinan. Situasi ini boleh dilihat dengan kedaifan gaya hidup mereka seperti hidup secara berpindah-randah, kebersihan diri yang kurang terurus, tiada pekerjaan tetap, pendapatan yang kurang, tersisih daripada masyarakat, mengharapkan bantuan masyarakat dan tidak mempunyai kediaman yang tetap. Secara tidak langsung, ia membuktikan bahawa punca utama kewujudan gelandangan adalah disebabkan kekangan kewangan.

### Ibnu Sabil

Sementara itu, terdapat juga kategori asnaf yang mempunyai kaitan dengan salah satu ciri gelandangan iaitu ibnu sabil. Ibnu sabil terdiri daripada dua perkataan iaitu ابن yang

bermaksud sesuatu yang dilahirkan dan سبيل yang bermaksud jalan<sup>351</sup>. Takrifan secara bahasa merujuk kepada seseorang yang dilahirkan atau tercipta di jalanan. Dalam erti yang lain, bersifat jalanan bermaksud keadaan mereka yang terkandas semasa dalam tempoh musafir akibat ditimpa kesusahan<sup>352</sup>.

Terdapat beberapa dalil al-Quran yang menyatakan pemberian ke atas golongan ibnu sabil sama ada berkenaan pembahagian 1/5 daripada ghanimah ataupun zakat. Antaranya adalah firman Allah SWT:

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا عِنْدَهُ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ خُمُسُهُ وَلِرَسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى  
وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينُ وَأَبْنَى السَّبِيلِ إِنْ كُنْتُمْ ءَامَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى  
عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ الْثَّقَى الْجَمْعَانِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

<sup>351</sup> ‘Alī bin Muhammad al-Jurjānī, *Mu’jam al-Ta’rīfāt* (Kaherah : Dār al-Fādīlah, t.t), 100-101.

<sup>352</sup> Muḥammad bin Ya’qūb al-Fayrūzābādī. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, edisi ke-8 (Beirût : Muassasah al-Risālah, 2005), 1012.

Terjemahan : Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapat sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah dan untuk RasulNya dan untuk kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar) dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Surah al-Anfal : 41

Menurut Ibn Jarīr, lafaz ibnu sabil daripada dalil tersebut ditafsirkan sebagai orang yang bermusafir dan terputus bekalan kewangan semasa dalam tempoh perjalanan<sup>353</sup>. Istilah ini kemudiannya cuba dihuraikan menurut fuqaha mazhab fiqh. Antaranya pandangan dalam mazhab Mālikī menerusi Al-Ḥaṭṭāb, ibnu sabil merujuk kepada orang asing yang ditimpa kefakiran atau kemiskinan semasa bermusafir di sesuatu tempat<sup>354</sup>. Tujuan musafir tersebut juga mestilah tidak melibatkan perkara-perkara yang berunsurkan maksiat. Pemberian zakat ke atas mereka adalah berdasarkan kepada dua sebab utama iaitu tiada sebarang harta pada tempoh tersebut dan tujuan musafir yang diharuskan syarak<sup>355</sup>. Dalam mazhab Ḥanafī, ibnu sabil merujuk kepada situasi orang asing yang menjadi fakir kerana terputus bekalan semasa musafir, walaupun pada asalnya dia merupakan seorang yang berharta<sup>356</sup>. Pandangan ini lebih melihat kepada ‘illah kefakiran yang wujud pada masa tersebut untuk diharuskan pemberian zakat.

Sementara pandangan dalam mazhab Shāfi’ī pula, ibnu sabil ialah orang yang sedang bermusafir atau hendak memulakan perjalanan dengan tujuan yang diharuskan

---

<sup>353</sup> Abū Ja‘far Muḥammad ibnu Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*. (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1994), 4 : 43.

<sup>354</sup> Muḥammad bin ‘Abdul Raḥmān al-Ru’aynī al-Ḥaṭṭāb, *Mawahib al-Jalil li Sharḥ Mukhtaṣar al-Khalīl* (Mauritāniā : Dār al-Riḍwān, 2010).

<sup>355</sup> Ibid.

<sup>356</sup> Abī Bakr bin Maṣ’ūd al-Kāsānī, *Badā’i’al-Ṣanā’i’fī Tartīb al-Sharā’i’*. (Beirūt : Dār al-Kutb al-Ílmiyyah, 2003), 2 : 473.

syarak, namun ditimpa kefakiran dalam tempoh tersebut. Menurut al-Shīrāzī, antara sebab golongan ini layak diberikan zakat adalah berasaskan qiyas kepada hukum harus berbuka puasa dan qasar ke atas orang yang bermusafir<sup>357</sup>. Persamaan ‘illah wujud pada tujuan musafir tersebut iaitu perkara-perkara yang menjurus kepada ketaatan dan yang diharuskan syarak.

Menurut pandangan dalam mazhab Hanbalī, ibnu sabil bermaksud mereka yang terputus bekalan ketika bermusafir dengan tujuan yang harus, di sebuah tempat yang asing. Syarat utamanya mereka mestilah berada di tempat yang asing iaitu selain daripada kawasan mereka bermastautin. Ini kerana, dengan demikian barulah mereka menepati definisi *sabil* iaitu berada di jalanan<sup>358</sup>. Pandangan ini melihat kepada aspek tempat musafir tersebut untuk ditafsirkan sebagai asnaf ibnu sabil. Menurut al-Qaraḍāwī, beliau berpandangan bahawa pemberian zakat ke atas golongan ibnu sabil dan bermusafir adalah lebih utama sekiranya ia bertujuan ketaatan<sup>359</sup>. Memberikan bantuan zakat ke atas mereka dianggap sebagai ganjaran atas tujuan kebaikan yang dilakukan.

Ringkasnya, terdapat dua unsur atau syarat penting dalam ibnu sabil yang menyebabkan golongan ini layak menerima zakat. Antaranya adalah situasi kefakiran dan kemiskinan yang wujud dalam tempoh musafir meskipun pada asalnya mereka merupakan golongan yang berharta. Selain itu, mereka mestilah berada di tempat yang asing iaitu bukan kawasan mastautin mereka. Tujuan perjalanan itu juga mestilah tertakluk kepada perkara-perkara yang diharuskan syarak. Jika salah satu syarat tidak dipenuhi, maka mereka terkeluar daripada tafsiran asnaf ibnu sabil.

---

<sup>357</sup> Abī Ishaq al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi’ī*. (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Damsyiq : Dār al-Qalam, 1995), 1 : 317.

<sup>358</sup> Mansūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*. (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2000), 2 : 318-319.

<sup>359</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1973), 2 : 670-685.

Dalam perihal gelandangan, tafsiran ibnu sabil ini dilihat mempunyai persamaan dengan salah satu daripada ciri-ciri gelandangan. Keadaan ibnu sabil yang terputus bekalan semasa dalam tempoh musafir dilihat mempunyai persamaan dengan gelandangan. Bagi situasi ibnu sabil, terputus bekalan kewangan ini menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk pulang semula ke tempat asal. Perkara ini selari dengan gelandangan yang memilih berada di jalanan kerana tiada sumber pendapatan yang stabil bagi memiliki kediaman tetap. Ini menyebabkan mereka sentiasa bergerak dan berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain bagi meneruskan kehidupan. Ia menimbulkan kesukaran kepada mereka untuk menjalani kehidupan seperti masyarakat biasa. Secara tidak langsung keadaan ini telah membuka ruang perbincangan untuk pengagihan zakat di bawah asnaf ibnu sabil ke atas gelandangan. Bantuan zakat yang diberikan ke atas golongan ibnu sabil adalah bersifat segera atau sementara iaitu bertujuan membantu golongan ini pulang semula ke tempat asal mereka. Oleh itu, bentuk agihan zakat ke atas gelandangan di bawah asnaf ini juga perlulah bersifat segera sebagai memenuhi keperluan asasi mereka seperti makanan dan rawatan kesihatan.

### **Al-Riqab**

Dari segi bahasa, menurut al-Rāzī, الرِّقَابُ berasal daripada perkataan رقبةْ yang bermaksud penghujung tengkuk atau leher<sup>360</sup>. Selain itu, ia juga membawa maksud hamba. Terdapat beberapa pandangan fuqaha klasik dan semasa dalam mentafsirkan asnaf al-riqab. Menurut al-Kāsānī, secara umumnya ahli tafsir mentakwilkan lafaz al-riqab sebagai hamba yang mempunyai perjanjian dengan tuannya untuk dibebaskan (mukatab)<sup>361</sup>. Tambah beliau, zakat diberikan ke atas golongan ini adalah untuk

<sup>360</sup> Muhammad bin Abī Bakr bin ‘Abdul Qādir al-Rāzī,, *Mukhtār al-Šihāh*. (Beirūt : Maktabah Lubnān, 1986), 106.

<sup>361</sup> Abī Bakr bin Mas’ūd al-Kāsānī, *Badā’i’al-Šanā’i’jī Tartīb al-Sharā’i’*. (Beirūt : Dār al-Kutb al-Ílmiyyah, 2003), 2 : 471.

membantu mereka menepati perjanjian yang tersebut. Dengan pemberian zakat ini, mereka dapat keluar daripada keadaan perhambaan yang mengikat dan membelenggu. Manakala menurut al-Bahūtī, lafaz al-riqab ini mengandungi dua maksud iaitu hamba (mukatab) dan hamba sahaya<sup>362</sup>.

Selain itu, al-Nawawī menyatakan bahawa lafaz al-riqab merujuk kepada golongan hamba (mukatab)<sup>363</sup>. Disebabkan wujud perjanjian kebebasan di antara mereka dengan tuan mereka, maka zakat diberikan untuk membebaskan serta mengeluarkan diri mereka daripada ikatan kehambaan. Namun, al-Nawawī menambah bahawa ia mestilah diiringi dengan beberapa syarat seperti tempoh sebagai hamba telah tamat dan zakat tersebut dibayar terus kepada pemiliknya dengan izin hamba tersebut<sup>364</sup>. Ringkasnya, fuqaha mazhab klasik menyimpulkan lafaz al-riqab sebagai golongan hamba yang diberikan zakat untuk dibebaskan daripada ikatan kehambaan tersebut.

Manakala sarjana terkemudian seperti Rashīd Ridā berpandangan tafsiran al-riqab boleh diperluaskan lagi dengan melihat kepada unsur belenggu dalam situasi hamba tersebut. Menurut mereka, pembebasan masyarakat dan bangsa daripada sebarang bentuk penjajahan kuasa asing juga turut termasuk dalam tafsiran al-riqab<sup>365</sup>. Unsur perhambaan dan belenggu ini wujud dalam bentuk penjajahan apabila sesuatu bangsa itu dipaksa menuruti setiap pelaksanaan pemerintahan pihak penjajah. Dengan itu, dana zakat dibawah asnaf al-riqab boleh digunakan untuk tujuan kemerdekaan. Ini berbeza dengan al-Qaradāwī di mana beliau lebih berhati-hati dalam memperluaskan tafsiran al-riqab kerana

---

<sup>362</sup> Mānsūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*. (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2000), 2 : 314-315.

<sup>363</sup> Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Dimasyqī al-Nawāwī, *Rauḍah al-Tālibīn*. (Beirūt : Dār Ibn Ḥazm, 2002), 316-317.

<sup>364</sup> Ibid.

<sup>365</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1973), 2 : 621.

bimbang ianya bercanggah daripada maksud yang asal. Beliau berpandangan keluasan tafsiran al-riqab ini termasuk di bawah kategori *fi sabillillah*<sup>366</sup>.

Bagi situasi di Malaysia, kebanyakan institusi zakat di dalam negara ini berpegang dengan pandangan untuk memperluaskan konsep al-riqab. Ini dapat dilihat menerusi definisi al-riqab yang dinyatakan oleh institusi zakat negeri seperti Wilayah Persekutuan dan Selangor. Menurut takrifan di Wilayah Persekutuan, al-riqab ialah mereka yang dicengkam perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi fizikal atau mental. Sebagai contoh, keadaan individu yang penuh kejahilan dan pemikirannya yang dibelenggu oleh orang lain. Manakala bagi negeri Selangor, riqab ialah mereka yang dibelenggu oleh suatu kuasa atau keadaan yang menghalang diri mereka untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik. Persamaan kedua-dua definisi ini adalah pada unsur cengkaman atau belenggu yang menghalang perubahan diri seseorang ke arah yang lebih baik. Keadaan ini dilihat serupa dengan keadaan hamba mukatab atau sahaya yang terikat dengan pemilik mereka.

Definisi asnaf di bawah kategori al-riqab perlu diperluaskan lagi memandangkan banyak tumpuan bantuan zakat oleh institusi zakat hanya tertumpu kepada asnaf fakir dan miskin serta *fi sabillillah*. Perluasan definisi ini perlu seiring dengan perkembangan semasa terutamanya dalam melepaskan belenggu manusia bukan sahaja dalam aspek hamba sahaya seperti perbincangan tradisional teori agihan zakat malah perlu juga meliputi aspek belenggu lain yang telah dikenalpasti oleh kebanyakan institusi zakat seperti penagihan dadah dan gejala sosial<sup>367</sup>.

Dalam perihal gelandangan, unsur dibelenggu itu dapat dilihat menerusi penyakit pada pemikiran negatif mereka. Mereka seolah-olah diikat, dicengkam dan dikawal oleh gaya pemikiran gelandangan. Ia menimbulkan keselesaan kepada golongan ini untuk

---

<sup>366</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1973), 2 : 612-621.

<sup>367</sup> Khairani Ishak, et al. "Cadangan Bantuan Zakat Asnaf Al-Riqab Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional di Penjara: Kajian di Penjara Wanita Kajang, Selangor." (2016): 39-51.

meneruskan gaya kehidupan seperti tidur di jalanan, tidak mempunyai kediaman tetap dan sentiasa mengharapkan bantuan. Secara tidak langsung, penyakit ini juga mengekang diri mereka untuk berubah kepada keadaan yang lebih baik. Tambahan pula, ia turut berpotensi menjadi penyakit sosial yang merebak kepada masyarakat umum terutamanya golongan yang dihimpit kemiskinan. Satu usaha yang bersifat intensif dan rehabilitasi perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah gelandangan ini daripada merebak. Oleh itu, dana zakat di bawah asnaf al-riqab boleh digunakan untuk mengatasi masalah gelandangan dalam jangka pendek agar kelompok marginal ini dapat kembali dalam masyarakat.

Dari sudut bahasa Melayu, kemiskinan merujuk kepada suatu keadaan yang bersifat kekurangan, kepapaan dan tidak berharta benda<sup>368</sup>. Manakala fakir pula bermaksud golongan yang sangat berkurangan iaitu sangat miskin<sup>369</sup>. Berdasarkan istilah bahasa Melayu ini, ia memberikan gambaran bahawa golongan fakir merupakan golongan yang mengalami keadaan yang lebih teruk berbanding mereka yang ditimpa kemiskinan. Titik persamaan di antara kedua-dua golongan ini adalah mereka merupakan golongan masyarakat yang hidup serba kekurangan dalam pelbagai aspek sama ada pendapatan atau pemilikan.

Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa istilah gelandangan turut termasuk dalam salah satu golongan tersebut. Hal ini demikian kerana, berdasarkan takrifan gelandangan yang difahami iaitu satu golongan yang kurang berkemampuan dari aspek kepemilikan dan pendapatan, membuktikan bahawa sifat kekurangan tersebut menyebabkan mereka tergolong dalam kalangan orang-orang miskin ataupun fakir. Namun, secara umumnya pengkaji berpendapat bahawa keadaan kebanyakan

---

<sup>368</sup> “kemiskinan”, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai 6 Disember 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kemiskinan>

<sup>369</sup> “fakir”, *Ibid.*, dicapai 6 Disember 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=fakir>

gelandangan adalah bersesuaian dengan istilah kemiskinan. Hal ini demikian kerana, golongan ini juga memperolehi pendapatan sama ada bersifat sementara ataupun tetap melalui pekerjaan yang dilakukan ataupun menerima bantuan daripada pelbagai pihak. Namun, pendapatan yang diperoleh tidak mampu untuk menampung keperluan hidup mereka dengan sempurna.

Perkara ini menunjukkan golongan ini bukanlah mereka yang tidak memiliki sebarang harta atau pendapatan langsung. Tetapi ia lebih bersifat tidak mencukupi untuk menampung kehidupan diri dan ahli keluarga mereka. Berbeza dengan golongan fakir, di mana mereka tidak mempunyai harta dan pendapatan serta tidak mampu untuk memenuhi keperluan asasi mereka sendiri. Justeru, setiap penyelesaian masalah dari sudut hukum Islam adalah dilakukan dengan berpandukan kepada kategori kemiskinan terlebih dahulu kemudian memperincikannya kepada kefakiran sekiranya telah dikenal pasti individu yang termasuk dalam kategori tersebut.

Berdasarkan perbahasan tafsiran gelandangan dari pelbagai aspek, pengkaji menyimpulkan bahawa konsep gelandangan dalam kajian ini merujuk kepada individu yang tersenarai dalam kategori kemiskinan iaitu miskin bandar, mengalami krisis material dan spiritual, ditimpa penyakit fizikal dan mental, tidak mempunyai kediaman serta berada di jalanan pada tempoh yang panjang. Kemiskinan yang dialami adalah berpunca daripada beberapa faktor seperti tiada pekerjaan dan pendapatan yang stabil. Ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengakses sumber di sekeliling mereka dengan baik dan berakhir dengan kehidupan di jalanan yang bergantung kepada perhatian masyarakat. Manakala kemiskinan dari aspek spiritual pula bermaksud gelandangan tidak mempunyai sistem sokongan yang kuat. Ini menyebabkan mereka berasa kurang keyakinan diri, tekanan perasaan, kecewa dan mempunyai stigma negatif terhadap masyarakat di sekeliling. Selain itu, kemiskinan yang dialami juga menyebabkan mereka sentiasa terdedah kepada masalah kesihatan. Keadaan ini telah mengundang belas kasihan

dan simpati masyarakat di sekeliling. Kesannya, ia telah mempengaruhi pemikiran mereka untuk berasa selesa dengan gaya kehidupan sedemikian sehingga menyebabkan mereka berada di jalan pada suatu jangka masa yang lama.

### 3.3 CIRI-CIRI GELANDANGAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai ciri-ciri bagi golongan gelandangan secara umum. Menurut Daly, dalam mengenal pasti dengan lebih lanjut mengenai gelandangan, maka dapat dibahagikan ciri-ciri golongan ini kepada gender atau jantina, bangsa, umur, pendidikan, pendapatan, status kesihatan dan tempoh masa sepanjang menjadi gelandangan<sup>370</sup>.

#### a) Gender

Gelandangan merupakan kelompok yang mempunyai ciri persamaan dengan masyarakat dari sudut gender. Mereka juga terdiri daripada kaum lelaki dan wanita. Namun begitu, secara umumnya populasi gelandangan adalah didominasi oleh golongan lelaki berbanding dengan wanita<sup>371</sup>. Dapatan ini disokong oleh statistik semasa golongan gelandangan di negara yang mempunyai wilayah besar seperti Amerika Syarikat. Sehingga tahun 2018, statistik yang dikeluarkan oleh National Alliance to End Homelessness mencatatkan bahawa seramai 552,830 orang yang menjadi gelandangan pada satu malam dan 67% daripadanya adalah lelaki<sup>372</sup>. Ini menunjukkan bahawa jumlah wanita yang menjadi gelandangan adalah lebih sedikit. Antara faktornya adalah disebabkan wanita kurang kelihatan di tempat-tempat terbuka. Ia bagi mengelakkan diri

---

<sup>370</sup> Gerald Daly, *Homeless : Policies, Strategies and Lives on the Street*, (New York : Routledge 1996), 21-23.

<sup>371</sup> Martin Šimon, et al. "Activity spaces of homeless men and women measured by GPS tracking data: A comparative analysis of Prague and Pilsen." *Cities* 86 (2019): 145-153.

<sup>372</sup> "homeless statistics in usa", laman sesawang endhomelessness, <https://endhomelessness.org/homelessness-in-america/homelessness-statistics/state-of-homelessness-report/>, dicapai pada 27 Mei 2019.

mereka daripada menjadi mangsa kepada penjenayah di sekeliling<sup>373</sup>. Selain itu, gelandangan wanita juga pandai menyembunyikan identiti mereka untuk kelihatan seperti orang awam serta mengelakkan diri mereka daripada tidur di kawasan terbuka seperti kaki lima dan jalanan<sup>374</sup>.

Bagi situasi di Kuala Lumpur, kajian yang telah dijalankan pada tahun 2012 mendapati bahawa sebanyak 85% gelandangan yang ditemui terdiri daripada lelaki dan selebihnya adalah wanita<sup>375</sup>. Pada tahun 2016, laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa bilangan orang-orang papa atau gelandangan yang dicatatkan adalah seramai 1,399 orang lelaki dan 601 orang wanita. Tambahan pula, dapatan ini dikukuhkan lagi dengan statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL). Dicatatkan sehingga 28 September 2018 bahawa seramai 120 orang gelandangan lelaki telah mendaftarkan diri mereka di pusat tersebut<sup>376</sup>. Manakala gelandangan wanita pula mencatatkan jumlah sifar. Data-data ini menunjukkan bahawa golongan lelaki lebih mendominasi populasi gelandangan berbanding dengan wanita. Kesemua data di atas membuktikan bahawa kelompok gelandangan adalah didominasi oleh golongan lelaki.

Walau bagaimanapun, Hussin menyatakan bahawa telah berlaku peningkatan jumlah gelandangan wanita di Malaysia terutamanya di Kuala Lumpur<sup>377</sup>. Menurut Nor Amalina et al.<sup>378</sup>, antara punca kepada peningkatan jumlah wanita adalah kerana jumlah kemiskinan yang semakin meningkat dalam kalangan mereka. Kemiskinan ini disebabkan

---

<sup>373</sup> Ailsa Cameron, et al. "From pillar to post: homeless women's experiences of social care." *Health & social care in the community* 24, no. 3 (2016): 345-352.

<sup>374</sup> Kesia Reeve, "Women and homelessness: putting gender back on the agenda." *People, Place and Policy Online* 11, no. 3 (2018): 165-174.

<sup>375</sup> Sharifah Mariam Alhabshi and Alifatul Kamilah, "Homelessness in Kuala Lumpur:A Case of Agenda Denial" *International Journal of Social Science Tomorrow* Vol. 1 No.2(2012): 5.

<sup>376</sup> "statistic pusat transit gelandangan", laman sesawang Data, [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-penghuni-semasa-pusat-transit-gelandangan-mengikut-jantina-kaum-dan-umur](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-penghuni-semasa-pusat-transit-gelandangan-mengikut-jantina-kaum-dan-umur), dicapai pada 24 Mei 2019

<sup>377</sup> Z. Hussin, "Research Monograph: Addressing homelessness Issues in Malaysia." (2016).

<sup>378</sup> Nor Amalina Mohd Adib, et al. "Homeless Women In Malaysia: Their Choice Or Victims Of Situations." *Journal of Education and Social Sciences* 5, no. 3. (2016): 8-15.

oleh keadaan mereka yang hidup berseorangan akibat diceraikan oleh suami, tidak mempunyai pekerjaan dan memiliki tahap pendidikan yang rendah. Selain itu, faktor keganasan rumah tangga juga menyumbang kepada pertambahan bilangan wanita. Penindasan dan penderaan yang dilakukan oleh pasangan sehingga melebihi batasan telah menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk mlarikan diri dan meninggalkan keluarga. Akhirnya, peristiwa tersebut membawa kehidupan mereka untuk menjadi gelandangan.

Di samping itu, faktor pengambilan bahan terlarang seperti dadah juga merupakan salah satu punca utama. Perbuatan ini telah menyebabkan mereka dibuang oleh ahli keluarga mereka sendiri dan sukar untuk menerima semula kehadiran mereka selagimana masih belum berubah. Kesemua faktor di atas menjadi punca kepada pertambahan jumlah gelandangan yang terdiri daripada wanita. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi menyelamat dan mengangkat martabat golongan wanita agar mereka tidak menjadi mangsa keadaan. Program-program yang bertujuan memberikan kesedaran terhadap kepentingan wanita perlu lebih giat dijalankan. Ia penting untuk memastikan setiap wanita memahami hakikat diri mereka dan tanggungjawab besar dalam membangunkan masyarakat serta negara.

### b) Kaum

Setiap negara mempunyai kaum atau etnik yang tersendiri. Ia melambangkan identiti sesebuah negara itu sama ada terdiri daripada masyarakat majmuk ataupun tidak. Selain itu, ia juga membantu dalam mengenal pasti dominasi kaum tertentu dalam kelompok gelandangan. Sebagai contoh, Amerika Syarikat merupakan sebuah negara besar yang mempunyai penduduk mewakili beberapa kaum. Menurut Iceland & Weinberg, selepas era 90-an, komposisi penduduk di Amerika adalah terdiri daripada lima etnik atau kaum yang utama iaitu kulit putih (white), kulit hitam (black), natif Alaska (*american indian/*

*alaska native), Asia dan natif Hawaii*<sup>379</sup>. Statistik yang dikeluarkan sehingga tahun 2018 menunjukkan bahawa majoriti gelandangan di negara tersebut adalah dikuasai oleh etnik kulit putih sebanyak 50%, manakala 40% adalah diwakili oleh etnik kulit hitam<sup>380</sup>. Hal ini adalah disebabkan majoriti penduduk di Amerika Syarikat adalah diwakili oleh etnik kulit putih.

Bagi situasi di Malaysia, golongan gelandangan terdiri daripada pelbagai kaum. Ini adalah selaras dengan demografi penduduknya yang terdiri daripada tiga kaum yang utama iaitu Melayu, Cina dan India. Secara umumnya, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2016 menunjukkan bahawa majoriti gelandangan di Malaysia adalah terdiri daripada kaum Melayu iaitu seramai 954 orang, bukan warganegara sebanyak 668 orang, kaum Cina seramai 321 orang dan kaum India adalah seramai 276 orang.

Menurut Drani et al. majoriti kaum yang mendominasi kelompok gelandangan adalah berbeza mengikut demografi negeri masing-masing<sup>381</sup>. Sebagai contoh, terdapat perbezaan jumlah gelandangan mengikut kaum di antara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan Pulau Pinang. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Wafi & Sharifah di Pulau Pinang, seramai 14 orang gelandangan yang ditemui adalah terdiri daripada kaum Melayu, sementara 10 orang daripada kaum Cina<sup>382</sup>. Walaupun kaum Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi, namun dapat dilihat bahawa gelandangan yang berbangsa Cina mengekori rapat angka tersebut. Hal ini adalah disebabkan penduduk

---

<sup>379</sup> John Iceland and Daniel H. Weinberg. *Racial and ethnic residential segregation in the United States 1980-2000*. (Washington : U.S Bureau of Census, 2002), 3-15.

<sup>380</sup> “homeless statistics in usa”, laman sesawang endhomelessness, <https://endhomelessness.org/homelessness-in-america/homelessness-statistics/state-of-homelessness-report/>, dicapai pada 27 Mei 2019.

<sup>381</sup> Syazwani Drani, Azlinda Azman, and Paramjit Singh Jamir Singh. "Pengetahuan gelandangan terhadap peranan dan keperluan pekerja sosial." *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 15, no. 2 (2019): 141-154.

<sup>382</sup> Muhammad Wafi Ramli and Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. "Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang." *Geografi* 5, no. 2 (2017): 78-94.

Cina mencatatkan jumlah kedua tertinggi di negeri tersebut. Menurut statistik semasa daripada Jabatan Perangkaan Negara, di Pulau Pinang kaum Cina mencatatkan jumlah sebanyak 696,400 orang. Jumlahnya adalah sedikit berbanding dengan golongan Bumiputera yang berjumlah seramai 746,500 orang<sup>383</sup>.

Keadaan ini adalah berbeza dengan keadaan di Kuala Lumpur. Kajian yang dilakukan oleh Syafiq & Selvaratnam mencatatkan bahawa majoriti gelandangan yang ditemui adalah kaum Melayu seramai 41 orang (82%), manakala kaum Cina pula mencatatkan bilangan seramai 6 orang (12%) sahaja<sup>384</sup>. Berdasarkan statistik semasa, walaupun kaum Cina merupakan penduduk kedua tertinggi di Kuala Lumpur, namun jumlah mereka adalah sedikit kurang berbanding di Pulau Pinang. Kaum Cina di Kuala Lumpur mencatatkan jumlah seramai 654,100 orang di bawah Bumiputera yang mempunyai seramai 725,400 orang<sup>385</sup>.

Secara tidak langsung perbezaan ini memberikan kesan terhadap komposisi gelandangan mengikut etnik di negeri masing-masing. Walaupun gelandangan di kedua-dua negeri tersebut didominasi oleh kaum Melayu, namun terdapat perbezaan jumlah yang ketara melibatkan gelandangan daripada kaum Cina. Secara umumnya, bagi situasi di Malaysia, kebanyakan individu yang terlibat dalam kelompok gelandangan adalah terdiri daripada kaum Melayu berikutan jumlah mereka yang lebih banyak di dalam negara ini serta faktor-faktor lain yang turut menyumbang.

### c) Umur

Umur juga menjadi salah satu ciri dalam mengenal pasti golongan gelandangan ini. Pada era pasca Perang Dunia ke-2, di Amerika Syarikat, gelandangan atau *skid row* sewaktu

<sup>383</sup> “statistic penduduk pulau pinang”, laman sesawang MyCensus , <https://www.mycensus.gov.my/geostats/map.php?m=1>, dicapai pada 24 Mei 2019.

<sup>384</sup> Muhammad Syafiq Muhamad Sham and Doris Padmini Selvaratnam. "Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur." *Sains Humanika* 10, no. 2 (2018): 19-29.

<sup>385</sup> “statistic penduduk kuala lumpur”, laman sesawang MyCensus , <https://www.mycensus.gov.my/geostats/map.php?m=1>, dicapai pada 24 Mei 2019.

itu dikenali sebagai golongan yang berusia iaitu veteran-veteran perang<sup>386</sup>. Setelah berlalu era tersebut, gelandangan bukan hanya melibatkan golongan yang berumur pertengahan bahkan ianya meliputi juga golongan muda dan belia serta kanak-kanak<sup>387</sup>. Laporan yang dikeluarkan oleh U.S Department of Housing and Urban Development pada tahun 2018<sup>388</sup>, menunjukkan bahawa majoriti gelandangan di Amerika Syarikat adalah terdiri daripada golongan dewasa iaitu mereka yang berusia 24 tahun dan ke atas. Hal ini demikian kerana, peratusan bagi golongan ini adalah paling tinggi iaitu sebanyak 71.1% berbanding peringkat umur yang lain seperti gelandangan remaja iaitu mereka yang berumur 18 -24 tahun (8.7%) dan gelandangan kanak-kanak iaitu bawah 18 tahun (20.2%).

Bagi situasi di Malaysia, gelandangan adalah terdiri daripada peringkat umur yang berbeza. Menurut Amalina, et al., perbezaan umur tersebut adalah berbeza mengikut kawasan-kawasan tertentu<sup>389</sup>. Kajian yang dijalankan oleh Mohamed et al. di Kem Desa Bina Diri, menunjukkan bahawa majoriti gelandangan adalah terdiri daripada mereka yang berusia 50-59 tahun iaitu sebanyak 52%<sup>390</sup>. Ini menunjukkan bahawa gelandangan yang berada di pusat pemulihan kebanyakannya terdiri daripada mereka yang sudah mencapai usia warga emas.

Walau bagaimanapun, dapatan tersebut adalah berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Syafiq & Selvaratnam di pusat pemulihan gelandangan iaitu Kem PLKN

---

<sup>386</sup> Samuel E.Wallace, *Skid Row as A Way of Life*, 22-23

<sup>387</sup> Jennifer R.Wolch, Michael Dear and Andrea Akita, "Explaining Homelessness", *American Psychological Association* (1988): 444-445.

<sup>388</sup> Meghan Henry, Anna Mahathey, Tyler Morrill, Anna Robinson, Azim Shivji, and Rian Watt, Abt Associates. *The 2018 Annual Homeless Assessment Report (AHAR) to Congress* (U.S Department of Housing and Urban Development, 2018), 6.

<sup>389</sup> Nor Amalina Mohd Adib, et al. "Homeless Women In Malaysia: Their Choice Or Victims Of Situations." *Journal of Education and Social Sciences* 5, no. 3. (2016): 8-15.

<sup>390</sup> Mohd Suhaimi Mohamad, et al. "Hubungan di antara Kesihatan Mental dengan Minat Kerjaya dalam kalangan Gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia (The Relationship between Mental Health and Career Interest among Homeless People in Kem Desa Bina Diri, Malaysia)." *Akademika* 86, no. 1 (2016): 11-19.

Geo Kosmo<sup>391</sup>. Dapatan mereka menunjukkan bahawa sebanyak 48% adalah terdiri daripada mereka yang berusia 36-45 tahun. Manakala hanya terdapat 12% sahaja gelandangan yang berusia 55 tahun ke atas. Perkara ini disokong oleh Wafi & Sharifah yang melakukan kajian di Pulau Pinang dan mendapati bahawa kebanyakan gelandangan adalah terdiri daripada mereka yang berusia 31 – 40 tahun iaitu sebanyak 43%<sup>392</sup>. Ini membuktikan usia gelandangan adalah berbeza mengikut kawasan kajian tersebut. Secara umumnya, dapat dinyatakan bahawa kebanyakan gelandangan yang terdapat di Malaysia adalah terdiri daripada mereka yang berusia 30 tahun dan ke atas.

#### d) Pendidikan

Secara umumnya, antara kesukaran yang dihadapi oleh gelandangan adalah untuk mendapatkan akses pendidikan dengan baik. Menurut Miller<sup>393</sup>, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kesulitan hidup yang dialami oleh gelandangan mempengaruhi pendidikan mereka apabila wujudnya masalah-masalah seperti pencapaian akademik yang merosot<sup>394</sup>, rekod kehadiran yang teruk<sup>395</sup>, kadar pertukaran sekolah yang tinggi<sup>396</sup>, tiada rekod pengenalan diri, ponteng sekolah dan tingkah laku liar<sup>397</sup>. Walau bagaimanapun, Tobin berpendapat bahawa pencapaian akademik individu bukanlah

---

<sup>391</sup> Muhammad Syafiq Muhamad Sham and Doris Padmini Selvaratnam. "Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur." *Sains Humanika* 10, no. 2 (2018): 19-29.

<sup>392</sup> Muhammad Wafi Ramli and Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. "Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang." *Geografi* 5, no. 2 (2017): 78-94.

<sup>393</sup> Peter M. Miller, "Homeless families' education networks: An examination of access and mobilization." *Educational Administration Quarterly* 47, no. 4 (2011): 543-581.

<sup>394</sup> Jelena Obradović, Jeffrey D. Long, J. J. Cutuli, Chi-Keung Chan, Elizabeth Hinz, David Heistad, and Ann S. Masten. "Academic achievement of homeless and highly mobile children in an urban school district: Longitudinal evidence on risk, growth, and resilience." *Development and psychopathology* 21, no. 2 (2009): 493-518.

<sup>395</sup> James H. Stronge and Evelyn Reed-Victor. *Educating Homeless Students: Promising Practices* (New York : Eye on Education, 2000), 1-269.

<sup>396</sup> Linda Taylor and Howard S. Adelman. "Connecting schools, families, and communities." *Professional School Counseling* 3, no. 5 (2000): 298.

<sup>397</sup> Diana Bowman and Katina Barksdale. "Increasing School Stability for Students Experiencing Homelessness: Overcoming Challenges to Providing Transportation to the School of Origin." *National Center for Homeless Education* (2004): 1-19.

disebabkan oleh situasi kehidupan secara gelandangan. Sebaliknya, ia adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang lain seperti kaum, kemiskinan dan perpindahan kawasan<sup>398</sup>. Perkara yang sama juga dinyatakan oleh Vazquez et al. apabila mendapati bahawa pendidikan tidak mempunyai hubungan yang selari dengan keadaan gelandangan<sup>399</sup>. Jelas mereka, tahap pendidikan individu tidak menyebabkan seseorang itu menjadi gelandangan.

Bagi situasi di Malaysia, antara masalah utama pendidikan yang dihadapi oleh anak-anak jalanan atau gelandangan adalah seperti masalah kewangan, tidak mendapat sokongan ibu bapa serta sikap diri sendiri yang malas<sup>400</sup>. Faktor-faktor tersebut menyebabkan kanak-kanak gelandangan mengalami keciciran dalam pelajaran. Justeru, sebagai langkah mengatasi permasalahan tersebut, terdapat beberapa usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan pertubuhan kebajikan demi memastikan hak pendidikan ke atas golongan gelandangan ini dapat dipelihara dengan baik.

Antara inisiatif daripada pihak kerajaan adalah dengan menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)<sup>401</sup>. Sekolah yang terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur ini ditubuhkan bagi menyediakan akses pendidikan formal di samping persekitaran yang kondusif khusus kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir. Sekolah ini membuka peluang pendidikan kepada kanak-kanak yang berusia 5 hingga 17 tahun yang terdiri daripada kanak-kanak jalanan, terpinggir, tanpa dokumen pengenalan diri serta yatim

---

<sup>398</sup> Kerri J. Tobin, "Homeless students and academic achievement: Evidence from a large urban area." *Urban Education* 51, no. 2 (2016): 197-220.

<sup>399</sup> José Juan Vázquez, Sonia Panadero, and Claudia Zúñiga. "Attributions about homelessness in homeless and domiciled people in Madrid, Spain: "Why are they homeless people?"" *American Journal of Orthopsychiatry* 88, no. 2 (2018): 236.

<sup>400</sup> Anuar Ahmad and Norhaidawati Mohd Noor. "Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan Di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur." (2016): 1-20.

<sup>401</sup> Danarswi Tri Lastiwi and Nurfarawahidah Badruesham. "Library for the homeless: A case study of a Shelter House and a School for Homeless in Indonesia and Malaysia." (2017): 1-13.

piatu yang tinggal di pusat jagaan berdaftar<sup>402</sup>. Di samping itu, usaha ini juga adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) serta Dasar Pendidikan Wajib yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia<sup>403</sup>.

Kesedaran terhadap pendidikan gelandangan juga telah mendapat perhatian daripada pihak-pihak NGO dan aktivis. Golongan sukarelawan yang terdiri daripada aktivis kemanusiaan dan kebajikan merupakan mereka yang hampir dengan golongan ini. Mereka sentiasa turun bersama dalam memastikan gelandangan tidak tersisih daripada perhatian masyarakat umum. Perkara ini penting bagi mengurangkan jurang sosial di antara kedua-dua golongan. Bentuk kepihatinan mereka dizahirkan menerusi penubuhan kelas-kelas secara percuma dan terbuka. Antaranya seperti kelas mengaji percuma anjuran NGO Kelas Furqan Chow Kit<sup>404</sup>, NGO Buku Jalanan Chow Kit yang menyuburkan budaya ilmu serta membaca<sup>405</sup> dan NGO Religion of Love menerusi program tuisyen percuma seperti Chow Kit Kids<sup>406</sup>. Program-program yang dianjurkan oleh pihak NGO ini adalah untuk memberikan peluang pendidikan kepada golongan gelandangan terutamanya kanak-kanak. Ia bertujuan menanam kesedaran terhadap kepentingan ilmu dalam diri mereka supaya membesar menjadi orang yang lebih berjaya.

---

<sup>402</sup> “sekolah bimbingan jalinan kasih”, laman sesawang Kementerian Pendidikan, <https://www.moe.gov.my/index.php/en/pendidikan-menengah/sekolah-bimbingan-jalinan-kasih>, dicapai pada 14 Jun 2019.

<sup>403</sup> Mohd Nazri Abdul Rahman, Saedah Siraj, Nor Fariza Mohd Idris, Muhamad Asyraf Mansor, and Nor Asiah Muhamad. "Potensi Pembangunan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat Bagi Kanak-Kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri: Tinjauan Awal." *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 6, no. 3 (2018): 15-21.

<sup>404</sup> “kelas furqan chow kit”, laman sesawang Utusan, <http://www.utusan.com.my/mega/rona/kelas-mengaji-al-furqan-chow-kit-berjaya-membantu-golongan-gelandangan-mendekati-al-quran-1.754291>, dicapai pada 14 Jun 2019.

<sup>405</sup> “buku jalanan chow kit”, laman sesawang Kosmo, <http://www.kosmo.com.my/negara/anak-anak-terbiar-diberi-ilmu-1.750983>, dicapai pada 14 Jun 2019.

<sup>406</sup> S. N. Hamid, Yarina Ahmad, and Nor Suziwana Tahir. "Can Street Children Rely on ‘Friendship’ to Survive on the Streets? A Comparative Study between Street Children in Kuala Lumpur City and Kota Kinabalu, Sabah." *Journal of Administrative Science Special Edition: Socio-Economic Issue* 14, no. 3 (2017): 1-20.

Secara tidak langsung, dapat mengeluarkan mereka daripada kedaifan hidup sebagai gelandangan

Di samping itu, terdapat juga kerjasama yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan NGO yang diwujudkan bagi menghadapi isu pendidikan gelandangan serta anak-anak jalanan. Program *Outreach* merupakan sebuah program yang dibangunkan untuk memberikan kesedaran kepada gelandangan terhadap kepentingan bersekolah dan belajar. Ia dilaksanakan dengan menggunakan kaedah santai serta temu ramah kumpulan sasaran yang terdapat di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Menurut sumber daripada Dewan Rakyat yang dikeluarkan pada 6 Mei 2019, impak positif daripada program ini telah membantu dalam meningkatkan bilangan pelajar yang berdaftar di SBJK. Buktinya, sehingga April 2019 telah dicatatkan seramai 152 orang kanak-kanak yang berdaftar di sekolah tersebut. Jumlah ini adalah berbeza dengan waktu awal penubuhan SBJK, apabila hanya 43 orang sahaja yang berdaftar pada Ogos 2013. Oleh itu, situasi di Malaysia menunjukkan bahawa gelandangan di negara ini menerima peluang pendidikan yang baik sebagaimana masyarakat awam yang lain. Pendidikan adalah jalan keluar daripada kemiskinan serta berperanan mengurangkan masalah gelandangan yang berlaku.

#### e) Status Kesihatan

Antara permasalahan lain yang menimpa gelandangan adalah dari aspek penjagaan kesihatan. Menurut Hwang, gelandangan mempunyai risiko kematian yang lebih besar<sup>407</sup>. Hal ini terjadi disebabkan oleh keadaan diri mereka yang sentiasa terdedah kepada penyakit sama ada yang melibatkan mental ataupun fizikal. Tambahan pula, kesukaran untuk mendapatkan akses rawatan kesihatan yang baik di pusat kesihatan atau hospital

---

<sup>407</sup> Stephen W. Hwang, "Homelessness and health." *Cmaj* 164, no. 2 (2001): 229-233.

menyebabkan mereka aspek kesihatan mereka tidak dijaga dengan baik. Hal ini berlaku disebabkan oleh mereka tidak mendapat kemudahan seperti insuran kesihatan<sup>408</sup>.

Bagi penyakit mental gelandangan, Mertens menyatakan antara masalah yang utama adalah seperti kemurungan, penggunaan bahan terlarang, sindrom psikotik, skizofrenia dan masalah personaliti<sup>409</sup>. Manakala masalah fizikal yang dialami oleh mereka pula adalah seperti keadaan kaki yang berpenyakit. Menurut Matthew, et al., pemilihan kasut yang tidak sesuai dan kurang akses terhadap stokin yang bersih menyebabkan kaki mereka mudah dijangkiti bakteria sekaligus mendatangkan penyakit<sup>410</sup>. Selain itu, gelandangan juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan tidur yang berkualiti. Menurut Reitzel et al. hal ini adalah disebabkan oleh sindrom kegelisahan yang membenggu diri mereka sebagai kesan daripada masalah kesihatan mental dan fizikal yang teruk<sup>411</sup>.

Di samping itu, terdapat juga masalah kesihatan yang khusus iaitu memfokuskan kepada gender dan umur. Misalnya, bagi gelandangan lelaki dewasa mereka sering menghadapi permasalahan ketagihan alkohol, penyalahgunaan dadah, dan merokok. Gejala yang tidak menyihatkan ini akhirnya membawa kepada pelbagai penyakit seperti tuberculosis, jangkitan kuman pada paru-paru dan tekanan darah yang tinggi<sup>412</sup>. Sementara gelandangan wanita pula menghadapi masalah dalam ginekologi dan obstetri<sup>413</sup>, payudara dan serviks<sup>414</sup>. Kanak-kanak pula menghadapi pelbagai masalah

---

<sup>408</sup> Margot B. Kushel, Eric Vittinghoff, and Jennifer S. Haas. "Factors associated with the health care utilization of homeless persons." *Jama* 285, no. 2 (2001): 200-206.

<sup>409</sup> W. H. Martens, "A review of physical and mental health in homeless persons." *Public health reviews* 29, no. 1 (2001): 13-33.

<sup>410</sup> Matthew J. To, et al. "Foot conditions among homeless persons: a systematic review." *PloS one* 11, no. 12 (2016): 1-14.

<sup>411</sup> Lorraine R. Reitzel, et al. "Distress tolerance links sleep problems with stress and health in homeless." *American journal of health behavior* 41, no. 6 (2017): 760-774.

<sup>412</sup> David Levinson and Marcy Ross, *Homelessness Handbook*, (Massachusetts:Berkshire Publishing Group,2007), 189.

<sup>413</sup> Salah satu cabang dalam bidang perubatan yang berkaitan organ reproduksi wanita. Kebiasaannya melibatkan soal-soal kehamilan dan bersalin.

<sup>414</sup> Ibid.,191.

kesihatan seperti kekurangan nutrisi<sup>415</sup>. Kesemua ini menunjukkan bahawa kehidupan sebagai gelandangan menyebabkan individu tersebut sentiasa terdedah kepada penyakit.

#### f) Durasi gelandangan

Dalam mengetahui kadar atau tempoh masa individu menjadi gelandangan, maka kajian yang bersifat setempat perlu dilakukan. Hal ini demikian kerana, setiap tempat atau kawasan menghasilkan impak dan natijah yang berbeza. Perkara ini diakui oleh Zlornick, et al. apabila menyatakan dalam kajian mereka bahawa dalam mengenalpasti tempoh masa yang diperlukan untuk mengkaji golongan ini adalah dibuat berdasarkan tempat yang spesifik<sup>416</sup>.

Di samping itu, ia juga turut disokong oleh Daly yang berpandangan bahawa lokasi tertentu mempunyai kaitan kepada durasi masa yang diperuntukkan oleh gelandangan untuk hidup dalam keadaan sedemikian<sup>417</sup>. Dapat disimpulkan bahawa durasi gelandangan ini adalah terbahagi kepada dua iaitu bersifat jangka masa yang panjang (*long term*) dan jangka masa yang pendek (*short term*)<sup>418</sup>. Tempoh masa individu menjadi gelandangan adalah disebabkan beberapa faktor. Caton, et al. mendapati bahawa gelandangan mengambil tempoh masa yang panjang untuk berada dalam situasi demikian kerana tidak memiliki aset peribadi, terlibat dengan penyalahgunaan bahan terlarang dan mengalami masalah psikiatri. Faktor-faktor tersebut memberikan kesukaran kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik. Tempoh menjadi gelandangan boleh dipendekkan sekiranya mereka telah mempunyai pekerjaan,

---

<sup>415</sup> Azizur Rahman and Md Abdul Hakim. "Malnutrition prevalence and health practices of homeless children: a cross-sectional study in Bangladesh." *Science Journal of Public Health* 4, no. 1-1 (2016): 10-15.

<sup>416</sup> Cheryl Zlotnick, Marjorie J. Robertson, and Maureen Lahiff. "Getting off the streets: Economic resources and residential exits from homelessness." *Journal of Community Psychology* 27, no. 2 (1999): 211.

<sup>417</sup> Gerald Daly, *Homeless : Policies, Strategies and Lives on the Street* (New York : Routledge, 1996), 23.

<sup>418</sup> Shlay Anne B. and Peter H. Rossi. "Social science research and contemporary studies of homelessness." *Annual Review of Sociology* (1992):141.

mempunyai latar belakang pendidikan yang bagus, kemahiran komunikasi dan bantuan daripada keluarga<sup>419</sup>. Secara tidak langsung, faktor-faktor tersebut boleh membantu dalam mengatasi masalah gelandangan yang sedang berleluasa.

Ringkasnya, tempoh masa bagi individu untuk menjadi gelandangan adalah bergantung kepada keazaman diri mereka untuk berubah. Mereka yang memiliki kekuatan rohani dan mental akan dapat membebaskan diri daripada belenggu kehidupan sebagai gelandangan. Sementara mereka yang memiliki kurang keyakinan diri, terlalu kecewa, sentiasa mengharapkan bantuan dan selesa dengan kehidupan sedemikian akan berterusan menjadi gelandangan dalam tempoh yang panjang.

### **g) Lokasi Gelandangan**

Secara umumnya, golongan gelandangan bukan sahaja terdapat di kawasan-kawasan bandar utama (*urban*), malah meliputi pekan kecil, kawasan luar bandar serta kawasan perumahan<sup>420</sup>. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada migrasi golongan ini. Antaranya seperti stigma atau perspektif negatif masyarakat kelas atasan yang tinggal di bandar-bandar utama, banyak kejadian jenayah dan merasa diri terlalu miskin merupakan antara penyebab utama<sup>421</sup>. Mereka telah berpindah ke kawasan di mana penduduknya mempunyai pendapatan yang sederhana seperti kawasan perumahan di pinggiran bandar (*suburban*) dan kawasan desa luar bandar (desa).

Selain itu, lokasi tempat tidur gelandangan juga termasuk dalam perbahasan bagi bahagian ini. Menurut Jencks, secara umum dan kebiasannya tempat tidur bagi golongan ini terbahagi kepada dua iaitu di pusat perlindungan yang diperuntukkan untuk

---

<sup>419</sup> Carol LM Caton, et al. "Risk factors for long-term homelessness: Findings from a longitudinal study of first-time homeless single adults." *American journal of public health* 95, no. 10 (2005): 1754.

<sup>420</sup> Paul Ades, "The Unconstitutionality of" Antihomeless" Laws: Ordinances Prohibiting Sleeping in Outdoor Public Areas as a Violation of the Right to Travel." *California Law Review* 77, no. 3 (1989): 599.

<sup>421</sup> Ibid.

gelandangan dan satu lagi adalah sebaliknya<sup>422</sup>. Lokasi yang menjadi pilihan mereka selain daripada rumah perlindungan adalah di kawasan-kawasan yang bukan dibina untuk berlindung atau menetap seperti stesen bas, stesen keretapi bawah tanah, kereta, pintu masuk bangunan dan bangunan-bangunan tinggal<sup>423</sup>.

Di Malaysia, gelandangan memilih beberapa lokasi yang boleh dijadikan tempat berteduh dan mendapat simpati masyarakat seperti lorong belakang, kaki lima kedai komersil dan bawah jambatan<sup>424</sup>. Pemilihan lokasi berbeza mengikut gender, di mana kaum lelaki memilih untuk tidur di kawasan seperti lantai pada pintu masuk kedai, berbumbung dan mempunyai tiang. Menurut Alhabshi & Manan, kaum wanita memilih kawasan yang selamat seperti hotel-hotel murah sekiranya mampu, kuil-kuil atau rumah ibadat yang lain<sup>425</sup>. Di bandaraya Kuala Lumpur, antara kawasan kebiasaan golongan ini adalah seperti di Mydin Kotaraya, Masjid Negara, Central Market, Menara Maybank, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, Jalan Tiong Nam (Chow Kit), Jalan Silang, Masjid Jamek, Bank Negara, Bulatan Sultan Mohamad dan Dataran Merdeka. Dengan ini, ia menunjukkan lokasi kebiasaan gelandangan adalah berdasarkan kepada kehendak mereka sendiri.

Secara umumnya, lokasi gelandangan adalah banyak terdapat di kawasan yang berskala besar dan mempunyai kepadatan penduduk yang lebih tinggi seperti bandar-bandar utama serta kota metropolitan. Manakala sebilangan mereka yang lain pula terdapat di kawasan-kawasan selain bandar utama seperti kawasan perumahan di pinggir bandar dan desa atau perkampungan di luar bandar. Di samping itu juga, golongan gelandangan yang difahami sebagai mereka yang tidak mempunyai kediaman yang tetap

---

<sup>422</sup> Christopher Jencks, *The homeless* (Massachusetts:Harvard University Press, 1995), 4.

<sup>423</sup> Ibid.

<sup>424</sup> Ismar Ms Usman, et al. "Keperluan Keselamatan Lorong Belakang Rumah Kedai Terhadap Konsep Bandar Selamat." *Journal Of Design+ Built* 9 (2016): 1-8.

<sup>425</sup> Sharifah Mariam Alhabshi and A. K. Abdul Manan. "Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial." *International Journal of Social Science Tomorrow* 1, no. 2 (2012): 1-9.

dan selesa mempunyai perbezaan dalam memilih tempat untuk mereka tidur dan berehat. Perbezaan ini adalah berasaskan faktor utama seperti gender dan gaya kehidupan.

### **3.5 GELANDANGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Gelandangan merupakan golongan terasing yang mengalami kesusahan untuk menjalani kehidupan secara normal seperti masyarakat yang lain. Hal ini disebabkan oleh status mereka sebagai kelompok marginal/pengasingan sosial (*social exclusion*) yang berkait rapat dengan kesukaran yang dilalui mereka dari aspek ekonomi. Antaranya adalah kadar pendapatan yang berada di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) menurut ukuran kebiasaan di Malaysia<sup>426</sup>. Ukuran kemiskinan dinilai berdasarkan jenis kemiskinan iaitu mutlak dan relatif. Sejajar dengan itu, gelandangan juga telah tergolong sebagai sebahagian daripada kumpulan miskin bandar<sup>427</sup>. Ia merujuk kepada ketidakmampuan seseorang untuk mengakses sumber daya yang berada di sekitar, sehingga mereka mengalami kekurangan dalam memenuhi keperluan hidup<sup>428</sup>. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Hasan bahawa gelandangan di Malaysia menepati konsep kemiskinan dari sudut sosio-ekonomi<sup>429</sup>.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bermula pada tahun 2009, seramai 1,934 orang dikenal pasti sebagai gelandangan (orang papa/pengemis), 2010 seramai 1,434 orang, 2011 seramai 1,446 orang, 2012 seramai 1,223 orang, 2013 seramai 1,048 orang, 2014 seramai 1,469 orang, 2015 seramai 1,527 orang, dan 2016 meningkat kepada 2,278 orang. Jumlah ini dilihat semakin bertambah terutamanya di bandar-bandar besar dalam negara seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

<sup>426</sup> N. Jamil & S.H.C Mat, "Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48, no. 1, (2014): 168.

<sup>427</sup> Damsar & Indrayani. *Pengantar Sosiologi Perkotaan*. (Jakarta: Kencana, 2017).

<sup>428</sup> B. Rustanto, *Menangani Kemiskinan*. (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2015).

<sup>429</sup> Norzuraida Hasan. "Potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia sebagai satu bentuk jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin/Norzuraida Hasan." PhD diss., (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2012), 66.

**Jadual 3.1 : Jumlah Orang Papa (pengemis/gelandangan yang ditangkap) dari tahun 2009-2016**

Tahun	Kuala Lumpur	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah
2009	193	1,687	247	1,934
2010	314	1,181	253	1,434
2011	437	1140	306	1446
2012	239	937	286	1,223
2013	210	854	194	1048
2014	424	1088	381	1469
2015	215	1115	412	1,527
2016	348	1610	668	2278

(Sumber: JKM, 2017)

Statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini kemudiannya dikukuhkan lagi dengan dapatan-dapatan lain yang bersifat semasa. Berdasarkan sumber daripada Dewan Negara yang bertarikh 6 Mei 2019<sup>430</sup>, dilaporkan seramai 6,102 orang gelandangan telah mendaftarkan diri mereka secara sukarela di Anjung Singgah iaitu sebuah pusat pemulihan di bawah seliaan Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Pusat intervensi ini terletak di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Manakala bagi data yang diperolehi daripada Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)<sup>431</sup> pula melaporkan bahawa sebanyak 677 kes gelandangan yang berlaku pada tahun 2018.

Begitu juga bagi kemasukan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL), data menunjukkan bahawa terdapat peningkatan jumlah pendaftaran apabila seramai 2,315 orang telah mendaftar di pusat transit berkenaan. Jumlah ini adalah meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu November 2018 yang hanya mencatatkan seramai 2,082 orang.

**Jadual 3.2 : Statistik Penghuni Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur Sehingga 28 September 2018**

<sup>430</sup> Soalan No. 27, Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Dewan Negara, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas, 6 Mei 2019.

<sup>431</sup> Statisik diperoleh menerusi pertanyaan di laman web Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), <https://www.mampu.gov.my/ms/>.

Bil.	Jumlah Semasa yang menginap	Pecahan Mengikut Jantina		Pecahan Mengikut Kaum				Pecahan Mengikut Umur (tahun)						
		Lelaki	Wanita	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Kanak-kanak	18-25	26-35	36-45	46-55	56-59	60 tahun ke atas
1	120	120	0	88	8	18	6	0	3	23	46	34	11	3
	<b>PERATUS (%)</b>	100	0.0	73.3	6.7	15.0	5.0	0.0	2.5	19.2	38.3	28.3	9.2	2.9
	<b>JUMLAH</b>	120		120				120						

Jadual di atas merupakan statistik semasa yang dikeluarkan oleh PTGKL bagi melaporkan bilangan gelandangan yang berdaftar sebagai penghuni di pusat transit berkenaan. Ia menunjukkan bahawa kebanyakan gelandangan yang berada di sekitar Kuala Lumpur adalah terdiri daripada mereka yang berusia dalam lingkungan 36-45 tahun (38.3%) dan 46-55 tahun (28.3%). Statistik ini mengukuhkan lagi kajian lepas yang dilakukan oleh Mohamad et al. iaitu kebanyakan gelandangan yang berada di pusat perlindungan adalah terdiri daripada mereka yang berumur 30-50 tahun dan ke atas<sup>432</sup>. Ini menunjukkan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur adalah rata-rata terdiri daripada golongan dewasa.

Statistik di atas juga menunjukkan bahawa keseluruhan penghuni di PTG ialah lelaki. Secara tidak langsung, ia memberikan gambaran bahawa majoriti gelandangan yang terdapat di Kuala Lumpur adalah terdiri daripada lelaki. Manakala dari segi kaum, bangsa Melayu mencatatkan bilangan tertinggi bagi jumlah gelandangan iaitu sebanyak 73.3%, India (15.0%) dan Cina (6.7%). Jumlah ini adalah berkait dengan demografi di Malaysia apabila majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu yang beragama Islam. Kajian yang dilakukan oleh Syafiq & Doris di Kuala Lumpur juga mempunyai catatan yang sama. Menurut mereka, gelandangan Melayu mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 82%, manakala Cina (12%) dan India (6%)<sup>433</sup>. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur adalah mereka yang terdiri

<sup>432</sup> Mohamad, et al. "Hubungan di antara Kesihatan Mental dengan Minat Kerjaya dalam kalangan Gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia." *Akademika* 86, no. 1, (2016) : 16.

<sup>433</sup> Muhammad Syafiq Muhamad Sham and Doris Padmini Selvaratnam. "Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur." *Sains Humanika* 10, no. 2 (2018): 19-29.

daripada golongan dewasa, berusia 36 tahun dan ke atas, didominasi oleh lelaki dan kebanyakannya mereka ialah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Secara umumnya, dapatan-dapatan di atas membuktikan bahawa jumlah kes gelandangan di Kuala Lumpur tidak mengalami kadar penurunan secara konsisten. Namun sebaliknya tetap mengalami peningkatan dari satu tahun ke tahun yang berikutnya. Justeru, pelbagai usaha perlu dilakukan oleh pihak berkuasa dalam memastikan permasalahan gelandangan ini tidak menyumbang kepada mudarat yang lebih besar terhadap negara. Antara langkah penyelesaian yang boleh dilakukan adalah dengan memahami permasalahan gelandangan secara mendasar iaitu mengetahui punca utama atau faktor yang menyumbang kepada keterlibatan mereka dalam aktiviti ini.

### **Faktor Keterlibatan Dalam Gelandangan**

Terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang mendorong kewujudan gelandangan. Menurut Yani et al., antara faktor tersebut adalah institusi kekeluargaan yang tidak terurus, kehilangan pekerjaan, kehilangan kediaman, kemiskinan dan masalah moral<sup>434</sup>. Dari aspek keluarga, beberapa masalah seperti perceraian di antara suami isteri, sikap ibu bapa yang terlalu menggongkong anak-anak (*over protective*), kurang penjagaan, kurang meluangkan masa bersama serta tidak dapat menerima kehadiran anak tersebut menjadi faktor kewujudan gelandangan. Ini juga adalah berkait dengan gejala lari dari rumah yang terhasil daripada permasalahan-permasalahan tersebut.

Selain itu, dari sudut mental, faktor sindrom paranoid menyebabkan mereka takut untuk terdedah kepada masyarakat serta memulakan cara hidup baru. Ini ditambah lagi dengan kajian daripada Anwar et al., yang menyimpulkan bahawa faktor utama wujudnya gelandangan di Malaysia adalah disebabkan permasalahan mental dan psikologi mereka.

---

<sup>434</sup> Yani, et al. Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: a qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences* 1, no. 1, (2016): 50-52.

Kesannya, ia telah membentuk suatu pola pemikiran dan peribadi sehingga menyebabkan mereka seolah-olah akur, selesa dan seronok dengan gaya kehidupan secara gelandangan.

Majoriti gelandangan di negara ini terdiri daripada mereka yang tidak berpendapatan, manakala sebahagian yang lain bekerja dengan skala pendapatan yang rendah<sup>435</sup>. Di samping itu, terdapat juga mereka yang bekerja, namun sengaja memilih untuk tidak memiliki rumah atas dasar penjimatan, bebas daripada sebarang komitmen serta wujudnya beberapa lokasi yang dijadikan tempat berehat pada waktu malam<sup>436</sup>. Ini menunjukkan bahawa bukan semua daripada mereka mengalami unsur kemiskinan. Segelintir mereka sengaja memilih untuk berada atau tidur di jalan kerana tidak mahu terikat dengan komitmen kewangan serta atas dasar kemudahan peribadi.

Bagi memenuhi objektif kajian ini, pengkaji telah melakukan kajian lapangan dengan menemu bual seramai 8 orang informan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Berdasarkan temu bual tersebut, pengkaji menemui beberapa faktor yang mendorong kepada keterlibatan golongan ini. Antaranya adalah :-

### i. Pengangguran dan kehilangan pekerjaan

Faktor ini merupakan punca utama kepada keterlibatan gelandangan di Kuala Lumpur. Setelah melakukan kajian, pengkaji mendapati seramai 5 orang informan memberikan alasan berikut. Sebahagian mereka mengalami masalah berikut adalah disebabkan usia yang sudah lanjut, kesakitan yang dialami serta faktor majikan yang membuang pekerja. Sebagai contoh, informan 3, seorang lelaki yang berusia 30 an menjelaskan bahawa tujuan asal datang ke Kuala Lumpur

<sup>435</sup> Oria et al. "NGOS And The Homelessness In Kuala Lumpur: Towards Moralistic Trust." *Jati-Journal Of Southeast Asian Studies* 19, (2014): 119.

<sup>436</sup> W.h.w Ismail dan J. Turiman, "Physical Characteristics of Resting Places for the Homeless in Johor Bahru City Centre." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 222, (2016): 911.

adalah untuk mencari pekerjaan. Namun, sehingga kini dia masih belum memilikinya.

*I4 : Asalnya memang datang untuk kerja kat sini lah.*

*Pengkaji : Sekarang ni abang ada bekerja kat mana-mana ke?*

*I4 : Setakat ni belum ada kerja lah.*

Sementara itu, bagi informan 4 pula, faktor usia dirinya yang sudah mencecah 60 tahun menyebabkan peluang pekerjaan semakin sukar. Ketiadaan pekerjaan telah menjelaskan sumber pendapatan bagi dirinya. Akhirnya, kehidupan secara gelandangan dijadikan pilihan.

*I4 : Jadi bila umur dah sampai 50-60 ke atas, kerja tu dah tak dapat.*

Manakala bagi informan 5 pula, seorang wanita berusia 30 an yang berada di jalanan kerana mempunyai masalah dengan majikannya. Informan memaklumkan bahawa dirinya tidak dibayar gaji serta oleh majikan dan syarikat pekerjaannya telah mengalami bankrap. Situasi ini lebih mencabar apabila informan mempunyai seramai 5 orang anak untuk dibesarkan.

*I5 : Sebelum ni saya kerja. Selepas itu, majikan saya tak boleh nak teruskan bermiaga, bankrap, kemudian tak bayar gaji.*

## **ii. Konflik keluarga**

Selain itu, gelandangan di Kuala Lumpur juga ialah mereka yang mengalami konflik rumah tangga. Faktor perceraian menyebabkan emosi mereka menjadi tidak stabil sekaligus membuat keputusan yang tidak wajar dengan menjadi gelandangan. Tambahan pula, ketiadaan pasangan yang membantu menguruskan

hal ehwal diri, menyebabkan kehidupan mereka semakin terabai. Pengakuan daripada beberapa orang informan lelaki, menyatakan bahawa mereka tidak dapat meneruskan kehidupan secara normal tanpa pasangan di sisi sehingga menyebabkan tidur di kaki lima. Misalnya, informan 4 yang berkongsi perjalanan hidupnya bersama pengkaji. Informan menceritakan bahawa dirinya berada dalam keadaan sedemikian adalah kerana mengalami kekecewaan disebabkan perceraian yang berlaku di antara dirinya dengan isteri.

*I4 : Pak cik bercerai dah lama, pasal bercerai pak cik jadi begini. Jodoh pak cik tak lama, setahun lebih sahaja. Jadi, bila pak cik kecewa, keputusan yang berbentuk emosi lah. Berakhir dengan keadaan macam ini lah.*

Begitu juga dengan informan 7, masalah perceraian yang berlaku telah membawa dirinya untuk berada di gelandangan. Faktor ketiadaan isteri di sisi telah menyebabkan hidupnya menjadi terabai dan tidak terurus.

*I7 : Ya, tiada zuriat. Jadi saya pun sekarang macam ini lah. Seorang saja lah. Dulu ada orang rumah. Orang rumah pun sudah balik kampung. Dah berpisah dengan saya, saya pun dah merana lah. Tidur merata-rata lah.*

### **iii. Ketagihan alkohol**

Pengambilan alkohol yang berlebihan juga telah membentuk gaya kehidupan mereka. Pembaziran wang yang berleluasa akibat ketagihan arak menyebabkan mereka ditimpa kemiskinan sehingga terpaksa menjadi gelandangan. Misalnya, informan 1, seorang wanita yang berusia 64 tahun, menceritakan bahawa usia mudanya diselubungi dengan kejahanan. Ketagihan arak dan pengaruh rakan sekeliling menyebabkan dirinya menghabiskan wang dalam jumlah yang besar untuk mendapatkan minuman tersebut. Natijahnya, ditimpa kemiskinan dan menjadi gelandangan.

*II : Yelah, memang masa kuat, masa muda dulu, mak cik pun kuat minum. Tekanan kan, macam mana. Habis duit pun beli tu sahaja.*

Pengkaji juga mendapati bahawa masalah ketagihan alkohol ini sukar untuk dihilangkan daripada diri sebahagian gelandangan. Sebagai contoh, informan 7 yang mendakwa dirinya sudah bertaubat daripada meminum arak. Namun, apabila ditanya lebih lanjut, informan memaklumkan dirinya akan mempertimbangkan sekiranya dibelanja oleh rakan-rakannya.

*I7 : Dulu muda-muda sedap je lah kan. Bila dah mabuk-mabuk, itu yang tak boleh... Macam mana nak minum, nak beli air yang murah pun tak boleh beli apa lagi yang mahal. Tak mampu lah... Kalau orang belanja tu tak taulah, itu pun nak kena fikir dua tiga kali. Nanti disebabkan dia belanja, kita gian.*

#### **iv. Penyakit mental**

Di samping itu, faktor penyakit mental juga memainkan peranan untuk mengekalkan gaya kehidupan sedemikian. Sebahagian informan mengalami tekanan atau kemurungan akibat masalah yang dihadapi. Manakala sebahagian yang lain pula berasa selesa dengan kehidupan sebagai gelandangan yang menerima pelbagai bantuan dan bebas daripada sebarang komitmen kewangan. Misalnya informan 5, yang mengakui bahawa dirinya lebih suka berada di kaki lima sekitar Chow Kit berbanding duduk menyewa di bilik. Apabila ditanya mengapa, informan memberikan alasan untuk menghilangkan tekanan dan rasa bosan.

*I5 : Ya. Sebab apa, kalau tidur luar ni, hati yang bosan tu boleh tengok luar... Ibaratnya, kalau stress tu dapat hilangkan stress lah. Kalau duduk bilik, tengok kipas tengok tilam.*

Majoriti informan yang ditemui oleh pengkaji sudah menjadi gelandangan dan menetap di Kuala Lumpur lebih daripada 5 tahun. Beberapa orang informan melaporkan mereka sudah menjadi gelandangan pada tempoh 20 sehingga 30 tahun. Sebagai contoh, informan 4 yang memaklumkan dirinya sudah menjadi gelandangan selama hampir 30 tahun.

*I4 : Kalau cakap tentang gelandangan ni, pak cik dah tidur kaki lima ni dah 30 tahun dah.*

Faktor-faktor di atas menunjukkan beberapa punca yang mendorong kepada kewujudan gelandangan di Kuala Lumpur. Antaranya disebabkan oleh masalah kewangan seperti pengangguran dan kehilangan pekerjaan. Ia menyebabkan mereka terpaksa memilih kehidupan secara gelandangan. Perbincangan ini juga telah membuka ruang persoalan berhubung status gelandangan dari perspektif Islam. Dalam Islam, zakat merupakan salah satu alternatif kepada pemulihan ekonomi umat Islam. Asasnya, gelandangan turut termasuk dalam salah satu kategori asnaf yang boleh mendapat bantuan zakat berdasarkan ciri-ciri umum seperti kemiskinan dan kefakiran<sup>437</sup>.

Namun demikian, penentuan kategori asnaf ke atas golongan ini masih lagi bersifat terbuka. Dalam maksud yang lain, pengagihan zakat ke atas mereka masih boleh menggunakan dana zakat di bawah kategori asnaf selain daripada fakir dan miskin. Misalnya, menggunakan dana zakat di bawah kategori asnaf ibnu sabil dan al-riqab. Asnaf ibnu sabil merujuk kepada situasi kesukaran akibat terputus bekalan kewangan bagi mereka yang sedang bermusafir. Ketiadaan punca pendapatan dalam tempoh tersebut menyebabkan urusan kehidupan mereka terbantut dan terpaksa bergantung kepada sumber yang lain.

Dengan itu, zakat diberikan kepada gelandangan adalah bertujuan mengeluarkan mereka daripada situasi sedemikian seterusnya kembali semula ke tempat dan keadaan yang asal. Situasi ini juga dapat dikaitkan dengan keadaan gelandangan yang tidak mempunyai sumber kewangan yang stabil untuk menyara kehidupan mereka dan hidup di jalanan. Begitu juga dengan asnaf al-riqab. Walaupun golongan hamba dan sistem

---

<sup>437</sup> Muhammad Ammar Harith Idris and Mohd Anuar Ramli. "Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran asnaf Ibnu al-Sabil dan al-Riqab." (2017): 121-132.

perhambaan sudah tidak wujud lagi, namun tafsiran hamba tersebut boleh diperluaskan lagi untuk diaplikasikan pada masa kini. Dalam perihal gelandangan, mereka juga boleh ditafsirkan sebagai hamba kerana dibelenggu dengan bentuk pemikiran dan kekangan kewangan yang mengekang perubahan gaya kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.

Selain itu, gelandangan juga merupakan mereka yang memiliki tahap kesejahteraan sosial yang rendah. Kesejahteraan sosial dapat diwujudkan apabila keperluan fizikal dan mental mereka dapat dipenuhi. Keperluan fizikal gelandangan yang mencapai tahap *darūriyy* adalah seperti makanan dan kesihatan. Bekalan makanan yang tidak mencukupi serta kurang seimbang akan mendorong kepada mudarat dari aspek kesihatan mereka. Kekurangan makanan akan mendorong kepada kemerosotan terhadap mental sekaligus melemahkan daya berfikir<sup>438</sup>. Bahkan jika tidak dibendung, akan membawa kepada mudarat yang lebih besar seperti kemurungan dan bunuh diri<sup>439</sup>. Keadaan ini juga mendedahkan diri mereka pada situasi darurat<sup>440</sup>.

Dalam hal ini, pengkaji berpandangan darurat ke atas gelandangan adalah bersifat relatif dan fleksibel mengikut situasi yang dialami oleh mereka. Bagi gelandangan yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan makanan yang diyakini status halalnya, maka rukhsah diberikan ke atas mereka untuk mengambil bantuan makanan yang diragui statusnya daripada pihak *non-Muslim*. Contohnya, rukhsah ke atas gelandangan yang berada di kawasan majoriti penduduk *non-Muslim* serta tiada alternatif makanan yang halal. Diharuskan kepada mereka untuk mengambil bantuan makanan tersebut pada kadar yang dapat menghilangkan darurat.

<sup>438</sup> Devon C. Payne-Sturges, et al. "Student hunger on campus: food insecurity among college students and implications for academic institutions." *American Journal of Health Promotion* 32, no. 2 (2018): 349-354.

<sup>439</sup> Janice Ke and Elizabeth Lee Ford-Jones. "Food insecurity and hunger: A review of the effects on children's health and behaviour." *Paediatrics & child health* 20, no. 2 (2015): 89-91.

<sup>440</sup> Muhammad Ammar Harith Idris and Mohd Anuar Ramli. "Aplikasi Kaedah Fiqh "al-Darurah Tuqaddaru Bi Qadariha" Terhadap Pengambilan Bantuan Makanan oleh Gelandangan." *Journal of Fatwa Management and Research* (2018): 100-112.

Manakala bagi gelandangan yang berada di kawasan majoriti Muslim, kaedah ini adalah terbatas ke atas mereka memandangkan terdapat alternatif bantuan yang disediakan oleh pihak yang lebih mempunyai autoriti dalam agama Islam. Namun demikian, sekiranya individu gelandangan tersebut mengalami kesukaran akses terhadap bantuan makanan yang halal, maka rukhsah juga diberikan ke atas mereka. Misalnya, gelandangan yang berada dalam situasi terdesak mendapatkan makanan serta kebuluran, maka diharuskan ke atas mereka untuk mengambil bantuan makanan yang diragui status halalnya daripada pihak *non-Muslim* pada kadar yang dapat menghilangkan darurat kelaparan mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa situasi darurat tidak berlaku ke atas semua gelandangan secara umum tetapi hanya berlaku kepada mereka yang berada pada situasi tersebut.

### **3.6 KESIMPULAN**

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan berkenaan konsep gelandangan dari sudut bahasa dan istilah. Dari sudut bahasa, gelandangan ialah mereka yang kurang berkemampuan dari sudut kepemilikan dan pendapatan. Mereka menetap di kawasan-kawasan yang terbuka seperti di jalanan, kaki lima, lorong-lorong dan sebagainya. Oa adalah disebabkan keadaan diri mereka yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan kediaman yang lebih sempurna.

Dari sudut istilah, gelandangan telah ditafsirkan menerusi pelbagai bidang kelimuan yang terlibat dengannya. Antaranya adalah perundangan, sains sosial, kesihatan dan pengajian perumahan. Dari aspek perundangan, pentakrifan gelandangan dilakukan melalui akta-akta yang telah digubal melibatkan golongan ini. Bagi keadaan di Malaysia, gelandangan adalah tertakluk di bawah Akta Orang-orang Papa 1977. Akta ini secara zahirnya tidak menyatakan istilah gelandangan secara tersurat tetapi memasukkan ia di bawah takrifan orang-orang papa. Pengkaji berpandangan bahawa kekurangan perincian dari sudut perundangan, telah mewujudkan situasi yang kurang adil terhadap kelompok

ini. Golongan gelandangan adalah suatu kelompok yang berlainan dengan kategori masyarakat miskin yang lain. Sebahagian daripada mereka memilih untuk berada di jalanan kerana tidak mahu terikat dengan komitmen seperti perumahan dan keluarga. Manakala sebahagian yang lain pula benar-benar mengalami kemiskinan dan kesukaran dalam hidup. Justeru, pengkaji mencadangkan bahawa perlu digubal sebuah akta yang khusus menjelaskan gelandangan seperti Akta Bantuan Mckinney Vento 1987 di Amerika Syarikat.

Dari aspek sains sosial, gelandangan difahami menerusi beberapa aliran yang berbeza seperti *functionalist*, *conflict* dan *interactionist*. Namun begitu, persamaan di antara ketiga-tiga aliran itu adalah dengan melihat gelandangan kepada ciri-ciri dan permasalahan mereka. Definisi gelandangan yang dilakukan oleh sarjana sains sosial adalah bersifat umum dan khusus. Pendefinisian yang bersifat umum adalah hampir serupa dengan definisi daripada kamus. Manakala pengertian yang bersifat khusus pula adalah dengan mentakrifkan gelandangan itu sebagai mereka yang mempunyai sesuatu permasalahan yang spesifik seperti tidak mempunyai rumah atau kediaman.

Sementara dari aspek kesihatan, gelandangan dilihat sebagai mereka yang mempunyai penyakit sama ada fizikal ataupun mental. Manakala pentakrifan yang dilakukan dari sudut pengajian perumahan adalah dengan melihat dari sudut terma perkataan “*home*” dan “*homeless*” itu sendiri di mana ia melibatkan percampuran di antara emosi dan material. Secara tidak langsung, ianya memberi gambaran bahawa golongan gelandangan atau *homeless* ini adalah mereka yang bermasalah dari sudut emosi seperti menderita, tidak gembira dan berasa tidak selamat disebabkan tidak mempunyai rumah atau kediaman yang tetap.

Pada akhir bab, pengkaji telah membincangkan latar belakang gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perbincangan dilakukan dengan membawakan

data-data seperti kajian-kajian lepas, statistik semasa dan sebahagian daripada kajian lapangan yang telah dilakukan. Ringkasnya, terdapat peningkatan terhadap jumlah golongan ini. Ia boleh dilihat melalui statistik yang telah dikeluarkan oleh pusat intervensi di Kuala Lumpur seperti Pusat Transit Gelandangan (PTG) dan Anjung Singgah. Peningkatan jumlah ini adalah disebabkan beberapa faktor keterlibatan mereka seperti kehilangan pekerjaan, konflik keluarga, ketagihan alkohol dan mengalami penyakit mental. Justeru, pelbagai usaha perlu dilakukan oleh pihak yang mempunyai autoriti supaya masalah ini dapat diatasi. Secara peribadi, pengkaji mencadangkan agar usaha-usaha tersebut mestilah bertujuan memantapkan rohani dan mental golongan ini. Keadaan mental gelandangan yang sihat akan membina pemikiran yang waras serta stabil. Perkara ini sekaligus membantu mereka untuk menjadi individu yang lebih berjaya.

Oleh itu, pengkaji menyimpulkan konsep gelandangan dalam kajian ini, merujuk kepada golongan miskin bandar yang mengalami krisis material dan spiritual, ditimpa penyakit mental dan fizikal, tidak mempunyai kediaman serta sentiasa berada di jalanan. Krisis yang dialami oleh mereka telah menyebabkan kebergantungan yang tinggi terhadap bantuan daripada masyarakat umum.

## **BAB 4 : ANALISIS TERHADAP HUBUNGAN DI ANTARA**

### **FAKTOR KEAGAMAAN DENGAN PENGAMBILAN MAKANAN**

### **HALAL DALAM KALANGAN GELANDANGAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan melakukan analisis terhadap kajian lapangan yang telah dijalankan. Kajian telah dilakukan sepanjang bulan Mac 2019 di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan gelandangan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur seperti Lorong Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit dan Jalan Hang Lekiu. Seramai 8 orang informan yang terdiri daripada gelandangan lelaki dan wanita dewasa telah ditemu bual sepanjang tempoh tersebut. Soalan-soalan temu bual berhubung faktor keagamaan dalam kajian ini telah diadaptasi daripada skala-skala religiositi Islam yang lepas. Selaras dengan konsep keagamaan dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan soalan terhadap ibadah yang asas dalam Islam sahaja iaitu solat fardu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan.

Selain itu, terdapat juga soalan-soalan berkaitan pengambilan makanan Halal dan Tayyiban oleh gelandangan. Kesemua soalan tersebut adalah dirujuk daripada skala pemilihan makanan yang terdahulu serta diubah suai mengikut kehendak serta latar belakang kajian. Kesemua data yang diperolehi kemudiannya telah dianalisis secara tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara faktor keagamaan dan pengaruhnya terhadap pola pengambilan makanan halal gelandangan.

#### **4.2 ANALISIS**

Bahagian ini akan membincangkan analisis terhadap data yang telah diperoleh melalui kajian yang telah dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengumpul data kajian dengan melakukan beberapa metod seperti kajian kepustakaan, pemerhatian, kajian

lapangan dan temu bual bersama dengan beberapa orang informan. Data kualitatif yang dikumpulkan dianalisis kandungannya secara tematik bagi merumuskan dapatan kajian.

#### 4.2.2 Faktor Keagamaan Gelandangan

##### a. Solat

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan solat fardhu sebagai salah satu ukuran keagamaan. Solat fardhu lima waktu merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh kesemua individu yang beragama Islam. Menurut al-Nawawī, solat ialah ibadah yang menunjukkan ketaatan kepada Allah<sup>441</sup>. Oleh itu, hukum menunaikannya adalah fardhu ain dan wajib. Dalil pensyariatan kewajipan solat ini boleh dilihat menerusi ayat al-Quran :-

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا نَسِيْتُمْ فَلَا يَكُونُ عِصْمَانِيْةً

Terjemahan : Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.

(al-Baqarah : 43)

أَتُلَمَّ مَا أُورِحَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِيمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Terjemahan : Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(al-Ankabut : 45)

<sup>441</sup> Abī Zakariyyā bin Syarf al-Nawawī, *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab* ('Ammān : Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2005), 1 : 544.

Dituntut ke atas semua umat Islam untuk menunaikan solat sebanyak lima kali dalam sehari iaitu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak<sup>442</sup>. Pengkhususan berkaitan dengan waktu solat ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W :-

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَقْتُ الظَّهَرِ إِذَا  
زَالَتِ الشَّمْسُ وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطُولِهِ مَا لَمْ يَحْضُرْ الْعَصْرُ وَوَقْتُ الْعَصْرِ مَا لَمْ تَصْفَرِ  
الشَّمْسُ وَوَقْتُ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ مَا لَمْ يَغْبُ الشَّفَقُ وَوَقْتُ صَلَاةِ الْعِشَاءِ إِلَى نِصْفِ  
اللَّيْلِ الْأَوَسَطِ وَوَقْتُ صَلَاةِ الصُّبْحِ مِنْ طُلُوعِ الْفَجْرِ مَا لَمْ تَطْلُعْ الشَّمْسُ فَإِذَا طَلَعَتِ  
الشَّمْسُ فَأَمْسِكْ عَنِ الصَّلَاةِ فَإِنَّهَا تَطْلُعُ بَيْنَ قَرْبَيِّ شَيْطَانٍ

Daripada Abdullah Ibni Amru bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Waktu Zohor bermula apabila gelincir matahari sehingga panjang bayang sesuatu objek sama panjang dengan objek tersebut. Waktu Asar bermula apabila panjang bayang sesuatu objek, sama panjang dengan objek, pula sekiranya matahari belum kekuningan. Waktu Maghrib bermula apabila matahari kekuningan dan berakhir apabila hilangnya cahaya mega merah (Syafak Ahmar). Dan waktu Isyak bermula apabila hilang syafak ahmar sehingga tiga perempat malam. Waktu Subuh bermula dari terbitnya fajar dan berakhir apabila terbit matahari. Apabila telah terbit matahari maka dilarang mendirikan solat. Bahawa terbitnya di antara dua tanduk syaitan".

(Riwayat Muslim)

Secara umumnya, diwajibkan ke atas seluruh umat Islam untuk menunaikan solat fardhu lima waktu seperti di atas. Antara syarat yang mewajibkan seseorang itu menunaikan solat adalah beragama Islam, berakal, mencapai usia baligh dan suci daripada najis atau hadas<sup>443</sup>. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian ke atas golongan tertentu seperti orang gila, wanita yang berada dalam haidh dan kanak-kanak yang belum mencapai usia baligh<sup>444</sup>. Oleh itu, ibadah solat tidak boleh dipandang ringan dan ditinggalkan secara sesuka hati.

<sup>442</sup> Muhammad bin Syihab al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Muhtāj* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 1 : 360.

<sup>443</sup> Abī Zakariyyā bin Syarf al-Nawawī, *al-Majmū’ Syarḥ al-Muḥadhdhab* (‘Ammān : Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2005), 1 : 544.

<sup>444</sup> Zakariyyā bin Muhammad al-Anṣārī, *Manhāj al-Tullāb* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 1 : 13-14.

Dalam perbincangan hukum meninggalkan solat, al-Nawawī menyatakan bahawa pembahagian hukumnya adalah terbahagi kepada dua kategori<sup>445</sup>. Pertama, ia dilihat melalui keingkaran individu terhadap kewajipan solat. Menurut al-Sharbīnī, hukum kafir dijatuhkan ke atas individu yang telah mengetahui kewajipan solat fardhu, namun menentang kewajipan melakukannya<sup>446</sup>. Tambah beliau, penentangan tersebut sudah melayakkan dirinya untuk digelar sebagai kafir kerana telah mendustakan Allah dan Rasul. Selain itu, ia juga bercanggah dengan kesepakatan ulama' (*ijmā'*) dan menyalahi perkara yang telah diketahui secara pasti (*darūriyy*) dalam agama. Menurut beliau, keadaan ini juga telah membuka ruang kepada perbincangan hukum murtad.

Bagi golongan yang menentang kewajipan solat kerana jahil tentang hukum wajib tersebut, maka mereka tidak dijatuhkan hukuman kafir atau murtad. Manakala individu yang mengetahui kewajipan solat, namun sengaja meninggalkannya disebabkan sikap malas, maka dia akan dijatuhkan hukuman had bunuh oleh pemerintah sekiranya tidak mahu bertaubat<sup>447</sup>. Walau bagaimanapun, individu tersebut masih dianggap sebagai Muslim kerana tidak menentang dan mengingkari kewajipan solat yang asal. Dengan itu, solat merupakan ibadah yang wajib dilakukan oleh kesemua individu Muslim dan meninggalkannya merupakan satu kesalahan yang besar di sisi agama.

Dari sudut yang lain, pelaksanaan solat fardhu ini juga menunjukkan tahap komitmen individu terhadap syariat Islam. Dalam maksud yang lain, individu yang melaksanakan setiap perkara yang dituntut dalam agama merupakan mereka yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama. Komitmen terhadap solat ini juga boleh dilihat menerusi pelaksanaan solat pada kadar waktunya dan juga penggantian

<sup>445</sup> Abī Zakariyyā bin Syarf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn* (Beirūt : Dār al-Minhāj, 2005), 90-147.

<sup>446</sup> Muḥammad bin al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 1 : 612.

<sup>447</sup> Muḥammad bin Syihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarh al-Muhtāj* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2 : 428.

semula (*qadā*) bagi solat yang tertinggal. Pengabaian terhadap aspek ini secara tidak langsung menunjukkan komitmen yang rendah terhadap agama kerana telah melakukan perkara yang dilarang dalam Islam iaitu meninggalkan solat dengan sengaja.

Dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan temu bual mendalam bersama beberapa orang informan yang terdiri daripada gelandangan Persoalan berkaitan solat merupakan antara perkara yang diajukan bagi mengetahui tahap religiositi mereka. Pengkaji membahagikan soalan-soalan berkaitan dengan solat dengan melihat kepada beberapa perkara asas seperti definisi, hukum menunaikan, jumlah solat yang telah ditunaikan pada hari tersebut serta soalan-soalan sampingan yang berkaitan.

### **Mengetahui konsep solat**

Dari aspek pengetahuan, pengkaji ingin menilai sejauh mana tahap pengetahuan informan berkaitan solat dalam kehidupan mereka. Kebanyakan informan<sup>448</sup> yang ditemui, kesemuanya mempunyai asas pengetahuan yang baik berkenaan dengan solat. Namun begitu, pengkaji melihat bahawa bentuk jawapan yang diberikan mereka adalah berbeza. Antara jawapan yang diberikan apabila diajukan soalan berkenaan definisi solat, mereka menjawab dalam bentuk yang berbeza seperti jumlah yang perlu ditunaikan, hukum, fungsi solat dalam kehidupan dan lain-lain. Misalnya, informan 3<sup>449</sup> yang memahami solat berdasarkan kepada bilangan :-

Inf03 : “*Sembahyang lima waktu sehari.*”

<sup>448</sup> Maklumat berkenaan latar belakang informan boleh dirujuk pada bahagian Metodologi Kajian, Bab 1 tesis, halaman 31.

<sup>449</sup> Informan 3 merupakan seorang lelaki berusia 35 tahun dan berasal dari Bahau, Negeri Sembilan. Sudah berada di Kuala Lumpur hampir 10 tahun. Ditemui di pusat aktiviti NGO Buku Jalanan Chow Kit.

Sementara informan 4<sup>450</sup>, memberikan jawapan dari segi objektif pelaksanaan solat. Penjelasan adalah dibuat dengan menerangkan peranan solat sebagai tiang agama dalam diri individu Muslim. Informan juga bijak membuat perumpamaan solat yang diibaratkan seperti. Sekiranya tiang itu tiada, maka agama tidak dapat ditegakkan dalam diri mereka.

Inf04 : “*Solat ni satu kewajipan asas. Tiang agama. Apa-apa pun kalau kita buat, kalau tiada tiang, benda tu akan roboh.*”

Manakala informan 6<sup>451</sup> pula memberikan jawapan dengan menjelaskan perbezaan di antara solat yang wajib dengan sunat serta berdasarkan waktu-waktu yang diwajibkan.

Contohnya :

Inf06 : “*Sebab yang cuma saya ambil tahu, belajar sembahyang pun, saya ambil mana yang senang. Saya ambil, macam solat Subuh, Zohor, Asar, Maghrib, Isyak je yang saya ambil. Yang macam sunat tu, jarang lah saya ambil.*”

Di samping itu, terdapat sebahagian informan yang lain memberikan jawapan definisi solat dengan melihat kepada aspek penyucian hati (tasawwuf) ketika menunaikannya. Menurut informan 7<sup>452</sup> dan 8<sup>453</sup>, solat memerlukan hati yang bersih dan ikhlas. Penentuan sah ataupun tidak solat tersebut adalah dengan merujuk kepada hati atau niat mereka yang menunaikannya. Contohnya:-

Inf07 : “*Sembahyang tu kan, kalau bersih hatinya, sembahyang lah. Kita ingat kepada Yang Maha Kuasa kan. Pasal kita hidup, kalau kita hidup terumbang-ambing tu pun tak elok kan. Kena ingat lah kan. Yang penting, kita ni ikhlas sembahyang.*”

---

<sup>450</sup> Informan 4 merupakan seorang lelaki berusia 64 tahun, berasal dari Melaka. Informan telah berada di sekitar Kuala Lumpur selama 30 tahun. Ditemui di sekitar Jalan TAR, Chow Kit.

<sup>451</sup> Informan 6 merupakan seorang wanita berusia 34 tahun, berasal dari Negeri Sembilan. Informan merupakan seorang ibu kepada 3 orang anak. Ditemui di sekitar Jalan TAR, Chow Kit.

<sup>452</sup> Informan 7 merupakan seorang lelaki berusia 63 tahun, berasal dari Batu Pahat, Johor. Memiliki status seorang duda setelah bercerai dengan isteri. Sudah berada di Kuala Lumpur hampir 20 tahun. Ditemui di sekitar Jalan TAR, Chow Kit.

<sup>453</sup> Informan 8 merupakan seorang lelaki berusia 50 tahun, berasal dari Hulu Selangor, Selangor. Merupakan bapa tunggal kepada 3 orang anak. Ditemui di sekitar Lorong Medan Tuanku.

Inf08 : “....solat tu pokok pangkalnya pada nawaitu kita. Kalau nawaitu kita ikhlas, walaupun kita tak pandai, walaupun kita tak pandai mengaji, kita nak belajar.”

Secara umumnya, kesemua informan yang telah ditemui oleh pengkaji mempunyai asas pengetahuan yang baik berkenaan kewajipan menunaikan solat. Sebahagian gelandangan seperti informan 4, 7 dan 8 boleh menjelaskan definisi solat dengan baik. Mereka dapat menghuraikan solat dengan melihat kepada fungsinya dalam kehidupan serta hubungannya dengan hati. Mereka juga meletakkan niat sebagai perkara yang paling penting. Dalam perbincangan berkaitan dengan solat, niat merupakan salah satu rukun solat yang wajib dilakukan bagi memastikan solat yang dilakukan adalah sah<sup>454</sup>. Ini menunjukkan bahawa gelandangan mempunyai pengetahuan yang baik terhadap ibadah solat.

### **Mengetahui kewajipan solat**

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa gelandangan di Kuala Lumpur merupakan mereka yang mengetahui hukum menunaikan solat. Seramai 5 orang informan yang ditemui berjaya menjawab dengan jelas apabila memberikan jawapan menunaikannya adalah wajib. Contohnya :-

Inf02<sup>455</sup> : “Lepas tu, itu yang utama. Wajib.”

Inf03 : “Wajib lah.”

Inf06 : “Wajib.”

Inf07 : “Sembahyang wajib tu. Kalau boleh, tak boleh tinggalkan.”

Inf08 : “Hukum kita wajib.”

<sup>454</sup> Abī Zakariyyā bin Syarf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn* (Beirūt : Dār al-Minhāj, 2005), 90-147.

<sup>455</sup> Informan 2 merupakan seorang wanita berusia 53 tahun dan berasal dari Sabak Bernam, Selangor. Mempunyai seorang suami yang tinggal bersama. Ditemui di sekitar Jalan Hang Lekiu.

## **Menunaikan solat dengan sempurna**

Dalam mengenal pasti perihal solat gelandangan, pengkaji juga telah mengajukan soalan yang melibatkan kekerapan iaitu bilangan solat yang telah ditunaikan oleh informan pada hari tersebut. Selaras dengan konsep religiositi kajian, maka soalan ini ditanya untuk mengetahui tahap komitmen gelandangan dalam menunaikan solat fardhu lima waktu. Religiositi individu sukar dinilai berasaskan kepada aspek kepercayaan dan pengetahuan semata-mata disebabkan ia bersifat abstrak dan boleh dimanipulasi. Oleh itu, aspek pengamalan adalah penting untuk mengukuh serta membuktikan kepercayaan masing-masing. Antaranya dinilai menerusi pengamalan secara zahir iaitu menerusi ibadah yang wajib seperti solat fardhu lima waktu. Informan yang menunaikan solat dengan sempurna ialah mereka yang mempunyai komitmen yang lebih tinggi terhadap agama. Manakala komitmen yang rendah dapat dinilai sekiranya informan tidak menunaikan solat dengan sempurna atau tidak menunaikan solat langsung dengan sengaja pada hari tersebut.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa seramai 5 orang informan memelihara solat mereka dengan baik pada masa temu bual dijalankan bersama mereka. Kefahaman terhadap konsep solat dan pengetahuan terhadap hukum wajib telah mendorong mereka untuk memastikan ibadah solat mereka ditunaikan secara sempurna. Misalnya, informan 4 yang menegaskan bahawa dirinya telah menunaikan solat fardhu dan solat Jumaat pada hari tersebut,

Inf04 : “*Alhamdulillah, solat Jumaat tadi pun pak cik buat.*”

Manakala informan 6 pula menjelaskan dirinya setakat waktu tersebut, telah menunaikan solat sehingga waktu Maghrib sahaja kerana terlibat dengan program bersama gelandangan yang lain pada waktu Isyak,

Inf06 : “*Saya sampai ke Maghrib je. Isyak belum lagi lah.*”

Begitu juga dengan informan 8 yang menjelaskan bahawa dirinya telah menunaikan solat. Namun, memberitahu bahawa belum menunaikan solat Isyak kerana hendak mengambil bantuan makanan daripada pihak NGO di Lorong Medan Tuanku.

Inf08 : “*Setakat ni, sebab nak ambil makanan. Sebab selalunya abang, lepas ambil makanan baru abang ke surau, sembahyang.... selalu Subuh tu ada lah. Subuh, Zohor, Asar.*”

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa gelandangan masih berusaha memelihara solat mereka dengan baik walaupun ditimpa ujian kesusahan dalam kehidupan. Bagi menguatkan lagi kenyataan tersebut, pengkaji mengambil kesempatan untuk bertanya soalan lanjutan sebagai membuktikan bahawa kenyataan yang diberikan adalah berasas. Contohnya, pengkaji bertanya kepada informan 4 berkenaan masjid yang biasa dikunjungi olehnya untuk menunaikan solat. Jawapan yang telah diberikan menggambarkan dirinya seorang yang melazimi masjid untuk menunaikan solat.

Inf04 : “*Saya berubah-ubah. Kadang-kadang Masjid Kg. Baru, kadang-kadang, di mana yang dekat lah.*”

Pada masa yang sama, pengkaji juga menyelitkan pertanyaan kepada informan berhubung penggantian semula solat yang ditinggalkan (*qadā*). Pertanyaan ini adalah untuk mengukuhkan lagi kenyataan bahawa informan merupakan seorang yang benar-benar mengambil berat dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap ibadah solat mereka. Komitmen tersebut dapat dinilai apabila mereka menggantikan semula solat yang telah tertinggal. Ia menunjukkan bahawa mereka memahami hakikat kewajipan dan akibat jika meninggalkannya. Contohnya, informan 7 dan 8 mengatakan mereka menggantikan semula solat yang telah tertinggal namun tidak kerap.

Inf07 : “*Ada. Ada lah juga.*”

Inf08 : “*Macam solat, kadang-kadang ni, ada ganti. Macam abang travel jauh, jauh daripada luar KL ni, ada.*”

Oleh itu, dapat difahami bahawa sebahagian gelandangan di Kuala Lumpur merupakan mereka yang berusaha menjaga solat mereka dengan baik. Perkara ini terbukti berdasarkan makluman yang telah diberikan informan seperti di atas. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa masih wujud segelintir gelandangan yang tidak menunaikan solat secara sempurna. Bahkan terdapat dalam kalangan mereka yang tidak menunaikan solat langsung. Contohnya, informan 1, merupakan seorang wanita berusia 61 tahun, memaklumkan bahawa dirinya tidak menunaikan solat langsung pada hari tersebut.

Inf01 : “*Hari ni rasa takde langsung.*”

Manakala informan 3 pula memaklumkan bahawa dirinya hanya menunaikan solat Jumaat sahaja pada hari tersebut. Sementara solat-solat fardhu yang lain tidak dilakukan.

Inf03 : “*Hari ni sembahyang Jumaat je saya pergi. Yang lain saya tak pergi.*”

Begitu juga dengan informan 7 yang hanya menunaikan satu solat sahaja pada hari tersebut.

Inf07 : “*Ini hari baru satu kali je.*”

Pengkaji kemudian mengambil inisiatif untuk bertanya lebih lanjut kepada informan 7 sebab mengapa dirinya hanya menunaikan solat sekali sahaja pada hari tersebut. Informan memberikan jawapan bahawa ia disebabkan keperluan untuk mencari wang bagi tujuan peribadi.

Inf07 : "...pasal saya tadi lepas pergi sana, saya cari duit. Saya terus terang, saya pergi sana, jumpa kawan sana sini, cari duit lah. Untuk keperluan saya, nak hisap rokok lah, nak makan. Jadi saya pun pusing-pusing lah."

Kenyataan di atas menggambarkan bahawa kesusahan hidup yang dialami oleh gelandangan telah memberikan kesan terhadap pengamalan agama mereka. Kesusahan ini menyebabkan mereka lebih meletakkan keutamaan terhadap perkara-perkara yang berbentuk material serta memberikan kepuasan seperti wang. Informan 7 juga memaklumkan bahawa salah satu tujuan wang tersebut dicari adalah untuk membeli rokok. Dalam hal ini, kesusahan hidup yang dialami telah menjelaskan ibadah mereka kepada Allah SWT. Akhirnya, ibadah-ibadah yang berbentuk kerohanian ini tidak diambil berat oleh mereka sekaligus membawa kepada pengabaian.

Secara umumnya, pelaksanaan ibadah solat fardhu lima waktu dalam kalangan informan yang ditemui berada pada tahap yang baik. Mereka mempunyai komitmen yang tinggi terhadap solat. Antara ukurannya adalah melalui pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap definisi solat itu sendiri. Seramai 5 orang informan yang ditemui boleh menjawab dengan baik meskipun jawapan yang diberikan mengandungi pelbagai bentuk seperti definisi, bilangan solat, hukum dan lain-lain. Kesan daripada kefahaman tersebut telah menambahkan penghayatan mereka kepada ibadah solat sekaligus menjadikan mereka individu yang berusaha menuai solat dengan sempurna.

### b. Puasa

Setelah selesai pertanyaan berkenaan solat, pengkaji kemudiannya mengajukan soalan-soalan berkaitan puasa terhadap informan. Antara soalan yang ditanya adalah berhubung kefahaman mereka terhadap konsep atau definisi puasa, hukum berpuasa di bulan Ramadan dan bilangan hari berpuasa. Ini adalah bertujuan untuk menilai tahap religiositi gelandangan menerusi pengamalan ibadah puasa mereka.

## **Mengetahui konsep puasa**

Menurut Ibn Manzūr, puasa dari segi bahasa bermaksud meninggalkan makan, minum, persetubuhan dan percakapan<sup>456</sup>. Dari segi syarak, puasa ialah perbuatan menahan diri daripada perkara-perkara yang boleh membatalkannya<sup>457</sup>. Konsep puasa di dalam kajian ini merujuk kepada kefahaman informan terhadap definisi puasa secara umum. Ia bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan gelandangan terhadap ibadah puasa. Secara umumnya, pengkaji mendapati bahawa gelandangan mengetahui dan boleh menjelaskan takrifan puasa dengan baik. Seramai 5 orang informan apabila diminta menjelaskan definisi puasa, mereka mampu memberikan jawapan dalam pelbagai bentuk seperti fungsi, jenis puasa dan hukum yang berkaitan dengannya. Contohnya, informan 3 dan 8 yang menjawab soalan tersebut dengan memberikan definisi puasa secara umum.

:-

Inf03 : “Puasa ni kita menahan lapar, berpuasa sehari, lepas tu kita buat amal yang terbaiklah.”

Inf08 : *Puasa ni, satu perkataan, yang menahan daripada lapar, so kita menahan lapar tu kita muhasabah diri apa yang orang susah tu alami. Bukan setakat puasa tu menahan lapar, puasa tu mulut kita, satu jasad kita lah, seluruh jasad kita nak kena tahan. Kita punya tutur bahasa, macam tu semua kena tahan puasa. Puasa mata, semua lah kena tahan.*

Sementara informan 6 pula menjelaskan puasa dari aspek peranannya dalam kehidupan manusia. Jelasnya, kewajipan berpuasa adalah sebagai latihan kepada individu. Informan juga membawakan dalil daripada al-Quran berkaitan kewajipan puasa. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir gelandangan yang mempunyai

<sup>456</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab* (Kaherah : Dār al-Ma’ārif, t.t), 4 : 2529

<sup>457</sup> Muḥammad bin al-Khāṭib al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 2 : 140

pengetahuan agama Islam yang baik. Ia dapat dilihat apabila mereka berupaya untuk mengetahui asal perintah kewajipan puasa menerusi dalil daripada al-Quran.

Inf04 : *Puasa ni satu latihan kan. Kan dalam agama Islam ada ayat*

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ

Selain itu, terdapat juga informan yang memahami puasa dengan melihat kepada kategori hukum di dalamnya iaitu wajib dan sunat. Sebagai contoh, informan 5 yang memberikan jawapan puasa sunat hari Isnin dan Khamis apabila ditanya tentang puasa.

Inf05 : *Puasa tu kadang, mana yang mampu kita boleh buat lah. Macam sunnah ke. Waktu sunnah, sunnah lah. Macam satu puasa, satu hari kan. Macam kita ambil ikhtiar lah. Isnin sampai Khamis.*

Manakala informan 6 pula dilihat sebagai seorang yang memahami puasa dengan baik. Ia terbukti apabila informan turut menyelitkan hukum berkaitan membayar fidyah pada jawapannya.

Inf06 : *Tapi yang saya tahu, kalau macam tak puasa, kita kena ganti puasa, kan. Macam tak ganti, kita kena bayar fidyah.*

Oleh itu, kesemua 8 orang informan yang ditemui oleh pengkaji merupakan mereka yang memahami konsep puasa secara umum. Ini juga menunjukkan bahawa gelandangan Muslim di Kuala Lumpur ialah mereka yang mempunyai asas pengetahuan yang baik berkaitan puasa.

### **Mengetahui kewajipan puasa di bulan Ramadan**

Setelah mengajukan soalan konsep puasa secara umum, pengkaji kemudiannya melakukan perincian dengan memfokuskan kepada kewajipan puasa di bulan Ramadan. Ia merupakan salah satu daripada rukun Islam. Secara asasnya, kesemua individu Muslim adalah dituntut untuk melaksanakannya melainkan jika terdapat sebarang halangan yang

diharuskan oleh syarak. Pertanyaan terhadap perkara ini adalah untuk mengukuhkan lagi tahap kefahaman informan terhadap ibadah puasa. Ia juga menzahirkan komitmen mereka terhadap perkara-perkara yang bersifat asasi dalam syariat Islam. Dalil pensyariatan puasa adalah berdasarkan firman Allah SWT :-

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

(Al-Baqarah : 183)

Secara umumnya, terdapat dua kategori hukum berpuasa di dalam Islam iaitu wajib dan sunat. Puasa yang wajib ialah puasa yang dituntut ke atas semua individu Muslim untuk melaksanakannya selama 30 hari di bulan Ramadan. Antara syarat yang mewajibkan seseorang itu berpuasa adalah seperti beragama Islam, baligh, berakal dan berkemampuan untuk berpuasa<sup>458</sup>. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian terhadap golongan tertentu seperti musafir pada jarak yang melebihi dua marhalah serta mereka yang mengalami kesakitan tahap kritikal<sup>459</sup>. Diharuskan ke atas kedua-dua golongan ini untuk berbuka sebagai bentuk rukhsah daripada Allah SWT. Namun begitu, sebagaimana wanita yang haidh, mereka juga dituntut untuk menggantikan semula puasa tersebut pada bulan-bulan berikutnya<sup>460</sup>. Perkara ini telah dijelaskan menerusi firman Allah SWT :-

<sup>458</sup> Muḥammad bin al-Khāṭib al-Syarbīnī, *Al-Iqnā’ fī Hil Alfaż Abī Syujā’* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 1 : 469

<sup>459</sup> Abī Zakariyyā bin Syarif al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn* (Beirūt : Dār al-Minhāj, 2005), 183

<sup>460</sup> Jalāl al-Dīn Muḥammad al-Mahallī, *Kanz al-Rāghibīn syarḥ Minhāj al-Tālibīn* (Beirūt : Dār al-Minhāj, 2013), 2 : 463-464

وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةُ مِنْ آيَاتِ أَخْرَى يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ  
وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَنَّكُمْ  
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Terjemahan : Dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.

(Al-Baqarah : 185)

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, kesemua 8 orang informan mengetahui hukum kewajipan berpuasa di bulan Ramadan. Sebagai contoh :-

Inf03 : *wajib*

Inf05 : *Kita wajib lah. Wajib puasa sepenuh bulan*

Inf06 : *Wajib... Ya betul*

Inf07 : *Itu segala-galanya wajib tu. Wajib, semuanya wajib. Itu wajib dikerjakan*

Inf08 : *Kena wajib lah. Berkalimahkan Bismillah, kalimah syahadah, kena puasa lah. Itulah namanya “complete” kita sebagai umat Islam.*

### **Berpuasa di bulan Ramadan**

Pengetahuan tidak mampu untuk menzahirkan komitmen individu secara keseuruhan. Komitmen hanya dapat dilihat menerusi amalan yang bersifat zahir iaitu secara amali atau praktis. Justeru, religiositi dapat diukur melalui frekuensi pada aspek praktis. Dalam kajian ini, pengkaji mengajukan soalan kepada informan berkaitan jumlah bilangan hari mereka berpuasa pada bulan Ramadan yang lepas. Seramai 6 orang informan yang telah ditemui memaklumkan bahawa mereka tetap berpuasa seperti biasa sebagaimana masyarakat yang lain. Meskipun dibelenggu dengan kesukaran hidup, namun ia tidak

sese kali menghalang mereka daripada menjalankan tanggungjawab sebagai seorang yang beragama Islam.

Tambahan pula, keberkatan bulan Ramadan yang dianggap sebagai pesta ibadah, telah merangsang pelbagai lapisan masyarakat untuk memperbanyakkan amal kebajikan bagi merebut ganjaran pahala yang berlipat ganda. Antaranya adalah menerusi agihan bantuan makanan untuk bersahur dan berbuka puasa. Menurut informan 5, bantuan yang diberikan pada bulan puasa adalah lebih banyak berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Sehingga lewat malam dan dinihari, masih ada pihak yang turun mengagihkan makanan.

Inf05 : *Kalau puasa ni, tak kira lah, kadang-kadang pukul 2, pukul 3, ada hantar nasi.*

Dari sudut yang positif, pemberian makanan ini dapat mengurangkan beban hidup yang dialami oleh gelandangan. Ia juga dapat menghadirkan suasana ceria dalam diri mereka untuk sama-sama menghayati kemuliaan Ramadan. Bantuan ini juga menjadi faktor yang membangkitkan semangat mereka untuk menjalani ibadah puasa dengan baik. Tambahan pula, waktu operasi masjid-masjid yang dilanjutkan sehingga 24 jam ketika bulan Ramadan, dilihat menarik minat mereka untuk kerap hadir ke masjid. Keadaan ini dapat digambarkan menerusi kenyataan informan 5, yang menceritakan pengalamannya berpuasa sebagai gelandangan di Kuala Lumpur.

Inf05 : *Biasa dekat masjid lah. Lepas tu, biasa kalau malam tu ada makan, kita bawak lah makan tu untuk sahur.*

Sementara informan 8 pula menjelaskan bahawa kehadirannya ke masjid adalah untuk menunaikan solat sunat Tarawih bersama dengan jemaah yang lain serta menikmati juadah yang disediakan oleh pihak masjid.

Inf08 : Selalunya abang kat masjid lah. Kita berjemaah, solat tarawih... Kadang-kadang Masjid Jamek, kadang-kadang Masjid KLCC, Masjid Negara.

Selain itu, pengkaji juga mengambil kesempatan untuk bertanya kepada informan secara langsung berkenaan jumlah hari mereka berpuasa. Seramai 6 orang informan memberikan jawapan yang positif. Ini menunjukkan bahawa gelandangan juga mempunyai komitmen yang baik terhadap agama.

Inf01 : Puasa jugaklah. Puasa. Tapi bukan masa di rumah kebajikan sahaja, di luar pun puasa juga.

Inf02 : Buat masa ni, akak umur 6-7 tahun pun dah berpuasa. InsyaAllah lah. Sekarang pun umur dah 50 tahun.

Inf06 : Tapi nak cakap saya penuh puasa tu, maybe ada lah yang tak dapat juga kan.

Inf07 : Tengok mampu. Kadang-kadang terus sampai. Sampai berbuka puasa kan. Kadang-kadang tak sampai.

Inf08 : Tapi kita dalam Islam tu kan ada, puasa tu memang lah kena puasa penuh, tapi kita ni kadang-kadang sakit.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian mereka yang tidak dapat berpuasa dengan sempurna. Faktor ini adalah disebabkan halangan tertentu seperti masalah kesihatan yang dialami. Misalnya, informan 3 mengakui bahawa dirinya tidak mampu berpuasa kerana terpaksa mengambil ubat bagi menyembuhkan penyakit yang sedang dialaminya.

Inf03 : Macam saya ni, kena makan Methadone, makan ubat hari-hari kan, jadi boleh kata tak puasa lah.

Begitu juga dengan informan 8 yang memaklumkan bahawa dirinya tidak berpuasa penuh pada bulan Ramadan kerana ditimpa kesakitan pada hari-hari tertentu. Pengkaji diberitahu bahawa informan menghidap kompliasi penyakit seperti jantung, darah tinggi dan kencing manis. Oleh itu, bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang kemudaratuan

ke atas dirinya, maka dia tidak berpuasa pada hari-hari tersebut. Namun, informan ini menegaskan bahawa menjadi kewajipan ke atas dirinya untuk menggantikan semula puasa yang telah ditinggalkan.

Inf08 : ....kadang-kadang ada juga tinggal, kadang-kadang sakit....  
*Macam abang, kalau abang sakit, qadha' lah balik. Kalau tak dapat nak buat, bayar kifarah jelah.*

Kefahaman untuk menggantikan semula ibadah puasa yang tertinggal telah menzahirkan tahap komitmen mereka yang tinggi terhadap agama. Tambahan pula, mengetahui tanggungjawab untuk membayar fidyah jelas memperlihatkan tahap pengetahuan dan kefahaman yang lebih baik. Misalnya, informan 6, seorang wanita yang tidak mampu berpuasa penuh kerana didatangi haidh pada tempoh tertentu. Informan ini menegaskan adalah menjadi tanggungjawab ke atas dirinya untuk menggantikan semula puasa tersebut pada bulan-bulan berikutnya. Informan juga mengetahui tuntutan membayar fidyah yang dikenakan sekiranya tidak sempat melaksanakan puasa ganti tersebut.

Inf06 : *Tapi nak cakap saya penuh puasa tu, maybe ada lah yang tak dapat juga kan. Tapi yang saya tahu, kalau macam tak puasa, kita kena ganti puasa, kan. Macam tak ganti, kita kena bayar fidyah.*

Secara umumnya, pelaksanaan ibadah puasa gelandangan di Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang baik. Ia dapat dinilai apabila mereka mempunyai kefahaman yang jelas terhadap konsep serta definisi puasa. Kesemua 8 orang informan mengetahui hukum wajib berpuasa di bulan Ramadan. Walaupun tidak dapat melakukannya dengan sempurna disebabkan beberapa halangan, namun mereka tetap melaksanakan kewajipan berpuasa seperti umat Islam yang lain mengikut kemampuan. Tambahan pula, mereka mengetahui kewajipan untuk menggantikan semula ibadah puasa yang tertinggal.

Dalam kajian ini, secara umumnya pengkaji berpandangan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur mempunyai faktor keagamaan yang baik. Berdasarkan konsep

religiositi dalam kajian ini, gelandangan dilihat mempunyai komitmen yang tinggi terhadap ibadah solat dan puasa. Berdasarkan kepada temu bual yang telah dijalankan, seramai 5 orang informan memberikan maklum balas yang baik terhadap pelaksanaan ibadah solat dan 6 orang informan pula memberikan respon yang positif dalam ibadah puasa. Dapatkan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar gelandangan masih mempunyai praktis keagamaan yang baik dalam diri mereka.

#### 4.2.3 Pengambilan Makanan Halal

Makanan merupakan salah satu keperluan asasi dalam kehidupan manusia. Ia bertujuan memberikan nutrien dan tenaga yang diperlukan oleh badan untuk meneruskan kehidupan. Tanpa makanan, manusia akan mengalami kebuluran sekaligus boleh membawa kepada kematian. Dalam Islam, makanan juga merupakan salah satu perkara yang termasuk di bawah perundangan Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Syariat Islam telah menetapkan bahawa adalah menjadi kewajipan ke atas setiap individu Muslim untuk memastikan makanan yang diambil oleh mereka adalah berasal dari sumber yang halal. Perkara ini telah dijelaskan menerusi firman Allah SWT :-

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانُهُ تَعْبُدُونَ

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.

(Al-Baqarah : 172)

فَكُلُّوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمُ اللَّهُ حَلَالٌ طَيِّبًا وَآشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانُهُ تَعْبُدُونَ

Terjemahan : Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.

Terdapat juga hadith Rasulullah S.A.W yang membicarakan kepentingan mengambil sesuatu yang halal. Antaranya adalah :-

عَنْ عَامِرٍ، قَالَ: سَمِعْتُ النَّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "الْحَلَالُ بَيْنَ النَّعْمَانَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ الْمُشَبَّهَاتِ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ: كَرَاعٍ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمٌ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَفَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقُلْبُ

Maksudnya : Daripada ‘Amir, beliau telah mendengar Nu’man bin Bashir berkata; “Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda” : “Setiap yang halal itu jelas, dan setiap yang haram itu jelas. Di antara kedua-duanya ialah perkara-perkara syubhab yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Barangsiapa yang menjauhi perkara syubhab tersebut, maka dia telah memelihara agama dan maruahnya. Dan barangsiapa yang meletakkan diri mereka dalam keadaan syubhab, maka dia ibarat seorang penggembala yang menggembala biri-birinya daripada memasuki kawasan larangan, lama-kelamaan akan masuk juar dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja itu memiliki wilayah sempadan (larangan), dan larangan Allah adalah setiap perkara yang diharamkanNYA. Ketahuilah bahawa di dalam tubuh itu ada sekutul daging. Apabila baik daging itu, maka baik keseluruhan jasadnya. Apabila rosak daging itu, maka rosaklah jasadnya, ia adalah hati”.

)Riwayat al-Bukhari)

Dalil-dalil di atas menegaskan bahawa adalah menjadi kewajipan ke atas semua umat Islam untuk mengambil perkara yang halal iaitu dibenarkan oleh syarak. Antaranya adalah makanan. Setiap individu Muslim perlu memastikan makanan yang diambil oleh mereka menepati piawaian halal dan tayyiban. Makanan halal dan tayyiban bermaksud makanan yang diharuskan oleh syarak untuk mengambilnya, suci daripada sebarang unsur yang haram, tidak memudaratkan dan selamat untuk dimakan. Dalam kajian ini, adalah diwajibkan juga ke atas gelandangan yang beragama Islam untuk mengambil makanan halal dalam kehidupan seharian mereka. Perbezaan status kehidupan tidak

menyebabkan mereka terhalang daripada menerima taklifan syarak sebagaimana umat Islam yang lain.

Dalam konteks kehidupan gelandangan, faktor kemiskinan dan tiada pendapatan menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada sumber yang lain seperti bantuan kebajikan. Pelbagai bantuan telah dihulurkan bagi mengurangkan jurang sosial di antara gelandangan dengan masyarakat awam. Antara bantuan tersebut adalah berbentuk agihan makanan. Aktiviti ini telah dilakukan oleh pelbagai pihak sama ada kerajaan, swasta, NGO, pelajar ataupun persendirian. Kewujudan pelbagai pihak ini telah menyebabkan pihak berkuasa tidak mampu untuk mengawal dan memantau sepenuhnya aktiviti ini. Jumlah bantuan makanan yang diberikan pula adalah banyak sehingga melengkapi jadual pemakanan sehari iaitu sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam. Perbualan dengan informan 1 telah menjelaskan berkenaan hal ini.

Inf01 : *Hari-hari. Tapi pun mesti kena datang jugak lah. Pasal apa, kadang-kadang takde duit nak beli makanan, mak cik tak malu bercakap.*

Sementara itu, informan 4 menegaskan bahawa pemberian makanan kepada gelandangan di Kuala Lumpur sememangnya sudah berada pada kadar yang berlebihan. Jelasnya, boleh dikatakan gelandangan yang berada berhampiran pasti akan mendapat makanan. Bahkan sudah mencapai tahap berlebihan sehingga dikatakan menerima hampir 10 kali agihan makanan dalam sehari.

Inf04 : *Kita pun bersyukur jugalah kerana NGO banyak beri bantuan makanan di sini. Orang-orang yang tidur di kaki lima boleh dikatakan, dah tentu dia akan dapat makanan. Tiada yang tak dapat makanan. Kadang-kadang makan pun dah berlebih-lebih. Sampai ada yang 10 kali makan.*

Keterangan yang diberikan di atas membuktikan bahawa isu kekurangan bekalan makanan oleh gelandangan sudah dapat dapat ditangani dengan baik. Ini kerana mereka

telah menerima bantuan tersebut secara harian. Tambahan pula, pihak kerajaan dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menubuhkan Pusat Transit Gelandangan di Medan Tuanku dan Jalan Pahang, Kuala Lumpur, bagi memastikan aktiviti ini berjalan dengan lancar,. Kawasan-kawasan seperti Jalan Hang Lekiu, Lorong Panggung dan Chow Kit turut dibenarkan kepada umum untuk menjalankan aktiviti kebajikan mahupun ilmiah bersama dengan mereka.

Dari sudut yang lain, pengkaji melihat bahawa kemudahan yang diberikan ini telah membina sebuah set pemikiran dan keselesaan gelandangan untuk bergantung kepada bantuan makanan. Lebih membimbangkan apabila bantuan ini telah membentuk keselesaan dan mempengaruhi gaya hidup mereka. Antara masalah lain yang timbul adalah keraguan status halal makanan yang diberikan. Aktiviti kebajikan yang bersifat bebas ini telah membuka ruang kepada pelbagai pihak yang berlainan agama untuk memberikan bantuan. Justeru, ia mengundang persoalan sejauh mana penghayatan aspek halal dan haram oleh gelandangan dan pihak penganjur. Permasalahan ini jelas diakui sendiri oleh salah seorang gelandangan yang ditemui oleh pengkaji. Informan 4 memaklumkan bahawa terdapat kesukaran bagi mereka untuk mengenal pasti status halal makanan yang diberikan.

Inf04 : *Kita seboleh-boleh kalau nak beli, kita tahu kita beli di tempat yang halal macam kedai-kedai mamak, kedai Islam. Tapi bila kita dapat benda yang percuma, kita tak tahu. Itu masalah dia. Masalah begini tak boleh nak dielakkan.*

Tambahan pula, wujud sebahagian gelandangan yang tidak mengambil kira status halal ataupun haram makanan yang diberikan. Keseronokan dan keselesaan menerima bantuan telah mengaburi pemikiran mereka. Faktor kesukaran dan terdesak juga menyebabkan mereka menerima segala jenis bantuan dengan terbuka. Situasi ini diakui sendiri oleh

informan 5 yang memaklumkan bahawa terdapat segelintir gelandangan yang tidak peduli soal halal dan haram.

Inf05 : *Sebenarnya, tak kira halal atau haram, tak kira lah. Tapi kadang-kadang kalau kita tengah kesulitan tiada makanan, orang semua dia ambil lah mana-mana yang boleh.*

Perkara yang sama juga dijelaskan oleh informan 7. Jelasnya, kesukaran hidup yang mendesak telah menyebabkan sebahagian gelandangan tidak menghiraukan tuntutan agama untuk mengambil makanan yang halal.

Inf07 : *Dia ambil lah. Daripada lapar, dia cakap macam tu lah. Dia takde fikiran yang ni halal atau tak halal, janji dia kenyang, janji orang tu bagi makan. Tak kan nak bagi mati. Hentam jelah, dia cakap.*

Secara umumnya, keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat permasalahan dalam pengambilan makanan halal oleh gelandangan. Oleh itu, bagi menilai aspek pengambilan makanan halal mereka, pengkaji telah mengajukan beberapa soalan kepada informan. Antara soalan tersebut adalah berkenaan konsep atau definisi halal dan haram, faktor pemilihan dan pengambilan sesuatu makanan, pemerhatian terhadap logo Halal dan pemberian daripada pihak *non-Muslim*.

### **Mengetahui Halal dan Haram**

Bagi mengenal pasti pola pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan, pengkaji telah mengajukan beberapa pertanyaan kepada informan. Antaranya adalah soalan berkaitan konsep atau definisi halal. Soalan ini dibangkitkan untuk menilai tahap pengetahuan gelandangan Muslim tentang istilah tersebut. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa gelandangan di Kuala Lumpur mengetahui konsep halal dan haram dengan baik. Dalam maksud yang lain, mereka dapat membezakan di antara halal dengan haram.

Kesemua 8 orang informan boleh menjelaskan definisi halal dan haram menurut kefahaman mereka. Jawapan yang diberikan pula adalah datang dalam bentuk yang pelbagai seperti huraian definisi halal secara ringkas, jenis makanan yang halal dan haram, logo Halal serta melihat sumber penyediaan makanan tersebut. Contohnya, informan 3 yang memberikan definisi halal secara ringkas dan menghuraikan dari aspek kepemilikan. Jelasnya, setiap harta mestilah diperolehi dengan jalan yang halal, bukan melalui cara yang haram seperti mencuri.

Inf03 : *Halal tu boleh makan. Macam babi tu haram lah.... Segala benda yang baik yang kita boleh guna. Tapi kalau macam mencuri tu, haram jugalah walaupun benda yang curi tu baik. Selain tu, benda yang ada cop Halal lah.*

Penjelasan yang diberikan oleh informan 3 itu adalah selari dengan teori halal dan haram yang diutarakan oleh al-Ghazzālī. Menurutnya, halal juga meliputi aspek kepemilikan dengan melihat tatacara pemilikan ke atas sesuatu barang tersebut sama ada dilakukan dengan keizinan, tanpa keizinan, paksaan atau secara pembahagian<sup>461</sup>. Kenyataan yang sama juga diberikan oleh informan 8 yang mengatakan bahawa halal adalah konsep yang bersifat universal pada setiap perkara yang berlaku di sekeliling kita.

Inf08 : *Pasal halal dan haram ? Halal tu konsep dia luas. Konsep dia bukan untuk makanan sahaja, dia universal.*

Ini menunjukkan bahawa gelandangan memiliki kefahaman yang baik berkenaan dengan halal dan haram apabila tidak membataskannya pada soal pemakanan semata-mata. Sementara informan 4 pula menghuraikan maksud halal dengan melihat kepada tatacara penyembelihan haiwan tersebut. Jelasnya, penentuan halal perlu dinilai menerusi kaedah

---

<sup>461</sup> Abū Ḥamīd al-Ghazzālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirūt : Dār Ibn Hazm, 2005), 534-545

penyembelihan haiwan tersebut iaitu pada kawasan leher yang mengandungi saluran pernafasan (halkum) dan makanan (mari').

Inf04 : *Masalah halal dan haram ni, terutamanya makanan yang berbentuk binatang lah. Binatang perlu dimati, dibunuh dengan cara yang dihalalkan oleh agama kita, Islam. Macam bangsa-bangsa lain, mereka tidak ambil kira benda ni. Asal, binatang tu dah mati, dia makan. Kita nak bunuh binatang, ada cara. Pisau kena tajam, segala tempat tertentu, di lehernya.*

Selain itu, antara jawapan lain yang diberikan oleh informan adalah dengan memahami halal dari aspek penyediaan. Dalam maksud yang lain, mereka memahami sesuatu makanan itu halal apabila ia disediakan oleh orang Melayu yang beragama Islam. Contohnya, informan 6 yang memahami bahawa sesuatu makanan itu boleh dimakan apabila pihak yang mengagihkannya ialah orang Islam. Walaupun, pada asalnya tidak diketahui status sesuatu makanan itu sama ada halal ataupun tidak, namun, dirinya menjadi yakin apabila ia disediakan sendiri oleh orang Islam.

Inf06 : *Saya biasa kat sini lah kitorang ambil, kalau dengan Melayu, kitorang akan fikir itu halal. Kalau dengan Cina, saya tak berani nak ambil sebab takut. Takut juga. Kalau India ni, saya tengok juga orang.*

Manakala gelandangan yang lain pula memahami halal sebagai makanan yang mengandungi logo halal padanya. Misalnya, informan 7 yang memahami halal dengan cara melihat tulisan halal pada bungkusannya. Bagi situasi di Malaysia, logo Halal adalah dikeluarkan daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Oleh itu, penentuan halal sesuatu makanan tersebut dapat diketahui dengan melihat kepada logo halal yang disahkan oleh institusi tersebut.

Inf07 : *Makanan yang haram tulah, semua tengok daripada, kan kalau yang biasa tu ada tulisan halal kan, itu boleh makan. Tapi kalau contohnya benda yang dah jelas haram tu, haram lah.*

Ringkasnya, gelandangan di Kuala Lumpur mempunyai kefahaman yang baik berkaitan dengan konsep halal dan haram. Mereka boleh membezakan di antara kedua-duanya dengan baik. Tambahan pula, kepelbagaian jawapan yang diberikan menunjukkan bahawa mereka memahami halal menerusi penelitian masing-masing. Ini juga membuktikan bahawa perbezaan darjat dalam kehidupan tidak menyebabkan mereka cetek pengetahuan dan kefahaman sebagai individu Muslim.

### **Memilih makanan yang halal**

Setelah mengajukan soalan berkaitan kefahaman terhadap konsep halal, pengkaji kemudiannya bertanya kepada informan bagaimana bentuk pemilihan makanan yang dilakukan oleh mereka. Persoalan ini bertujuan membuktikan kefahaman mereka terhadap tuntutan untuk mendapatkan makanan yang halal. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kesemua 8 orang informan memilih makanan yang halal sebagai keutamaan apabila mengambil bantuan yang disediakan. Walaupun terdapat beberapa pihak yang berbeza dari segi kaum, agama dan ideologi, namun mereka tetap meletakkan keutamaan untuk mengambilnya daripada pihak penganjur ataupun sukarelawan yang beragama Islam.

Perkara ini terbukti apabila sebahagian informan yang ditemui oleh pengkaji mengambil langkah berhati-hati dengan meneliti latar belakang pihak penganjur terlebih dahulu. Penelitian dilakukan bagi mengenal pasti sama ada pihak penganjur berbangsa Melayu ataupun bukan. Sebagai contoh, informan 5 yang mengakui bahawa dirinya tidak teragak-agak untuk mengambil makanan tersebut sekiranya orang Melayu yang memberikan. Ini menunjukkan bahawa tahap keyakinan terhadap makanan halal adalah lebih tinggi apabila ia disediakan oleh orang Melayu.

Inf05 : *Nampak Melayu, kita ambil.*

Sementara informan 6 pula menegaskan bahawa sekiranya makanan itu diberi oleh orang Melayu, maka diyakini bahawa makanan tersebut ialah halal.

Inf06 : *Saya biasa kat sini lah kitorang ambil, kalau dengan Melayu, kitorang akan fikir itu halal.*

Walau bagaimanapun, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat sebahagian gelandangan yang bersifat terbuka untuk mengambil bantuan daripada pihak bukan Islam. Namun, pengambilan makanan tersebut adalah berdasarkan pengetahuan dan kesedaran tentang halal. Sebahagian daripada mereka mengambil inisiatif untuk bertanya sendiri kepada pengajur berhubung status makanan yang diberikan sama ada halal ataupun tidak. Contohnya, informan 6 yang memaklumkan bahawa dirinya terbuka untuk mengambil makanan daripada pihak bukan Islam. Namun, informan telah bertanya terlebih dahulu kepada pihak pengajur berkenaan isi kandungan makanan serta mengingatkan mereka tentang halal.

Inf06 : *Kalau India ni, saya tengok juga orang. India tu saya tanya dulu, " You all masak sendiri ataupun beli di kedai ke Melayu ke ?". Tanya dulu, kalau dia kata dengan Melayu, kalau dia tipu, tipulah kita.*

Begini juga informan 1 yang mengakui bahawa dirinya juga pernah mengambil bantuan makanan daripada pihak bukan Islam seperti NGO Kechara Soup Kitchen. Namun begitu, informan amat mementingkan soal tatacara penyediaan makanan terutamanya dari aspek masakan. Jelasnya, sekiranya makanan itu dimasak oleh orang Islam, maka dia tidak ragu-ragu untuk mengambilnya. Dalam perbualan berikut, informan memaklumkan bahawa dirinya mengambil makanan daripada NGO Kechara kerana tukang masaknya ialah seorang wanita Islam dan merupakan rakannya sendiri. Oleh itu, timbul keyakinan dalam dirinya untuk mengambil bantuan makanan daripada mereka.

Inf01 : *Tapi mak cik tengok siapa yang masak. Pasal apa, kalau orang yang masak tu periuknya tak tentu arah, risau jugak makan benda-benda yang tak okay... Tapi mak cik tengok macam kalau malam*

*minggu, Kechara, tukang masak dia, Indon Muslim. Kawan mak cik, mak cik kenal.*

Sementara itu, terdapat juga gelandangan yang hanya mengambil dan memilih jenis makanan tertentu daripada pihak bukan Islam. Antaranya adalah makanan yang berasaskan sayuran (*vegetarian*) atau makanan yang telah siap dibungkus oleh pihak pengeluar seperti roti dan air kotak. Sebagai contoh, informan 4 yang memaklumkan bahawa dirinya hanya mengambil makanan *vegetarian* daripada pihak bukan Islam. Informan juga memaklumkan bahawa tidak akan mengambil sebarang makanan yang berasaskan daging daripada mereka. Ini kerana dikhuatiri daging tersebut tidak disembelih seperti yang telah digariskan dalam syariat Islam.

Inf04 : *Itu kalau pak cik diberi makanan berbentuk vegetarian, pak cik ambil lah. Makanan sayur. Tapi kalau berbentuk binatang, pak cik akan mengelak lah.*

Dalam Islam, makanan yang berasaskan sayuran adalah dibenarkan untuk diambil. Ini kerana ia termasuk dalam kategori makanan *tayyibāt* iaitu selamat dan memberikan kebaikan<sup>462</sup>. Jelas al-Qardāwī, makanan yang bersifat *tayyibāt* ialah segala jenis makanan yang telah diciptakan di atas muka bumi dan tidak diharamkan oleh Allah SWT. Walaupun tidak terdapat dalil yang khusus membincangkan hukum halal pada sayur-sayuran, namun terdapat dalil umum yang menunjukkan ia termasuk dalam kategori halal.

Firman Allah SWT :-

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُّوْ مِنْ طَيِّبَتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوْا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ  
إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

<sup>462</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978), 45

172. Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.

(Al-Baqarah : 172)

Terdapat juga dalil lain yang menjelaskan bahawa tumbuhan atau sayuran adalah ciptaan Allah yang boleh memberikan manfaat kepada manusia. Firman Allah SWT :-

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ

Terjemahan : Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat.

(Luqman : 10)

Dalil-dalil di atas membuktikan bahawa sayuran adalah antara makanan yang halal untuk dimakan. Namun demikian, hukumnya boleh berubah menjadi haram sekiranya bercampur dengan unsur-unsur yang haram seperti daging babi, arak dan seumpama dengannya. Dalam hukum Islam, apabila berlaku percampuran di antara perkara yang halal dengan haram, maka hukum haram adalah lebih mendominasi. Ini adalah selaras dengan salah satu kaedah fiqh :- yang <sup>463</sup>إِذَا اجْتَمَعَ بَيْنَ الْحَلَالِ وَالْحَرَامِ غَلَبَ الْحَرَامُ

bermaksud apabila wujud percampuran di antara unsur yang halal dengan yang haram, maka yang lebih dominan ialah unsur yang haram.

Pemilihan makanan halal gelandangan dapat dilihat apabila sebahagian mereka hanya mengambil makanan yang diyakini halal dan telah siap dibungkus oleh pihak pengeluar. Misalnya, informan 3 dan 5 yang hanya mengambil buah, roti dan air mineral sahaja daripada penganjur bukan Islam. Hal ini demikian kerana, kedua-duanya

<sup>463</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abdul Raḥmān al-Suyūṭī, *al-Ash2bāh wa al-Naẓā’ir*, ed. kedua (Riyāḍ : Maktabah Naẓār al-Bāz, 1997), 1 : 174.

mengetahui makanan-makanan tersebut tidak perlu dimasak atau disediakan oleh pihak pengajur yang bukan Islam. Oleh itu, tiada keraguan untuk mengambil makanan tersebut.

Inf03 : *Tapi kalau macam makanan yang bungkus, macam roti tu saya ambil lah. Makanan macam Mee tu, saya tak ambil lah.*

Inf05 : *Yang dapat roti dengan air je kita ambil ... Tadi ada orang hantar nasi, tapi saya ambil air dengan ambil buah je tadi.*

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur ialah mereka yang memilih makanan halal sebagai sumber makanan mereka. Pemilihan ini adalah didorong oleh kesedaran yang tinggi terhadap tuntutan untuk mendapatkan sumber yang halal. Ini menyebabkan mereka sentiasa berhati-hati ketika memilih sesuatu makanan. Walaupun terdapat bantuan yang disediakan oleh pihak bukan Islam, namun hanya makanan yang diyakini halal sahaja yang akan diambil. Antaranya adalah makanan berasaskan sayuran, buah-buahan dan produk makanan yang dikeluarkan oleh pengilang di Malaysia. Sebagai seorang yang beragama Islam, maka dituntut ke atas mereka untuk melaksanakan segala yang telah diperintahkan oleh Allah SWT di dalam syariat Islam terutamanya dalam bab pemakanan.

### **Memeriksa logo Halal pada makanan**

Sebagai umat Islam, menjadi suatu tuntutan ke atas diri kita untuk memastikan sumber kegunaan kita adalah terdiri daripada perkara yang halal. Salah satu indikator yang boleh digunakan adalah menerusi pemerhatian terhadap logo halal pada barang tersebut. Bagi situasi di Malaysia, label halal sesuatu produk itu diketahui melalui logo halal yang tertera padanya. Pengeluaran logo halal di Malaysia adalah dikawal dan disahkan oleh institusi agama iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<sup>464</sup>. Terdapat beberapa

<sup>464</sup> Nor Anita Abdullah, Aspalella A. Rahman, And Che Thalbi Md Ismail. "Manipulation Of Halal Logo: A Legal Study On Known Unreported Cases In Malaysia." *International Journal* 3, No. 13 (2018): 165-172.

kepentingan daripada peletakan logo halal pada sesuatu produk. Menurut Mohani et al., logo Halal berfungsi untuk menunjukkan bahawa produk tersebut mengandungi kandungan yang halal, menepati garis panduan penyembelihan dalam Islam serta menepati aspek Tayyiban iaitu suci dan selamat untuk digunakan<sup>465</sup>.

Selain itu, ia juga berperanan menjadi panduan kepada pengguna yang beragama Islam untuk mengenal pasti barang yang boleh digunakan atau lokasi makan yang boleh dikunjungi<sup>466</sup>. Oleh itu, kewujudan logo halal ini telah memberikan kemudahan kepada pengguna Muslim untuk mengambil sesuatu produk tanpa sebarang rasa curiga. Kewujudan logo Halal juga telah mempengaruhi persepsi pengguna untuk mengambil sesuatu produk. Menurut Zaimah, et al., pengguna menjadi lebih yakin apabila melihat logo Halal pada sesuatu barang terutamanya logo yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM<sup>467</sup>. Secara tidak langsung, ia membuktikan bahawa agama mempengaruhi tingkah laku individu termasuk dalam pemilihan atau pengambilan makanan<sup>468</sup>.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa gelandangan di Kuala Lumpur sentiasa memeriksa logo Halal apabila hendak mengambil bantuan makanan daripada pihak penganjur. Tindakan ini dilakukan bagi memastikan makanan yang diambil oleh mereka tidak mengandungi sebarang unsur yang haram. Kepelbagaiannya latar belakang pihak penganjur mendorong kepada penelitian yang mendalam terhadap bantuan makanan yang diterima. Kesemua 8 orang informan yang telah ditemui oleh pengkaji, memaklumkan bahawa mereka akan memeriksa logo halal pada makanan

<sup>465</sup> Mohani Abdul, Hashanah Ismail, Haslina Hashim, and Juliana Johari. "Consumer decision making process in shopping for halal food in Malaysia." *China-USA Business Review* 8, no. 9 (2009): 40-47.

<sup>466</sup> Shahidan Shafie and Md Nor Othman. "Halal certification: an international marketing issues and challenges." In *Proceeding at the International IFSAM VIIIth World Congress*, pp. 28-30. 2006.

<sup>467</sup> R. Zaimah, Abd Hair Awang, M. S. Sarmila, Suraiya Ishak, A. M. Azima, Suhana Saad, and Mohd Yusof Hussain. "Consumer's Perceptions and Behaviours towards Halal Food Products in Malaysia." (2018).

<sup>468</sup> Shiva Dindyal and Sanjay Dindyal. "How personal factors, including culture and ethnicity, affect the choices and selection of food we make." *Internet Journal of Third World Medicine* 1, no. 2 (2003): 27-33.

terlebih dahulu. Sebagai contoh, informan 6 yang memaklumkan bahawa dirinya akan memeriksa logo halal terlebih dahulu sekiranya mengambil daripada pihak bukan Islam.

Inf06 : *Kalau India dengan Cina, saya akan tengok dulu. Kalau takde, saya tak makan. Memang kalau Cina India, saya tak boleh masuk nak makan. Saya macam nak makan, tapi bila tengok, rasa tak boleh nak terima.*

Hal ini sedikit berbeza dengan informan 7 dan 8 yang berpandangan bahawa halal tidak semestinya diketahui melalui logo yang tertera, sebaliknya ia boleh dilihat menerusi latar belakang pihak pengajur. Sekiranya makanan itu diberikan oleh pihak yang beragama Islam, maka mereka meyakini bahawa ia adalah halal. Tambah mereka, perasaan was-was hanya timbul apabila makanan itu diberikan oleh pihak bukan Islam.

Inf07 : *Ada. Kebanyakannya tak payah tengok situ. Kadang tengok orang yang bagi sudah. Tak kan orang Melayu nak bagi yang tak halal. Mesti halal kan. Itulah.... Bukan Islam tu nak kena tengok-tengok juga. Kadang-kadang kita pun was-was. Kalau kita makan was-was pun, tak guna juga.*

Inf08 : *Selalunya kalau NGO ni, alhamdulillah lah. Tapi kalau Cina yang bagi, kita akan tengok dulu.*

Berdasarkan maklum balas yang diterima, pengkaji mendapati bahawa gelandangan di Kuala Lumpur merupakan mereka yang mempunyai kesedaran terhadap kewajipan mengambil makanan yang halal. Kesedaran tersebut dapat dilihat menerusi keprihatinan mereka untuk memeriksa logo halal pada bungkusan makanan. Ini juga menunjukkan bahawa kewujudan logo halal merupakan perkara yang amat penting dalam hal ehwal kepenggunaan umat Islam. Sekiranya tiada logo halal, maka pengguna Muslim akan berada dalam kekeliruan untuk mengambil sesuatu produk terutamanya bahan makanan. Tambahan pula, kebergantungan gelandangan terhadap bantuan makanan yang diagihkan oleh pihak sukarelawan, menyebabkan perlu diwujudkan sebuah indikator halal yang

jelas. Perkara ini bertujuan bagi memastikan gelandangan Muslim dapat mengambil makanan yang halal dan tayyiban dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Berdasarkan temuan bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pola pengambilan makanan halal gelandangan di Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang baik. Perkara ini dapat dibuktikan apabila kesemua 8 orang informan yang ditemui oleh gelandangan mempunyai asas kefahaman yang baik berkaitan dengan halal dan haram. Kefahaman mereka dapat digambarkan menerusi jawapan-jawapan yang diberikan apabila diminta menjelaskan tentang halal. Jawapan yang diberikan oleh setiap informan juga adalah berbeza. Antara jawapan yang diberikan adalah berbentuk definisi, perbezaan dan jenis makanan.

Selain itu, mereka juga memilih makanan Halal sebagai sumber makanan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Walaupun terdapat pelbagai pihak yang memberikan bantuan termasuk daripada bukan Islam, namun mereka tetap meletakkan makanan yang halal sebagai pilihan. Kesemua informan yang ditemui oleh pengkaji memilih makanan yang halal dengan melihat kepada latar belakang pihak pengajur bantuan tersebut. Mereka akan berasa yakin dan selamat untuk mengambil sesuatu makanan apabila ia disediakan oleh pihak yang berbangsa Melayu serta beragama Islam. Hal ini demikian kerana, menurut kefahaman mereka, sekiranya makanan tersebut disediakan oleh orang Melayu, maka sudah pasti secara logiknya makanan yang diberikan juga adalah halal.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil gelandangan yang mengambil bantuan daripada pihak bukan Islam. Namun, makanan tersebut adalah jenis makanan yang diyakini halal mengikut hukum asalnya seperti buah-buahan ataupun makanan yang telah siap dibungkus daripada kilang seperti roti yang mempunyai logo Halal. Terdapat juga gelandangan yang hanya memilih makanan *vegetarian* sekiranya ingin mengambil daripada pihak bukan Islam. Justeru, ini menunjukkan bahawa gelandangan di Kuala

Lumpur merupakan mereka yang memilih makanan yang halal untuk dijadikan sebagai hidangan serta mengisi perut mereka yang kosong. Kemiskinan dan keadaan yang terdesak tidak mempengaruhi jati diri mereka untuk mengambil jenis makanan yang dilarang oleh Allah SWT.

#### **4.2.4 Hubungan antara tahap religiositi dan pola pengambilan makanan halal**

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan bersama beberapa orang informan, pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat hubungan di antara tahap religiositi dan pengambilan makanan halal oleh gelandangan. Dari aspek religiositi, pengkaji mendapati bahawa gelandangan yang beragama Islam di Kuala Lumpur mempunyai tahap religiositi yang tinggi. Tahap religiositi mereka dinilai menerusi komitmen yang dizahirkan terhadap ibadah-ibadah *maḥdah* seperti solat fardhu dan puasa di bulan Ramadan. Hasil temu bual menunjukkan bahawa gelandangan memiliki kekerapan pelaksanaan solat fardhu lima waktu yang baik. Kesemua 8 orang informan yang telah ditemui oleh pengkaji melaporkan bahawa mereka memahami konsep dan definisi solat dan mengetahui hukum wajib menunaikannya. Namun begitu, hanya 5 orang sahaja yang menunaikannya sebagaimana yang telah ditetapkan dalam syariat Islam.

Selain itu, komitmen yang diberikan oleh mereka terhadap ibadah puasa juga menjadi refleksi kepada tahap religiositi yang tinggi. Kesemua 8 orang informan yang ditemui memahami konsep dan definisi puasa serta dapat menjelaskan hakikat puasa menurut kefahaman mereka. Mereka juga mengetahui hukum dan kewajipan melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan. Tambahan pula, mereka juga prihatin terhadap kewajipan menggantikan semula puasa yang ditinggalkan oleh mereka pada bulan Ramadan yang lepas. Lebih menarik apabila terdapat sebahagian kecil informan yang ditemui mengetahui tuntutan untuk membayar fidyah sekiranya tidak sempat

menggantikan puasa yang tertinggal. Pengetahuan yang baik ini kemudiannya telah mempengaruhi pelaksanaan ibadah puasa mereka.

Secara umumnya, 7 orang informan yang ditemui menyatakan bahawa mereka berpuasa di bulan Ramadan walaupun terdapat hari-hari yang terpaksa ditinggalkan kerana mengalami keuzuran dan kesakitan. Maklum balas yang baik daripada kedua-dua ibadah ini menunjukkan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur memiliki tahap religiositi yang tinggi. Hal ini adalah selaras dengan janji Allah SWT di dalam al-Quran, di mana Allah menyatakan bahawa pensyariatan puasa adalah untuk menjadikan hamba-hambaNYA seorang yang bertaqwa kepadaNYA. Firman Allah SWT :-

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

(Al-Baqarah : 183)

Dari sudut pengambilan makanan halal, pengkaji mendapati bahawa pola pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan yang beragama Islam di Kuala Lumpur berada pada keadaan yang baik. Perkara ini terbukti menerusi pengetahuan kesemua 8 orang informan terhadap konsep halal dan haram. Mereka dapat membezakan dengan baik di antara jenis makanan yang halal dengan haram. Selain itu, gelandangan di Kuala Lumpur juga sentiasa memilih makanan yang halal untuk dijadikan sebagai sumber makanan dalam kehidupan sehari-hari. Walaupun terdapat pelbagai pihak yang memberikan bantuan makanan, namun mereka masih berhati-hati ketika mengambil bantuan tersebut.

Kesemua 8 orang gelandangan yang ditemui melaporkan bahawa mereka akan mengambil bantuan daripada pihak yang beragama Islam ataupun orang Melayu tempatan. Kebanyakan gelandangan yang ditemui melaporkan bahawa mereka tidak

yakin untuk mengambil bantuan daripada pihak bukan Islam kerana status makanan tersebut yang diragui dari segi penyediaan atau masakan. Walaupun sebahagian daripada mereka pernah mengambil makanan daripada pihak bukan Islam, namun mereka hanya mengambil makanan yang diyakini halal seperti berdasarkan sayuran, buah-buahan, roti dan air mineral. Terdapat dalam kalangan mereka yang mengambil inisiatif untuk bertanya status halal makanan tersebut kepada pihak pengajur. Tambahan pula, mereka juga akan memeriksa logo Halal pada bantuan makanan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa pola pengambilan makanan halal oleh gelandangan di Kuala Lumpur berada pada tahap yang baik.

Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa tahap religiositi yang tinggi mempengaruhi pola pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan di Kuala Lumpur. Komitmen mereka yang tinggi terhadap ibadah seperti solat fardhu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan telah menggambarkan penghayatan terhadap agama. Penghayatan ini boleh dilihat menerusi kerisauan mereka untuk mengambil sesuatu yang haram. Mereka bimbang ia akan menjadi darah daging, dosa yang besar dan kesan yang buruk semasa kematian. Kebimbangan untuk mengambil makanan daripada sumber yang diragui ini adalah bertepatan dengan hadith Rasulullah S.A.W :-

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَفَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ  
الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقُلْبُ<sup>469</sup>

Terjemahan : Ketahuilah, bahawa di dalam tubuh manusia itu ada seketul daging. Apabila baik daging itu, maka baiklah keseluruhan tubuhnya. Dan apabila rosak daging itu, maka rosaklah keseluruhan tubuh manusia. Itulah yang dinamakan sebagai hati.

(Riwayat al-Bukhari)

<sup>469</sup> Muhammad bin Isma'il al-Bukhārī, *Šaħħīħ al-Bukhārī*, ed. Muhammad Zahir Nasir ( Dār Ḥiṣn al-Najah : t.tp, 1422 H), 9 :

Sebagai seorang yang beragama Islam, ditaklifkan ke atas kita untuk memastikan setiap tindakan dalam kehidupan adalah selari dengan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Pengambilan makanan yang halal dan tayyiban merupakan salah satu tuntutan dalam syariat Islam. Dari konteks pengambilan makanan oleh gelandangan, tahap religiositi mereka yang tinggi telah mempengaruhi tindakan mereka untuk mengambil bantuan makanan yang halal dan tayyiban daripada pihak penganjur.

#### **4.2.5 Perbincangan**

Berdasarkan dapatan kajian di atas, terdapat hubungan di antara faktor keagamaan atau religiositi dan kesannya terhadap pola pengambilan makanan halal oleh gelandangan. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap religiositi yang tinggi telah mempengaruhi gelandangan untuk memastikan makanan yang diambil mereka berasaskan sumber yang halal dan tayyiban. Dapatan yang diperoleh ini adalah bertepatan dengan dapatan daripada kajian-kajian sebelumnya seperti Sabate<sup>470</sup>, Min-min, et al.<sup>471</sup>, dan Gabriele, et al.<sup>472</sup> yang telah membuktikan bahawa agama atau kepercayaan sememangnya mempunyai pengaruh yang besar dalam mencorakkan budaya, tingkah laku dan seterusnya gaya pengambilan makanan individu. Pegangan dan kepercayaan terhadap agama ini kemudiannya direalisasikan melalui komitmen (religiositi) mereka dalam bentuk praktis.

Komitmen individu yang tinggi terhadap agama membantu dalam memastikan pemilihan dan pengambilan makanan yang dilakukan adalah selaras dengan kepercayaan agama masing-masing. Bagi individu yang beragama Islam, faktor keagamaan berperanan dalam memastikan makanan yang diambil adalah dibenarkan oleh syarak,

---

<sup>470</sup> Joan Sabate, "Religion, diet and research." *British Journal of Nutrition* 92, no. 2 (2004): 199-201.

<sup>471</sup> Min-Min Tan, et al. "Faith, food and fettle: Is individual and neighborhood religiosity/spirituality associated with a better diet?" *Religions* 5, no. 3 (2014): 801-813.

<sup>472</sup> Gabriele Gäßler, et al. "Association between Health Behaviours and Religion in Austrian High School Pupils—A Cross-Sectional Survey." *Religions* 8, no. 10 (2017): 210.

iaitu sumber yang halal dan tayyiban. Pengaruh faktor ataupun penghayatan agama ini adalah sebagaimana yang telah diasaskan oleh al-Ghazālī menerusi perbahasan konsep al-Wara' di dalam kitab *Iḥyā' 'Ulūmuddīn*<sup>473</sup>. Dari segi bahasa, al-Wara' ( الورع )

bermaksud memelihara diri daripada mendekati perkara-perkara yang boleh membawa kepada haram dan berdosa<sup>474</sup>. Dalam bab halal dan haram, al-Ghazālī telah membawa perbincangan yang bertemakan fiqh-taṣawwuf apabila mengemukakan konsep al-Warā' bagi menunjukkan hubungan yang berlaku di antara tahap keagamaan dan pengambilan sesuatu yang halal. Menurut al-Ghazālī, terdapat beberapa peringkat al-Wara' antaranya adalah al-Wara' al-'Udūl (awam), al-Wara' al-Ṣāliḥīn (orang soleh), al-Wara' al-Muttaqīn (orang yang bertaqwā) dan al-Wara' al-Ṣiddīqīn (orang yang benar). Keempat-empat peringkat al-wara' ini menzahirkan perbezaan penghayatan agama mengikut individu.

Secara umumnya, bagi umat Islam yang mematuhi perintah halal dan haram berdasarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama', mereka adalah tergolong dalam peringkat wara' yang pertama. Sementara bagi peringkat yang kedua dan selanjutnya pula menonjolkan penghayatan agama yang lebih tinggi apabila seseorang itu menjauhi sesuatu yang syubhah ataupun halal bukan hanya disebabkan oleh fatwa larangan. Sebaliknya, mereka menjauhinya kerana dibimbangi ia boleh membawa mereka terjerumus ke arah haram. Justeru, perbincangan al-Ghazālī dalam hal ini membuktikan bahawa perbezaan tahap agama mempengaruhi pengambilan halal individu khususnya dalam bab makanan.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap religiositi gelandangan di Kuala Lumpur yang tinggi telah mempengaruhi pola pengambilan makanan halal mereka.

<sup>473</sup> Abū Ḥamīd al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirūt : Dār Ibn Ḥazm, 2005), 541-545.

<sup>474</sup> Ibn Manzūr al-Miṣrī, *Lisān al-'Arab* (Kaherah : Dār al-Ma'ārif, t.t), 6 : 4814 ; 'Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Mu'jam al-Ta'rīfāt* (Kaherah : Dār al-Fāḍilah, t.t), 211.

Dapatkan ini mengukuhkan lagi dapatan kajian-kajian lepas seperti Yener<sup>475</sup>, Ahmed, et al.<sup>476</sup>, Syukur dan Nimsai<sup>477</sup> yang telah membuktikan bahawa tahap religiositi berperanan dalam mempengaruhi pengguna beragama Islam untuk mendapatkan makanan yang halal. Faktor keagamaan atau religiositi dalam kajian ini dinilai menerusi aspek pengamalan gelandangan terhadap ibadah mahdah, iaitu ibadah asas dan fardu ‘ayn yang menjadi kewajipan ke atas setiap individu Muslim seperti solat lima waktu dan puasa di bulan Ramadan. Ia adalah selaras dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Syed, et al. yang mengukur tahap religiositi dengan menggunakan item-item ibadah yang asas sedemikian<sup>478</sup>. Selain itu, kajian-kajian lepas yang lain seperti Krauss, et al.<sup>479</sup> dan Yusuf, et al.<sup>480</sup> turut membuktikan bahawa pelaksanaan ibadah *mahdah* (*special worship*) seperti solat, puasa, zakat dan haji (bagi yang berkemampuan) adalah antara aspek yang penting dalam menzahirkan tahap religiositi yang tinggi oleh individu.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, persoalan yang dikemukakan kepada informan hanyalah melibatkan ibadah solat dan puasa sahaja. Hal ini kerana, pengkaji menilai kesesuaian soalan dengan merujuk kepada latar belakang dan persekitaran hidup mereka yang jelas berbeza dengan masyarakat awam di sekeliling. Justeru, pertanyaan religiositi berhubung kedua-dua ibadah berkenaan dilihat lebih sesuai kerana ia dilaksanakan secara umum oleh kesemua umat Islam.

---

<sup>475</sup> Dursun Yener, "Factors that affect the attitudes of consumers toward halal-certified products in Turkey." *Journal of Food Products Marketing* 21, no. 2 (2015): 160-178.

<sup>476</sup> Waqar Ahmed, et al. "Consumer behaviour towards willingness to pay for halal products." *British Food Journal* (2019): 492-504.

<sup>477</sup> Muhammad Syukur and Suthep Nimsai. "Factors influencing the purchase intention of halal packaged food in Thailand." *Int. J Sup. Chain. Mgt Vol* 7, no. 4 (2018): 1-6.

<sup>478</sup> Syed Shah Alam, et al. "Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?." *Journal of Islamic marketing* (2011): 83-96.

<sup>479</sup> Steven E. Krauss, et al. "Exploring regional differences in religiosity among Muslim youth in Malaysia." *Review of religious research* (2006): 238-252.

<sup>480</sup> Yusuf bin Haji Othman, et al. "A Conceptual Framework for the Intention to Comply with Islamic Financial Planning." (2018): 11-16.

Secara zahirnya, individu yang menunaikan solat dan kewajipan puasa dinilai sebagai seorang yang beragama kerana telah melaksanakan tuntutan asas dalam agama<sup>481</sup>. Menurut Salasiah & Nadhirah, individu yang sentiasa menjaga kewajipan solat ialah mereka yang memiliki komitmen yang tinggi terhadap agama<sup>482</sup>. Tambahan pula, antara ciri orang yang bertaqwa seperti yang digambarkan dalam al-Quran ialah mereka yang sentiasa menunaikan solat<sup>483</sup>. Begitu juga dengan dalil pensyariatan puasa yang mengisyaratkan bahawa kesempurnaan terhadap pelaksanaan ibadah puasa merupakan salah satu jalan menuju ketaqwaan<sup>484</sup>. Justeru, ibadah solat dan puasa ini menjadi refleksi komitmen agama yang baik dalam diri mereka.

Tahap keagamaan yang tinggi ini juga kemudiannya mempengaruhi individu untuk menuruti segala ketetapan lain dalam agama. Memastikan pengambilan makanan daripada sumber yang halal, tayyiban dan terpelihara daripada unsur-unsur yang haram mahupun syubhah merupakan salah satu perintah syarak yang wajib dipatuhi. Sehubungan itu, individu yang mempunyai penghayatan agama yang baik seperti pemeliharaan ibadah solat dan puasa dengan sempurna, sudah pasti mempunyai kesedaran yang tinggi berhubung soal pemakanan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Perkara ini telah dijelaskan oleh Haslinda<sup>485</sup> yang menyatakan bahawa individu yang menunaikan solat dan berpuasa ialah mereka yang sentiasa memastikan sumber makanan mereka adalah halal. Begitu juga dalam kajian yang telah dijalankan oleh Aiedah dan

---

<sup>481</sup> Jamiah Hj Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, and Hasnan Kassan. "Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Religiositi daripada Perspektif Islam." *Islam: Past, Present AND Future* (2004): 349.

<sup>482</sup> Salasiah Hanin Hamjah and Nadhirah Muhamad Arib. "Discussion on Religious Practice in Counseling: a Preliminary Survey." *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6, no. 6 S5 (2015): 394.

<sup>483</sup> Harison Mohd Sidek, "A Genre Analysis of the Literacy on Taqwa in Surah Ali-'Imran." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 26, no. 4 (2018): 2717-2729.

<sup>484</sup> Surah al-Baqarah, ayat 183 :

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

<sup>485</sup> Haslinda Hasan, "A study on awareness and perception towards halal foods among muslim students in kota kinabalu, sabah." In *Proceedings of the Australia-Middle East Conference on Business and Social Sciences 2016, Dubai (in partnership with The Journal of Developing Areas, Tennessee State University, USA)*, (2016): 803-811.

Sharifah<sup>486</sup> yang menggunakan item solat dan puasa sebagai indikator religiositi. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa kekerapan pelaksanaan kedua-dua ibadah tersebut telah mendorong kepada pengambilan produk Halal. Ini menunjukkan bahawa item solat dan puasa adalah sesuai diajukan bagi mengetahui tahap religiositi informan. Ia juga sesuai untuk mengenal pasti hubungannya dengan pengambilan makanan halal.

#### 4.3 KESIMPULAN

Dalam bab ini, pengkaji melakukan analisis untuk mengenal pasti hubungan di antara tahap religiositi dengan pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebelum melakukan analisis, pengkaji telah mengumpul data kajian dengan menggunakan metode temu bual mendalam bersama dengan 8 orang informan yang terdiri daripada gelandangan dewasa. Beberapa soalan telah diajukan bagi mengetahui tahap religiositi gelandangan. Soalan-soalan tersebut memfokuskan kepada ibadah-ibadah *mahdah* dalam syariat Islam iaitu solat fardhu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan. Tahap religiositi dinilai menerusi komitmen yang dizahirkan oleh mereka terhadap kedua-dua ibadah tersebut.

Proses analisis data dilakukan dengan menggunakan kaedah tematik. Hasilnya, pengkaji mendapati bahawa kesemua 8 orang informan mengetahui konsep dan definisi solat. Selain itu, mereka juga mengetahui hukum kewajipan menunaikan solat dalam kehidupan. Namun demikian, hanya 5 orang sahaja daripada mereka yang menunaikan solat dengan sempurna. Sementara bagi ibadah puasa pula, hasil kajian mendapati bahawa kesemua informan memahami konsep dan definisi puasa. Mereka juga mengetahui hukum wajib berpuasa di bulan Ramadan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari sudut praktis apabila hanya 6 orang sahaja daripada mereka yang memberikan respon

---

<sup>486</sup> Aiedah Abdul Khalek and Sharifah Hayaati Syed Ismail. "A Conceptual Framework On The Factors Influencing Halal Consumption: An Exploratory Study Among Muslim Consumers In Malaysia." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 2, no. 3 (2015): 1-12.

positif terhadap pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dengan baik seperti masyarakat awam yang lain. Berdasarkan dapatan kajian ini, jumlah informan yang memberikan jawapan positif terhadap kesemua item religiositi adalah lebih tinggi. Justeru, pengkaji menyimpulkan bahawa penghayatan agama dan tahap religiositi gelandangan adalah berada pada tahap yang baik.

Dari aspek pengambilan makanan halal, pengkaji menyimpulkan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur merupakan mereka yang sentiasa mengambil makanan halal dalam kehidupan sehari-hari mereka. Walaupun terdapat pelbagai pihak yang memberikan bantuan makanan, namun mereka tetap memilih untuk mengambil makanan yang diyakini halal. Analisis kajian mendapati bahawa kesemua 8 orang informan yang ditemui mengetahui konsep dan definisi halal serta haram dalam Islam. Pengetahuan ini kemudiannya mendorong mereka untuk lebih prihatin terhadap makanan halal. Hasilnya, mereka sentiasa meletakkan keutamaan dan memilih makanan yang diyakini halal. Ini menunjukkan pola pengambilan makanan halal gelandangan berada pada tahap yang baik. Oleh itu, tahap religiositi yang tinggi mempengaruhi pola pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## **BAB 5 : PENUTUP**

### **5.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan dapatan kajian yang diperoleh sepanjang melakukan penyelidikan. Ia adalah ringkasan daripada perbincangan dalam bab-bab sebelumnya. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai jawapan kepada objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab yang pertama. Ia juga bertujuan membuktikan bahawa kajian yang dilakukan telah mencapai objektif tersebut. Di samping itu, di dalam bab ini juga, pengkaji akan memberikan beberapa saranan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam hal ehwal gelandangan seperti pihak kerajaan, institusi agama, NGO dan sukarelawan. Saranan ini timbul berdasarkan pemerhatian, pengalaman dan penelitian oleh pengkaji sepanjang melakukan kajian dan turun ke lapangan. Seterusnya, bagi membantu dalam memberi idea kepada para penyelidik kajian gelandangan, pengkaji juga akan berkongsi beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan.

### **5.2 DAPATAN KAJIAN**

#### **Konsep Religiositi**

Berdasarkan kajian-kajian lepas, istilah religiositi digunakan dalam kajian-kajian yang bertujuan mengukur tahap keagamaan individu atau kumpulan tertentu. Terdapat beberapa teori yang dihasilkan berkenaan istilah religiositi. Antaranya adalah merujuk kepada tahap komitmen individu terhadap kelompok agama yang dianuti oleh mereka. Pada masa yang sama, religiositi juga berupaya menunjukkan tahap keterikatan individu itu terhadap kumpulan agama tertentu. Ini bermaksud tahap religiositi individu menggambarkan komitmen yang tinggi oleh individu terhadap agama mereka. Komitmen tersebut dizahirkan dalam bentuk tingkah laku.

Bagi mengetahui tahap religiositi individu, pelbagai skala telah dibangunkan untuk melakukan ukuran. Secara umumnya, ukuran religiositi dilakukan dengan melihat

kepada penglibatan dalam aktiviti-aktiviti keagamaan, praktis atau ibadah, orientasi keagamaan, tingkah laku dan kepercayaan. Dari segi ukuran, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa religiositi diukur dengan menggunakan sama ada satu dimensi (*unidimensional*) ataupun pelbagai dimensi (*multi-dimensional*). Walaupun wujud dimensi yang pelbagai untuk mengukur religiositi, namun hakikatnya kesemua itu adalah menjurus kepada satu titik yang utama iaitu dimensi kepercayaan (belief).

Dari perspektif Islam, istilah religiositi adalah tertakluk kepada definisi *al-Dīn*. Ia bermaksud kegiatan yang menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai cara hidup. Selain itu, religiositi juga selari dengan konsep *al-Tadayyun* iaitu penghayatan individu Muslim terhadap ajaran Islam dan dibuktikan menerusi pelaksanaan serta pengamalan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Dari aspek pengukuran, religiositi individu Muslim dapat diukur menerusi komitmen yang dizahirkan oleh mereka terhadap perkara-perkara fundamental seperti aqidah dan amalan ibadah yang wajib. Selain itu, penghayatan agama individu (*tadayyun*) atau religiositi ini dapat dilakukan dengan melihat kepada aspek amalan. Antara prinsip dalam Islam yang perlu dipatuhi juga adalah setiap amalan individu yang zahir itu menjadi bukti kepada keimanan mereka. Ini menunjukkan bahawa aspek praktis secara tidak langsung menzahirkan aspek kepercayaan dalam agama.

Dalam kajian ini, religiositi merujuk kepada praktis atau ibadah fundamental yang dilakukan informan. Ibadah-ibadah asas (*maḥdah*) atau Fardhu ‘Ain seperti solat lima waktu dan puasa di bulan Ramadan merupakan ibadah yang wajib dilakukan oleh kesemua individu Muslim tanpa mengira latar belakang. Ibadah solat dan puasa merupakan ibadah yang bersifat zahir iaitu dalam bentuk perbuatan. Pelaksanaan solat fardhu lima waktu dan puasa di bulan Ramadan adalah sebahagian daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan. Ia juga menjadi bukti keimanan seseorang itu kepada Allah SWT.

## Pengambilan Makanan Halal

Halal ialah setiap perkara yang diharuskan oleh syarak untuk mengambilnya. Secara umumnya, halal merangkumi aspek material dan pemilikan dalam setiap diri individu. Aspek material adalah meliputi makanan dan barang yang terpelihara daripada elemen-elemen yang haram seperti arak dan khinzir. Al-Qaradāwī mengkhususkan halal menerusi neraca fiqh dengan menyatakan bahawa ia adalah setiap perkara yang memiliki hukum harus, terlepas daripada ikatan yang haram serta dibenarkan oleh syarak. Dari sudut pemakanan, al-Qaraḍāwī menjelaskan bahawa setiap makanan yang halal itu mestilah mempunyai nilai yang bersih dan suci (tayyiban). Istilah tayyiban dapat difahami sebagai sesuatu yang baik dan bermanfaat dari segi tabiat serta syarak. Makanan yang halal dan tayyiban merujuk kepada setiap makanan yang diharuskan pengambilannya oleh syarak, bersih daripada sebarang najis atau kotoran, bermanfaat dari segi kesihatan, selamat digunakan serta tidak menyebabkan mudarat kepada tubuh badan.

### **Hubungan Antara Religiositi Dan Pengambilan Makanan**

Makanan merupakan keperluan bagi setiap individu untuk meneruskan kehidupan. Pengambilan sesuatu makanan adalah bertitik tolak daripada proses pemilihan yang didorong oleh pelbagai faktor. Antara faktor tersebut ialah nilai keagamaan yang mempengaruhi tingkah laku mereka. Bagi pengguna Muslim, faktor pengambilan produk halal adalah berdasarkan kepada ketetapan dalam syariat Islam yang menuntut umatnya supaya mendapatkan sumber yang halal. Pola pengambilan makanan halal adalah dipengaruhi oleh tahap religiositi yang tinggi. Hal ini demikian kerana, tahap religiositi mempengaruhi tingkah laku pengguna atau individu. Oleh itu, individu yang mempunyai tahap religiositi yang tinggi, ialah individu yang mengambil makanan halal dan memastikan bahawa ia berasal daripada sumber yang halal.

### **Latar Belakang Gelandangan**

Gelandangan merupakan golongan yang digelar sebagai marginal dan terdedah kepada masalah pengasingan sosial (*social exclusion*). Kesukaran dari segi ekonomi seperti kadar pendapatan yang berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan tidak mampu akses kepada sumber di sekeliling telah menyebabkan mereka tergolong sebagai sebahagian daripada kumpulan miskin bandar.

Bagi gelandangan di Kuala Lumpur, statistik semasa yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan jumlah mereka pada tahun 2019. Berdasarkan Sumber daripada Dewan Negara, dilaporkan seramai 6,102 orang gelandangan telah mendaftarkan diri mereka secara sukarela di Anjung Singgah iaitu sebuah pusat pemulihan di bawah seliaan Yayasan Kebajikan Negara yang terletak di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Di samping itu, laporan sehingga Mei 2019 mencatatkan seramai 2,315 orang yang telah mendaftar di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL). Jumlah ini adalah meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu November 2018 yang mencatatkan seramai 2,082 orang.

Secara umumnya, terdapat pertambahan jumlah kes gelandangan yang dicatatkan di Kuala Lumpur pada tahun 2019. Bagi mengetahui demografi gelandangan di kawasan ini, pengkaji turut memuatkan statistik terkini gelandangan yang telah dikeluarkan oleh PTGKL berhubung kemasukan mereka ke pusat berkenaan. Statistik ini secara tidak langsung memberikan gambaran kepada latar belakang gelandangan yang mendaftar sebagai penghuni di PTGKL serta ciri-ciri golongan ini secara umum di sekitar Kuala Lumpur.

#### **Jadual 5.1 Statistik Penghuni Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur Sehingga 28 September 2019**

Bil.	Jumlah Semasa yang menginap	Pecahan Mengikut Jantina		Pecahan Mengikut Kaum					Pecahan Mengikut Umur (tahun)						
		Lelaki	Wanita	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Kanak -	18-25	26-35	36-45	46-55	56-59	60 tahun	

								kan ak							ke atas
1	120	120	0	88	8	18	6	0	3	23	46	34	11	3	
PERATUS (%)	100	0.0		73.3	6.7	15.0	5.0	0.0	2.5	19.2	38.3	28.3	9.2	2.9	
JUMLAH		120			120						120				

Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan bahawa kebanyakan gelandangan yang berada di Kuala Lumpur adalah terdiri daripada mereka yang berusia di antara 36-45 tahun (38.3%) dan 46-55 tahun (28.3%). Ia menunjukkan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur majoriti terdiri daripada individu dewasa. Jantina gelandangan pula didominasi oleh golongan lelaki yang mencatatkan jumlah sebanyak 100% dan tiada wanita yang mendaftarkan diri mereka. Ini menunjukkan bahawa golongan lelaki banyak terlibat dengan permasalahan gelandangan. Sementara kaum Melayu pula mencatatkan bilangan tertinggi bagi jumlah gelandangan iaitu sebanyak 73.3%, India (15.0%) dan Cina (6.7%). Jumlah ini adalah berkait demografi di Malaysia yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu yang beragama Islam. Oleh itu, usaha mengenal pasti faktor-faktor kewujudan mereka mesti dilakukan bagi menyelesaikan masalah ini.

### Faktor Keterlibatan Dalam Gelandangan

Bagi memenuhi objektif kajian ini, pengkaji telah melakukan kajian lapangan dengan menemu bual beberapa orang gelandangan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Berdasarkan temu bual tersebut, terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti mendorong keterlibatan golongan ini. Antaranya adalah faktor pengangguran dan kehilangan pekerjaan, konflik keluarga, ketagihan alkohol serta penyakit mental. Sebahagian gelandangan kehilangan pekerjaan disebabkan usia yang sudah lanjut, kesakitan yang dialami serta faktor majikan yang membuang pekerja. Bagi faktor konflik

keluarga, perceraian menyebabkan emosi mereka menjadi tidak stabil sekaligus membuat keputusan yang tidak wajar dengan menjadi gelandangan.

Selain itu, pembaziran wang yang berleluasa akibat ketagihan arak menyebabkan mereka ditimpa kemiskinan sehingga terpaksa menjadi gelandangan. Manakala faktor penyakit mental juga memainkan peranan untuk mengekalkan gaya kehidupan sedemikian. Sebahagian informan mengalami tekanan atau kemurungan akibat masalah yang dihadapi. Manakala sebahagian yang lain pula berasa selesa dengan kehidupan sebagai gelandangan yang menerima pelbagai bantuan dan bebas daripada sebarang komitmen kewangan.

Faktor-faktor di atas mengukuhkan teori sebelum ini yang menyatakan kewujudan gelandangan adalah disebabkan institusi kekeluargaan yang tidak terurus, kehilangan pekerjaan, kehilangan kediaman, kemiskinan dan masalah moral. Tambahan pula, permasalahan dari aspek mental dan psikologi telah membentuk suatu pola pemikiran dan peribadi sehingga menyebabkan mereka seolah-olah akur, selesa dan seronok dengan gaya kehidupan secara gelandangan. Hal ini dijelaskan apabila terdapat sebahagian mereka yang bekerja, namun sengaja memilih untuk tidak memiliki rumah atas dasar penjimatan, bebas daripada sebarang komitmen serta wujudnya beberapa lokasi yang dijadikan tempat berehat pada waktu malam. Majoriti gelandangan di negara ini terdiri daripada mereka yang tidak berpendapatan, manakala sebahagian yang lain bekerja dengan skala pendapatan yang rendah.

Berdasarkan faktor-faktor tersebut, timbul persoalan dengan status gelandangan menurut perspektif Islam. Antaranya adalah cadangan penentuan kategori asnaf ke atas gelandangan dari sudut perundungan zakat. Gelandangan boleh menerima bantuan zakat sekiranya mereka dimasukkan di bawah kategori asnaf seperti al-Riqab dan Ibnu Sabil. Bantuan zakat tersebut juga perlu dipelbagaikan dengan tidak hanya memberikan bantuan kewangan semata-mata, sebaliknya menyediakan keperluan rohani yang baik kepada

gelandangan seperti pusat pemulihan, kelas pendidikan agama dan program motivasi untuk meningkatkan jati diri. Di samping itu, peruntukan zakat tersebut juga boleh disalurkan kepada gelandangan sebagai bantuan untuk mereka memulakan perusahaan kecil-kecilan. Ini adalah bertujuan untuk menanam sifat berdikari dalam diri mereka sekaligus meninggalkan gaya kehidupan sedemikian.

Selain itu, gelandangan juga memiliki tahap kesejahteraan sosial yang rendah. Kesejahteraan sosial dapat diwujudkan apabila keperluan fizikal dan mental mereka dapat dipenuhi. Keperluan fizikal yang mencapai tahap *daru'riyy* adalah seperti makanan dan kesihatan. Bekalan makanan yang tidak mencukupi serta kurang seimbang akan mendorong kepada mudarat dari aspek kesihatan. Kekurangan makanan akan mendorong kepada kemerosotan terhadap mental sekaligus melemahkan daya berfikir. Bahkan jika tidak dibendung, akan membawa kepada mudarat yang lebih besar seperti kemurungan dan bunuh diri. Keadaan ini juga mendedahkan diri mereka pada situasi darurat.

Dalam perbahasan berkaitan darurat, pengkaji berpandangan ia adalah bersifat relatif dan fleksibel mengikut situasi yang dialami oleh gelandangan. Bagi gelandangan yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan makanan yang diyakini halal, maka rukhsah diberikan ke atas mereka untuk mengambil bantuan makanan yang diragui statusnya daripada pihak *non-Muslim*. Contohnya, rukhsah ke atas gelandangan yang berada di kawasan majoriti penduduk *non-Muslim* serta tiada alternatif makanan yang halal. Diharuskan kepada mereka untuk mengambil bantuan makanan tersebut pada kadar yang dapat menghilangkan darurat.

Manakala bagi gelandangan yang berada di kawasan majoriti Muslim pula, kaedah ini menjadi terbatas ke atas kerana terdapat alternatif bantuan halal yang disediakan oleh pihak yang berautoriti dalam Islam. Keadaan ini menunjukkan bahawa situasi darurat tidak berlaku ke atas semua gelandangan secara umum, tetapi hanya berlaku ke atas mereka yang berada pada situasi tertentu sahaja.

## **Analisis hubungan di antara faktor keagamaan dengan pengambilan makanan halal**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji menyimpulkan bahawa faktor keagamaan atau religiositi mempengaruhi tingkah laku manusia. Tahap religiositi yang tinggi telah mempengaruhi tingkah laku individu agar ia selaras dengan tuntutan agama. Dalam kajian ini, pemilihan serta pengambilan makanan halal merupakan salah satu tuntutan yang mesti dipatuhi oleh setiap individu Muslim. Oleh itu, komitmen yang tinggi terhadap agama telah mempengaruhi tingkah laku pengguna Muslim untuk mematuhi prinsip agama Islam seperti pengambilan makanan yang halal dalam kehidupan seharian.

Dalam kajian ini, gelandangan yang beragama Islam di Kuala Lumpur mempunyai faktor keagamaan yang baik dan tahap religiositi yang tinggi. Hal ini dapat dibuktikan apabila pelaksanaan ibadah solat fardhu lima waktu dan puasa bagi 5 orang daripada mereka berada pada keadaan yang baik. Dari sudut pengambilan makanan halal, pengkaji mendapati bahawa pola pengambilan makanan halal dalam kalangan gelandangan yang beragama Islam di Kuala Lumpur berada pada keadaan yang baik.

Perkara ini terbukti apabila kesemua informan yang ditemui mengetahui konsep halal dan haram. Mereka dapat membezakan dengan baik di antara jenis makanan yang halal dengan yang haram. Selain itu, gelandangan di Kuala Lumpur juga sentiasa memilih makanan yang halal untuk dijadikan sebagai sumber makanan dalam kehidupan seharian. Walaupun terdapat pelbagai pihak yang memberikan bantuan makanan, namun mereka masih berhati-hati ketika mengambil bantuan tersebut. Mereka juga mengambil inisiatif untuk memeriksa logo halal pada makanan tersebut sebelum mengambilnya.

Dapatan kajian ini dilihat mengukuhkan lagi teori bahawa religiositi mempengaruhi tingkah laku individu untuk mengambil produk yang mempunyai status halal. Ia juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara tahap religiositi dengan pola pengambilan makanan halal. Dalam kajian ini, tahap religiositi gelandangan yang

tinggi mempengaruhi pola pengambilan makanan halal mereka. Ini bermaksud komitmen mereka yang tinggi terhadap agama menerusi pelaksanaan ibadah solat fardhu dan puasa di bulan Ramadan telah mempengaruhi tingkah laku mereka untuk mengambil dan memastikan makanan mereka mempunyai status halal.

### **5.3 SARANAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji ingin mengemukakan beberapa saranan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menguruskan hal ehwal gelandangan di Kuala Lumpur. Dari sudut keutamaan, pengkaji lebih melihat isu gelandangan ini melalui perspektif keagamaan khususnya yang melibatkan perihal Shariah. Hal ini adalah selaras dengan tema kajian yang melibatkan religiositi atau faktor keagamaan individu. Antara usaha yang boleh dilakukan adalah dengan memperkasakan program-program yang bercorak keagamaan. Setelah melakukan kajian, hakikat yang perlu diterima adalah masih terdapat segelintir gelandangan yang tidak memahami kewajipan sebagai individu Muslim dengan baik. Sebahagian mereka dilihat tidak menunaikan kewajipan solat fardu lima waktu dan berpuasa di bulan Ramadan seperti yang telah ditetapkan dalam syariat Islam. Bahkan lebih menyedihkan apabila segelintir mereka tidak mengetahui langsung asas kewajipan tersebut.

Pengkaji mendapati bahawa kekurangan dari sudut kefahaman dan pemantauan telah menyebabkan berlakunya situasi tersebut. Oleh itu, pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak-pihak yang mempunyai autoriti agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) supaya menghasilkan sebuah modul Asas Fardu Ain dan Pengetahuan Islam yang khusus untuk golongan ini. Ilmu-ilmu asas seperti mengenali sifat-sifat Allah, memahami hakikat hidup dan tujuan ibadah juga perlu diselitkan sebagai salah satu topik pembelajaran. Walaupun majoriti mereka beragama Islam, namun disebabkan pemahaman yang kurang tentang Islam telah

menjejaskan praktis ibadah mereka. Di samping itu, pihak yang berautoriti ini juga boleh mewujudkan kerjasama dengan NGO serta sukarelawan yang lain untuk membuka lebih banyak kelas-kelas agama dan al-Quran secara percuma di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan mereka. Pemberian “token” atau hadiah dapat membantu untuk menarik perhatian gelandangan agar sentiasa hadir ke kelas-kelas tersebut.

Pihak-pihak autoriti Islam juga boleh menganjurkan program-program yang bersifat *outreach* seperti “*street dakwah*” kepada golongan ini di lokasi-lokasi kebiasaan mereka. Kawasan-kawasan yang terpencil dan tersorok seperti lorong-lorong belakang kedai dan tapak bantuan makanan dilihat sesuai untuk menyantuni gelandangan. Program ini perlu dilakukan secara berkala dan lebih kerap. Ia bertujuan merapatkan jurang di antara gelandangan dengan masyarakat awam. Impak negatif daripada jurang yang luas telah melahirkan stigma negatif dalam diri gelandangan. Sebahagian mereka beranggapan bahawa masyarakat di sekeliling sentiasa memandang rendah dan hina terhadap mereka.

Walau bagaimanapun, pengkaji juga mendapati kebanyakan gelandangan berasa selesa untuk berbual apabila ditemui. Ini menunjukkan bahawa mereka boleh berkomunikasi dengan baik seandainya mereka didekati oleh masyarakat. Di samping itu, program ini juga secara tidak langsung dapat membentuk jalinan di antara pihak autoriti Islam dengan gelandangan. Ikatan yang dibina seterusnya akan membentuk sebuah kepercayaan di antara satu sama lain sekaligus dapat membimbing mereka ke arah kebaikan.

Dari aspek makanan halal, pengkaji ingin mencadangkan agar pihak berautoriti Islam menyelia sepenuhnya pengagihan makanan dalam kalangan gelandangan. Majoriti gelandangan di Kuala Lumpur ialah mereka yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Oleh itu, makanan yang diagihkan juga mestilah berasal dari sumber yang halal.

Pihak berautoriti boleh mengeluarkan arahan kepada semua badan kebajikan supaya mengambil bantuan makanan hanya daripada pengusaha-pengusaha makanan di bawah seliaan pihak tertentu sahaja. Sebagai contoh, pihak JAKIM boleh mengeluarkan pekeliling kepada semua pihak penganjur untuk memberikan bantuan makanan yang mempunyai logo halal sahaja. Selain itu, mereka juga boleh menyediakan senarai pengusaha makanan yang diiktiraf dan mempunyai sijil halal untuk dijadikan panduan kepada pihak penganjur. Perkara ini bertujuan untuk memastikan semua NGO dan sukarelawan memberikan perhatian yang serius terhadap pengambilan makanan halal oleh gelandangan.

#### **5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa cadangan yang boleh dikemukakan untuk kajian lanjutan bagi penyelidikan berkenaan dengan gelandangan. Antaranya adalah :-

##### **1. Skala religiositi yang khusus untuk gelandangan**

Kebanyakan kajian lepas hanya melibatkan skala-skala yang mengukur tahap kesihatan mental gelandangan. Justeru, pengkaji berpendapat adalah wajar untuk dibangunkan sebuah skala yang khusus bagi mengukur tahap religiositi gelandangan. Pengkaji juga mencadangkan agar skala yang bakal dibangunkan adalah bersifat multi-dimensi. Ia sebagai meneruskan kesinambungan yang telah dilakukan oleh pengkaji yang melihat religiositi hanya dari sudut unidimensi menerusi kajian ini.

##### **2. Kajian dalam bentuk kuantitatif**

Hasil penelitian daripada kajian-kajian lepas menunjukkan masih terdapat kekurangan kajian yang berbentuk ukuran dan soal selidik ke atas gelandangan. Kebanyakan kajian dilakukan secara kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual. Perkara ini disebabkan oleh kesukaran mendapatkan data dan respon

daripada golongan ini jika dilakukan secara soal selidik. Tambahan pula, soal selidik adalah sesuai untuk dilakukan kepada golongan yang memiliki aras berfikir yang tinggi. Penilaian secara kuantitatif berpotensi untuk mendapatkan hasil yang lebih tepat. Justeru, pengkaji mencadangkan agar soal selidik dilakukan sambil ditanda oleh penyelidik kajian.

### 3. Kajian ilmiah berkenaan gelandangan Muslim di Kuala Lumpur

Berdasarkan penelitian pengkaji, masih sedikit literatur yang membincangkan gelandangan dari perspektif Islam khususnya Syariah. Perkara ini serba sedikit menjelaskan usaha penyelidikan dengan memfokuskan kelompok marginal ini. Peningkatan kajian-kajian ilmiah ke atas golongan ini juga membantu dalam mengenal pasti permasalahan gelandangan dari perspektif Islam. Misalnya, pengkaji sendiri mendapati bahawa gelandangan merupakan mereka yang mempunyai kefahaman asas terhadap syariat Islam seperti solat, puasa dan sebagainya. Namun mempunyai masalah untuk melaksanakannya dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kajian yang lebih teliti perlu dilakukan bagi mengenal pasti faktor utama yang menyebabkan wujudnya situasi demikian. Setelah mengetahui faktor tersebut, maka usaha lain mampu dilakukan bagi mencapai matlamat utama iaitu mengatasi masalah gelandangan dalam negara ini.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

- Aḥmad bin Zakariyā, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Jilid ke-2. t.tp. : Dār al-Fikr, 1979.
- Anna Leon-Guerrero, *Social problems: Community, policy, and social action*. California : Sage Publications, 2018.
- B. Rustanto. *Menangani Kemiskinan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2015.
- Charles Daniel Batson, Patricia Schoenrade, and W. Larry Ventis. *Religion and the individual: A social-psychological perspective*. Oxford University Press, 1993.
- Damsar & Indrayani. *Pengantar Sosiologi Perkotaan*. Jakarta: Kencana, 2017.
- David Levinson and Marcy Ross, *Homelessness Handbook*. Massachusetts : Berkshire Publishing Group, 2007.
- Al-Fayruzābādi, Muḥammad bin Ya'qūb, *Al-Qāmūs al-Muhiṭ*. Ed. Ke-8. Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2005.
- Al-Fayyūmī, Aḥmad bin 'Alī, *Al-Miṣbāḥ Al-Munīr*. Jilid pertama. Ed. ke-2. Kaherah : Dār al-Ma'ārif, t.t
- Frank A. Pearson, *Food*. New York : A.A. Knopf, 1944.
- George Ritzer, *Introduction to sociology*. California : SAGE publications, 2017.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Al-Muṣṭaṣfā Min 'Ilm al-Uṣūl*. Jilid pertama. Beirūt : Dār al-Arqām, t.t.
- \_\_\_\_\_. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirūt : Dār Ibn Ḥazm, 2005.
- Gordon Newby, *A Concise Encyclopedia of Islam*. Oxford : Oneworld Publications, 2004.
- Hazel K. Sterling, "Food in Our Lives" dalam Yearbook of Agriculture "Food". United States:United States Department of Agriculture, 1959.
- Ian Richard Netton, *Encyclopedia of Islamic civilization and religion*. New York: Routledge, 2013.
- Ilma Savira Putri, Sri Daryanti, and Alia Rachma Ningtias. "The Influence of Knowledge and Religiosity with Mediation of Attitude Toward the Intention of Repurchasing Halal Cosmetics." In *12th International Conference on Business and Management Research (ICBMR 2018)*. Atlantis Press, 2019.
- Ismā'īl Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-'Azīz*. Jilid pertama. Beirūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.
- James H. Stronge and Evelyn Reed-Victor. *Educating Homeless Students: Promising Practices*. Eye on Education, 6 Depot Way, Suite 106, Larchmont, NY 10538, 2000.

John Iceland and Daniel H. Weinberg. *Racial and ethnic residential segregation in the United States 1980-2000*. Bureau of Census, 2002.

Juan E. Campo, *Encyclopedia of Islam*. New York : Facts on File, Inc, 2009.

Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad, *Mu’jam al-Ta’rīfāt*. Kaherah : Dār al-Fādilah, t.t.

Ken Browne, *An introduction to sociology*. United Kingdom : Polity, 2005.

Al-Maḥallī, Jalal al-Dīn Muḥammad, *Kanz al-Rāghibīn syarḥ Minhāj al-Tālibīn*. Jilid ke-2. Beirūt : Dār al-Minhāj, 2013.

Meghan Henry, Anna Mahathey, Tyler Morrill, Anna Robinson, Azim Shivji, and Rian Watt, Abt Associates. *The 2018 Annual Homeless Assessment Report (AHAR) to Congress* U.S Department of Housing and Urban Development, 2018.

Mian N. Riaz and Muhammad M. Chaudry. *Halal food production*. New York : CRC press, 2003.

Michael Quin Patton, *Qualitative Research & Evaluation Methods*, United States of America : Sage Publication, 2015.

Mircea Eliade, *The Encyclopedia of Religion*, vol. 12. New York : MacMillan Publishing Company, 1987.

Al-Miṣrī, Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*. Jilid ke-2 dan ke-4. Kaherah : Dār al-Ma’ārif, t.t.

Muhammad Abū Zuhrah, *Uṣūl al-Fiqh*. t.tp : Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.

N. M. Taai, *Religious Behavior Scale*. Kuwait: Arrobyaan Publishing. 1985.

National Academies of Sciences, Engineering, and Medicine. "Addressing Homelessness in the United States." In *Permanent Supportive Housing: Evaluating the Evidence for Improving Health Outcomes Among People Experiencing Chronic Homelessness*. National Academies Press (US), 2018.

Al-Nawawī, Abī Zakariyyā bin Syarf, *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab*. Jilid pertama. ‘Ammān : Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2005.

\_\_\_\_\_. *Minhāj al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftin*. Beirūt : Dār al-Minhāj, 2005.

Norzuraida Hasan, "Potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia sebagai satu bentuk jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin." Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2012.

Al-Qardāwī, Yūsuf, *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*. Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1978.

Al-Ramlī, Muḥammad bin Syihāb al-Dīn, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Muhtāj*. Jilid pertama. Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.

Ronald K. Bullis. *Spirituality in social work practice*. Washington : Taylor & Francis, 2013.

Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah : Dar al-Hadith, 2004.

Sulaiman Masri, *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: eseai, proposal, tesis*. Utusan Publications, 2005.

Al-Syarbīnī, Muḥammad bin al-Khāṭib, *Al-Iqna' fī Hil Alfaż Abī Syujā'*. Jilid pertama. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.

\_\_\_\_\_. *Mughnī al-Muhtāj*. Jilid pertama. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.

Syazwani Drani, *Dinamik Kehidupan Golongan Gelandangan Di Pulau Pinang*. Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2016.

Al-Syīrāzī, Abī Isḥaq, *al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut : Dār al-Katani, 2013.

## ARTIKEL

- A. Asma, A. G. Nawalyah, M. Y. Rokiah, and M. T. Mohd Nasir. "Comparison of Food Choice Motives between Malay Husbands and Wives in an Urban Community." *Malaysian journal of nutrition* 16, no. 1 (2010).
- Abdul Raufu Ambali and Ahmad Naqiyuddin Bakar. "Halal food and products in Malaysia: people's awareness and policy implications." *Intellectual Discourse* 21, no. 1 (2013) : 7-32.
- Abdul Razak Kamaruddin and Kamarulzaman Kamaruddin. "Malay culture and consumer decision-making styles: an investigation on religious and ethnic dimensions." *Jurnal Kemanusiaan* 7, no. 2 (2017) : 37-39.
- Abdulrahman O. Musaiger, "Socio-cultural and economic factors affecting food consumption patterns in the Arab countries." *Journal of the Royal Society of Health* 113, no. 2 (1993) : 68-74.
- Abu Bakar Abdul Hamid, Mohamed Syazwan Ab Talib, and Nazliwati Mohamad. "Halal logistics: A marketing mix perspective." *Intellectual Discourse* 22, no. 2 (2014).
- Adam M. Lippert and Barrett A. Lee. "Stress, coping, and mental health differences among homeless people." *Sociological Inquiry* 85, no. 3 (2015) : 343-374.
- Afshan Azam, "An empirical study on non-Muslim's packaged halal food manufacturers: Saudi Arabian consumers' purchase intention", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 7 Issue: 4, (2016) : 441-460.
- Ahad M. Osman-Gani, Junaidah Hashim, and Yusof Ismail. "Establishing linkages between religiosity and spirituality on employee performance." *Employee relations* 35, no. 4 (2013): 360-376.
- Ahmad Hidayat Buang and Zulzaidi Mahmod. "Isu Dan Cabaran Badan Pensijilan Halal Di Malaysia." *Jurnal Syariah* 20, no. 3 (2012) : 271-288.
- Aiedah Abdul Khalek, Sharifah Hayaati Syed Ismail, and Hairunnisa Mohamad Ibrahim. "A Study On The Factors Influencing Young Muslims'behavioral Intention In Consuming Halal Food In Malaysia." *Jurnal Syariah* 23, no. 1 (2017) : 79-102.

Ailsa Cameron, Hilary Abrahams, Karen Morgan, Emma Williamson, and Lorna Henry. "From pillar to post: homeless women's experiences of social care." *Health & social care in the community* 24, no. 3 (2016) : 345-352.

Amalina Ashraf, Fadilah Abd Rahman, and Noriham Abdullah. "Poultry Feed in Malaysia: An Insight into the Halalan Toyibban Issues." In *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)*, pp. 511-531. Springer, Singapore, (2018).

Amir Heiman, David Just, Bruce McWilliams, and David Zilberman. "Religion, religiosity, lifestyles and food consumption." *Agriculture Resource Economics* 8, no. 2 (2004) : 9-11.

Ana M. Novoa, Julia Ward, Davide Malmusi, Fernando Díaz, Mercè Darnell, Carme Trilla, Jordi Bosch, and Carme Borrell. "How substandard dwellings and housing affordability problems are associated with poor health in a vulnerable population during the economic recession of the late 2000s." *International journal for equity in health* 14, no. 1 (2015) : 120.

Andrew Davies and Lisa J. Wood. "Homeless health care: meeting the challenges of providing primary care." *Medical Journal of Australia* 209, no. 5 (2018) : 230-234.

Anja Terkamo-Moisio, Tarja Kvist, Mari Kangasniemi, Teuvo Laitila, Olli-Pekka Ryynänen, and Anna-Maija Pietilä. "Nurses' attitudes towards euthanasia in conflict with professional ethical guidelines." *Nursing ethics* 24, no. 1 (2017) : 70-86.

Ann M. Aviles, "On the Conditions of Fragility: Homeless Education Policy, Accountability, and Researcher Reflections." *Education and Urban Society* 51, no. 3 (2019) : 311-331.

Anne Bergan and Jasmin Tahmeseb McConatha. "Religiosity and life satisfaction." *Activities, Adaptation & Aging* 24, no. 3 (2001) : 23-34.

Anne B., Shlay, and Peter H. Rossi. "Social science research and contemporary studies of homelessness." *Annual Review of Sociology* (1992) : 141.

Anuar Ahmad and Norhaidawati Mohd Noor. "Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan Di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur."

Arshia Mukhtar and Muhammad Mohsin Butt, "Intention to choose Halal products: the role of religiosity", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 3 Issue: 2, (2012) : 108-120

Azizur Rahman and Md Abdul Hakim. "Malnutrition prevalence and health practices of homeless children: a cross-sectional study in Bangladesh." *Science Journal of Public Health* 4, no. 1-1 (2016): 10-15.

Azmawani Abd Rahman, Ebrahim Asrarhaghghi, and Suhaimi Ab Rahman. "Consumers and Halal cosmetic products: knowledge, religiosity, attitude and intention." *Journal of Islamic Marketing* 6, no. 1 (2015) : 148-163.

Barbara B. Holdcroft, "What is religiosity." *Catholic Education: A Journal of inquiry and practice* 10, no. 1 (2006).

Bill Edgar, Hendrik Meert, and Joe Doherty. "Third review of Statistics on Homelessness in Europe; developing an operational definition of homelessness." (2005).

Burcu Ilter, Gul Bayraktaroglu, Ilayda Ipek, "Impact of Islamic religiosity on materialistic values in Turkey", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 8 Issue: 4 (2017): 533-557.

Carol LM Caton, Boanerges Dominguez, Bella Schanzer, Deborah S. Hasin, Patrick E. Shrout, Alan Felix, Hunter McQuistion, Lewis A. Opler, and Eustace Hsu. "Risk factors for long-term homelessness: Findings from a longitudinal study of first-time homeless single adults." *American journal of public health* 95, no. 10 (2005) : 1754

Catherine Bachleda, Nicolas Hamelin, Oumaima Benachour, "Does religiosity impact Moroccan Muslim women's clothing choice?", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 5 Issue: 2, (2014) : 210-226.

Charles H. Hackney and Glenn S. Sanders. "Religiosity and mental health: A meta-analysis of recent studies." *Journal for the scientific study of religion* 42, no. 1 (2003) : 45.

Cheryl Zlotnick, Marjorie J. Robertson, and Maureen Lahiff. "Getting off the streets: Economic resources and residential exits from homelessness." *Journal of Community Psychology* 27, no. 2 (1999) : 211.

Christian Zwingmann, Klein, Constantin; Büsing, Arndt. "Measuring Religiosity/Spirituality: Theoretical Differentiations and Categorization of Instruments." *Religions* 2 (2011), no. 3: 345-357.

Clare Pettinger, Michelle Holdsworth, and Mariette Gerber. "Psycho-social influences on food choice in Southern France and Central England." *Appetite* 42, no. 3 (2004) : 307-316.

Claude Fischler. "Food habits, social change and the nature/culture dilemma." *Information (International Social Science Council)* 19, no. 6 (1980) : 937-953.

Danarsiwi Tri Lastiwi and Nurfarawahidah Badruesham. "Library for the homeless: A case study of a Shelter House and a School for Homeless in Indonesia and Malaysia." (2017).

Daniel E.Montano and Danuta Kasprzyk. "Theory of reasoned action, theory of planned behavior, and the integrated behavioral model." *Health behavior: Theory, research and practice* ( (2015) : 68.

Daniel Poremski, Jino Distasio, Stephen W. Hwang, and Eric Latimer. "Employment and income of people who experience mental illness and homelessness in a large Canadian sample." *The Canadian Journal of Psychiatry* 60, no. 9 (2015): 379-385.

- Dariusz Krok, "Religiousness and social support as predictive factors for mental health outcomes." *Archives of Psychiatry and Psychotherapy* 4, no. 16 (2014) : 65-76.
- Dany R. Khalaf, Sani AA Hlais, et. al, "Developing and testing an original Arabic religiosity scale." *Middle East Current Psychiatry* 21, no. 2 (2014) : 127-138.
- David R. Williams and Michelle J. Sternthal. "Spirituality, religion and health: evidence and research directions." (2007).
- David Voas, "Religious involvement over the life course: problems of measurement and classification." *Longitudinal and Life Course Studies* 6, no. 2 (2015): 212-227.
- David Voas, "The rise and fall of fuzzy fidelity in Europe." *European Sociological Review* 25, no. 2 (2008) : 155-168.
- Deborah Quiggars and Nicholas Pleace. "Homelessness Research in Europe." (2010).
- Devon C. Payne-Sturges, Allison Tjaden, Kimberly M. Caldeira, Kathryn B. Vincent, and Amelia M. Arria. "Student hunger on campus: food insecurity among college students and implications for academic institutions." *American Journal of Health Promotion* 32, no. 2 (2018) : 349-354.
- Diana Bowman and Katina Barksdale. "Increasing School Stability for Students Experiencing Homelessness: Overcoming Challenges to Providing Transportation to the School of Origin." *National Center for Homeless Education* (2004).
- Dianne Neumark-Sztainer, Mary Story, Cheryl Perry, and Mary Anne Casey. "Factors influencing food choices of adolescents: findings from focus-group discussions with adolescents." *Journal of the American dietetic association* 99, no. 8 (1999) : 929-937.
- Dick Urban Vestbro ."Impacts of Urbanisation in Low-Income Countries." In *The Second International Conference on Advancec in Engingeering and Technology* (2011).
- Dwayne Ball, Ronald Hampton, Athinodoros Chronis, and Matt Bunker. "The development of spirituality and its effect on consumer behavior." In *American Marketing Association. Conference Proceedings*, vol. 12, p. 3. American Marketing Association, (2001).
- Dzul Ashrai Abu Bakar and Hamzah Jusoh. "Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan (Community Wellbeing in the Sustainable Affordable Housing Scope)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 13, no. 2 (2017): 99.
- Eric A. Storch, Jonathan W. Roberti, Amanda D. Heidgerken, Jason B. Storch, Adam B. Lewin, Erin M. Killiany, Audrey L. Baumeister, Erica A. Bravata, and Gary R. Geffken. "The duke religion index: A psychometric investigation." *Pastoral Psychology* 53, no. 2 (2004) : 175-181.
- Esther L. Brown, "Factors influencing food choices and intake." *Geriatrics (Bas el, Switzerland)* 31, no. 9 (1976) : 89-92.

- Everett L. Worthington Jr, Nathaniel G. Wade, et.al, "The Religious Commitment Inventory--10: Development, refinement, and validation of a brief scale for research and counseling." *Journal of Counseling Psychology* 50, no. 1 (2003) : 84-96.
- Everett L. Worthington Jr, Joshua N. Hook, Don E. Davis, and Michael A. McDaniel. "Religion and spirituality." *Journal of Clinical Psychology* 67, no. 2 (2011) : 204-214.
- Fadhlur Rahim Azmi, Haslinda Musa, Haeryip Sihombing, and Fam Soo Fen. "Adoption factors of halal standards: The Malaysian perspectives." In *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)*, pp. 315-329. Springer, Singapore, (2018).
- Faryal Salman and Kamran Siddiqui. "An exploratory study for measuring consumers awareness and perceptions towards halal food in Pakistan." (2011).
- Fatmasari Sukesti and Mamdukh Budiman. "The Influence Halal Label and Personal Religiousity On Purchase Decision On Food Products In Indonesia." *International Journal of Business, Economics and Law* 4, no. 1 (2014) : 150-153.
- Gabriele Gäbler, Deborah Lycett, and René Hefti. "Association between Health Behaviours and Religion in Austrian High School Pupils—A Cross-Sectional Survey." *Religions* 8, no. 10 (2017) : 210.
- Gary R. Weaver and Bradley R. Agle. "Religiosity and ethical behavior in organizations: A symbolic interactionist perspective." *Academy of management review* 27, no. 1 (2002) : 77-97.
- Gerald F. Masoudi, "Kosher food regulation and the religion clauses of the first amendment." *The University of Chicago Law Review* 60, no. 2 (1993) : 667-696.
- Giancarlo Lucchetti, Alessandra Lamas Granero Lucchetti, Mario F. Peres, Frederico C. Leão, Alexander Moreira-Almeida, and Harold G. Koenig. "Validation of the duke religion index: DUREL (Portuguese version)." *Journal of religion and health* 51, no. 2 (2012) : 579-586.
- Gordon W. Allport and J. Michael Ross. "Personal religious orientation and prejudice." *Journal of personality and social psychology* 5, no. 4 (1967): 432.
- Habib Tiliouine and Abbes Belgoumidi."An exploratory study of religiosity, meaning in life and subjective wellbeing in Muslim students from Algeria." *Applied Research in Quality of Life* 4, no. 1 (2009) : 109-127.
- Hamza Khraim, "Measuring Religiosity in Consumer Research From an Islamic Perspective", *Journal of Economic and Administrative Sciences*, Vol. 26 Issue: 1 (2010) : 65-66.
- Hamzah Jusoh, Habibah Ahmad, and Noor Alyani Nor Azazi. "Ideopolis di wilayah Bandaraya Kuala Lumpur: Ke arah memperkasakan daya saing hub pendidikan di peringkat global (Ideopolis in the City-region of Kuala Lumpur: Empowering an educational hub for global competitiveness)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 7, no. 1 (2017): 31-32.

Harold G. Koenig and Arndt Büsing. "The Duke University Religion Index (DUREL): a five-item measure for use in epidemiological studies." *Religions* 1, no. 1 (2010) : 78-85.

Haslenna Hamdan, Zuraini Mat Issa, Normala Abu & Kamaruzaman Jusoff "Purchasing Decisions among Muslim Consumers of Processed Halal Food Products", *Journal of Food Products Marketing*, 19:1, (2013) : 54-61.

Hayat M. Awan, Ahmad Nabeel Siddiquei, Zeeshan Haider, "Factors affecting Halal purchase intention – evidence from Pakistan's Halal food sector", *Management Research Review*, Vol. 38 Issue: 6 (2015) : 655.

Heather M. Gray, Paige M. Shaffer, Sarah E. Nelson, and Howard J. Shaffer. "Changing social networks among homeless individuals: a prospective evaluation of a job- and life-skills training program." *Community mental health journal* 52, no. 7 (2016): 799-808.

Hisham Abu Raiya, Kenneth I. Pargament, et.al. "A psychological measure of Islamic religiousness: Development and evidence for reliability and validity." *The International Journal for the Psychology of Religion* 18, no. 4 (2008) : 291-315.

Ibrahim, Mohd Azizi, Wan Nazjmi Mohamed Fisol, and Yusuf Haji-Othman. "Customer Intention on Islamic Home Financing Products: An Application of Theory of Planned Behavior (TPB)." *Mediterranean Journal of Social Sciences* 8, no. 2 (2017) : 81.

Irwan Shahrinaz, Jati Kasuma, and Bibi Sarpinah Sheikh Naimullah. "Do Attitude, Trust and Knowledge have relationship towards Purchase intention of Manufactured Halal Food Product?." In *Proceeding of International Islamic Borneo Conference VIII, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam*. (2015).

Ismail Abd Latif,, Zainalabidin Mohamed, Juwaidah Sharifuddin, Amin Mahir Abdullah, and Mohd Mansor Ismail. "A comparative analysis of global halal certification requirements." *Journal of Food Products Marketing* 20, no. sup1 (2014) : 85-101.

J. M. Regenstein, M. M.,Chaudry, and C. E. Regenstein. "The kosher and halal food laws." *Comprehensive reviews in food science and food safety* 2, no. 3 (2003): 111-127.

Jack Tsai and Robert A. Rosenheck. "Psychosis, lack of job skills, and criminal history: Associations with employment in two samples of homeless men." *Psychiatric Services* 67, no. 6 (2016) : 671-675.

Jack Tsai, Wesley J. Kasprow, and Robert A. Rosenheck. "Alcohol and drug use disorders among homeless veterans: prevalence and association with supported housing outcomes." *Addictive behaviors* 39, no. 2 (2014) : 455-460.

Jacqueline S. Mattis and Robert J. Jagers."A relational framework for the study of religiosity and spirituality in the lives of African Americans." *Journal of Community Psychology* 29, no. 5 (2001) : 519-539.

James E. King and Martha R. Crowther. "The measurement of religiosity and spirituality: Examples and issues from psychology." *Journal of Organizational Change Management* 17, no. 1 (2004): 83-101.

James Sood and Yukio Nasu. "Religiosity and nationality: An exploratory study of their effect on consumer behavior in Japan and the United States." *Journal of Business Research* 34, no. 1 (1995) : 1-9.

Jamiah Hj Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, Hasnan Kasan, Steven Eric Krauss, Khairul Anwar Mastor, Turiman Suandi, and Fazilah Idris. "Prinsip Pengukuran Religiositi Dan Personaliti Muslim." *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia* 1, no. 1 (2013) : 36-43.

Jamie L. Lopez,, Shelley A. Riggs, Sara E. Pollard, and Joshua N. Hook. "Religious commitment, adult attachment, and marital adjustment in newly married couples." *Journal of Family Psychology* 25, no. 2 (2011): 301-309.

Janice Ke and Elizabeth Lee Ford-Jones. "Food insecurity and hunger: A review of the effects on children's health and behaviour." *Paediatrics & child health* 20, no. 2 (2015): 89-91.

Jelena Obradović, Jeffrey D. Long, J. J. Cutuli, Chi-Keung Chan, Elizabeth Hinz, David Heistad, and Ann S. Masten. "Academic achievement of homeless and highly mobile children in an urban school district: Longitudinal evidence on risk, growth, and resilience." *Development and psychopathology* 21, no. 2 (2009) : 493-518.

Jennifer R.Wolch,Michael Dear and Andrea Akita, "Explaining Homelessness", *American Phsyical Association* (1988) : 444-445.

Jesse Owen, Terrence A. Jordan, Darren Turner, Don E. Davis, Joshua N. Hook, and Mark M. Leach. "Therapists' multicultural orientation: Client perceptions of cultural humility, spiritual/religious commitment, and therapy outcomes." *Journal of Psychology and Theology* 42, no. 1 (2014) : 91-98.

Jessica Leibler, Daniel Nguyen, Casey León, Jessie Gaeta, and Debora Perez. "Personal Hygiene Practices among Urban Homeless Persons in Boston, MA." *International journal of environmental research and public health* 14, no. 8 (2017) : 928.

Ji Chang-Ho C. and Yodi Ibrahim. "Islamic doctrinal orthodoxy and religious orientations: Scale development and validation." *The international journal for the psychology of religion* 17, no. 3 (2007) : 189-208.

Joan Sabate, "Religion, diet and research." *British Journal of Nutrition* 92, no. 2 (2004) : 199-201.

John F. Helliwell and Robert D. Putnam. "The social context of well-being, Chapter 17." (2005).

José Juan Vázquez, Sonia Panadero, and Claudia Zúñiga. "Attributions about homelessness in homeless and domiciled people in Madrid, Spain: "Why are they homeless people?"." *American Journal of Orthopsychiatry* 88, no. 2 (2018) : 236.

Joshua A. Hicks and Laura A. King. "Religious commitment and positive mood as information about meaning in life." *Journal of Research in Personality* 42, no. 1 (2008): 43-57.

Joseph R. Ferrari, Thomas Drexler and Jordan Skarr, "Finding Spiritual Home:A Pilot Study on the Effects of Spirituality Retreat and Loneliness among Urban Homeless Adults", *Psychology* (2015) : 211.

Judith Martin-Fernandez, Sandrine Lioret, Cécile Vuillermoz, Pierre Chauvin, and Stéphanie Vandentorren. "Food Insecurity in Homeless Families in the Paris Region (France): Results from the ENFAMS Survey." *International journal of environmental research and public health* 15, no. 3 (2018): 420.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Muhammad Hazim Abdul Ghani, and Zainun Abidin Baharum. "Kuala Lumpur dan cabaran baru pembangunan berterusan (Kuala Lumpur and the new challenges of continuous development)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10, no. 6 (2017) : 75-81.

Karijn Bonne, Iris Vermeir, Florence Bergeaud-Blackler, Wim Verbeke "Determinants of halal meat consumption in France", *British Food Journal*, Vol. 109 Issue: 5, (2007) : 367-386.

Karijn Bonne, Iris Vermeir, and Wim Verbeke. "Impact of religion on halal meat consumption decision making in Belgium." *Journal of International Food & Agribusiness Marketing* 21, no. 1 (2008) : 5-26.

Kay Price,"A Guide to Qualitative Field Research." *Qualitative Research Journal* 6, no. 2 (2007): 209-211.

Kerri J. Tobin, "Homeless students and academic achievement: Evidence from a large urban area." *Urban Education* 51, no. 2 (2016) : 197-220.

Kesia Reeve, "Women and homelessness: putting gender back on the agenda." *People, Place and Policy Online* 11, no. 3 (2018) : 165-174.

Kevin Corinth. "The impact of permanent supportive housing on homeless populations." *Journal of Housing Economics* 35 (2017): 69-84.

L. Gaiswinkler and H. F. Unterrainer. "The relationship between yoga involvement, mindfulness and psychological well-being." *Complementary therapies in medicine* 26 (2016) : 123-127.

Leslie J. Francis, John M. Lewis et. al. "The internal consistency reliability and construct validity of the Francis Scale of Attitude toward Christianity (adult) among undergraduate students in the UK, USA, Australia and Canada." *Personality and Individual Differences* 19, no. 6 (1995) : 949-953.

Lionel J.Nicholas and Kevin Durrheim."Validity of the Rohrbaugh and Jessor religiosity scale." *Perceptual and motor skills* 83, no. 1 (1996) : 89-90.

Linda Taylor and Howard S. Adelman. "Connecting schools, families, and communities." *Professional School Counseling* 3, no. 5 (2000) : 298.

Lisa Goodman, Leonard Saxe and Mary Harvey, "Homeless as Psychological Trauma:Broadening Perspectives", *American Psychologist* (1991) : 1220.

Lorraine R. Reitzel, Nicole A. Short, Norman B. Schmidt, Lorra Garey, Michael J. Zvolensky, Alexis Moisiuc, Carrie Reddick, Darla E. Kendzor, and Michael S. Businelle. "Distress tolerance links sleep problems with stress and health in homeless." *American journal of health behavior* 41, no. 6 (2017) : 760-774.

M. Vincentia Joseph. "Religion and social work practice." *Social Casework* 69, no. 7 (1988): 443-452.

Mahesh Patel, "Influence of religion on shopping behaviour of consumers-an exploratory study." *Abhinav National Monthly Refereed Journal of Research in Commerce &Management* 1, no. 5 (2012) : 68-78.

Mahiah Said, Faridah Hassan, Rosidah Musa, and N. A. Rahman. "Assessing Consumers' Perception, Knowledge and Religiosity on Malaysia's Halal Food Products." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 130 (2014) : 120-128.

Mahmood A. Khan and L. R. Hackler. "Evaluation of food selection patterns and preferences." *Critical Reviews In Food Science & Nutrition* 15, no. 2 (1981) : 129-153.

Margot B. Kushel, Eric Vittinghoff, and Jennifer S. Haas. "Factors associated with the health care utilization of homeless persons." *Jama* 285, no. 2 (2001) : 200-206.

Marjaana Lindeman and M. Väänänen. "Measurement of ethical food choice motives." *Appetite* 34, no. 1 (2000) : 55-59.

Marjorie Pang Si En. "Falling Through the Cracks: Homeless Students in Rhode Island." (2019).

Martin Šimon, Petr Vašát, Markéta Poláková, Petr Gibas, and Hana Daňková. "Activity spaces of homeless men and women measured by GPS tracking data: A comparative analysis of Prague and Pilsen." *Cities* 86 (2019) : 145-153.

Mary B. Short, Thomas E. Kasper, and Chad T. Wetterneck. "The relationship between religiosity and internet pornography use." *Journal of Religion and Health* 54, no. 2 (2015) : 571-583.

Matthew J. To, Thomas D. Brothers, and Colin Van Zoost. "Foot conditions among homeless persons: a systematic review." *PloS one* 11, no. 12 (2016).

Mehkar Sherwani, Afzaal Ali, Adnan Ali, Sikandar Hussain, and Habib Gul Zadran. "Determinants of muslim consumers' Halal meat consumption: applying and extending the theory of planned behavior." *Journal of Food Products Marketing*(2018) : 1-22.

Milad Parpouchi, Akm Moniruzzaman, Angela Russolillo, and Julian M. Somers. "Food insecurity among homeless adults with mental illness." *PLoS One* 11, no. 7 (2016)

Miodrag Radunović, Nemanja Radojević, Velimir Rakočević, Jelena Vučinić, and Ivana Čurović. "Clinical and autopsy findings of the homeless." (2017) : 6.

Mohamed Syazwan Ab Talib, Abu Bakar Abdul Hamid, and Thoo Ai Chin. "Can halal certification influence logistics performance?." *Journal of Islamic Marketing* 7, no. 4 (2016): 461-475.

Mohammad Aizat Bin Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, and Suhaimi Ab Rahman. "Pengambilkiraan al-'Uruf dalam Penetapan Hukum Islam Terhadap Makanan Halal." *International Journal of Social Policy and Society* 10, no. 1 (2014) : 1-17.

Mohammad Taghi Malboobi and Mohammad Ali Malboobi. "Halal concept and products derived from modern biotechnology." In *International workshop for Islamic scholars on agribiotechnology: Shariah compliance* (2012) : 22.

Mohani Abdul, Hashanah Ismail, Haslina Hashim, and Juliana Johari. "SMEs and halal certification." *China-USA Business Review* 8, no. 4 (2009) : 22-29.

Mohani Abdul, Hashanah Ismail, Haslina Hashim, and Juliana Johari. "Consumer decision making process in shopping for halal food in Malaysia." *China-USA Business Review* 8, no. 9 (2009) : 40-47.

Mohd Azizi Ibrahim, Wan Nazjmi Mohamed Fisol, and Yusuf Haji-Othman. "Customer Intention on Islamic Home Financing Products: An Application of Theory of Planned Behavior (TPB)." *Mediterranean Journal of Social Sciences* 8, no. 2 (2017) : 81.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Saedah Siraj, Nor Fariza Mohd Idris, Muhamad Asyraf Mansor, and Nor Asiah Muhamad. "Potensi Pembangunan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat Bagi Kanak-Kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri: Tinjauan Awal." *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 6, no. 3 (2018) : 15-21.

Mohd Suhaimi Mohamad, et al. "Hubungan di antara Kesihatan Mental dengan Minat Kerjaya dalam kalangan Gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia." *Akademika* 86, no. 1 (2016) : 16.

Mona Doshani, Mark Weng, Kelly L. Moore, José R. Romero, and Noele P. Nelson. "Recommendations of the Advisory Committee on Immunization Practices for use of hepatitis A vaccine for persons experiencing homelessness." *Morbidity and Mortality Weekly Report* 68, no. 6 (2019) : 153.

Muhamad Afiq Bin Abd Razak, Mohd Anuar Bin Ramli, Muhammad Ikhlas Rosele, and Mohd Farhan Md Ariffin. "Consideration of 'Umūm Al-Balwā Method in Food Contamination from Halalan Toyyiban Perspectivē." In *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)*, pp. 479-489. Springer, Singapore, (2018).

Muhammad Ammar Harith Idris and Mohd Anuar Ramli. "Aplikasi Kaerah Fiqh "al-Darurah Tuqaddaru Bi Qadariha" Terhadap Pengambilan Bantuan Makanan oleh Gelandangan." *Journal of Fatwa Management and Research* (2018): 100-112.

Muhammad Ammar Harith Idris and Mohd Anuar Ramli. "Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran asnaf Ibnu al-Sabil dan al-Riqab." (2017): 121-132.

Muhammad Syafiq Muhamad Sham and Doris Padmini Selvaratnam. "Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur." *Sains Humanika* 10, no. 2 (2018).

Muhammad Talha Salam, Nazlida Muhamad, and Vai Shiem Leong. "Measuring religiosity among Muslim consumers: observations and recommendations." *Journal of Islamic Marketing* (2018).

Muhammad Wafi Ramli and Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. "Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang." *Geografi* 5, no. 2 (2017) : 78-94.

N. Jamil & Mat, S.H.C. "Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48, no. 1, 168 (2014).

Nancy Lutwak and Curt Dill. "Homeless and Older Veterans May Be at Risk for Malnutrition and Food Insecurity." *Population Health Management* (2017) : 419.

Nancy R. Williams and Elizabeth Lindsey. "Spirituality and religion in the lives of runaway and homeless youth: Coping with adversity." *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thought* 24, no. 4 (2006): 19-38.

Nazri Muslim and Ahmad Hidayat Buang. "Islam dalam perlumbaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia." *Jurnal Kemanusiaan* 10, no. 2 (2017) : 122.

Nejdet Delener, "The effects of religious factors on perceived risk in durable goods purchase decisions." *Journal of Consumer Marketing* 7, no. 3 (1990) : 27-38.

Nicolas Herault and David C. Ribar. "Food insecurity and homelessness in the Journeys Home survey." *Journal of Housing Economics* 37 (2017) : 62.

Nicholas Pleace and Joanne Bretherton. "Measuring homelessness and housing exclusion in Northern Ireland: A test of the ETHOS typology." *Belfast, UK: Northern Ireland Housing Executive* (2013).

Nicholas Pleace, Isabel Baptista, Lars Benjaminsen, and Volker Busch-Geertsema. "Homelessness Services in Europe: EOH Comparative Studies on Homelessness." (2018).

Nishikant Singh, Priyanka Koiri, and Sudheer Kumar Shukla. "Signposting invisibles: A study of the homeless population in India." *Chinese Sociological Dialogue* 3, no. 3 (2018) : 179-196.

Nor Amalina Mohd Adib, Zaliha Hj Hussin, and Yarina Ahmad. "Homeless Women In Malaysia: Their Choice Or Victims Of Situations." *Journal of Education and Social Sciences* 5, no. 3.

- Nor Anita Abdullah, Aspalella A. Rahman, And Che Thalbi Md Ismail. "Manipulation Of Halal Logo: A Legal Study On Known Unreported Cases In Malaysia." *International Journal* 3, No. 13 (2018) : 165-172.
- Nor Ardyanti Ahmad, T. N. Abaidah, and M. H. A. Yahya. "A study on halal food awareness among Muslim customers in Klang Valley." In *The 4th International Conference on Business and Economic Research (4th icber 2013)*: 1074.
- Nor Diana Mohd Mahudin, N. M. Noor, M. A. Dzulkifli, and N. S. Janon. "Religiosity among muslims: A scale development and validation study." *Makara Hubs-Asia* 20, no. 2 (2016) : 109-121.
- Norhasliya Mohd Daud, Norazman Mohamad Nor, Umi Nadiah Nor Ali, Mohammed Alias Yusuf, and Vikneswaran Munikanan. "Affordable Housing System: A Review on Issue of Housing Affordability." *The Social Sciences* 12, no. 7 (2017) : 1284.
- Noor Afzainiza Afendi, Farah Lina Azizan, and Aflah Isa Darami. "Determinants of halal purchase intention: case in perlis." *International Journal of Business and Social Research4*, no. 5 (2014): 118-123.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Shumaila Yousafzai, and Hanifah Abdul Hamid. "Religiosity scale development." *Journal of Islamic Marketing* 10, no. 1 (2019) : 227-248.
- Oria et al. "NGOS And The Homelessness In Kuala Lumpur: Towards Moralistic Trust." *Jati-Journal Of Southeast Asian Studies* 19, (2014) : 119.
- Peter M. Miller, "Homeless families' education networks: An examination of access and mobilization." *Educational Administration Quarterly* 47, no. 4 (2011) : 543-581.
- Poppy Arsil, Yeong Sheng Tey, Mark Brindal, Cun Uei Phua, and Denisa Liana. "Personal values underlying halal food consumption: evidence from Indonesia and Malaysia." *British Food Journal* 120, no. 11 (2018) : 2524-2538.
- R. Golnaz, M. Zainalabidin, S. Mad Nasir, and F. C. Eddie Chiew. "Non-Muslims' awareness of Halal principles and related food products in Malaysia." *International Food Research Journal* 17, no. 3 (2010) : 667-674.
- R. Zaimah, Abd Hair Awang, M. S. Sarmila, Suraiya Ishak, A. M. Azima, Suhana Saad, and Mohd Yusof Hussain. "Consumer's Perceptions and Behaviours towards Halal Food Products in Malaysia." (2018).
- Rafiza binti Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long, and Zaizul Ab Rahman. "Keperluan Gelandangan terhadap Sistem Sokongan Agama Homeless Requirements Of Religious Support System."84
- Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, AS Long, Zaizul Abdul Rahman, "Perbandingan Religiositi Menurut Perspektif Islam dan Barat" (2017) : 161-166.
- Ralph W. Hood Jr, "Religious orientation and the report of religious experience." *Journal for the scientific study of religion* (1970) : 285-291.

Ramli Awang, Roslan Abdul-Rahim, Kamaruzaman Yusoff, Badlishisham Mohd Nasir, Mohd Nasir Ripin, Zulkiflee Haron, and Mansoureh Ebrahimi. "Halal epistemology from a global perspective." *Social Sciences (Pakistan)* 9, no. 6 (2014): 375.

Rana Muhammad Ayyub "Exploring perceptions of non-Muslims towards Halal foods in UK", *British Food Journal*, Vol. 117 Issue: 9, (2015) : 2328-2343.

Randall Collins, "Conflict & Geopolitical Theory." (2019).

Reham I. Elseidi, "Determinants of halal purchasing intentions: evidences from UK", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 9 Issue: 1, (2018) : 167-190.

Reyna Rusenko, "The Anjung Singgah Strategy: Simultaneous Inclusion and Exclusion of Homelessness in Malaysia's Policy Agenda", Paper presented at the American Sociological Association Conference (August 2013): 6.

Ryan D. Murphy, Sarah E. Zemore, and Nina Mulia. "Housing instability and alcohol problems during the 2007–2009 US recession: the moderating role of perceived family support." *Journal of urban health* 91, no. 1 (2014) : 17-32.

Patricia O'Campo, Stephen W. Hwang, Agnes Gozdzik, Andrée Schuler, Vered Kaufman-Shriqui, Daniel Poremski, Luis Ivan Palma Lazgare, Jino Distasio, Slimane Belbraouet, and Sindi Addorisio. "Food security among individuals experiencing homelessness and mental illness in the At Home/Chez Soi Trial." *Public health nutrition* 20, no. 11 (2017) : 2023-2033.

S. Al-Goaib, "Religiosity and social conformity of university students: An analytical study applied at King Saoud University." *Arts Journal of King Saoud University* 16, no. 1 (2003): 51-99.

S.M. Alhabshi dan A.k.a. Manan, Homelessness In Kuala Lumpur:A Case Of Agenda Denial" *International Journal Of Social Science Tomorrow* Vol. 1 No.2, (2012).

S. N. Hamid, Yarina Ahmad, and Nor Suziwana Tahir. "Can Street Children Rely on "Friendship" to Survive on the Streets? A Comparative Study between Street Children in Kuala Lumpur City and Kota Kinabalu, Sabah." *Journal of Administrative Science Special Edition: Socio-Economic Issue* 14, no. 3 (2017) : 1-20.

Safiek Mokhlis, "Relevancy and measurement of religiosity in consumer behavior research." *International Business Research* 2, no. 3 (2009) : 75-77.

Seenam Fazel, John R. Geddes, and Margot Kushel. "The health of homeless people in high-income countries: descriptive epidemiology, health consequences, and clinical and policy recommendations." *The Lancet* 384, no. 9953 (2014) : 1529-1540.

Sefa Churchill Awaworyi, Samuelson Appau, and Lisa Farrell. "Religiosity, income and wellbeing in developing countries." *Empirical Economics* 56, no. 3 (2019) : 959-985.

Shahidan Shafie and Md Nor Othman. "Halal certification: an international marketing issues and challenges." In *Proceeding at the International IFSAM VIIIt World Congress*, (2006) : 28-30.

Sharifah Hayaati Syed Ismail, "Mengurus Antara Keluarga dan Kerjaya Organisasi: Analisis Melalui Pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasid dan al-Wasatiyyah (Managing between Family and Organisational Career: Analysis through al-Tadayyun, al-Maqasid and al-Wasatiyyah Approaches)." *Akademika* 87, no. 3 (2017) : 197-210

Sharifah Mariam Alhabshi and Alifatul Kamilah Abdul Manan, "Homelessness in Kuala Lumpur:A Case of Agenda Denial"*International Journal of Social Science Tomorrow* Vol. 1 No. 2 (2012) : 4.

Sharifah Zannierah Syed Marzuki, Collin Michael Hall, Paul William Ballantine, "Restaurant managers' perspectives on halal certification", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 3 Issue: 1, (2012) : 47-58.

Shiva Dindyal and Sanjay Dindyal. "How personal factors, including culture and ethnicity, affect the choices and selection of food we make." *Internet Journal of Third World Medicine* 1, no. 2 (2003) : 27-33.

Siobhan McAndrew and David Voas. "Measuring religiosity using surveys." *Survey Question Bank: Topic Overview* 4, no. 2 (2011) : 1-15.

Sina Hafizi, Amir Hossein Memari, Mohammad Pakrah, Farnam Mohebi, Amene Saghazadeh, and Harold G. Koenig. "The Duke University Religion Index (DUREL): validation and reliability of the Farsi version." *Psychological Reports* 112, no. 1 (2013) : 151-159.

Siti Zanariah Yusoff and Nor Azura Adzharuddin. "Factor of Awareness in Searching and Sharing of Halal Food Product among Muslim Families in Malaysia." In *SHS Web of Conferences*, vol. 33, p. 00075. EDP Sciences, (2017) : 1-7.

Sonia Panadero, Ana Isabel Guillén, and José Juan Vázquez. "Happiness on the street: Overall happiness among homeless people in Madrid (Spain)." *American Journal of Orthopsychiatry* 85, no. 4 (2015): 324.

Stefan G. Kertesz, Travis P. Baggett, James J. O'Connell, David S. Buck, and Margot B. Kushel. "Permanent supportive housing for homeless people—reframing the debate." *New England Journal of Medicine* 375, no. 22 (2016): 2115-2117.

Stefan Huber and Odilo W. Huber. "The centrality of religiosity scale (CRS)." *Religions* 3, no. 3 (2012) : 710-724

Stephen Joseph and Deborah DiDuca. "The Dimensions of Religiosity Scale: 20-item self-report measure of religious preoccupation, guidance, conviction, and emotional involvement." *Mental Health, Religion and Culture* 10, no. 6 (2007) : 603-608.

Stephen W. Hwang and Tom Burns. "Health interventions for people who are homeless." *The Lancet* 384, no. 9953 (2014) : 1541-1547.

- Stephen W. Hwang, "Homelessness and health." *Cmaj* 164, no. 2 (2001) : 229-233.
- Steven Eric Krauss, A. Hj Hamzah, T. Suandi, S. M. Noah, K. A. Mastor, R. Juhari, and J. Manap. "The Muslim Religiosity-Personality Measurement Inventory (MRPI)'s Religiosity Measurement Model: Towards Filling the Gaps in Religiosity Research on Muslims." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 13, no. 2 (2005) : 131-145.
- Steven Eric Krauss, Azimi Hj Hamzah, et.al, "The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI) : Towards understanding differences in the Islamic religiosity among the Malaysian youth." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 13, no. 2 (2005) : 173-186.
- Suddin Lada, Geoffrey Harvey Tanakinjal, and Hanudin Amin. "Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action." *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 2, no. 1 (2009): 66-76.
- Sulistyo Prabowo, Azmawani Abd Rahman, Suhaimi Ab Rahman, Asnarulkhadi Abu Samah, "Revealing factors hindering halal certification in East Kalimantan Indonesia", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 6 Issue: 2 (2015) : 268-291.
- Suzanah Abdul Rahman, Muhammad Muzaffar Ali Khan Khattak, and Najibatul Rusyda Mansor. "Determinants of food choice among adults in an urban community: A highlight on risk perception." *Nutrition & Food Science* 43, no. 5 (2013) : 413-421.
- Syazwani Drani, Azlinda Azman, and Paramjit Singh Jamir Singh. "Pengetahuan gelandangan terhadap peranan dan keperluan pekerja sosial." *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 15, no. 2 (2019).
- Syed Faheem Hasan Bukhari, Frances M. Woodside, Rumman Hassan, Ayesha Latif Shaikh, Saima Hussain, and Waqas Mazhar. "Is religiosity an important consideration in Muslim consumer behavior: Exploratory study in the context of western imported food in Pakistan." *Journal of Islamic Marketing* (2019).
- Syed Shah Alam and Nazura Mohamed Sayuti. "Applying the Theory of Planned Behavior (TPB) in halal food purchasing." *International Journal of Commerce and Management* 21, no. 1 (2011) : 11
- Syed Shah Alam, Rohani Mohd, Badrul Hisham, "Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 2 Issue: 1 (2011) : 93.
- Thomas J. Madden, Pamela Scholder Ellen, and Icek Ajzen. "A comparison of the theory of planned behavior and the theory of reasoned action." *Personality and social psychology Bulletin* 18, no. 1 (1992) : 3-5.
- Thomas Main, "How to think about homelessness: Balancing structural and individual causes." *Journal of social distress and the homeless* 7, no. 1 (1998) : 41-54.
- Tim Aubry, Arnaud Duhoux, Fran Kłodawsky, John Ecker, and Elizabeth Hay. "A longitudinal study of predictors of housing stability, housing quality, and mental health functioning among single homeless individuals staying in emergency

- shelters." *American journal of community psychology* 58, no. 1-2 (2016) : 123-135.
- Tran Duc Anh Ly, Youssoupha Touré, Clément Calloix, Sékéné Badiaga, Didier Raoult, Hervé Tissot-Dupont, Philippe Brouqui, and Philippe Gautret. "Changing demographics and prevalence of body lice among homeless persons, Marseille, France." *Emerging infectious diseases* 23, no. 11 (2017) : 1894.
- Tuba Bircan, Ingrid Schockaert, and Ides Nicaise. "More Than a Roof: A Statistical Profile of Homeless People in Belgium." *European Journal of Homelessness* 12, no. 2 (2018) : 35-57.
- Volker Busch-Geertsema, "Defining and measuring homelessness." *Homelessness Research in Europe: Festschrift for Bill Edgar and Joe Doherty* (2010) : 19-39.
- W. H. Martens, "A review of physical and mental health in homeless persons." *Public health reviews* 29, no. 1 (2001) : 13-33.
- Wan Rusni Binti Wan Ismail, Mohhidin Othman, Russly Abdul Rahman, Nitty Hirawaty Kamarulzaman, and Suhaimi Ab Rahman. "Halal Malaysia Logo or Brand: The Hidden Gap." *Procedia Economics and Finance* 37 (2016): 254-261.
- Wee Yu Ghee and Raja Norliana Binti Raja Omar. "Homelessness In Malaysia: Victims Of Circumstance Or By Choice?." *Asian Journal For Poverty Studies (AJPS)* 1, no. 1 (2015).
- Yani, et al. Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: a qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences* 1, no. 1, (2016) : 50-52.
- Yeoh Seng-Guan."The World Class City, the homeless and soup kitchens in Kuala Lumpur." *Current Sociology* (2017).
- Yuhanis Abdul Aziz and Nyen Vui Chok. "The role of Halal awareness, Halal certification, and marketing components in determining Halal purchase intention among non-Muslims in Malaysia: A structural equation modeling approach." *Journal of International Food & Agribusiness Marketing* 25, no. 1 (2013): 1-23.
- Yunusa Olufadi, "Muslim Daily Religiosity Assessment Scale (MUDRAS): A new instrument for Muslim religiosity research and practice." *Psychology of Religion and Spirituality* 9, no. 2 (2017): 165.
- Z. Hussin, "Research Monograph: Addressing homelessness Issues in Malaysia." (2016)
- Z. Zakaria, MD Abdul Majid, Z. Ahmad, Z. Jusoh, and N. Z. Zakaria. "Influence Of Halal Certification On Customers'purchase Intention." *Journal of Fundamental and Applied Sciences* 9, no. 5S (2017): 783.
- Zakaria Stapa. "Akhlak Islam dan Gaya Hidup Muslim Semasa: Analisis Konsep dan Agenda Bertindak." *Jurnal Yadim.* (Jun,2002) : 51-65.
- Zawanah Muhammad, Munir Md Salleh, and Abdul Muhaimin Mahmood. "Halal: Antara tuntutan agama dan strategi ekonomi." In *Seminar Pentadbiran Hal-Ehwal*

*Islami Di Malaysia: Cabaran Semasa Dan Perancangan Masa Depan*, (2008) : 1-29.

Zulkiple Abd Ghani and Nor Salimah Binti Abu Mansor. "Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali." *Unpublished article*. Universiti Teknologi Malaysia (2006).

#### LAMAN SESAWANG

“gelandangan gereja”, laman sesawang malaysiadateline, dicapai 25 Disember 2017,  
<https://malaysiadateline.com/orang-melayu-kita-ramai-makan-di-gereja-adu-gelandangan-kuala-lumpur/>

Maiwp, “maiwp bantu gelandangan”, laman sesawang Google Search, dicapai 21 Januari 2018,  
<http://www.maiwp.gov.my/i/images/maiwp/laporantahunan/laporan2014.pdf>

“makanan gelandangan”, laman sesawang The Malay Mail Online, dicapai 25 Disember 2017,  
<http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/gelandangan-malas-jika-makan-pakai-percuma-setiap-hari-kata-menteri>

“statistic etnik melayu 2017”, dicapai 3 Disember 2017,  
<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=SzVuRjlV3JsUXUyOSzCtQyNEVGQT09>